
Novel Sejarah Islam

Abdul Latip Talib

"Wahai Sultan Murad (ayahanda Muhammad al-Fateh), bukan Tuanku yang membebaskan kota Konstantinopel, tetapi anak yang di dalam buaian itu (Muhammad al-Fateh)
- Syeikh Syamsuddin Al Wali



Sultan Muhammad Al-FATEH

Penakluk Konstantinopel

Pendahuluan

Di dataran tinggi Mongolia dan Cina Utara, terdapat suku Al Ghizz yang mendiami kawasan tersebut. Mereka dikenali sebagai bangsa Turki kerana bertutur dalam bahasa Turki yang berasal daripada rumpun bahasa Ural-Altaic. Pada abad ke-6 Masihi mereka berhijrah ke Asia Tengah kerana diancam oleh bangsa Mongol. Mereka mencari penempatan baru yang lebih selamat.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khatab, tentera Islam yang dipimpin oleh Abdul Rahman bin Rabiah sampai ke kawasan yang didiami oleh bangsa Turki. Dalam satu pertemuan dengan raja Turki yang bernama Syahr Baraz, Abdul Rahman menawarkan dua pilihan sama ada berdamai ataupun berperang. Syahr Baraz memilih berdamai lalu mereka memeluk agama Islam. Kemudian orang-orang Turki itu membantu tentera Islam menawan Armenia dan turut menyebarkan Islam di wilayah tersebut.

Semasa pemerintahan Muawiyah bin Abu Sufian, orang-orang Turki membantu tentera Islam menawan Bukhara dan Samarkand. Orang-orang Turki terus memainkan peranan yang penting sehingga kepada zaman pemerintahan Bani Abbasiyah. Ketika itu orang-orang Turki sudah memegang jawatan penting dalam tentera dan politik.

Apabila berlaku perselisihan antara Khalifah Abbasiyah di Baghdad dengan Khalifah Fatimiyah di Mesir, terbentuk kerajaan

Saljuk yang meliputi wilayah Khurasan, Turkistan, Iran, Irak, Syam, dan Asia Tengah. Tetapi akhirnya kerajaan Saljuk dikalahkan oleh tentera Mongol di bawah pimpinan Jengis Khan.

Sejarah kerajaan Usmaniah bermula pada abad ke 13 apabila Ertoghul memimpin satu kabilah Turki melarikan diri daripada tentera Mongol hingga sampai ke Anatolia. Ketika itu terdapat dua kerajaan yang bermusuhan iaitu kerajaan Romawi di Byzantium dan Dinasti Saljuk di Iconium yang diperintah oleh Sultan Alauddin.

Apabila berlaku peperangan antara Romawi dengan Dinasti Saljuk, Ertoghul menyebelahi Sultan Saljuk dan mereka berjaya mengalahkan tentera Romawi. Sebagai membalas budi Sultan Alauddin memberikan sebuah wilayah di sebelah barat Anatolia yang bersempadan dengan Romawi bagi diperintah oleh Ertoghul. Pemerintahannya semakin luas apabila berjaya menakluk kawasan di sekitarnya.

Pada tahun 1288 Ertoghul mangkat lalu digantikan oleh puteranya bernama Usman. Daripada nama inilah wujudnya Daulah Usmaniah ataupun kerajaan Usmaniah. Baginda telah meluaskan lagi kawasan pemerintahannya dengan menawan kawasan-kawasan yang berhampiran. Sultan Alauddin membenarkan tindakan Sultan Usman itu.

Pada tahun 1300 kerajaan Dinasti Saljuk dijatuhkan oleh Mongol sekali lagi dan Sultan Alauddin mangkat menyebabkan jajahan takluknya berbecah belah. Sultan Usman berusaha menyatukan semula wilayah-wilayah Turki. Sebelum mangkat baginda sempat meluaskan kawasan takluknya hingga sampai ke Bursa.

Pada tahun 1326 Sultan Usman mangkat lalu diganti oleh puteranya bernama Sultan Orhan Ghazi. Baginda menjadikan Bursa sebagai ibu kotanya. Sultan Orhan Ghazi berjaya memperkasakan kerajaan Usmaniah. Selama 20 tahun memerintah

Ourkhan baginda berjaya meluaskan jajahan takluknya hingga ke Nicomedia, Nice dan beberapa negeri Asia. Baginda juga mengukuhkan pemerintahannya dengan membentuk angkatan bersenjata yang dinamakan Yennisari.

Apabila Sultan Orhan Ghazi mangkat, kerajan Usmaniah diperintah oleh Sultan Murad (1359 -1389). Baginda berjaya menawan Adranah (1361), Sofia (1383), dan Kosovo 1389. Sultan Murad juga memindahkan pusat pemerintahannya ke Edirne.

Selepas Sultan Murad mangkat, baginda diganti oleh Sultan Beyazid (1393-1403). Baginda meluaskan lagi pemerintahannya dengan menawan Bulgaria, Perancis dan Jerman pada tahun 1393.

Selepas itu bermulalah usaha bagi menawan Konstantinopel. Kota ini menjadi kebanggaan kerajaan Rom kerana kedudukannya yang strategik antara Eropah dengan Asia. Kerana itu Napoleon Bonaparte pernah berkata, "Sekiranya aku menguasai Konstantinopel maka mudahlah aku menguasai dunia."

Sejarah Konstantinopel bermula apabila Maharaja Konstantine memindahkan ibu kotanya dari Rom ke Konstantinopel pada tahun 330 Masihi. Ekoran daripada itu pada tahun 1054 kerajaan Rom berpecah dua, satu di Rom yang dikenali bermazhab Kristian Roman Katolik dan satu lagi di Konstantinopel bermazhab Ortodoks.

Kerajaan Rom Timur ini meliputi negeri-negeri di tenggara Eropah, Asia Kecil, Syria, Palestin, Mesir, pulau-pulau di Mediterranean dan pulau-pulau di Corsica dan Sicily. Ketika itu Konstantinopel menjadi tumpuan pedagang dari seluruh pelusuk dunia. Pedagang dari pantai Laut Hitam membawa bulu binatang, dari Caucasus pula mereka membawa gandum, garam, arak, dan hamba abdi. Dari Itali pula mereka membawa rempah ratus, batu berlian, sutera dan buah-buahan segar.

Mereka juga membina gereja Aya Sophia, satu bentuk bangunan yang paling luar biasa cantiknya kerana belum pernah dilihat oleh manusia. Bumbungnya seperti tergantung. Bangunan itu dihiasai dengan batu-batu berwarna emas, perak dan permata. Lukisan pada dinding dan syilingnya begitu indah sekali.

Kerajaan Byzantium sering mengancam perkembangan Islam. Nabi Muhammad SAW pernah mengutus surat kepada Maharaja Rom tetapi surat itu dikoyakkannya sehingga baginda berdoa semoga kerajaan Rom dikoyak-koyakkan oleh tentera Islam.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, "Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawah komandonya adalah sebaik-baik pasukan." (H.R. Ahmad bin Hanbal Al-Musnad 4/335).

Kerana itu usaha menakluk Konstantinopel dimulakan oleh Saidina Ali pada tahun 34 Hijrah. Muawiyah bin Abu Sufian pada tahun 84 Hijrah. Sultan Sulaiman pada tahun 91 Hijrah, Khalifah Harun al-Rasyid pada tahun 165 Hijrah. Sultan Beyazid pada tahun 1391, 1397 dan 1400 tetapi semuanya menemui kegagalan. Akhirnya pada 20 Jamadil Awal tahun 857 Hijrah bersamaan 29hb Mei 1435 Masihi barulah kota Konstantinopel berjaya ditawan oleh Sultan Muhammad al-Fateh.

Sebelum itu Sultan Beyazid cuba menawan kota Konstantinopel sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1391, 1397 dan 1400 namun usahanya gagal. Pada tahun 1402 terjadi pertempuran antara 200,00 tentera Mongolia yang dipimpin oleh Timurlime dengan 80,000 tentera Usmaniah yang dipimpin oleh Sultan Beyazid. Pertempuran sengit itu berlaku di Ankara yang berkesudahan tentera Usmaniah mengalami kekalahan manakala Sultan Beyazid menjadi tawanan, dikurung dalam sangkar besi lalu diarak ke sana ke mari oleh tentera Monggol. Akhirnya Sultan Beyazid mangkat selepas menderita selama tujuh bulan dalam kurungan itu.

Sultan Bezayid digantikan oleh anaknya Sultan Sulaiman (1403-1411). Sultan Musa (1411-1413) dan Sultan Mehmed Halabi (1413-1421.) Dan seterusnya digantikan oleh Sultan Murad 11, ayahanda Sultan Muhammad al-Fateh.

Sultan Muhammad al-Fateh dilahirkan pada 27 Rejab 835 Hijrah bersamaan 29 Mac 1432 M dan mangkat pada 3 Mei 1481. Ketika berumur 19 tahun beliau menaiki takhta menggantikan ayahnya Sultan Murad. Baginda menjadikan Adrianopel (Adana) pusat pemerintahan dan ibu kotanya bagi memudahkan cita-citanya menawan Konstantinopel. Dan ketika berusia 21 tahun Sultan Muhammad al-Fateh berjaya menakluk Konstantinopel pada 29 Mei 1453 bersamaan 20 Jamadil Awal 857 Hijrah.

Kota Konstantinopel yang kini dinamakan Istanbul (Islam keseluruhannya), terletak di sempadan antara benua Eropah dengan Asia. Ia dihubungkan oleh Selat Bosphorus. Sebelum itu kota Konstantinopel pernah cuba ditakluk oleh bangsa Gothik, Parsi, Bulgaria, dan Rusia tetapi tidak berjaya. Umat Islam berusaha menawan kota tersebut kerana percaya dengan hadis Rasulullah SAW yang mengatakan Konstantinopel ditawan oleh orang Islam.

Selepas lebih 800 tahun hadis itu diucapkan oleh Rasulullah SAW barulah menjadi kenyataan. Seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Abu Ayub al-Anshari gugur syahid lalu dikebumikan di sisi benteng Konstantinopel.

Sultan Muhammad al-Fateh sejak di dalam buaian lagi sudah diisyaratkan bakal mencipta sejarah oleh seorang alim, Syeikh Syamsuddin al-Wali. Beliau pernah berkata kepada Sultan Murad (ayahanda kepada Muhammad al-Fateh), "Wahai Sultan Murad, bukan tuanku yang akan membebaskan kota Konstantinopel, tetapi anak yang di dalam buaian itu," sambil menunjuk kepada Muhammad al-Fateh yang masih di dalam buaian.

Sejak itu Muhammad al-Fateh dilatih hidup sederhana, dididik


dengan ilmu agama dan ilmu peperangan. Baginda membesar sebagai pemuda yang tampan. Bentuk badannya tegap, kuat dan tinggi. Pipinya putih kemerah-merahan dan hidungnya mancung.

Baginda mula menaiki takhta ketika umurnya 19 tahun. Di kala itu baginda sudah begitu arif dengan tipu-helah musuh. Pernah Maharaja Konstantinopel mengirim guru-guru terbaik bagi mendidiknya mengenai adab dan adat istiadat kehidupan raja-raja, tetapi baginda menolaknya lalu menyuruh guru-guru tersebut pulang.

Kemudian baginda membina benteng yang dinamakan Rumeli Hisarri yang bermaksud benteng orang-orang Rom. Baginda sendiri membuka baju dan serbannya, mengangkat batu dan pasir hingga ulama-ulama dan menteri-menteri terpaksa ikut serta.

Sultan Muhammad al-Fateh menukar nama kota Konstantinopel kepada Istanbul lalu menjadikan ibu kotanya. Kemudian baginda menakluk Serbia pada tahun 1460 dan Bosnia pada tahun 1462. Seterusnya Sultan Muhammad al-Fateh menakluk Italia, Hungary dan Jerman. Ketika berada di kemuncak kegemilangannya, Sultan Muhammad al-Fateh memerintah 25 buah negeri. Kemudian baginda membuat persiapan menakluk Rhodesia tetapi mangkat kerana diracun oleh seorang Yahudi bernama Maesto Jakopa.

Sultan Muhammad al-Fateh yang dilahirkan pada 29 Mac 1432 itu mangkat pada 3 Mei 1481 ketika berusia 49 tahun.



PETA KONSTANTINOPEL SEMASA BERADA DI BAWAH KUASA EMPAYAR ROM



Dedikasi ini saya tujukan kepada Puan Ainon Mohd dan Cik Norashikin Wahid yang telah memberikan kerjasama sehingga novel ini berjaya diterbitkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada isteri saya, Tengku Nazirah Tengku Alias, anak-anak, Muhamad Shukri, Muhamad Shakirin dan Nor Faizin kerana memberi sokongan.

Limpahan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya novel ini berjaya dihasilkan. Selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.



1



Firasat Seorang Ulama

"...kalaulah dunia ini sebuah negara, maka Konstantinopel inilah yang paling layak menjadi ibu negaranya!"

- Napoleon Bonaparte

"Kota Konstantinopel hanya jatuh ke tangan seorang ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik. Begitu maksud sebuah hadis yang pernah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW," kata Syeikh Bayram semasa mengajar ilmu hadis di Masjid Yeldrim Beyazid Kulliyesi selepas sembahyang Subuh.

Masjid yang terletak di Bursa itu didirikan oleh Sultan Beyazid yang mendapat gelaran Yeldrim kerana keberanian dan ketangkasannya semasa berperang dengan tentera Salib di Sungai Danube. Ketika itu kubu tentera Islam di Nighbolou dikepung oleh tentera Salib. Sultan Beyazid berjaya menyusup ke kubu itu tanpa disedari oleh musuhnya. Sultan Beyazid berusaha menawan Konstantinopel sebanyak tiga kali namun tidak berjaya. Pada kali yang ketiga baginda hampir berjaya menaklukinya namun terpaksa mengundurkan tenteranya apabila tentera Monggol di bawah pimpinan Timurlime menyerang negaranya.

Sultan Murad selalu datang ke masjid itu bagi mendengar kuliah yang disampaikan oleh Syeikh Bayram. Kata-kata yang diucapkan oleh ulama terbilang itu begitu berkesan di hati Sultan Murad. Lama baginda termenung memikirkannya. Usaha menakluk kota Konstantinopel yang menjadi kemegahan umat Kristian itu sudah berulang kali dilakukan oleh pemerintah Islam namun semuanya berakhir dengan kegagalan.

Saidina Ali bin Abi Talib, Khalifah ar-Rasyidin yang ke-4 sudah mencubanya pada tahun ke-34 hijrah. Tetapi tidak berjaya menawannya. Ramai tentera Islam yang syahid sehingga Saidina Ali terpaksa melupakannya. Tambahan pula ketika itu berlaku perpecahan di kalangan umat Islam.

Kemudian pada tahun ke-84 hijrah, Muawiyah pula cuba menaklukinya namun tidak berjaya juga. Usaha itu diteruskan oleh Sultan Sulaiman Abdul Malik pada tahun ke-91 hijrah. Namun masih gagal menembusi kota yang kukuh itu. Kemudian Khalifah

Harun al-Rasyid cuba menaklukinya pada tahun ke-165 hijrah dan akhir sekali Sultan Murad sendiri cuba menaklukinya pada tahun ke-825 hijrah namun semuanya berakhir dengan kegagalan.

Sultan Murad tertanya-tanya. Bilakah hadis itu menjadi kenyataan? Baginda selalu berharap supaya Konstantinopel dapat ditakluki pada zaman pemerintahannya. Baginda sudah mencubanya tetapi gagal juga. Namun baginda tidak berputus asa. Persiapan terus dibuat bagi menakluk kota Konstantinopel. Namun kata-kata Syeikh Bayram itu benar-benar menyentuh perasaannya. Sebab itu apabila majlis ilmu itu selesai, Sultan Murad bertemu dengan Syeikh Bayram bagi mendapatkan penjelasan.

"Sudah hampir 800 tahun Nabi Muhammad SAW menuturkan hadis itu namun masih belum menjadi kenyataan. Apakah selama ini tidak ada ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik di negara-negara Islam?" Sultan Murad mengemukakan persoalan yang sekian lama terpendam dalam hatinya.

Ulama terbilang itu menundukkan kepalanya apabila dia mendengar pertanyaan daripada Sultan Murad yang sangat dihormatinya itu. Dia berasa amat terharu kerana baginda sanggup datang ke majlis ilmu yang disampaikannya. Sekiranya baginda mahu, baginda boleh sahaja menjemput ulama-ulama terbilang datang ke istana. Namun Sultan Murad lebih suka datang sendiri ke masjid bagi menimba ilmu agama.

"Apakah pada zaman pemerintahan Khalifah ar-Rasyidin, Bani Umaiyah dan Bani Abasiyah tidak ada pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik?" tanya Sultan Murad lagi.

Syeikh Bayram tersenyum lalu bersuara lembut tetapi berkesan kepada yang mendengarnya, "Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW bukan seorang ahli nujum dan bukan juga seorang tukang tilik. Namun apa yang disabdakannya pasti benar berlaku kerana baginda mendapat wahyu daripada Ilahi."

Kemudian dia berkata lagi, "Ingatkah tuanku apa yang berlaku ketika baginda bersama-sama orang ramai menggali parit sebagai persiapan menghadapi Perang Khandaq ataupun Perang al-Ahzab yang berlaku pada tahun ke-5 hijrah?"

"Tuan pernah menceritakannya. Tetapi ada baiknya tuan mengulanginya sekali lagi supaya terpahat kukuh dalam ingatan saya," jawab Sultan Murad.

"Dinamakan Perang al-Ahzab yang bererti gabungan kerana beberapa kumpulan musuh bergabung bagi memerangi orang-orang Islam di Madinah. Mereka termasuk kaum Yahudi, Musyrikin Mekah dan beberapa kabilah Arab yang belum Islam. Perang itu juga dinamakan Perang Khandaq ataupun parit kerana Nabi Muhammad SAW dan orang-orang Islam menggali parit di sekeliling kota Madinah bagi menghadapi serangan musuh. Panjang parit yang digali itu kira-kira 5,000 hasta, dalamnya 10 hasta dan lebarnya 9 hasta. Dengan adanya parit itu menyebabkan musuh tersekat dan tidak dapat menyeberanginya."

"Wahai tuan, apa kaitan kisah itu dengan perkara yang sedang kita bincangkan tadi?" tanya Sultan Murad pula.

"Semasa mereka sedang menggali parit, mereka terjumpa sebuah batu besar. Orang ramai cuba memecahkannya tetapi tidak berdaya. Kemudian Nabi Muhammad SAW mengambil penukul, baginda berdoa lalu memukul batu itu. Pada pukulan pertama kelihatan percikan api dan batu itu pecah separuh. Pada pukulan kedua kelihatan lagi percikan api dan batu itu pecah semuanya. Kemudian baginda bersabda yang bermaksud, "*Pada pukulan pertama, aku melihat gedung dan istana-istana kisra di Hirah (Parsi). Pada pukulan kedua, aku melihat istana-istana merah di Romawi (Rom). Sesungguhnya umatku pasti mengalahkan mereka.*"

Sultan Murad menumpukan sepenuh perhatian pada kata-kata yang diucapkan oleh Syeikh Bayram itu.

Menurut ulama terbilang itu lagi, "Hadis itu terbukti kebenarannya apabila akhirnya dua kuasa besar itu dapat dikalahkan oleh tentera Islam. Parsi dikalahkan semasa pemerintahan Saidina Abu Bakar dan Rom dikalahkan semasa pemerintahan Saidina Umar."

Sultan Murad menganggukkan kepalanya membenarkan kata-kata Syeikh Bayram.

"Tuanku masih ingat kisah seorang lelaki bernama Awis al-Qarni?" tanya Syeikh Bayram.

"Ya, tuan pernah ceritakannya dalam majlis ilmu," jawab Sultan Murad.

"Nabi Muhammad SAW mengatakan Awis al-Qarni berasal dari Yaman. Baginda berpesan kepada Abu Bakar dan Umar supaya mencari lelaki itu kerana doanya makbul. Selepas baginda wafat, setiap kali musim haji, Abu Bakar dan Umar menunggu kedatangan jemaah haji dari Yaman bagi mencari seorang lelaki seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Selepas beberapa tahun berlalu namun orang yang dicari masih belum ditemui. Namun mereka berdua yakin hadis Rasulullah SAW itu benar dan mereka tidak berputus asa mencarinya. Pada tahun ke-11 ataupun selepas berusaha mencarinya selama 11 tahun barulah lelaki itu ditemui," kata Syeikh Bayram dengan panjang lebar.

"*Subhanallah,* maha suci Allah," ucap Sultan Murad.

"Sebab itu kita mesti yakin apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW itu semuanya benar belaka," tekan ulama terbilang itu.

"Saya juga yakin kebenaran hadis itu. Sesungguhnya apa yang diucapkan oleh Rasulullah SAW semuanya benar," kata Sultan Murad pula.

"Begitu juga dengan penaklukan kota Konstantinopel. Suatu hari nanti pasti terbukti kebenaran hadis itu," kata Syeikh Bayram

bersungguh-sungguh.

"Bilakah ia terjadi? Saya tidak sabar hendak melihat kejatuhan kota Konstantinopel." Sultan Murad berwajah serius.

"Nabi Muhammad SAW mengatakan kota Konstantinopel hanya dapat ditawan apabila wujudnya sebuah pemerintahan yang ketuanya baik, tenteranya baik dan rakyatnya baik," jawab Syeikh Bayram.

"Pada zaman pemerintahan khalifah ar-Rasyidin, Bani Umaiyah dan Bani Abasiyah, tidak adakah pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik?" tanya Sultan Murad pula.

Syeikh Bayram terdiam seolah-olah enggan menjawab pertanyaan itu. Tambahan pula dia memang tidak mahu memburuk-burukkan pemerintah Islam dulu-dulu. Dia tahu bagaimana kelakuan khalifah pada zaman pemerintahan Bani Umaiyah, Bani Abasiyah dan Sultan Saljuk. Tetapi apalah gunanya didedahkan peristiwa itu kerana mereka sudah tiada lagi di dunia ini.

"Wahai tuan," kata Sultan Murad, "Saya membuat persediaan menyerang kota Konstantinopel. Saya mahu pastikan kota Konstantinopel dapat ditawan semasa saya masih hidup."

"Tuanku sudah mencubanya pada tahun 825 hijrah yang lalu tetapi tidak berjaya. Sebelum tuanku, Sultan Beyazid juga mencubanya namun tidak berjaya juga. Sebelum itu Khalifah Harun al-Rasyid, Sultan Sulaiman Abdul Malik, Muawiyah dan Saidina Ali pernah cuba menaklukinya tetapi semuanya gagal." Syeikh Bayram mengenang semula usaha-usaha yang pernah dilakukan oleh pemerintah Islam bagi menakluk Konstantinopel.

"Kota itu memang kukuh dan kuat pertahanannya. Namun saya tidak berputus asa menaklukinya." Demikian tekad Sultan Murad.

"Wahai tuanku," balas Syeikh Bayram pula, "Tuanku memang

seorang pemimpin yang baik. Tetapi sekiranya mahu berjaya menawan kota Konstantinopel, tuanku pastikan dahulu tentera dan rakyat tuanku juga baik. Apabila pemimpin baik, tentera baik dan rakyat baik barulah hadis Rasulullah SAW itu menjadi kenyataan."

Sultan Murad nampak seperti terkejut mendengarnya. Tetapi selepas berfikir sejenak barulah baginda mengakui kebenaran kata-kata lelaki yang terkenal dengan sifat solehnya itu. Kemudian baginda berkata, "Tuan seorang yang alim kerana itu doa tuan mudah dimakbulkan Tuhan. Berdoalah supaya kota Konstantinopel berjaya kami tawan. Semoga hadis itu berlaku pada zaman pemerintahan saya."

Mendengar kata-kata itu, Syeikh Bayram mendiamkan diri seperti sedang bertafakur. Kemudian dia bersuara, "Mengikut firasat saya yang dikurniakan oleh Tuhan, bukan tuanku yang menawan Konstantinopel tetapi putera tuanku."

Sultan Murad tersentak mendengarnya lalu berkata, "Saya tidak mempunyai putera. Mungkin firasat tuan tidak tepat ataupun sekadar bergurau."

"Bersyukurlah kepada Tuhan kerana tuanku bakal mendapat seorang putera yang baik seperti yang dimaksudkan dengan hadis Rasulullah SAW."

"Apa maksud tuan?" Sultan Murad berasa amat hairan.

"Permaisuri tuanku sedang mengandungkan seorang putera. Berilah didikan yang sempurna kepadanya selepas dia dilahirkan nanti."

Bagi membuktikan kebenaran kata-kata ulama itu, Sultan Murad pulang ke istana lalu bertanya kepada permaisurinya, apakah benar baginda sedang mengandung.

"Sudah tiga bulan adinda tidak datang bulan. Itu petanda

adinda sedang mengandung," jawab permaisurinya.

Alangkah gembiranya hati Sultan Murad mendengar jawapan itu. Baginda menyuruh pembantunya menjemput Syeikh Bayram datang ke istana. Selepas ulama itu datang, Sultan Murad memeluknya sambil mengucapkan rasa syukur.

"Memang benar seperti apa yang tuan firasatkan. Isteri saya sedang mengandung tiga bulan, semoga kami mendapat seorang putera," katanya.

"Insya-Allah tuanku bakal mendapat seorang putera. Namun semuanya itu dengan kehendak Tuhan juga."

Sultan Murad kagum dengan kelebihan ilmu firasat yang dimiliki oleh Sheikh Bayram. Tambahan pula dia memang terkenal sebagai pakar rujuk mengenai masalah agama. Dia bukan sahaja hafal al-Quran tetapi juga beribu-ribu hadis tersimpan dalam ingatannya.

"Saya perlukan khidmat orang seperti tuan. Mulai hari ini saya lantik tuan menjadi penasihat saya. Bantulah saya bagi menjadikan negara ini dipimpin oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik."

Dengan senang hati Syeikh Bayram menerima tawaran itu. Bermula pada hari itu dia semakin rapat dengan Sultan Murad. Baginda selalu merujuk pada ulama itu dalam sesuatu perkara terutama yang berkaitan dengan hukum agama.

2

Lahirnya Seorang Pahlawan

Sultan Muhammad al-Fateh sejak di dalam buaian lagi sudah diisyaratkan bakal mencipta sejarah oleh seorang alim, Syeikh Syamsuddin al-Wali. Beliau pernah berkata kepada Sultan Murad (ayahanda Muhammad al-Fateh),

"Wahai Sultan Murad, bukan Tuanku yang akan membebaskan kota Konstantinopel, tetapi anak yang di dalam buaian itu," sambil menunjuk Sultan Muhammad al-Fateh yang masih di dalam buaian.

Malam itu bulan purnama bersinar terang menjadikan malam kelihatan indah dan bercahaya. Namun di istana Sultan Murad suasana diselubungi rasa cemas. Panglima Tharhan sejak dari tadi kelihatan runsing, berjalan ke sana-sini sambil kedua-dua tangannya disilang ke belakang. Sultan Murad juga tidak kurang hebat debaran di hatinya. Malah sekiranya ditimbang kadar debaran yang meledak dalam benak, sudah tentu tahap debaran Sultan Murad lebih kuat kerana debaran menanti kelahiran zuriatnya. Sudah sekian lama baginda menunggu saat itu baru kini menjadi kenyataan.

"Berdoalah semoga kakanda mendapat seorang putera. Adinda tahu mengapa kakanda begitu mengharapkannya." Sultan Murad bersuara lembut seakan berbisik kepada adindanya, Panglima Tharhan.

"Kakanda memerlukan seorang putera bagi menerajui kepimpinan negara ini suatu hari nanti. Sebab itu saya juga selalu berdoa semoga bayi yang lahir nanti seorang putera," balas Panglima Tharhan pula.

Sultan Murad senang hati mendengar kata-kata adindanya itu. Baginda dengan Panglima Tharhan adalah adik-beradik yang paling akrab. Sebab itu dia dilantik menjadi ketua panglima tentera. Segala urusan pentadbiran negara diterajui oleh Sultan Murad manakala urusan ketenteraan diserahkan kepada adindanya, Panglima Tharhan.

"Kakanda berdoa semoga Tuhan mengurniakan seorang putera yang cerdas akalnya, petah pertuturannya serta memiliki sifat-sifat seorang pahlawan. Negara kita memerlukan pemimpin seperti itu," kata Sultan Murad.

"Benar kata kakanda," balas Panglima Tharhan. "Kita memerlukan seorang pemimpin seperti Salahudin al-Ayubi yang berjaya menakluk Baitulmuqaddis. Dan sekarang kita perlukan seorang

lelaki yang gagah berani bagi menakluk Konstantinopel."

"Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, kota Konstantinopel jatuh ke tangan ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik. Bilakah agaknya saat itu datang?"

"Percubaan menakluk Konstantinopel sudah bermula semenjak kerajaan Khalifah ar-Rasyidin. Kemudian dilanjutkan oleh Bani Umaiyah dan Bani Abasiyah. Tetapi semuanya gagal. Sekarang giliran kerajaan Usmaniah pula. Dan kita sudah cuba menawan kota Konstantinopel tetapi masih gagal. Mungkin kita ini belum menepati seperti yang disabdakan oleh baginda Rasulullah."

"Sebab itu kakanda berdoa semoga isteri kakanda melahirkan seorang putera yang berani dan adil seperti Saidina Umar, gagah perkasa seperti Khalid al-Walid dan bijaksana seperti Salahuddin al-Ayubi."

"Semoga diperkenan Allah doa-doa kita." Panglima Tharhan cuba memberi keyakinan sambil tangannya menepuk-nepuk bahu kakandanya Sultan Murad.

"Tetapi... bagaimana sekiranya yang lahir nanti seorang puteri?" tanya Panglima Tharhan pula.

"Segala-galanya atas kehendak Allah. Sekiranya itu ketentuan-Nya, kita perlu reda, pasti ada hikmah yang tersembunyi."

"Tetapi...."

"Usah banyak bicara lagi wahai adindaku kerana itu boleh menggugah keyakinan dan kepercayaan kita kepada al-Khaliq. Yakinlah Allah maha pengasih dan maha bijaksana. Dia pasti mendengar apa yang kita doakan kepada-Nya."

"Benar katamu, kakandaku," kata Panglima Tharhan lalu tersenyum.

"Kakanda hendak membaca kitab suci al-Quran semoga jiwa

kakanda menjadi tenang di saat-saat begini," kata Sultan Murad.

"Itulah yang sebaiknya," balas Panglima Tharhan. "Kakanda pergilah bermujahadah dengan Tuhan, biar saya yang menunggu di sini. Apabila kakanda permaisuri selamat melahirkan nanti saya beritahu kakanda."

Sultan Murad masuk ke sebuah bilik khas yang digunakan bagi beramal ibadat. Di situlah selalunya baginda berada selepas selesai melaksanakan urusan mentadbir negara. Baginda mengambil senaskhah al-Quran lalu membacanya.

Pada masa yang sama di bilik bersalin pula Permaisuri Aishah, isteri Sultan Murad sedang bergelut kesakitan kerana hendak melahirkan zuriat suaminya. Seorang bidan berpengalaman serta dua pembantunya sedang berusaha memudahkan permaisuri itu bersalin. Permaisuri Aishah juga berharap anak yang dilahirkannya nanti seorang putera.

"Kakanda berdoa semoga anak kita seorang putera. Sebab itu marilah kita bertawakal kepada Tuhan kerana Dia yang maha berkuasa." Kata-kata suaminya sebentar tadi memberi kekuatan semangat kepadanya bagi menghadapi saat yang mencemaskan itu.

Malam itu seluruh penghuni istana berdebar menanti kelahiran zuriat seorang sultan yang disayangi rakyat. Sudah bertahun-tahun mereka menantikan saat itu dan kini mereka menunggu kelahiran itu dengan perasaan berdebar-debar. Mereka bimbang sekiranya Sultan Murad tidak mempunyai putera, berkemungkinan berlaku perebutan kuasa selepas baginda wafat. Sekiranya itu berlaku sudah tentu negara menjadi huru-hara. Sebab itu mereka mengharapkan lahirnya seorang putera.

Debaran penghuni istana akhirnya hilang apabila kedengaran tangisan seorang putera. Mereka berasa gembira sambil mengucapkan rasa syukur. Panglima Tharhan berjalan pantas bagi

menyampaikan khabar gembira itu kepada kakandanya.

"Bergembiralah wahai kakandaku kerana permaisuri selamat melahirkan seorang putera," beritahu Panglima Tharhan.

Mendengar berita yang menggembirakan itu, Sultan Murad melakukan sujud syukur. Kemudian baginda mengulang-ngulang ayat al-Quran yang baru sebentar tadi dibacanya yang bermaksud, *"Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu kemenangan yang nyata."* [*al-Fath*: 1]

"Itulah ayat yang sedang kakanda baca ketika khabar gembira itu adinda sampaikan. Kakanda tidak melupakan ayat itu," kata Sultan Murad dengan wajah gembira.

"Itu suatu petanda baik. Allah pasti memberi kemenangan kepada kita," kata Panglima Tharhan.

Sultan Murad segera menemui isterinya di bilik bersalin. Baginda menggenggam erat tangan permaisuri sambil mengucup dahinya. "Terima kasih kerana adinda sudah melahirkan seorang putera," katanya.

Kemudian Sultan Murad menggendong bayi itu lalu mengalunkan azan. Semua penghuni istana berasa sayu bercampur gembira mendengarnya. Tambahan pula suara Sultan Murad memang merdu terutama apabila baginda mengalunkan azan.

"Saya namakan anak ini Muhammad. Semoga dia mendapat berkat sempena nama junjungan kita Nabi Muhammad SAW," beritahu Sultan Murad kepada penghuni istana.

Mereka menyambut kelahiran itu dengan rasa gembira kerana bayi lelaki itu bakal menjadi pemimpin Daulah Usmaniah Turki suatu hari nanti. Sultan Murad paling gembira kerana doanya sekian lama dimakbulkan Tuhan. Bertahun-tahun lamanya baginda menanti kelahiran bayinya itu. Selepas pelbagai usaha dilakukan termasuk mendapatkan khidmat tabib yang pakar. Kini

penantiannya berakhir dengan kelahiran bayi yang comel itu.

Namun keriangan itu tidak berpanjangan kerana hatinya gusar apabila mengenangkan keadaan negara Turki yang masih belum selamat daripada ancaman musuh. Maharaja Rom sentiasa berusaha melenyapkan pemerintahan kerajaan Usmaniah di Turki. Tentera musuh yang menghimpit ternyata semakin hebat. Wilayah kekuasaan orang Islam di Timur Tengah sedang berpecah belah akibat berperang sesama sendiri hingga kekuatan dan kehebatan orang Islam tidak lagi digeruni oleh musuh. Sebab itu raja Konstantinopel mengambil kesempatan menjatuhkan kerajaan Sultan Murad. Baginda juga tidak berdiam diri. Pelbagai usaha dan cara dilakukan bagi menakluk Konstantinopel tetapi tidak berjaya. Kini kedua-duanya saling ancam-mengancam menunggu peluang menjatuhkan lawan masing-masing.

"Kakanda bersyukur kepada Tuhan yang mengurniakan anak ini. Semoga apabila dia dewasa kelak, dia menjadi pemimpin yang gagah dan berani," kata Sultan Murad meluahkan harapan.

"Saya harap pun begitu juga. Semoga anak saudara saya ini menjadi panglima perang bagi menawan Konstantinopel." Panglima Tharhan pula menadah dua tangan bermohon kepada Allah dengan harapan yang tinggi.

"Saya namakan anak ini Muhammad, bererti yang terpuji. Semoga dia hidup dalam kebaikan dan keelokan agama Islam yang suci. Atas nama Islam jualah diharap dapat memupuk semangat cintakan agama dan negara supaya dia tegar menegakkan undang-undang Islam seperti yang terkandung di dalam al-Quran."

"Tertarik saya dengan kata-katamu wahai kakandaku. Begitu juga saya meletak harapan dan memanjat doa supaya kata-kata yang terluncur dari bibirmu bisa diperkenankan Tuhan," kata Panglima Tharhan.

"Saya yakin anak ini diutus Tuhan bagi merebut Konstantinopel daripada kekuasaan Rom. Sebab itu dia dilahirkan ketika umat Islam tertindas. Kerajaan Usmaniah mengharapkan kemunculan seorang pahlawan yang mampu menebus semula maruah umat Islam," balas Sultan Murad pula.

"Kerajaan Islam Turki meskipun sudah mempunyai kerajaan sendiri namun tidak wajar kita mengabaikan kerajaan Islam yang lain. Kita perlu melindungi wilayah-wilayah Islam seperti di Baghdad, Andalusia, Mesir, Mousil, dan Damsyik. Sekarang ini tentera Rom sudah mahu melebarkan jajahan takluk dan Turki adalah sasaran utama mereka."

"Benar katamu, adindaku," Sultan Murad mula berasa mengantuk.

"Hari sudah larut malam. Marilah kita berehat seketika sebelum fajar subuh menyinsing. Dan esok selepas sembahyang Subuh, saya umumkan kepada orang ramai mengenai berita gembira ini. Dan saya menjemput orang ramai ke istana bagi kenduri akikah."

Esoknya seperti yang dirancang, Sultan Murad memberitahu orang ramai mengenai kelahiran anaknya yang diberi nama Muhammad. Mereka juga dijemput datang ke istana bagi menjamu selera. Berpuluh-puluh ekor kambing dan unta dikorbankan oleh Sultan Murad sebagai tanda kesyukuran dengan kelahiran zuriatnya.

Syeikh Bayram dan anak muridnya, Syeikh Syamsudin al-Wali turut hadir di istana Sultan Murad. Ketika kedua-duanya datang, anak kecil itu sedang tidur di dalam buaian. Syeikh Bayram dan Syeikh Syamsudin al-Wali merenung lama muka bayi yang sedang tidur nyenyak. Kemudian Syeikh Syamsudin al-Wali berkata, "Wahai Sultan Murad, menurut firasat saya bukan tuanku yang membebaskan kota Konstantinopel, tetapi anak tuanku yang di dalam buaian ini. Dia diutus oleh Tuhan bagi menjadi pemimpin

yang baik dengan pasukan tentera yang baik dan dibantu oleh rakyat yang baik."

Mendengar kata-kata ulama itu Sultan Murad berasa amat terharu sehingga mengalirkan air mata. "Saya serahkan anak ini kepada tuan supaya dididik dengan ilmu agama dan disiplin tarekat," kata Sultan Murad.

"Saya terima tanggungjawab itu kerana Allah. Selain ilmu agama anak itu juga mesti dididik dengan ilmu kepahlawanan dan peperangan," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

"Tugas itu saya serahkan kepada adik saya, Panglima Tharhan. Dia mempunyai banyak pengalaman terutama dalam ilmu peperangan," balas Sultan Murad.

"Saya juga terima tanggungjawab itu kerana Allah," kata Panglima Tharhan pula.

3



Umpan Tidak Mengena

"Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Sekiranya mereka berhenti (daripada memusuhi kamu), maka tidak ada permusuhan (lagi), kecuali terhadap orang-orang yang zalim."

-Surah *al-Baqarah*: 193

"Tuanku, ada berita buruk yang hendak saya sampaikan," kata Alexsi, Perdana Menteri Maharaja Konstantine.

"Katakan cepat apakah beritanya? Engkau membuat jantungku berdegup kencang," kata Maharaja Konstantine yang sedang bersarapan pagi.

"Permaisuri Sultan Murad sudah melahirkan seorang putera. Mereka namakannya sebagai Muhammad," kata Alexsi.

Dia tidak mahu menyebut nama Muhammad kerana nama itu selalu diagung-agungkan oleh orang-orang Islam. Sebagai musuh kaum muslimin, dia benci nama itu. Tetapi kini dia terpaksa menyebutkannya di hadapan rajanya.

Maharaja Konstantine terkejut bercampur marah apabila mendengar berita itu. Makanan yang sedang dikunyah disemburkan keluar dari mulutnya.

"Berita itu menyakitkan hatiku. Selama ini aku berdoa supaya dia tidak dikurniakan putera. Supaya selepas dia mati berlaku huru-hara dan perebutan kuasa. Dengan itu kita mudah menghancurkan mereka," kata Maharaja Konstantine.

"Jangan bimbang tuanku sebab saya sudah mengarahkan pengintip kita di Turki supaya membunuh anak itu. Semoga kita mendapat khabar gembira tidak lama lagi." Namun kata-kata Alexsi tidak memberi harapan baru kepada Maharaja Konstantine.

"Mereka pasti menjaga keselamatan putera Sultan Murad siang dan malam. Lupakan sahaja rancangan itu," kata Maharaja Konstantine.

"Apa pula rancangan tuanku?"

"Panggil Panglima Ardogan datang menghadap," katanya.

Tidak lama kemudian ketua panglima tentera Konstantinopel itu datang, lalu Maharaja Konstantine pun berkata, "Persiapkan tentera kita bagi menjatuhkan Sultan Murad."

"Tentera kita sudah bersiap-sedia, cuma menunggu perintah daripada tuanku," kata Panglima Ardogan.

"Aku tidak sabar hendak melihat kerajaan Islam Usmaniah ditumbangkan. Kita kerahkan seluruh kekuatan tentera bagi menyerang mereka." Maharaja Konstantine kelihatan begitu bersemangat.

"Boleh saya memberi pandangan, tuanku?" tanya Alexsi pula.

"Silakan…," balas Maharaja Konstantine.

"Penduduk Jenewar yang berfahaman Katolik sedang memberontak. Sekiranya kita kerahkan seluruh tentera kita berperang dengan tentera Islam, kemungkinan mereka mengambil peluang menawan kota Konstantinopel," kata Alexsi.

Kemudian katanya lagi, "Lebih baik kita amankan dulu keadaan di negeri kita. Selepas mereka yang memberontak ditangkap ataupun dibunuh baru kita lakukan serangan terhadap tentera Islam."

"Tentu mengambil masa yang lama dan kedudukan Sultan Murad semakin kuat. Kita perlu lakukan sesuatu bagi melemahkan mereka," kata Maharaja Konstantine pula.

"Saya ada suatu cadangan," kata Panglima Ardogan. "Kita hasut penduduk Pantai Anador dan Pantai Amali supaya memberontak. Kita beri mereka bantuan senjata dan latihan tentera."

"Itu suatu cadangan yang baik. Aku setuju," kata Maharaja Konstantine.

"Saya pun setuju," kata Alexsi pula.

Mereka mengatur rancangan bagi menjayakan tujuan itu.

Kemudian Maharaja Konstantine menghantar orang-orangnya ke Pulau Anador dan Pulau Amali. Mereka membawa pelbagai hadiah bagi diberikan kepada penduduk pulau itu.

"Hari ini kami datang membawa makanan dan pakaian. Esok kami bawa senjata bagi diberikan kepada kamu. Dan kami latih kamu cara-cara menggunakan senjata itu," kata orang-orang Maharaja Konstantine.

"Kami memang memerlukan makanan dan pakaian. Tetapi kami tidak perlukan senjata. Kerana itu lupakan sahaja cadangan kamu hendak memberikan senjata kepada kami," kata ketua penduduk pulau itu.

"Maharaja kami ingin membebaskan kamu daripada pemerintahan kerajaan Usmaniah. Dan kamu boleh bernaung di bawah kerajaan Konstantinopel," pujuk mereka.

"Maharaja Konstantine memerintah dengan zalim. Rakyat ditindas dan mereka yang cuba melawan ditangkap ataupun dihukum bunuh. Tetapi Sultan Murad tidak zalim. Baginda memerintah dengan adil dan kami tidak merasa ditindas. Mengapa kami hendak memberontak?" tanya penduduk Pulau Anador dan Pulau Amali.

"Maharaja Konstantine hendak membantu kamu memerintah sendiri. Apakah kamu tidak mahu memerintah sendiri negeri kamu?" pujuk orang-orang upahan Maharaja Konstantine.

"Kami tidak mampu memerintah sendiri kerana negeri kami kecil dan menjadi rebutan antara kerajaan Byzantium dan kerajaan Usmaniah. Kami memilih bernaung di bawah pemerintahan Islam yang adil kerana kami yakin lebih selamat," kata mereka.

"Maharaja Konstantine tentu marah. Baginda menghantar tentera bagi membunuh kamu," ugut orang-orang suruhan itu.

"Kami tidak takut kerana kami meminta perlindungan daripada

Sultan Murad. Tentera Islam pasti menjaga keselamatan kami," balas mereka.

Akhirnya orang-orang suruhan Maharaja Konstantine itu pulang dengan perasaan hampa. Pada masa yang sama Panglima Ardogan pula sedang memimpin pasukan tenteranya bagi memerangi penduduk Jenewar yang memberontak. Selepas berlaku pertempuran yang sengit akhirnya penduduk Jenewar berjaya dikalahkan. Ramai yang terbunuh dan ditawan. Antara yang menjadi tawanan ialah seorang lelaki bernama Urban yang pandai membuat meriam. Semua tawanan dibunuh kecuali Urban. Dia dibawa pulang ke Konstantinopel lalu dibawa menghadap Maharaja Konstantine.

"Benarkah engkau pandai membuat senjata yang dinamakan meriam?" tanya Maharaja Konstantine.

"Benar…," jawab lelaki itu.

"Siapa yang mengajar engkau membuat senjata itu dan adakah penduduk Jenewar sudah memiliki senjata buatan engkau itu?" tanya Maharaja Konstantine lagi.

"Saya seorang tukang besi yang mahir. Tetapi saya minat mencipta senjata. Meriam itu adalah senjata ciptaan terbaru saya. Sayangnya penduduk Jenewar belum sempat memilikinya lagi. Sekiranya senjata itu sudah kami miliki tentu tentera tuanku tidak dapat mengalahkan kami," jawab Urban.

"Aku mahu engkau buatkan meriam itu bagi digunakan oleh tentera Rom," perintah Maharaja Konstantine.

"Tuanku seorang raja yang zalim. Saya tidak membantu seorang pemerintah yang zalim bagi menindas rakyat yang tidak berdosa," tegas Urban.

Jawapan itu membuat Maharaja Konstantine marah. Baginda bercadang hendak menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Urban.

Tetapi dibantah oleh Alexsi dan Panglima Ardogan.

"Kita tidak mahu dia mati bersama ilmu yang dimilikinya. Sebab itu dia tidak boleh dibunuh. Kita penjarakan sahaja dan diseksa supaya dia berubah fikiran lalu memberikan kerjasama," kata Alexsi.

"Kita berusaha memujuk dia supaya mengajarkan ilmu membuat meriam itu kepada tentera kita. Kemudian baru kita bunuh dia," kata Panglima Ardogan pula.

Akhirnya Maharaja Konstantine menarik semula hukuman bunuh yang dijatuhkan ke atas Urban. Dia dikurung di dalam penjara kemudian dikenakan pelbagai seksaan. Namun Urban tetap dengan pendiriannya tidak mahu memberikan kerjasama. Kemudian dilakukan pula pujukan namun masih gagal mengubah pendirian lelaki itu.

Berita serangan tentera Romawi ke atas penduduk Jenewar dan penangkapan seorang lelaki yang pandai membuat meriam sampai kepada Sultan Murad.

"Penduduk Jenewar berada dalam jajahan Maharaja Konstantine. Kita tidak boleh campur tangan dalam urusan negeri mereka. Tetapi lelaki yang bernama Urban itu perlu kita bebaskan. Kepandaiannya membuat meriam boleh memberi manfaat kepada kita," kata Sultan Murad.

"Bagaimana caranya kita hendak menyelamatkan lelaki itu?" tanya Khalil Pasya, pembantu kanan Sultan Murad.

"Kita sama-sama fikirkan caranya," jawab Sultan Murad.

4



Suatu Pengajaran

"Katakanlah, 'Sekiranya bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya serta berjihad pada jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya.' Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik."

-Surah *al-Taubah*: 24

Betapa indahnya suasana petang di Selat Bosphorus. Matahari hampir terbenam di sebalik tebing selat paling sempit yang menjadi sempadan antara Asia dengan Eropah itu. Pada zaman pemerintahan Sultan Beyazid, baginda berjaya menguasai selat itu lalu membina kota di sebelah tebing kawasan Asia bagi mengawal lalu lintas di selat itu.

Selepas Sultan Murad berkuasa, baginda juga mendiami kota yang menghadap Selat Bosphorus itu. Kini baginda menaruh harapan kepada anaknya Sultan Muhammad bagi meneruskan pemerintahan kerajaan Usmaniah. Namun ada sesuatu yang menggusarkan hatinya.

"Sejak kecil Sultan Muhammad dididik supaya hidup sederhana. Dia dibiarkan berkawan dengan rakan-rakan yang sebaya dengannya. Apabila dia berada dalam kumpulan ramai, orang tidak menyangka dia anak seorang sultan," kata Sultan Murad.

"Apakah ada perkara lain yang mengganggu fikiran kakanda?" tanya Permasuri Aishah pula.

"Dia sudah berumur lima tahun. Tetapi dia lebih suka bermain-main dengan kawan-kawannya. Kehendak kakanda supaya dia dididik dengan ilmu agama dan ilmu peperangan," jawab Sultan Murad.

"Dia masih kanak-kanak. Biarkanlah dia dengan dunia kanak-kanaknya. Apabila dia berumur tujuh tahun baru disuruh bersembahyang. Selepas berumur 10 tahun baru dirotan sekiranya tidak bersembahyang." Permaisuri Aishah berusaha menenangkan suaminya.

"Benar kata adinda," kata Sultan Murad. "Tetapi sebaiknya anak-anak dididik dengan ilmu agama bermula ketika berumur lima tahun. Apabila berumur tujuh tahun dia sudah pandai mengaji dan bersembahyang," sambung baginda lagi.

"Sekiranya begitu kita suruh orang alim mengajarnya ilmu agama."

"Kakanda sudah menyuruh beberapa orang ulama mengajar Sultan Muhammad mengaji al-Quran tetapi tidak diendahkannya. Inilah yang merunsingkan fikiran kakanda."

"Kita cari ulama yang tegas dan garang bagi mengajarnya."

"Baru kakanda teringat," kata Sultan Murad selepas baginda diam seketika kerana memikirkan sesuatu. "Ada seorang ulama bernama Syeikh al-Kurani. Dia terkenal sebagai seorang guru yang tegas dan garang sehingga ditakuti oleh anak-anak muridnya. Kanda suruh dia mengajar Sultan Muhammad mengaji."

Syeikh al-Kurani merasakan ia suatu penghormatan apabila disuruh oleh Sultan Murad mengajar Sultan Muhammad al-Fateh mengaji al-Quran. Namun dia risau apabila mendapat tahu sudah beberapa orang ulama yang diberikan tugas itu gagal memujuk Sultan Muhammad al-Fateh mengaji. Namun dia tetap berazam tidak menghampakan harapan Sultan Murad.

Petang itu dia pergi ke istana Sultan Murad. Kelihatan Sultan Muhammad sedang bermain-main di halaman istana dengan kawan-kawannya. Mereka diawasi oleh Syeikh Rabbani.

"Alangkah kacaknya Sultan Muhammad. Bentuk badannya tegap, tenaganya kuat dan tinggi susuk tubuhnya. Pipinya putih kemerah-merahan dan hidungnya mancung," puji Syeikh al-Kurani yang diberi tugas mengajar Sultan Muhammad al-Fateh.

"Baginda memang seorang putera yang kacak tetapi agak degil dan keras hatinya. Sebelum tuan, sudah beberapa orang ulama dihantar ke sini bagi mengajarnya tetapi tidak diendahkannya," kata Syeikh Rabbani yang ditugaskan sebagai penjaga keselamatan Sultan Muhammad.

"Saya sudah dimaklumkan oleh Sultan Murad perkara itu.

Tetapi saya tidak pulang selagi baginda tidak mahu mengubah sikapnya, menuntut ilmu dengan saya," kata Syeikh al-Kurani.

"Bagaimana tuan hendak melakukannya?" tanya Syeikh Rabbani lagi.

"Saya sudah diberi kuasa oleh sultan supaya memukulnya sekiranya baginda enggan," jawab Syeikh al-Kurani.

"Saya bimbang cara itu menyakitkan dan merosakkan fikirannya."

"Berdoalah semoga Tuhan memberinya hidayah."

Pada ketika itu Sultan Muhammad sedang asyik bermain dengan kawan-kawannya di halaman istana. Permainan yang paling digemarinya ialah berlawan gusti dan perang olok-olok. Dalam perlawanan gusti tidak ada rakan sebaya yang dapat mengalahkannya. Ketika bermain perang olok-olok dia selalu memimpin pasukan tentera Islam melawan tentera Rom. Sudah pasti tentera Islam yang dipimpinnya beroleh kemenangan.

Syeikh al-Kurani mendekati Sultan Muhammad sambil berkata, "Tuanku dilahirkan ke dunia bukan hanya bagi bermain-main dan bersuka-ria. Tuanku bakal membebaskan kota Konstantinopel."

Tetapi kata-kata itu tidak diendahkan oleh Sultan Muhammad. Dia terus bermain dengan kawan-kawannya. Syeikh al-Kurani menarik tangan Sultan Muhammad sambil berkata, "Saya disuruh oleh ayahanda tuanku supaya mengajar tuanku ilmu agama. Tuanku mesti mematuhinya."

Sambil tertawa Sultan Muhammad menjawab, "Sudah banyak ulama yang disuruh mengajar saya ilmu agama tetapi saya belum tertarik hati lagi. Saya mahu bermain-main dengan kawan-kawan."

"Tuanku dapati saya berbeza daripada ulama sebelum ini. Saya diberi kuasa memukul tuanku," ugut Syeikh al-Kurani.

Sultan Muhammad mengejek sambil menjawab, "Belum ada seorang pun ulama yang berani menjentik telinga saya. Apatah lagi memukul."

Syeikh al-Kurani tidak ada pilihan lain. Dia mengeluarkan rotan yang disimpan di dalam jubahnya lalu memukul kaki Sultan Muhammad. Sebatan demi sebatan hinggap di kaki anak Sultan Murad itu. Sultan Muhammad berasa sakit, marah dan malu kerana belum pernah dia diperlakukan begitu. Kawan-kawannya cuma memerhati sahaja dari jauh kerana tidak ada siapa yang berani membantunya.

"Saya adukan hal ini kepada ayahanda dan bonda. Tuan pasti dihukum!" kata Sultan Muhammad sambil menangis.

Kemudian dia berlari pulang ke istana lalu mengadukan perkara itu kepada ayahnya. Sultan Murad langsung tidak menunjukkan simpati malah berkata, "Esok ayahanda menyuruh Syeikh Bayram pula mengajar ilmu agama kepada anakanda. Sekiranya tidak mahu juga Syeikh Bayram memukul anakanda lebih teruk dari hari ini."

Sultan Muhammad berasa kecewa lalu mengadu kepada bondanya pula. Permaisuri Aishah juga tidak menyebelahinya dan berkata, "Apa yang dilakukan itu demi kebaikan anakanda juga. Bonda berpesan belajarlah ilmu agama. Kurangkan bermain-main."

Malam itu Sultan Muhammad menangis hingga tertidur. Seumur hidupnya belum pernah dipukul oleh sesiapa. Esoknya dia kelihatan termenung. Peristiwa dia dirotan oleh Syeikh al-Kurani di depan orang ramai amat berkesan di hatinya. Dia mula insaf dan tidak mahu dipukul lagi. Lalu tertanam di hatinya tekad mahu menurut kata ayah dan ibunya. Apabila didatangi oleh Syeikh Bayram, Sultan Muhammad terus meminta supaya diajar ilmu agama.

"Hari ini saya mengajar tuanku menghafal surah *al-Fatihah*," kata Syeikh Bayram.

Dengan senang hati Sultan Muhammad bersetuju. Dan pada hari itu juga dia berjaya menghafal surah *al-Fatihah* dan beberapa surah pendek.

Sultan Murad gembira melihat perubahan sikap Sultan Muhammad. Baginda lebih gembira apabila mendapat tahu pada hari itu Sultan Muhammad sudah hafal surah *al-Fatihah* dan beberapa surah lain. Sebagai menunjukkan rasa kesyukurannya, Sultan Murad memberi hadiah kepada Syeikh Bayram.

"Uncang di tangan saya ini ada wang emas. Ambillah sebagai hadiah," kata Sultan Murad.

Tetapi dengan tegas Syeikh Bayram menolaknya sambil berkata, "Pahala yang saya dapat daripada mengajar Sultan Muhammad menghafal surah *al-Fatihah* itu lebih bernilai daripada segalanya. Saya tidak perlukan apa-apa daripada tuanku lagi," katanya.

Sultan Murad tidak marah dengan penolakan itu. Tambahan pula baginda tahu Syeikh Bayram seorang ulama yang zuhud dan tidak terpengaruh dengan harta dunia. Seluruh kehidupannya hanya beramal ibadat serta menyerahkan diri kepada yang maha esa.

5

Teruskan Perjuangan

"Maka berperanglah kamu (Muhammad) pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajipan kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mukmin (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras seksaan-Nya."

-Surah *an-Nisak*: 84

Petang itu selepas menjalani latihan ketenteraan, Sultan Muhammad dan Panglima Tharhan duduk berehat di bawah pohon delima. Di hadapan mereka kelihatan Selat Bosphorus yang airnya berkilau-kilauan disinari cahaya matahari petang. Angin yang bertiup lembut terasa nyaman, menyejukkan tubuh mereka yang tadinya berpeluh.

"Pakcik sudah tua. Entah esok ataupun lusa pakcik dipanggil menghadap yang maha esa. Sekiranya pakcik sudah tiada, amalkanlah segala ilmu yang sudah tuanku pelajari." Panglima Tharhan seperti berwasiat.

"Pakcik mengajar saya ilmu peperangan. Saya mahir menunggang kuda dan menggunakan senjata juga daripada tunjuk ajar pakcik. Bagi saya pakcik tetap berada dalam hati saya selamanya," kata Sultan Muhammad pula.

"Syeikh Bayram dan Syeikh Syamsudin al-Wali mengajar tuanku ilmu agama. Pakcik mengajar ilmu peperangan. Kedua-dua ilmu ini penting kepada tuanku yang bakal menjadi Sultan Usmaniah, pemerintah Turki. Tetapi apa yang penting, tuanku bakal penakluk kota Konstantinopel."

"Saya masih muda dan mentah dalam kehidupan. Tetapi saya mahu bertanya. Mengapa kota Konstantinopel mesti ditakluk? Tidak bolehkah kita berbaik dengan mereka?"

"Konstantinopel adalah ibu kota Byzantium. Orang-orang Rom memusuhi Islam semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga sekarang. Kerana itu baginda memberi isyarat kota itu mesti ditakluki. Tetapi bukannya mudah. Kota Konstantinopel hanya dapat ditakluk oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik."

"Saya mahu menjadi pemimpin yang baik. Mempunyai tentera dan rakyat yang baik. Saya pasti tawan kota Konstantinopel suatu hari nanti."

"Tuanku penuhi dahulu dada tuanku dengan ilmu. Selain mempelajari ilmu agama dan peperangan, tuanku juga mesti mempelajari ilmu sejarah. Mengingati sejarah membuatkan kita lebih mencintai tanah air kita. Sejarah juga mengajar kita supaya tidak mengulangi kesilapan yang lalu," kata Panglima Tharhan.

"Boleh pakcik ceritakan mengenai sejarah kerajaan Usmaniah?" tanya Sultan Muhammad.

Panglima Tharhan tersenyum. Dia tidak keberatan menceritakannya. Selain ilmu agama dan ilmu peperangan, Sultan Muhammad yang bakal mewarisi takhta kerajaan Usmaniah itu juga mesti mengetahui sejarah tanah airnya. Sejarah perjuangan nenek moyangnya.

Bagi Sultan Muhammad pula, walaupun sudah berkali-kali mendengar kisah sejarah itu namun baginda masih tidak puas mendengarnya. Setiap kali baginda mendengar kisah sejarah nenek moyangnya, semangatnya berkobar-kobar mahu mencontohi perjuangan mereka. Baginya, mendengar kisah sejarah itu bukan sebagai hiburan tetapi sebagai penguat semangatnya.

"Tuanku beruntung kerana menjadi pewaris takhta sebuah kerajaan yang berada di puncak kegemilangannya. Sebanyak 20 buah negeri berada di bawah pemerintahan kerajaan Turki Usmaniah. Tuanku bakal memerintah sebuah negara yang besar dan luas tanah jajahannya," kata Panglima Tharhan.

"Saya luaskan lagi kawasan pemerintahan kita. Sebelum menakluk kota Konstantinopel, kawasan-kawasan di sekitarnya mesti ditakluki terlebih dahulu," kata Sultan Muhammad.

Panglima Tharhan kagum dengan kebijaksanaan Sultan Muhammad. Walaupun umurnya masih muda tetapi baginda seorang yang cerdas akal fikirannya.

"Kerajaan Usmaniah ini asalnya sebuah kabilah yang kecil

sahaja tetapi dipimpin oleh seorang yang berjiwa besar, namanya Ertoghul. Apabila berlaku peperangan antara Rom dengan Dinasti Seljuk, Ertoghul menyebelahi Sultan Alauddin. Mereka berjaya mengalahkan tentera Romawi. Sebagai balasannya, Ertoghul dan kabilahnya diberikan sebuah kawasan bagi diperintah sendiri.

"Selepas Ertoghul meninggal dunia, puteranya bernama Usman yang menggantikannya. Baginda seorang pemimpin yang berani dan bercita-cita tinggi. Sultan Usman menawan negeri-negeri yang berhampiran lalu memerintah kawasan yang ditakluknya. Dengan ini kawasan pemerintahannya menjadi semakin luas.

"Kemudian terjadi saat yang paling getir apabila orang-orang Monggol menyerang lalu menjatuhkan kesultanan Seljuk. Sultan Alauddin mangkat dan tanah jajahan serta rakyatnya bercerai-berai. Sultan Usman berusaha menyatukan semula kawasan itu supaya berada di bawah pemerintahannya. Dari situ bermula kerajaan Usmaniah yang mengambil nama Sultan Usman."

Sultan Muhammad begitu tertarik hati mendengarnya. Kemudian Panglima Tharhan menyambung ceritanya, "Selepas Sultan Usman mangkat, tempatnya digantikan oleh puteranya yang bernama Ourkhan. Baginda berjaya menawan Bursa daripada tentera Romawi lalu menjadikannya ibu kota negaranya. Bermula dari situlah usaha dilakukan bagi menawan Konstantinopel, ibu kota Byzantium.

Selama 20 tahun Ourkhan berkuasa baginda berjaya menjadikan kerajaan Usmaniah kuat. Baginda memperbaiki urusan dalam negara dan membentuk angkatan bersenjata yang dipanggil Yennisari. Selepas Ourkhan mangkat baginda digantikan oleh Sultan Murad 1. Baginda meluaskan lagi pemerintahan Usmaniah dengan menawan Adranah, Sofia, Kosovo, dan Serbia. Apabila Sultan Beyazid berkuasa baginda menakluk Bulgaria, Perancis dan Jerman. Kemudian baginda merancang hendak menawan kota Konstantinopel."

"Pada suatu hari, Sultan Beyazid menghantar utusan kepada pemerintah Rom di bandar Konya," kata Panglima Tharhan menyambung ceritanya.

"Apa tujuannya?" tanya Sultan Muhammad. Baginda tertarik hati mendengarnya.

"Mengajak mereka berdamai dan mengadakan persepakatan," jawab Panglima Tharhan.

"Bukankah Rom itu musuh kita? Mengapa diajak berdamai?" Sultan Muhammad meluahkan kehairanannya.

"Orang-orang Rom di bandar Konya keturunan Saljuk. Mereka ada darah campuran dengan bangsa kita. Kerana itu mereka tidak sefahaman dengan orang-orang Romawi di kota Konstantinopel. Mereka memerintah sendiri bandar Konya. Kerana itu Sultan Beyazid mengajak mereka berdamai."

"Apa persepakatannya?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Kerajaan Usmaniah tidak campur tangan dalam masalah di bandar Konya dan mereka juga tidak campur tangan dalam hal-ehwal kerajaan Sultan Beyazid," jawab Panglima Tharhan.

"Mereka bersetuju?"

"Orang-orang Rom Saljuk di bandar Konya bimbang diserang oleh orang-orang Rom dari Konstantinopel. Kerana itu mereka bersetuju berdamai dengan kerajaan Islam Usmaniah dengan harapan tidak diserang oleh musuh mereka. Kerana itu mereka bersetuju berdamai dan mengadakan persepakatan."

"Adakah berdamai dengan mereka yang memusuhi Islam itu dibolehkan?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Islam adalah agama perdamaian. Peperangan hanya boleh dilakukan apabila pintu perdamaian ditutup. Malah sebelum kita menyerang musuh, kita ajak mereka berdamai dahulu. Sekiranya

mereka enggan barulah diperangi."

"Mengapa kita tidak berdamai dengan orang-orang Rom di Konstantinopel?"

"Mereka tidak mahu berdamai dengan kita. Malah sejak dari dahulu mereka sentiasa menunjukkan sikap permusuhan pada kita. Sebab itu pintu perdamaian dengan mereka tertutup. Kita mesti memerangi mereka. Tambahan pula mereka sentiasa berusaha hendak menjatuhkan kita. Kerana itu peperangan antara kita dengan mereka tidak dapat dielakkan."

"Baiklah. Apa terjadi selepas adanya perdamaian dan persepakatan antara Sultan Beyazid dengan orang-orang Rom di bandar Konya?"

"Sultan Beyazid ada rancangan sendiri. Baginda membuat persiapan bagi menyerang kota Konstantinopel. Orang-orang Saljuk Rom di bandar Konya suka sekiranya kota itu ditawan oleh tentera Islam. Malah mereka memberi bantuan senjata kepada Sultan Beyazid."

"Maka berangkatlah kira-kira 100,000 tentera yang dipimpin sendiri oleh Sultan Beyazid. Mereka mengepung kota Konstantinopel menyebabkan penduduk kota itu menjadi cemas kerana terputus hubungan dengan dunia luar. Walaupun hampir menemui kejayaan namun takdir menentukan bahawa kota Konstantinopel tidak dapat dibuka oleh Sultan Beyazid," kata Panglima Tharhan.

Sultan Muhammad mendengar cerita itu dengan penuh khusyuk. Setiap kata-kata yang diucapkan oleh bapa saudaranya itu didengarnya dengan sepenuh tumpuan. Kata-kata itu meresap ke dalam jiwanya.

"Ketika itu Sultan Beyazid diambang kejayaan. Walaupun tentera Islam boleh menyerbu masuk ke kota Konstantinopel tetapi

Sultan Beyazid lebih suka tentera Rom itu menyerah diri tanpa pertumpahan darah. Baginda mengutus surat meminta Maharaja Konstantinopel menyerah kalah. Tiba-tiba... inilah yang dinamakan takdir. Tentera Monggol yang diketuai oleh Timurlime menyerang Turki. Sultan Beyazid terpaksa mengerahkan tenteranya pulang ke Turki bagi mempertahankan negera mereka daripada serangan tentera Mongol. Kerana itu kota Konstantinopel terselamat.

"Usaha menakluk kota Konstantinopel diteruskan oleh Sultan Sulaiman, putera Sultan Beyazid tetapi gagal. Kemudian Sultan Murad ayahanda tuanku juga mencubanya namun gagal juga. Tuanku juga mesti meneruskan usaha itu sehingga berjaya."

"Dengan izin Tuhan, saya pasti menawannya." Begitu tekad Sultan Muhammad.

6



Perangkap

"Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah kepada mereka dengan al-Quran dengan jihad yang besar."

-Surah *al-Furqan*: 52

Pagi itu selepas selesai sembahyang Subuh dan membaca beberapa hadis, Syeikh Bayram keluar dari masjid lalu berjalan kaki menuju ke istana Sultan Murad. Hatinya masih tertanya-tanya apakah perkara yang hendak dibincangkan oleh sultan? Dia cuma diberitahu oleh seorang pengawal bahawa Sultan Murad menjemputnya ke istana. Sebagai penasihat sultan, dia dijadikan tempat rujukan sebelum sesuatu keputusan dibuat. Syeikh Bayram merasakan itu suatu penghargaan dan tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan demi agama, bangsa dan negara. Sebaik sahaja sampai di istana, Syeikh Bayram terus dibawa menghadap Sultan Murad. Selepas bersalaman dan bertanya khabar, Sultan Murad terus ke pokok perbincangan.

"Apa pandangan tuan mengenai Muhammad?" tanya Sultan Murad.

"Baginda seorang anak muda yang rajin menuntut ilmu dan kuat beramal ibadat. Sejak baginda akil baligh, baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang fardu lima waktu. Malah sembahyang sunat juga banyak dilakukannya tanpa jemu," jawab Syeikh Bayram.

"Saya bimbang sekiranya dia asyik menuntut ilmu dan beramal ibadat dia lupa pada pedang, kuda dan medan perang." Sultan Murad meluahkan kebimbangan di hatinya.

"Tuanku jangan bimbang. Selain menuntut ilmu agama, baginda juga diasuh oleh Panglima Tharhan dengan ilmu peperangan. Apabila sampai masanya nanti Sultan Muhammad menunjukkan kemampuannya sebagai pemerintah negara Islam. Jiwanya yang bertakwa itu menjadikannya seorang pemimpin yang berjaya di dunia dan di akhirat."

Barulah senang hari Sultan Murad mendengarnya. Itulah harapannya selama ini. Baginda mahu mendidik puteranya itu menjadi pemimpin yang bertakwa. Baginda yakin hanya pemimpin

yang bertakwa sahaja mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

"Contoh pemimpin yang tidak bertakwa kepada Allah SWT ialah Firaun. Dia pemimpin yang berjaya di dunia sehingga mampu membina piramid dan mengaku dirinya sebagai tuhan. Tetapi Firaun gagal di akhirat." Baginda teringat kata-kata Syeikh Bayram.

Baginda juga teringat kata-kata Nabi Muhammad SAW bahawa kota Konstantinopel pasti jatuh ke tangan seorang ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik.

"Semoga Sultan Muhammad menjadi seorang ketua yang baik, mempunyai pasukan tentera dan rakyat yang baik," doa Sultan Murad.

"Firasat saya mengatakan dia dikurniakan kelebihan itu. Dia dilahirkan bagi menjadi pemimpin yang baik, dapat mendidik tentera dan rakyatnya menjadi baik. Sesungguhnya, dia yang berjaya menawan Konstantinopel dengan izin Tuhan," kata Syeikh Bayram.

Sultan Murad kagum dengan kelebihan yang dimiliki oleh Syeikh Bayram. Dia bukan sahaja seorang yang tekun beramal ibadat tetapi memiliki ilmu agama yang tinggi. Kerana itu dia mendapat penghormatan daripada orang ramai.

"Saya berasa cemburu dengan tuan kerana dapat menumpukan sepenuh masa, tenaga dan fikiran bagi beramal ibadat. Sedangkan saya sentiasa sibuk dengan urusan negara," kata Sultan Murad meluahkan perasaannya.

"Tuanku adalah pemimpin sebuah negara Islam. Kerana itu tugas dan tanggungjawab tuanku sememangnya berat. Tetapi yakinlah bahawa tugas yang tuanku lakukan itu menjadi ibadat kalau diniatkan kerana Allah," balas Syeikh Bayram.

"Benar kata tuan. Tetapi sebagai manusia biasa kemampuan

akal fikiran dan tenaga saya terbatas. Tambahan pula saya sudah tua. Entah esok ataupun lusa saya dipanggil menghadap yang maha esa."

"Adakah tuanku bercadang menyerahkan tanggungjawab itu kepada orang lain?" tanya Syeikh Bayram.

"Saya mahu berehat selama beberapa bulan. Sepanjang waktu itu saya mahu beramal ibadat," jawab Sultan Murad.

"Elok juga cadangan tuanku. Tetapi siapakah yang memangku tugas memerintah negara?" tanya Syeikh Bayram lagi.

"Sekiranya saya serahkan kepada Sultan Muhammad, apa pendapat tuan?"

"Saya bersetuju, insya-Allah baginda mampu memikulnya," jawab ulama terbilang itu. "Walaupun umurnya baru 16 tahun tetapi baginda seorang anak muda yang bijak, kuat semangat, taat kepada agama, dan bersifat seorang pahlawan."

"Alhamdulillah, saya berasa terhutang budi kepada tuan kerana mendidiknya dengan ilmu agama. Panglima Tharhan pula mendidiknya dengan ilmu kepahlawanan. Semoga baginda menjadi pemimpin yang lebih baik daripada saya."

"Seperti yang pernah saya katakan, baginda pasti dapat mengalahkan tentera Rom dan menawan kota Konstantinopel. Tetapi baginda perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakannya."

"Kerana itu saya mahu memberikan peluang kepadanya menunjukkan kebolehannya memerintah negara. Sepanjang ketiadaan saya, biarlah baginda memangku tugas saya. Ini adalah suatu pendedahan kepadanya sebelum baginda dilantik menjadi sultan."

"Saya yakin baginda mampu melakukannya kerana sejak kecil baginda sudah dididik dengan ilmu agama, politik dan

ketenteraan."

"Alhamdulillah, semoga Tuhan memberi rahmat kepadanya di dunia dan di akhirat."

"Ke manakah tuanku hendak berangkat semasa bercuti nanti?" tanya Syeikh Bayram.

"Ke Pulau Magnesia," jawab Sultan Murad. "Saya sukakan pulau itu kerana pantainya bersih, pemandangannya indah dan menenangkan fikiran. Amat sesuai berehat dan beramal ibadat."

"Siapakah yang menemani tuanku?"

"Panglima Tharhan dan beberapa orang tentera bagi menjaga keselamatan. Selain itu saya mahu tuan menjadi pengiring. Tetapi ini bukan arahan. Tuan boleh menolaknya sekiranya tidak bersetuju."

"Bagaimana sekiranya Syeikh Syamsudin al-Wali yang mengiringi tuanku? Dia anak murid yang paling saya percayai. Ilmu agamanya juga sangat tinggi. Tuanku tidak rugi sekiranya pergi bermusafir bersamanya."

Sultan Murad bersetuju dengan cadangan itu. Kemudian dipanggilnya Sultan Muhammad bagi diajak berbincang.

"Ayahanda sudah tua. Bila-bila masa sahaja malaikat maut datang mengambil nyawa ayahanda. Kerana itu anakanda mesti bersedia mengambil alih tanggungjawab ayahanda," kata Sultan Murad.

"Insya-Allah, anakanda sudah bersedia," balas Sultan Muhammad.

"Ayahanda bercadang hendak bercuti ke Pulau Magnesia. Mungkin sebulan ataupun mungkin juga setahun. Kerana itu ayahanda melantik anakanda memangku tugas ayahanda. Ini juga adalah pendedahan dan latihan kepada anakanda sebelum dilantik menjadi sultan sepenuhnya." Sultan Murad meluahkan

rasa hatinya.

"Insya-Allah anakanda bersedia memangku tugas itu. Doakan semoga anakanda berjaya." Sultan Muhammad menyatakan kesanggupannya.

"Sentiasalah berdampingan dengan guru ayahanda, Syeikh Bayram. Ajaklah dia berbincang dan jadikan tempat rujukan terutama mengenai masalah agama," pesan Sultan Murad.

Pada hari yang ditetapkan Sultan Murad berangkat ke Pulau Magnesia dengan diiringi pasukan tentera dan para pembantunya. Manakala Sultan Muhammad dilantik sebagai pemangku Sultan Murad bagi memerintah Turki.

Pemergian Sultan Murad ke Pulau Magnesia sampai ke pengetahuan Maharaja Konstantine yang memerintah kota Konstantinopel. Timbul niat jahat di hatinya hendak menghancurkan kerajaan Islam di Turki. Para pembantu dipanggil bagi melaksanakan niat jahatnya itu.

"Sultan Murad berada di Pulau Magnesia yang terletak jauh dari pusat pemerintahannya. Urusan negara diserahkan kepada puteranya Sultan Muhammad yang baru berumur 16 tahun. Aku ada satu rancangan sulit. Tetapi sebelum aku mengemukakannya, aku hendak tahu pendapat kamu dahulu," beritahu Maharaja Konstantine.

"Saya cadangkan supaya kita hantar tentera ke Pulau Magnesia bagi membunuh Sultan Murad dan semua pengiringnya," kata Ardogan, ketua panglima Maharaja Konstantine.

"Lebih baik kita terus serang pusat pemerintahannya. Sultan Muhammad itu masih mentah, baginda tidak ada pengalaman berperang dan tidak mampu menyusun tentera menghadapi serangan kita," kata Alexsi pula.

"Saya ada cadangan yang lebih baik," kata Zaqhanus, dia

seorang paderi berasal dari Albania datang ke Konstantinopel lalu dilantik menjadi ketua paderi.

"Sila kemukakan," kata Maharaja Konstantine.

"Saya yakin Sultan Murad sudah membuat persediaan sebelum berangkat ke Pulau Magnesia kerana baginda seorang sultan yang cerdik. Sekiranya berlaku peperangan ramai lagi nyawa yang terkorban. Tambahan pula kita sudah beberapa kali berperang dengan mereka. Kerana itu saya cadangkan kita hantar utusan perdamaian kepada Sultan Muhammad."

"Utusan perdamaian? Apa maksud kamu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Anak muda sukakan permainan dan hiburan. Kita kirimkan hadiah-hadiah yang mahal kepada baginda. Selain itu kita hantar beberapa orang penari dan penyanyi. Bagi mempengaruhi fikirannya, kita hantar guru-guru yang berkelayakan bagi mengajar adab dan adat istiadat raja-raja," jawab ketua paderi itu.

Maharaja Konstantine terdiam lalu menimbangkan cadangan itu. Kemudian dia berkata, "Aku setuju dengan cadangan itu. Anak muda memang sukakan permainan dan nyanyian. Buat persiapan segera."

Maka dikumpulkan hadiah-hadiah yang berharga termasuk emas, intan dan berlian. Kemudian dikumpulkan beberapa orang penari dan penyanyi yang cantik jelita dan beberapa orang guru yang terlatih supaya berkhidmat dengan Sultan Muhammad. Pada hari yang ditetapkan mereka berangkat ke Turki lalu menghadap Sultan Muhammad. Kedatangan mereka disambut dengan baik.

"Kami bawakan hadiah-hadiah yang berharga daripada Maharaja Konstantine kepada tuanku," kata ketua utusan Maharaja Konstantine sambil memberikan hadiah-hadiah itu kepada Sultan Muhammad.

"Kami juga membawa beberapa orang penyanyi dan penari yang cantik jelita bagi menghiburkan tuanku. Dan beberapa orang guru yang terlatih bagi mengajar tuanku ilmu adab dan adat istiadat kaum bangsawan. Mereka berkhidmat kepada tuanku secara percuma," kata ketua utusan itu lagi.

Dengan tegas Sultan Muhammad menjawab, "Saya tidak tertarik dengan hadiah-hadiah yang kamu bawa. Kembalikan semula kepada maharaja kamu."

Ketua utusan berasa amat kecewa. Tetapi dia tidak putus asa dan berusaha memujuk, "Semoga tuanku sudi membenarkan penyanyi dan penari ini tinggal di istana."

"Saya tidak tertarik dengan hiburan yang melalaikan. Kenikmatan bagi saya adalah apabila beramal ibadat, bukan melakukan maksiat," tegas Sultan Muhammad.

"Tuanku tentu tidak rugi sekiranya menerima perkhidmatan guru-guru yang terlatih ini. Mereka boleh mengajar tuanku adab dan adat istiadat kaum bangsawan. Mereka juga boleh mengajar ilmu-ilmu yang lain."

"Haram hukumnya seorang Islam dididik oleh orang kafir," kata Sultan Muhammad lalu disuruhnya kembali ke negara mereka.

Maharaja Konstantine berasa marah dan tercabar kerana anak muda yang disangkanya masih mentah itu berjaya memalukannya. Dendamnya semakin membara. Baginda meminta para pembantunya mencari jalan bagi membalas dendam. Akhirnya ketua paderi itu memberi cadangan, "Izinkan saya menghadap Sultan Muhammad itu," katanya.

"Apa rancangan kamu?" tanya Maharaja Konstantine.

Ketua paderi itu membisikkan sesuatu ke telinga Maharaja Konstantine. Baginda tertarik dengan cadangan itu. Malah yakin rancangan itu pasti berjaya memalukan Sultan Muhammad dan para ulama Turki.

7



Hidayah

"Dan katakanlah: "Kebenaran itu datangnya daripada Tuhanmu; maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barangsiapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir."

-Surah *al-Kahfi*: 29

Hari berganti minggu dan minggu bertukar bulan. Kini genap sudah tiga bulan Sultan Murad berada di Pulau Magnesia. Selama ketiadaan baginda, Sultan Muhammad al-Fateh yang mentadbir negara. Walaupun usianya masih muda namun baginda dapat menunjukkan kemampuannya memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Rakyat berasa selamat walaupun Sultan Murad tidak ada. Mereka mula yakin dengan kemampuan putera baginda itu. Namun musuh mereka yang berpusat di kota Konstantinopel sentiasa berusaha menghancurkan kerajaan Usmaniah. Satu demi satu perancangan yang mereka lakukan. Kali ini Maharaja Konstantine menghantar utusan yang diketuai oleh Zaqhanus, seorang ketua paderi yang terkenal dengan kebijaksanaannya.

"Tujuan kita memperdayakan Sultan Muhammad dan ulama-ulama mereka adalah supaya mereka keluar dari agama Islam dan menganut agama kita. Sekiranya rancangan ini berjaya, kamu mendapat penghormatan seperti seorang raja dan kamu menjadi kaya-raya," janji Maharaja Konstantine kepada Zaqhanus.

"Saya yakin rancangan ini pasti berjaya. Sultan muda itu pasti terpedaya dengan muslihat kita ini. Tambahan pula saya sudah membuat kajian dengan mendalam. Saya tahu di mana kelemahan mereka," kata ketua paderi itu bersungguh-sungguh.

"Tetapi awas…," kata Maharaja Konstantine, "Sekiranya rancangan ini gagal kamu jangan pulang ke sini. Aku tidak mahu tengok muka kamu lagi."

"Baiklah, tuanku," ujar Zaqhanus.

Dia begitu yakin muslihatnya itu pasti mendatangkan kejayaan. Tambahan pula cabarannya itu tidak mampu dilakukan oleh sesiapa pun. Usahkan manusia, malaikat, jin, dan syaitan pun tidak mampu melakukannya. Janji Maharaja Konstantine menyemarakkan lagi semangatnya. Terbayang di ruang matanya kemewahan hidup dan

penghormatan yang dikurniakan oleh maharaja.

Apabila Sultan Muhammad mendapat tahu kedatangan utusan Maharaja Konstantine itu, baginda berlapang dada kerana menjangka kedatangan mereka dengan niat yang baik. Mereka dilayan sebagai tetamu. Namun ketua paderi itu tetap tidak mengurungkan niatnya hendak memperdayakan Sultan Muhammad. Dia memasang perangkap kata-kata, "Kedatangan kami kali ini tidak membawa apa-apa hadiah daripada Maharaja Konstantine. Kami tahu tuanku tidak mahu menerima rasuah. Kedatangan kami kali ini hendak berbincang mengenai hadis Nabi Muhammad," kata ketua paderi itu sebaik sahaja menghadap.

Sultan Muhammad tertarik hati mendengarnya. Sambil tersenyum baginda berkata, "Alhamdulillah, di sini ramai pakar hadis. Mereka bersedia mengajar kamu ilmu hadis. Semoga kamu mendapat hidayah daripada yang maha berkuasa."

"Saya datang bukan hendak mempelajari ilmu hadis. Tetapi hendak berbincang mengenai suatu hadis dengan ulama-ulama tuanku," kata Zaqhanus sambil membuka kitabnya.

"Apa maksud kamu?" tanya Sultan Muhammad.

"Tuanku perintahkan ulama-ulama besar supaya berkumpul ke sini kerana apa yang hendak saya perkatakan ini ada kaitannya dengan hadis nabi tuanku, Muhammad," jawab ketua paderi itu.

"Apakah kamu hendak mempersendakan nabi kami?" tanya Sultan Muhammad. Baginda mula naik berang. Darah mudanya cepat panas sekiranya ada yang cuba mempersendakan Rasulullah SAW.

"Saya adalah ketua paderi di kota Konstantinopel. Saya suka membaca kitab termasuk kitab hadis. Saya terjumpa sebuah hadis yang ada kaitannya dengan kaum Bani Israel. Kerana itu saya datang ke sini berbincang dengan ulama-ulama tuanku mengenai hadis itu," jawab Zaqhanus. Dia yakin rancangannya pasti berjaya.

"Sekiranya hanya mahu berbincang sebuah hadis, cukup saya panggil seorang ulama sahaja. Mengapa perlu dikumpulkan ramai ulama?" kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku sudah lupakah sejarah Nabi Musa dengan Firaun? Apabila Nabi Musa hendak menunjukkan mukjizatnya maka disuruhnya Firaun memanggil semua tukang sihir yang ada di negeri Mesir supaya berkumpul di istana Firaun," kata Zaqhanus pula.

"Adakah engkau anggap diri engkau sebagai Nabi Musa dan sultan kami sebagai Firaun?" herdik Panglima Tharhan sambil menghunus pedangnya.

"Kami datang hendak berbincang mengenai sebuah hadis nabi kamu, Muhammad. Bukan hendak berperang," kata Zaqhanus pula.

"Baiklah, saya setuju," kata Sultan Muhammad al-Fateh lalu menyuruh panglima Tharhan menjauhi Zaqhanus.

"Tuanku perlu panggil semua ulama yang hebat kerana saya hendak berhadapan dengan mereka. Perkara ini amat penting kerana ada kaitannya dengan hadis nabi tuanku dan kaum Bani Israel."

"Adakah kamu hendak berdebat mengenai hadis itu dengan ulama-ulama kami?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Bukan berdebat tetapi hendak mencari kebenaran mengenai sebuah hadis nabi tuanku," jawab Zaqhanus bersungguh-sungguh.

"Hadis yang mana satu?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Saya hanya membacakan hadis itu selepas semua ulama handalan tuanku berkumpul di sini," jawab ketua paderi itu sambil tersenyum.

"Lebih baik kita jangan layan permintaan mereka. Suruh

mereka keluar dari sini dengan segera," bisik Khalil Pasya, Perdana Menteri Sultan Muhammad al-Fateh.

Namun Sultan Muhammad walaupun masih muda tetapi bijak dan berpandangan jauh. "Mereka hendak berbincang mengenai hadis dengan ulama-ulama kita. Sekiranya kita menolak, kita dituduh penakut. Kerana itu ada baiknya kita tunaikan permintaan mereka."

Akhirnya mereka bersetuju dengan permintaan ketua paderi itu. Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan ulama-ulama terbilang berkumpul di istana. Kemudian ketua paderi itu bertanya, "Saya terbaca sebuah hadis mengatakan, ulama-ulama di kalangan kamu seperti nabi-nabi Bani Israel. Adakah itu hadis yang benar ataupun hadis palsu?"

"Hadis itu adalah hadis yang sahih. Memang pernah diucapkan oleh Nabi Muhammad SAW," jawab salah seorang ulama yang hadir.

Ketua paderi itu tersenyum lalu berkata, "Di kalangan Bani Israel ada Nabi Isa yang boleh menghidupkan orang yang sudah mati. Sekiranya benar ulama-ulama kamu seperti nabi-nabi Bani Israel maka cuba hidupkan orang yang mati!"

Semua yang hadir terdiam. Masing-masing tidak berani bersuara. Melihat keadaan itu, ketua paderi itu menjadi semakin angkuh. Dia mengulangi kata-katanya, "Saya terbaca sebuah hadis daripada nabi kamu Muhammad yang mengatakan, ulama-ulama di kalangan kamu seperti nabi-nabi Bani Israel. Baiklah, di kalangan Bani Israel ada Nabi Isa yang boleh menghidupkan orang yang sudah mati. Sekiranya benar seperti kata nabi kamu, di mana ulama-ulama kamu yang boleh menghidupkan orang yang mati?"

Suasana senyap seketika. Orang ramai menjadi bungkam. Ulama-ulama yang hadir, semua menundukkan kepala.

"Cepat sambut cabaran itu! Jangan kamu berdiam diri! Tunjukkan kebolehan kamu!" kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Tetapi tidak ada seorang pun ulama yang berada di situ berani menyahut cabaran itu. Masing-masing menundukkan kepala. Mereka berpendapat mustahil mereka boleh menghidupkan orang yang sudah mati.

"Di mana Syeikh Bayram? Mengapa dia tidak ada di sini?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh yang baru menyedari ulama tua itu tidak berada di situ.

"Dia uzur kerana itu tidak dapat datang ke sini," jawab salah seorang anak muridnya yang hadir.

"Perintahkan dia datang ke istana sekarang juga," kata Sultan Muhammad.

Perintah itu segera dituruti. Selepas Syeikh Bayram datang, diceritakan mengenai cabaran ketua paderi itu.

"Tidak ada seorang pun ulama yang berani menyahut cabaran itu. Kami bergantung harapan kepada tuan. Sila tunjukkan kehebatan ulama Islam kepada mereka," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Agak lama juga Syeikh Bayram termenung mencari ikhtiar bagi menyahut cabaran itu. Dia sedar sultan dan orang ramai bergantung harapan padanya bagi menyelesaikan perkara itu. Sekiranya tidak mereka semua pasti mendapat malu terutama sultan. Apa yang paling ditakutinya nanti ada yang memperlekehkan hadis Nabi Muhammad SAW serta memberikan kemenangan moral kepada musuh mereka.

"Baiklah, saya bersedia menyahut cabaran itu demi membuktikan kebenaran hadis itu," beritahu Syeikh Bayram. Sultan Muhammad al-Fateh kelihatan gembira kerana yakin dengan kebolehan Syeikh Bayram.

"Tuanku, orang ini sudah mengaku dirinya seorang ulama yang sama tarafnya dengan nabi-nabi di kalangan Bani Israel. Sekarang saya mahu dia hidupkan mayat di dalam kubur. Bukan orang yang baru mati," kata Zaqhanus pula.

"Bagaimana tuan guru? Sanggupkah tuan melakukannya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh kepada Syeikh Bayram.

"Saya melakukannya dengan izin Tuhan," jawab Syeikh Bayram dengan yakin.

Kemudian Syeikh Bayram mengajak mereka pergi ke kawasan tanah perkuburan. Kemudian Zaqhanus memilih salah sebuah kubur lama lalu berkata, "Saya mahu tuan hidupkan mayat di dalam kubur ini."

"Ini sesuatu yang mustahil dapat dilakukan. Mereka sengaja hendak memalukan kita," bisik seorang pemuda bernama Amir Pasya.

"Syeikh Bayram seorang ulama yang terbilang. Dia juga mempunyai karamah. Saya yakin dia mampu menyahut cabaran itu," balas kawannya, Hasan Ulubate.

Syeikh Bayram mendekati kubur itu kemudian melakukan sembahyang sunat dua rakaat lalu dia berdoa, "Wahai Tuhan, tunjukkan kebenaran hadis Nabi Muhammad SAW itu kepada kami."

Tiba-tiba dengan izin Tuhan yang maha berkuasa suatu keajaiban berlaku. Lubang kubur itu terbuka lalu kelihatan sekujur mayat di dalamnya. Zaqhanus meninjau ke dalam kubur lalu berkata, "Mayat ini baru meninggal dunia kerana tidak reput. Saya mahu kubur yang mayatnya sudah reput."

Syeikh Bayram beralih ke kubur lain lalu membaca doa yang sama. Tiba-tiba kubur itu terbuka. Zaqhanus berpuas hati apabila melihat dalam kubur itu Cuma kelihatan tulang-temulang sahaja.

"Saya mahu kamu hidupkan mayat di dalam kubur ini," katanya sambil tersenyum sinis.

Syeikh Bayram berseru, "Wahai mayat, hidup dan bangun dengan izin aku…."

Tiba-tiba tulang-temulang itu bertukar menjadi mayat lalu bergerak-gerak dan bangkit dari kuburnya. Orang ramai berasa sungguh hairan. Malah ada yang berasa takut lalu melarikan diri kerana menyangka hantu yang bangkit dari dalam kubur itu. Kemudian Syeikh Bayram sempat bertanya nama dan umur orang itu bagi membuktikan kebenarannya. Orang ramai berasa takjub dengan kejadian itu.

"Sesungguhnya Muhammad itu memang seorang rasul. Aku naik saksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad itu Rasulullah," ucap Zaqhanus.

Kemudian dia mengisytiharkan dirinya menganut agama Islam.

8



Yang Benar dan Yang Palsu

"Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangimu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu, dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

-Surah *al-Mumtahinah*: 9

Puji-pujian dan sanjungan orang ramai kepada Syeikh Bayram menimbulkan rasa sakit hati Syeikh Aslam. Dia merasakan dirinya seolah-olah tidak dipedulikan lagi. Ke mana sahaja dia pergi, kedengaran orang ramai bercakap-cakap mengenai kehebatan Syeikh Bayram yang boleh menghidupkan orang yang sudah mati.

"Selepas melihat kehebatan Syeikh Bayram, ketua paderi yang bongkak itu akhirnya memeluk agama Islam. Sekarang dia berguru dengan Syeikh Bayram. Anak-anak muridnya juga semakin hari semakin bertambah," kata Mahmud yang dahulunya berguru dengan Syeikh Aslam tetapi kini beralih kepada Syeikh Bayram.

Bertambah sakit hati Syeikh Aslam mendengarnya. Berhari-hari lamanya dia berkurung di dalam rumah, tidak keluar ke mana-mana. Akhirnya sakit hati itu bertukar menjadi dendam kesumat. Dia mula memikirkan bagaimanakah caranya hendak menjatuhkan Syeikh Bayram. Akhirnya dia mendapat satu cara lalu dia menghadap Sultan Muhammad al-Fateh.

"Nampaknya orang ramai semakin taksub kepada Syeikh Bayram. Sekiranya perkara ini dibiarkan, ia boleh merosakkan akidah," kata Syeikh Aslam dalam usaha memasukkan jarum fitnahnya.

"Merosakkan akidah? Apa maksud tuan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Ada yang mengatakan Syeikh Bayram lebih hebat daripada nabi kerana dia boleh menghidupkan orang mati. Sekiranya perkara ini dibiarkan, ia boleh merosakkan akidah umat Islam," jawab Syeikh Aslam.

"Tanggungjawab tuan dan para ulama yang lain menyedarkan orang ramai. Syeikh Bayram tidak bersalah." Sultan Muhammad al-Fateh cuba mempertahankan penasihat sultan itu.

"Mengikut ilmu yang ada pada saya, Syeikh Bayram bukan sahaja bersalah tetapi sudah sesat dan menyesatkan," kata Syeikh Aslam pula.

"Begitu berat tuduhan tuan. Apa buktinya?" Sultan Muhammad meminta penjelasan.

"Tuanku sudah lupakah apa yang diucapkan oleh Syeikh Bayram kepada mayat di dalam kubur itu?" tanya Syeikh Aslam pula.

"Dia menyuruh mayat itu bangun. Kemudian mayat itu bangun dan boleh berkata-kata. Tetapi semuanya itu dengan izin Tuhan juga," jawab Sultan Muhammad.

"Syeikh Bayram berkata kepada mayat itu, 'Wahai mayat, hidup dan bangunlah dengan izin aku.' Persoalan saya, mengapa Syeikh Bayram berkata 'dengan izin aku'. Sepatutnya dia berkata dengan izin Allah."

"Betulkah begitu ucapan Syeikh Bayram?" Sultan Muhammad semakin berminat hendak mengetahuinya.

"Benar, tuanku. Bukan saya sahaja yang mendengarnya malah orang ramai juga mendengarnya."

Bagi memastikan kebenarannya baginda memanggil bebarapa orang saksi yang boleh dipercayai. Masing-masing mengaku mendengar Syeikh Bayram menyebut 'dengan izin aku' bukan dengan izin Allah.

"Kerana itu ada yang memuja Syeikh Bayram kerana menganggap dia ada kuasa menghidupkan orang yang sudah mati. Malah ada yang bercadang hendak menyuruh Syeikh Bayram menghidupkannya semula selepas mati. Bukankah ini bahaya?"

Sultan Muhammad al-Fateh mula mempercayai kata-kata Syeikh Aslam. "Apa yang harus kita lakukan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

Syeikh Aslam tersenyum kerana sultan sudah percaya. Matlamatnya hendak menjatuhkan Syeikh Bayram pasti tercapai. Entah mengapa dendamnya pada Syeikh Bayram semakin membuak-buak.

"Kesalahan Syeikh Bayram amat berat iaitu mengaku dirinya Tuhan. Dia seolah-olah mahu memberitahu orang ramai bahawa dia berkuasa menghidupkan orang yang mati. Kerana itu saya mencadangkan supaya dia dihukum bunuh," kata Syeikh Aslam.

"Menjatuhkan hukuman bunuh pada seorang ulama yang terbilang bukan perkara mudah. Kerana itu ada baiknya kita tunggu kepulangan Sultan Murad dari Pulau Magnesia," kata Sultan Muhammad pula.

"Itu mengambil masa yang lama. Setiap hari pengikut Syeikh Bayram semakin bertambah. Tuanku sudah diberi kuasa oleh Sultan Murad bagi memangku jawatannya. Tuanku berkuasa menjatuhkan hukuman."

Namun Sultan Muhammad al-Fateh tidak mahu bertindak terburu-buru. "Lebih baik kita siasat dahulu perkara ini. Sekiranya terbukti kebenarannya barulah hukuman dijatuhkan," katanya.

"Tuanku jangan membuang masa kerana Syeikh Bayram sudah melakukan kesalahan. Kerana itu hukuman mesti dijatuhkan," desak Syeikh Aslam.

Sultan Muhammad kelihatan serba-salah. Melihat keadaan itu, Syeikh Aslam berkata lagi, "Saya khuatir Syeikh Bayram sedang merancang hendak merampas kuasa kerana rumahnya selalu dikunjungi oleh orang-orang yang tidak dikenali. Mereka selalu berkumpul di rumah itu pada waktu malam."

Mendengar aduan itu Sultan Muhammad seolah-olah tidak dapat menahan perasaannya. Darah mudanya cepat mendidih. "Kita pergi ke rumah Syeikh Bayram sekarang juga," katanya.

Sultan Muhammad dengan diiringi oleh Syeikh Aslam dan beberapa orang pengawal bergegas ke rumah Syeikh Bayram. Kedatangan mereka disambut oleh anak-anak dan isteri ulama terkenal itu.

"Di mana Syeikh Bayram?" tanya Sultan Muhammad.

"Dia berada di dalam biliknya. Mungkin sedang beramal ibadat," jawab isteri Syeikh Bayram.

"Mungkin dia sengaja bersembunyi di dalam biliknya. Elok kita sendiri yang menemuinya," bisik Syeikh Aslam kepada Sultan Muhammad.

Mereka segera naik ke rumah. Isteri Syeikh Bayram membawa mereka ke sebuah bilik kecil yang dijadikan tempat beribadat oleh Syeikh Bayram. Tetapi pintu bilik itu berkunci dari dalam. Mereka memanggil nama Syeikh Bayram supaya membuka pintu itu tetapi tiada jawapan.

"Dia sengaja bersembunyi di dalam bilik ini kerana takut," bisik Syeikh Aslam.

"Pecahkan pintu ini," perintah Sultan Muhammad al-Fateh selepas puas memanggil nama Syeikh Bayram namun tidak ada jawapan.

Beberapa orang pengawal bertindak memecahkan pintu bilik itu, kemudian mereka segera masuk. Kelihatan Syeikh Bayram sedang sujud di tempat sembahyangnya.

"Jangan ganggu, dia sedang bersembahyang," kata Sultan Muhammad al-Fateh kerana menyangka ulama terbilang itu sedang sujud dalam sembahyang.

Namun mereka berasa pelik kerana Syeikh Bayram sujud terlalu lama. Dia seolah-olah kaku di tempat sujudnya. Sultan Muhammad al-Fateh segera mendekati Syeikh Bayram.

"Dia sudah tidak bernyawa lagi...," kata Sultan Muhammad al-Fateh selepas memeriksa denyutan nadi Syeikh Bayram.

Berita itu tersebar dengan begitu cepat. Orang ramai terutama anak-anak muridnya berkumpul di rumah ulama terkenal itu. Sultan Murad memendekkan percutiannya selepas mendapat tahu Syeikh Bayram meninggal dunia. Sultan Murad memerintahkan supaya Syeikh Bayram dikebumikan dengan penuh penghormatan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ulama.

"Bagaimana dengan ucapan Syeikh Bayram, 'Wahai mayat, hidup dan bangunlah dengan izin aku.' Apakah itu tidak menjadi kesalahan?" tanya Sultan Muhammad inginkan penjelasan.

"Sebenarnya semasa Syeikh Bayram berkata, 'dengan izin aku itu,' dia sedang mengalami *tajalli* Allah. Hakikatnya Allah yang berkata-kata dengan sifat kalam-Nya melalui Syeikh Bayram. Dengan erti kata lain, Syeikh Bayram cuma menterjemahkan sahaja kalam Allah. Sebenarnya 'dengan izin aku' itu tetap bermaksud dengan izin Allah," kata Syeikh Syamsudin al-Wali dengan panjang lebar.

Syeikh Aslam insaf dengan kesalahan yang dilakukannya. Dia berasa amat menyesal lalu bertaubat dan berjanji tidak melakukannya lagi.

"Syeikh Bayram digantikan oleh Syeikh Syamsudin al-Wali. Dia dilantik menjadi penasihat sultan," kata Sultan Murad pula.

9

Antara Kasih dan Benci

"Hai orang-orang yang beriman, perangilah orang-orang kafir di sekitar kamu itu, dan hendaklah mereka menemui kekerasan daripadamu, dan ketahuilah, bahawa Allah berserta orang-orang yang bertakwa."

-Surah *al-Taubah*: 123

Apabila kasih bertukar benci maka dendam kesumat menjadi pertaruhannya. Zaqhanus yang sekian lama disanjung dan dipuja sebagai ketua agama kini adalah insan yang paling dibenci oleh Maharaja Konstantine dan rakyatnya. Mereka seolah-olah diserang histeria apabila mendengar berita ketua paderi itu berpaling tadah dan memeluk agama Islam.

"Zaqhanus adalah pengkhianat. Aku tidak maafkan dia. Muka aku ini seperti dilumurkan dengan najis!" herdik Maharaja Konstantine sebaik sahaja mendapat tahu ketua paderi itu sudah memeluk agama Islam.

"Bagaimana seorang ketua paderi yang taat kepada agama, berilmu pengetahuan, keras hati, dan bijaksana boleh dikalahkan oleh musuh kita?" tanya Alexsi kepada penyampai berita.

"Seorang ulama Islam bernama Syeikh Bayram sudah membuktikan kebenaran hadis itu. Dia berjaya menghidupkan orang yang sudah mati. Kerana itu Zaqhanus terpaksa mengaku kalah lalu memeluk agama Islam," beritahu pengiring Zaqhanus.

"Karut! Saya tidak percaya!" jerit Maharaja Konstantine.

"Benar tuanku. Kami melihat dengan mata sendiri kejadian itu. Ulama itu berdoa lalu lubang kubur itu terbuka. Kemudian dia menyuruh mayat di dalam kubur itu bangun lalu berkata-kata."

"Diam! Jangan ulangi lagi cerita karut itu. Sekiranya kamu ulangi lagi aku bunuh!" tempik Maharaja Konstantine. "Baiklah, tuanku. Saya berjanji tidak ceritakan lagi perkara itu," kata pengiring Zaqhanus ketakutan.

"Mengapa kamu biarkan sahaja? Mengapa tidak pujuk Zaqhanus supaya jangan masuk Islam?" tanya Panglima Ardogan pula.

"Kami sudah memujuknya tetapi dia tetap bertegas malah mengancam hendak membunuh kami sekiranya kami menghalang niatnya itu," jawab pengiring itu.

"Zaqhanus banyak mengetahui rahsia kita. Sekiranya dia berpaling tadah, dia boleh mengancam keselamatan kita," kata Panglima Ardogan.

Bertambah marah Maharaja Konstantine mendengarnya. Mukanya merah bagaikan udang dibakar. Matanya merah bagaikan biji saga.

"Aku mahu Zaqhanus dibawa pulang ke Konstantinopel walau dengan apa cara sekalipun," katanya.

"Saya cadangkan tuanku hantar surat kepada Sultan Murad, minta dipulangkan Zaqhanus. Sekiranya dia enggan, kita gunakan kekerasan," kata Panglima Ardogan pula.

Maharaja Konstantine bersetuju dengan cadangan itu. Baginda menulis sepucuk surat lalu menyuruh seorang utusan menghantarkannya kepada Sultan Murad. Apabila membaca surat itu, Sultan Murad berbincang dengan Zaqhanus dan Sultan Muhammad al-Fateh.

"Wahai Zaqhanus, saudara bebas membuat pilihan sama ada bersetuju dihantar pulang ke Konstantinopel ataupun terus tinggal di sini," kata Sultan Murad.

"Sekiranya saya dihantar balik ke Konstantinopel, saya dihukum bunuh oleh maharaja yang zalim itu. Kerana itu jangan hantar saya pulang. Saya mahu terus menetap di sini kerana berasa selamat," rayu Zaqhanus.

"Selepas Zaqhanus memeluk Islam, dia menjadi saudara kita. Kerana itu kita bertanggungjawab melindungi keselamatannya," sampuk Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Tetapi sekiranya Zaqhanus hendak pulang ke Konstantinopel secara sukarela, kita tidak boleh menghalangnya. Kerana itu ayahanda memanggilnya berbincang," ujar Sultan Murad.

"Saya tidak mahu balik ke Konstantinopel. Hidup dan mati

saya biarlah di sini," tegas Zaqhanus.

"Bagaimana pula dengan anak dan isteri saudara?" tanya Sultan Muhammad pula.

"Saya tidak mempunyai anak dan isteri. Saya tidak boleh berkahwin apabila menjadi paderi," jawab Zaqhanus.

"Apabila saudara memutuskan menetap di sini, kami carikan seorang perempuan bagi dijadikan isteri." Zaqhanus tersenyum mendengar janji Sultan Murad.

"Sekiranya kita enggan memenuhi permintaan Maharaja Konstantine, kemungkinan mereka menggunakan kekuatan tentera. Kerana itu kita mesti bersiap-sedia," kata Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Benar kata anakanda itu," kata Sultan Murad. "Perintahkan tentera kita bersiap-sedia menghadapi serangan musuh."

"Saya sanggup bersama-sama tuanku menentang mereka. Dulu mereka kawan saya tetapi sekarang sudah menjadi musuh saya," kata Zaqhanus pula.

Sultan Murad menemui utusan Maharaja Konstantine lalu berkata, "Kami tidak dapat memenuhi permintaan kamu. Katakan kepada maharaja kamu yang kami sanggup berperang bagi mempertahankan Zaqhanus."

Utusan Maharaja Konstantine pulang dengan perasaan hampa kerana Sultan Murad tidak mahu memenuhi permintaan maharaja mereka. Maharaja Konstantine bertambah marah. Mereka mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan tindakan yang patut dilakukan.

"Kita kerahkan seluruh kekuatan tentera yang ada bagi menghancurkan mereka," kata Panglima Argodan dengan begitu bersemangat.

"Apakah kita mampu mengalahkan mereka?" tanya Maharaja

Konstantine pula.

"Tentera kita bersemangat tinggi bagi menyelamatkan ketua paderi mereka. Saya yakin kita boleh mengalahkan mereka," jawab Panglima Ardogan.

"Jangan begitu yakin." Alexsi pula menyampuk. "Tentera kita sudah beberapa kali bertempur dengan tentera kerajaan Usmaniah. Setiap kali pertempuran berlaku, tidak ada yang menang dan tidak ada yang kalah. Apakah kita sanggup mengorbankan banyak nyawa kerana Zaqhanus seorang?"

"Kamu ada cadangan yang lebih baik?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Kita mempunyai harta simpanan yang banyak. Saya cadangkan kita tukar Zaqhanus dengan harta itu," jawab Alexsi lalu mencadangkan supaya mereka memberikan Sultan Murad harta itu sebagai pertukaran dengan Zaqhanus.

"Kita dituduh pengecut!" bantah Panglima Ardogan.

"Harta boleh kita cari. Tetapi bagaimana dengan nyawa tentera kita? Sekiranya berlaku peperangan, bukan nyawa sahaja yang terkorban tetapi banyak harta terpaksa dibelanjakan hanya kerana Zaqhanus seorang."

"Sekiranya begitu kita lupakan sahaja Zaqhanus. Biarkan dia memilih jalan hidupnya sendiri." Akhirnya Panglima Ardogan mengalah.

"Zaqhanus tidak boleh dibiarkan hidup," bantah Maharaja Konstantine pula. "Kamu tahu apa terjadi sekiranya Zaqhanus ber-paling tadah dengan membocorkan rahsia pertahanan kita kepada musuh? Dan lebih menakutkan sekiranya Zaqhanus membantu tentera kerajaan Usmaniah menyusup masuk ke dalam kota Konstantinopel."

Akhirnya mereka mencapai kata sepakat bagi menghadiahkan

sejumlah emas dan intan kepada Sultan Murad sekiranya baginda bersetuju menghantar pulang Zaqhanus. Sekali lagi utusan Maharaja Konstantine berangkat menemui Sultan Murad.

"Kami tidak menukarkan Zaqhanus walaupun dengan emas dan intan setinggi gunung," tegas Sultan Murad menolak tawaran itu.

"Apakah tuanku lebih suka memilih peperangan?" ugut ketua utusan itu.

"Antara kita memang sudah lama bermusuhan. Beritahu maharaja kamu, kami bersedia berperang pada bila-bila masa sahaja," kata Sultan Murad.

"Apabila terjadi peperangan, yang kalah menjadi abu. Mereka yang menang menjadi arang. Kedua-dua pihak sama-sama mendapat kerugian. Apakah tuanku sanggup mengorbankan nyawa tentera Islam hanya kerana mahu mempertahankan Zaqhanus seorang?" tanya utusan itu lagi.

"Zaqhanus sudah menjadi saudara kami di dunia dan akhirat. Kerana itu kami bertanggungjawab menjaga keselamatannya. Sekiranya berlaku peperangan, kami berperang kerana Tuhan kami bukan kerana Zaqhanus. Sesungguhnya kami mencintai syahid sebagaimana kamu mencintai hidup," jawab Sultan Murad.

Sekali lagi utusan itu pulang dengan perasaan hampa. Dendam Maharaja Konstantine semakin membara. "Kita gunakan cara lain bagi menjatuhkan kerajaan Usmaniah," tekadnya.

"Tentera Rom takut menyerang kita," kata Sultan Murad. Kemudian katanya lagi, "Ayahanda mahu pergi semula ke Pulau Magnesia. Sekiranya boleh ayahanda mahu menetap lama di sana. Semasa ketiadaan ayahanda, anakanda yang bertanggungjawab pada kerajaan Usmaniah ini."

"Baiklah, ayahanda. Anakanda setuju," balas Sultan Muhammad al-Fateh.

10



Helah Sultan Murad

"Hai Nabi (Muhammad), kobarkanlah semangat para mukmin itu untuk berperang. Sekiranya ada dua puluh orang yang sabar antara kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh. Dan sekiranya ada seratus orang (yang sabar) antaramu, mereka dapat mengalahkan seribu daripada orang-orang kafir, disebabkan orang-orang kafir itu kaum yang tidak mengerti."

-Surah *al-Anfal*: 65

"Tuanku, Sultan Murad jatuh sakit. Baginda terpaksa berehat semula ke Pulau Magnesia," beritahu Alexsi sambil tersenyum. Dia yakin berita itu pasti menggembirakan Maharaja Konstantine.

"Mengapa tuanku termenung? Adakah berita ini tidak menggembirakan hati tuanku?" tanya Alexsi. Gusar juga hatinya.

"Tentulah aku gembira," jawab Maharaja Konstantine.

"Mengapa tuanku termenung?" tanya Alexsi lagi.

"Aku sedang memikirkan apakah cara yang paling baik bagi melayan musuh nombor satu kita itu," jawab Maharaja Konstantine.

"Kita hantar tentera ke Pulau Magnesia kemudian kita hantar Sultan Murad ke neraka," kata Alexsi sambil tersenyum.

"Bagaimana sekiranya kita kirim ubat kepada Sultan Murad?" tanya Maharaja Konstantine pula. Terbeliak mata Alexsi mendengarnya.

"Tuanku hendak mengirim ubat kepada musuh kita? Adakah saya sedang bermimpi?" kata Alexsi sambil menarik-narik rambutnya bagi memastikan benarkah dia sedang bermimpi?

"Dalam ubat itu kita bubuh racun supaya dia mati cepat!" kata Maharaja Konstantine sambil tertawa. Kemudian Alexsi juga ketawa.

"Saya setuju cadangan tuanku," kata Alexsi selepas ketawa mereka reda.

"Jangan jadi bodoh. Kita tidak mungkin menunjukkan sikap baik pada musuh. Kita hantar pasukan tentera, bukannya ubat," balas Maharaja Konstantine.

"Adakah kita berperang dengan tentera Usmaniah?" tanya Alexsi ragu-ragu.

"Adakah engkau takut?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Tidak... saya tidak takut. Sebab...."

"Adakah engkau mengatakan yang pergi berperang adalah tentera kita? Sedangkan kita berada di dalam istana?"

"Maafkan saya, tuanku. Saya tidak berkata begitu."

"Apa yang engkau hendak katakan tadi?"

"Saya tidak takut berperang dengan tentera Islam kerana tanggungjawab kita memerangi mereka."

Maharaja Konstantine tertawa mendengarnya. "Kali ini kita sama-sama pergi berperang," katanya.

"Maksud tuanku kita kerahkan semua tentera kita dan tuanku sendiri yang memimpinnya?"

"Benar dan suruh Panglima Ardogan datang menghadap!"

Selepas panglima perang itu datang Maharaja Konstantine memberikan perintah, "Kita bakal berperang dengan tentera Islam. Kerahkan semua tentera kita bersiap-sedia!"

"Baiklah, tuanku," kata Panglima Ardogan.

Berita itu sampai ke pengetahuan Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda mengadakan mesyuarat dengan pegawai-pegawainya. "Kali ini Maharaja Konstantine sendiri yang memimpin bala tenteranya bagi menyerang kita. Mereka sedang bergerak menuju ke sini dan sudah sampai ke sempadan," beritahu Sulaiman Uglo, panglima tentera yang bertanggungjawab mengawal sempadan Turki.

"Tuanku belum ada pengalaman berperang. Bagaimana caranya tuanku hendak menghadapi musuh kita?" tanya Khalil Pasya pula. Dia seolah-olah meragui kemampuan Sultan Muhammad al-Fateh menghadapi serangan tentera Rom.

"Saya menulis surat kepada ayahanda Sultan Murad. Hanya baginda yang layak memimpin kita menghadapi tentera Rom," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya bersetuju dengan tindakan tuanku," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula yang turut berada dalam mesyuarat itu.

Kemudian Sultan Muhammad menyuruh jurutulisnya menulis sepucuk surat bagi dikirimkan kepada Sultan Murad.

"Apa pendapat tuanku mengenai surat yang dikirim oleh Sultan Muhammad itu?" tanya Mahmud Basya yang menemani Sultan Murad ke Pulau Magnesia.

"Sultan Muhammad sekarang memangku tugas sultan Usmaniah. Ini adalah arahan daripada seorang sultan. Saya mesti mematuhinya," jawab Sultan Murad.

Baginda dan para pengiringnya segera kembali ke Turki. Sultan Muhammad menyambut kepulangan ayahandanya dengan gembira. "Kepulangan ayahanda memang kami harapkan. Tentera musuh sudah berada di sempadan. Mereka sampai tidak lama lagi," katanya.

Kemudian Sultan Muhammad menyerahkan semula tugas yang dipangkunya itu kepada Sultan Murad. "Sekarang, ayahanda sultan Usmaniah. Kami berada di bawah perintah ayahanda," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Sultan Murad segera membentuk pasukan tenteranya. Kemudian baginda sendiri memimpin tentera itu bagi menghadapi tentera Byzantine yang sudah berada di perbatasan negaranya. Berita kedatangan Sultan Murad dengan pasukan tenteranya itu sampai kepada Maharaja Konstantine. Baginda segera berbincang dengan para pembantunya.

"Sultan Murad sudah sembuh daripada sakitnya. Sekarang baginda sudah kembali ke Turki dan memimpin pasukan tenteranya berperang dengan kita. Apa pandangan kamu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Peperangan dengan tentera Islam tidak dapat dielakkan lagi.

Kita hendaklah bersiap-sedia bagi menghancurkan mereka," kata Panglima Ardogan penuh bersemangat.

"Tuanku, saya cadangkan kita tunggu kedatangan mereka di sini. Sambil itu kita bina kubu bagi menghadapi mereka. Kita kuasai semua perigi dan sumber air supaya mereka kehausan." Alexsi pula memberikan cadangan.

"Beta setuju dengan cadangan kamu," kata Maharaja Konstantine.

Kemudian baginda mengarahkan tenteranya membuat kubu perlindungan bagi menghadapi tentera Islam. Mereka juga menguasai semua perigi dan sumber air minuman.

Apabila Sultan Murad dan pasukan tenteranya sampai di Mazadi, mereka dapati tentera musuh sudah menunggu di sana. Kebetulan pula ketika itu hari hampir senja. Sultan Murad kelihatan termenung memikirkan apakah tindakan yang perlu dilakukannya.

"Tentera musuh sudah bersiap-sedia di dalam kubu-kubu perlindungan mereka. Tentera kita pula dalam keletihan kerana perjalanan yang jauh. Apa yang perlu kita lakukan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Biarkan tentera kita berehat sehingga tengah malam. Kemudian kita lakukan serangan mengejut ke kubu-kubu musuh," jawab Panglima Sulaiman Uglo.

"Lebih baik kita contohi apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika hendak menawan Mekah. Kamu masih ingat apa yang dilakukan oleh baginda?" tanya Sultan Murad kepada Sultan Muhammad.

"Apabila sampai di Mur Dahram, baginda memerintahkan tentera Islam berkhemah dan menyalakan api," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kita juga berkhemah di sini dan perintahkan setiap tentera kita supaya menyalakan 10 unggun api," perintah Sultan Murad.

"Setiap tentera kita menyalakan 10 unggun api? Jumlahnya terlalu banyak. Kerana apa tuanku?" tanya Khalil Pasya pula.

"Itu adalah suatu muslihat bagi menakutkan pihak musuh. Cara itu pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW semasa menawan kota Mekah," jawab Sultan Murad.

Kedatangan tentera Usmaniah itu sedang diintip oleh tentera Byzantine. Mereka terkejut apabila melihat unggun api yang terlalu banyak lalu mengadukan perkara itu kepada Maharaja Konstantine.

"Tentera Islam berkhemah di Mazadi. Jumlah mereka berlipat kali ganda daripada tentera kita," kata Alexsi sambil melahirkan rasa takutnya.

"Bagaimana engkau boleh tahu jumlah mereka berlipat kali ganda daripada jumlah kita?" tanya Maharaja Konstantine.

"Mereka memasang unggun api. Jumlah unggun api yang terpasang bagaikan bintang di langit banyaknya," jawab Alexsi.

Maharaja Konstantine tidak percaya lalu baginda pergi melihatnya sendiri. Benar seperti yang dilaporkan oleh perdana menterinya. Unggun api yang dipasang oleh tentera Sultan Murad bagaikan bintang di langit banyaknya. Timbul rasa takut di hati Maharaja Konstantine. "Kita tidak boleh menang sekiranya berperang di tempat ini. Lebih baik kita tunggu mereka dari dalam kota Konstantinopel. Kota itu teguh dan mereka tidak dapat mengalahkan kita," kata Maharaja Konstantine.

Malam itu juga baginda memerintahkan tenteranya meninggalkan tempat itu lalu pulang semula ke kota Konstantinopel. Esok paginya tentera Islam mendapati musuh sudah meninggalkan tempat itu.

"Helah tuanku berjaya menimbulkan ketakutan di hati musuh. Mereka tidak berani berperang dengan kita," kata Panglima Tharhan. Dia gembira kerana tidak berlaku pertumpahan darah.

"Sesiapa yang berperang mengikut cara Rasulullah SAW pasti berjaya," kata Sultan Murad sambil mengucapkan rasa syukur.


"Musuh sudah berundur. Apakah kita perlu mengejar mereka ataupun bagaimana?" tanya Sulaiman Uglo pula.

"Kita juga berundur dan kembali ke tempat kita," jawab Sultan Murad.

"Maknanya tidak berlaku peperangan antara kita dengan tentera Byzantine?" tanya Khalil Pasha pula.

"Kita berjaya menakutkan musuh. Itu lebih baik daripada terjadinya peperangan," jawab Sultan Murad.

11



Pengintip

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan bapa-bapa dan saudara-saudaramu pemimpin-pemimpinmu, sekiranya mereka lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan dan siapa antara kamu yang menjadikan mereka pemimpin-pemimpinmu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

-Surah *al-Taubah*: 23

Selesai sembahyang Subuh dan selepas mendengar kuliah Subuh yang disampaikan oleh Syeikh Syamsudin al-Wali, Sultan Murad termenung seolah-olah ada sesuatu yang sedang difikirkannya. Sultan Muhammad menghampiri ayahandanya lalu bertanya, "Mengapa ayahanda termenung? Apakah yang menggangu fikiran ayahanda?"

"Nabi Muhammad SAW mengatakan, Konstantinopel hanya dapat ditawan oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik. Apakah ayahanda bukan pemimpin yang baik? Apakah tentera dan rakyat kita tidak baik? Apa pendapat anakanda?" tanya Sultan Murad pula.

Syeikh Syamsudin al-Wali yang turut berada di situ segera menjawab, "Tuanku sememangnya seorang pemimpin yang baik. Rakyat memuji kepimpinan tuanku."

"Bagaimana pula dengan tentera dan rakyat saya? Adakah mereka tidak baik?" tanya Sultan Murad.

"Bagi mengetahui keadaan rakyat dan tentera, lebih baik kita selidik sendiri keadaan mereka," jawab Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Maksud anakanda kita keluar lalu menyamar diri bagi mengetahui keadaan mereka?"

"Itu sahaja caranya, ayahanda."

Sultan Murad bersetuju dengan cadangan itu. Baginda mengajak Sultan Muhammad al-Fateh dan Syeikh Syamsudin al-Wali turut menemani mereka. Mereka menyamar sebagai peminta sedekah.

"Rahsiakan pemergian kita dan jangan beritahu sesiapa walaupun kepada anak dan isteri," pesan Sultan Murad.

"Jangan bimbang tuanku kerana tidak ada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Tuhan sahaja," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Mula-mula mereka masuk ke pasar melihat urusan jual beli. Mereka dapati ramai peniaga yang menipu sukatan dan timbangan bagi mendapat keuntungan yang lebih. Para peniaga itu marah apabila menyedari tiga orang lelaki yang menyamar sebagai peminta sedekah itu melihat penipuan mereka.

"Di sini tempat berniaga, bukan tempat meminta sedekah. Pergi dari sini!" kata seorang peniaga sambil menghalau mereka pergi dari situ.

"Kami lapar, minta sedikit makanan." Sultan Murad pura-pura merayu menagih simpati.

"Aku tidak beri makanan secara percuma. Pergi buat kerja dahulu," herdik peniaga yang sombong itu.

"Apa kerja yang boleh kami lakukan?" tanya Syeikh Syamsudiun al-Wali.

"Di sini tidak ada kerja kosong. Pergi minta kerja ke tempat lain," jawab peniaga itu sambil mencekak pinggang. Akhirnya Sultan Murad, Sultan Muhammad dan Syeikh Syamsudin al-Wali pergi dari situ.

"Para peniaga tidak menunjukkan sikap yang baik. Kita perlu lakukan sesuatu bagi mengubah sikap mereka," kata Sultan Murad.

"Apa yang ayahanda mahu lakukan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kita keluarkan arahan supaya para peniaga tidak boleh mengurangkan sukatan dan timbangan. Mereka juga diminta bersikap belas kasihan pada orang-orang miskin dan mereka yang memerlukan bantuan," jawab Sultan Murad.

"Anakanda menyokong tindakan ayahanda," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Itulah yang sebaik-baiknya," ujar Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

Kemudian mereka pergi ke rumah keluarga yang miskin lalu pura-pura meminta sedekah. Tetapi dihalau oleh keluarga itu dengan berkata, "Kami orang miskin. Bagaimana kami hendak memberi kamu makanan sedangkan kami sendiri kekurangan makanan."

"Sesungguhnya memuliakan tetamu itu dituntut oleh agama kita," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Bagaimana kami hendak memuliakan kamu sedangkan kami sering dihina kerana kemiskinan kami," jawab tuan rumah itu.

"Kata-kata yang baik itu adalah sedekah. Kerana itu elok tuan perbaiki pertuturan," kata Sultan Murad.

"Bagaimana hendak menuturkan kata-kata yang baik sedangkan kami selalu dimaki dan dihina kerana kemiskinan kami," jawab mereka.

Kemudian mereka pergi pula ke rumah orang yang kaya lalu pura-pura meminta sedekah, "Tuan orang kaya. Tentu banyak makanan di rumah tuan. Berilah kami sedikit makanan," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Engkau masih muda badan masih kuat, mengapa jadi peminta sedekah?" herdik tuan rumah itu.

"Saya sudah tua dan tidak mampu lagi hendak bekerja. Berilah kami sedikit makanan," kata Sultan Murad pula.

"Aku tidak beri makanan secara percuma. Buat kerja dahulu baru aku beri makanan." Tuan rumah itu mempamerkan kesombongannya.

"Apakah kerja yang patut kami lakukan?" tanya Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

"Kebetulan aku memang memerlukan pekerja bagi membersihkan kebun buah-buahan. Kamu boleh bekerja di sana," jawab orang kaya yang sombong itu.

Kemudian disuruhnya tiga orang tetamu itu bekerja di kebunnya. Selepas membersihkan kebun itu, mereka menuntut upah yang dijanjikan.

"Kerana kamu bukan pekerja yang mahir maka upahnya cuma tiga dinar sahaja," kata lelaki itu.

"Kami bekerja di kebun tuan sampai ke petang. Ini sahaja upahnya?" tanya Sultan Murad.

"Itu lebih baik daripada aku tidak memberinya langsung," jawab orang kaya itu lalu menghalau mereka pergi dari situ sambil memberi amaran supaya jangan datang lagi.

"Kita perlu melakukan sesuatu supaya orang kaya tidak menindas mereka yang miskin," kata Sultan Murad.

"Bagaimana caranya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Kita pastikan setiap orang kaya mengeluarkan zakat hartanya bagi diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Dengan ini baru timbul rasa belas kasihan mereka yang kaya kepada golongan miskin. Dengan ini juga terjalin hubungan baik antara mereka," jawab Sultan Murad.

"Sekiranya mereka enggan mengeluarkan zakat?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Kita perangi mereka," jawab Sultan Murad.

Kemudian mereka nampak beberapa orang tentera sedang meronda di suatu kawasan perumahan. Anggota tentera itu mengambil kesempatan mencuri barang-barang dan mengusik kaum wanita yang sedang membasuh pakaian dan mandi di sungai.

"Tugas tentera melindungi orang ramai bukan menakut-

nakutkan mereka," kata Sultan Murad dengan rasa kesal.

Kemudian mereka terjumpa seorang pemuda sedang menggembala kambing. "Adakah ini kambing-kambing saudara?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya cuma mengambil upah menjadi pengembala. Kambing-kambing ini dipunyai oleh tuan saya, seorang saudagar yang kaya," jawab pemuda itu.

"Jualkan seekor kambing itu kepada kami dan tuan kamu tentu tidak mengetahuinya. Ataupun sekiranya dia bertanya, katakan kambingnya itu dimakan serigala," kata Sultan Murad.

Sambil tersenyum pemuda itu berkata, "Saya setuju, tambahan pula upah yang diberi sedikit sahaja sedangkan kerjanya susah."

"Alangkah buruknya kelakuan rakyat saya. Kerana itu tidak hairan saya tidak berjaya menakluk kota Konstantinopel," kata Sultan Murad dengan rasa kesal.

"Kita mesti berusaha membaiki kelakuan tentera dan rakyat kita," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Mereka bertiga terus berjalan hingga sampai ke pinggir kota Konstantinopel. "Kita berhenti di sini supaya tidak bertembung dengan pengawal kota itu," kata Sultan Murad.

Kemudian mereka melihat kota Konstantinopel dari jauh. Itulah pertama kali Sultan Muhammad al-Fateh melihatnya dari dekat. Baginda kagum melihat keadaan kota itu terletak di tempat yang strategik. Kota itu menghadap ke laut dan setiap kapal yang hendak berlabuh terpaksa melalui kawasan teluk yang sempit dan dikawal ketat oleh tentera Byzantium.

Di sebelah kiri kota itu terdapat kawasan berbukit yang dipenuhi hutan tebal. Manakala di sebelah belakangnya terdapat kawasan perumahan yang didiami oleh rakyat Konstantinopel.

"Kota Konstantinopel ini sudah berkali-kali cuba ditakluki oleh tentera Islam tetapi tidak berjaya. Pada zaman Saidina Ali, tentera Islam melakukan serangan dari darat namun gagal. Pada zaman Muawiyah, mereka cuba menyerangnya dari laut namun gagal juga. Begitu juga semasa pemerintahan Sultan Sulaiman bin Abdul Malik dan Sultan Harun Aminurrasyid. Dan kali terakhir ayahanda cuba menawannya 20 tahun yang lalu namun masih tidak berjaya menaklukinya," kata Sultan Murad dengan panjang lebar.

"Saya yakin kota ini dapat ditawan oleh tentera Islam tidak lama lagi. Hadis nabi itu berlaku pada zaman ini," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Kemudian Sultan Murad memegang kedua-dua bahu Sultan Muhammad sambil berkata, "Ayahanda gagal menawan kota Konstantinopel. Kerana itu ayahanda berharap anakanda meneruskan usaha ini. Kota Konstantinopel mesti anakanda tawan. Itu wasiat ayahanda," kata Sultan Murad.

"Anakanda pasti berusaha menawannya," balas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Nabi Muhammad SAW berkata, kota Konstantinopel ditakluki oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

"Wahai anakanda, jadilah pemimpin yang baik. Berilah latihan kepada pasukan tentera kita supaya menjadi tentera yang baik dan didiklah rakyat kita menjadi baik," pesan Sultan Murad.

12



Wasiat



"Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak ikut) berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan Allah mengetahui orang-orang yang bertakwa."

-Surah *al-Taubah*: 44

Pagi itu selepas sembahyang Subuh, Sultan Murad mengadu dadanya sakit dan mengalami sesak nafas. "Mungkin kakanda keletihan kerana sepanjang malam tadi kakanda beramal ibadat, tidak tidur sampai ke pagi," kata Permaisuri Aishah.

Sultan Murad seolah-olah tidak menghiraukan kata-kata isterinya. Baginda masih mengurut dadanya dengan tapak tangan. Melihat keadaan itu Permaisuri Aishah berkata lagi, "Sejak pulang dari Pulau Magnesia, kakanda seolah-olah tidak menghiraukan kesihatan diri. Pada siang hari kakanda berpuasa, pada sebelah malam kakanda beramal ibadat sampai ke pagi."

"Kakanda sudah tua. Entah hari ini, esok ataupun lusa kakanda dijemput menghadap yang maha esa. Kakanda merasakan bekalan mahu dibawa ke sana masih belum mencukupi. Kerana itu kakanda mahu menghabiskan sisa-sisa umur yang masih ada ini dengan membanyakkan amal ibadat. Urusan negara kakanda serahkan kepada putera kita, Sultan Muhammad," kata Sultan Murad pula.

"Kakanda perlu menjaga kesihatan diri. Makan dan minum perlu dijaga. Rehat secukupnya," kata Permaisuri Aishah sambil melahirkan kebimbangan di hatinya.

"Sekiranya diturutkan rasa hati, kakanda tidak mahu lagi makan, minum dan tidur kerana ia mengganggu kakanda hendak beramal ibadat."

"Kakanda seorang sultan yang baik. Apakah kakanda merasa berdosa sedangkan kakanda tidak berlaku zalim dan tidak pernah membuat maksiat?"

"Wahai Aishah, tidakkah adinda tahu Nabi Muhammad SAW seorang nabi dan rasul. Tempatnya sudah terjamin di syurga namun baginda beramal ibadat sehingga kakinya bengkak kerana lama berdiri bersembahyang sunat. Sedangkan kakanda cuma seorang sultan."

Permaisuri Aishah terdiam. Dia tahu apa yang dikatakan oleh suaminya itu benar. Cuma dia kasihan melihat keadaan suaminya yang sedang menanggung kesakitan. Apabila mendapati keadaan Sultan Murad semakin teruk, doktor dipanggil bagi memberikan rawatan. Namun keadaannya semakin tenat. Menyedari ajalnya semakin hampir, Sultan Murad memanggil Sultan Muhammad dan para pembantunya supaya berada di sisinya.

"Anakandaku," kata Sultan Murad dengan nada suara yang perlahan menahan kesakitan. "Malaikat maut datang mencabut nyawa ayahanda pada bila-bila masa sahaja. Selepas ayahanda mangkat, anakandalah yang menjadi penggantinya."

Sultan Muhammad tunduk mendengar wasiat ayahnya itu. Baginda berasa sebak. Kemudian Sultan Murad berkata lagi, "Empayar Turki Usmaniah yang anakanda warisi ini ditegakkan oleh moyang kita bernama Usman. Sebelum mangkat baginda ada meninggalkan wasiat dan wasiat itu mesti dipatuhi oleh sesiapa sahaja yang menjadi pemerintah."

Kemudian Sultan Murad menyuruh isterinya mengambil sebuah kotak kecil yang tersimpan di bawah katil di dalam bilik tidurnya. Di dalam kotak itu tersimpan sekeping surat wasiat bertulisan tangan yang ditinggalkan oleh Sultan Usman, pengasas kerajaan Turki Usmaniah. Kemudian Sultan Murad menyuruh Sultan Muhammad membaca surat wasiat itu.

'Surat wasiat ini ditulis oleh Usman bin Sauji bin Artugrul bin Sulaiman Shah bin Kia Alp. Harapan pertamaku kepada anak-anak, cucu-cucu, keturunanku, dan sahabat-sahabatku ialah kamu junjung tinggi agama Islam yang agung ini. Terus berjuang menegakkan syariat Islam selagi hayat dikandung badan. Bagi mencapai kesempurnaan dan kejayaan dalam berjihad, kamu hendaklah sentiasa mengibarkan bendera suci Nabi Muhammad SAW.

Aku berwasiat kepada kamu, hendaklah sanggup mengorbankan

jiwa raga kamu demi berbakti kepada Islam kerana Allah yang maha berkuasa sudah mempertanggungjawabkan kepadaku, hamba-Nya yang hina ini bagi menguasai negara-negara lain. Kamu hendaklah meneruskan perjuanganku ini bagi menyebarkan kalimat tauhid ke merata dunia. Yakinlah sesungguhnya sesiapa yang jujur dan ikhlas dalam perjuangan ini mendapat syafaat Nabi Muhammad SAW.

Anakku, semua manusia tidak ada yang terlepas daripada kematian. Sekarang dengan kehendak Allah SWT kematian kian menghampiri aku. Dengan ini aku serahkan kepada kamu kuasa pemerintahan ini. Dan kamu serahkan urusan kamu kepada Allah yang maha mengetahui. Aku berwasiat kepada kamu, hendaklah kamu tegakkan keadilan dalam pemerintahan kamu.'

Selesai surat wasiat itu dibacakan oleh Sultan Muhammad, Sultan Murad pula berwasiat, "Ayahanda serahkan kuasa pemerintahan ini kepada anakanda, wahai Muhammad. Jadilah pemimpin yang baik. Bimbing tenteramu menjadi baik dan perintahkan rakyatmu berbuat baik. Teruskan perjuangan menawan kota Konstantinopel kerana hadis Nabi Muhammad SAW mengatakan kota itu dapat ditawan oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik."

Kemudian Sultan Murad berwasiat kepada Syeikh Syamsudin al-Wali, "Anakanda saya Sultan Muhammad masih muda. Saya berwasiat kepada tuan, dampingilah dia selalu. Jangan takut menegur sekiranya tuan dapati dia melakukan kesalahan. Bantulah dia menegakkan syariat Islam."

Syeikh Syamsudin al-Wali menganggukkan kepala tanda menerima wasiat itu. Kemudian Sultan Murad berpaling pula ke arah Panglima Tharhan lalu berkata, "Sayangi Sultan Muhammad seperti kamu menyayangi saya. Hindari permusuhan sesama kamu. Bantulah dia menakluk kota Konstantinopel."

Panglima Tharhan berjanji menunaikan wasiat Sultan Murad

itu. Kemudian baginda menyuruh Syeikh Syamsudin al-Wali membacakan kitab suci al-Quran. Tidak lama kemudian Sultan Murad menghembuskan nafas yang terakhir selepas mengucapkan kalimah syahadah. Seluruh rakyat Turki dan mereka yang berada di tanah jajahannya meratapi pemergian pemimpin yang mereka sayangi. Bermula pada hari itu Sultan Muhammad al-Fateh mengambil alih kuasa pemerintahan. Rakyat menaruh kepercayaan kepada baginda.

"Walaupun Sultan Muhammad baru berusia 19 tahun tetapi saya yakin baginda boleh memerintah dengan baik. Tambahan pula baginda sentiasa didampingi oleh Syeikh Syamsudin al-Wali. Baginda mendapat bimbingan agama daripada seorang ulama yang terbilang. Baginda dididik dengan ilmu peperangan oleh Panglima Tharhan," kata Hamzah Pasya.

"Setiap malam sebelum tidur baginda membaca hadis nabi yang mengatakan kota Konstantinopel ditawan oleh sultan yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik. Baginda berazam supaya apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW itu berlaku semasa pemerintahannya," balas Amir Pasya pula.

Zaqhanus yang mendengar perbualan itu segera menyampuk. "Saya banyak mengetahui mengenai kota Konstantinopel. Mungkin maklumat yang saya ada berguna kepada sultan bagi menawan kota itu."

"Seeloknya saudara berikan maklumat itu kepada Sultan Muhammad. Baginda tentu menghargai kerjasama saudara," kata Hamzah Pasya.

"Sultan masih bersedih dengan pemergian Sultan Murad. Elok saudara tangguhkan dulu pertemuan dengan baginda," nasihat Amir Pasya pula.

Perbualan mereka terhenti apabila seorang pembantu sultan datang lalu berkata, "Sultan Muhammad menjemput saudara

semua masuk ke bilik mesyuarat. Ada perkara yang hendak dimaklumkan oleh baginda," katanya.

"Adakah saya juga dijemput hadir?" tanya Zaqhanus pula.

"Nama saudara juga tercatat dalam senarai jemputan," jawab pembantu sultan.

Di dalam bilik mesyuarat, Sultan Muhammad al-Fateh sedang menunggu kedatangan orang-orang yang dipercayainya termasuk Zaqhanus. Selepas semuanya berkumpul, Sultan Muhammad berkata, "Saya berharap kamu dapat memberikan kerjasama dan taat setia kepada saya seperti yang pernah kamu berikan kepada Sultan Murad. Sekiranya ada bantahan, sila kemukakan sekarang."

"Kami dan semua rakyat mengaku taat setia kepada tuanku. Tidak ada sesiapa yang mahu membuat bantahan," kata Panglima Tharhan

Selepas berpuas hati dengan pengakuan itu, Sultan Muhammad berkata, "Saya mahu menjadi pemimpin yang baik. Saya juga mahu mempunyai pasukan tentera yang baik. Dan saya mahu rakyat di bawah pemerintahan saya menjadi rakyat yang baik."

Sultan Muhammad al-Fateh mengekalkan Khalil Pasya sebagai perdana menteri dan Tharhan sebagai ketua angkatan tentera.

"Saya mahu berkhidmat dalam angkatan tentera," kata Zaqhanus pula.

"Selain menjadi ketua paderi, apakah pengalaman saudara?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Dahulu saya seorang pelaut. Kerana itu saya lebih suka ditugaskan dalam angkatan tentera laut," jawab Zaqhanus.

"Saudara dilantik memimpin angkatan tentera laut," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Bimbinglah tentera kita supaya menjadi tentera yang baik," pesannya.

Kemudian Sultan Muhammad mengeluarkan arahan, sesiapa yang melakukan maksiat ataupun melanggar perintah Tuhan, dikenakan hukuman. "Undang-undang Islam ditegakkan. Sesiapa yang melanggarnya dihukum mengikut hukum Islam," katanya.

Semua menyambut baik perintah itu.

13



Abu Ayub al-Ansari

Nabi Muhammad berkata, "Kebaikan generasi pertama umat ini kerana adanya sifat syahid dan keimanan yang kuat dan bianasanya generasi akhir umat ini kerana adanya sifat bakhil dan banyak berangan-angan."

-Direkodkan oleh Bukhari dan Muslim.

"Peristiwa ini berlaku pada tahun ke-51 hijrah. Ketika itu zaman pemerintahan Khalifah Muawiyah bin Abu Sufian." Syeikh Syamsudin al-Wali memulakan ceritanya.

Muawiyah bercita-cita hendak menakluk kota Konstantinopel. Dia mahu membuktikan hadis Nabi Muhammad SAW itu berlaku semasa pemerintahannya. Bagi menjayakan cita-citanya itu, dia melantik anaknya Yazid memimpin pasukan tentera Islam seramai 150,000 orang. Apabila Abu Ayub al-Ansari mendengar berita itu, dia memohon menyertainya.

"Tuan sudah terlalu tua mahu pergi berperang. Lebih baik tinggal sahaja di sini." Muawiyah seperti memperlekehkan keinginan sahabat Nabi Muhammad SAW itu.

"Saya mahu mendapatkan syahid. Sesungguhnya pintu syahid itu terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia," tegas Abu Ayub al-Ansari.

"Tidakkah tuan nanti membebankan tentera Islam?" tanya Bashar, pembantu Muawiyah pula.

"Saya masih kuat berjalan jauh. Pengalaman saya berperang bersama-sama Rasulullah SAW tentu berguna kepada tentera Islam bagi menawan kota Konstantinopel," jawab Abu Ayub al-Ansari.

"Dia lelaki yang dihormati orang ramai. Kehadirannya pasti dapat menaikkan semangat tentera kita ketika berperang," kata Yazid, anak Muawiyah pula.

"Saya berperang hanya bagi mendapat keredaan Tuhan. Saya tidak menuntut apa-apa bayaran daripada khalifah," kata Abu Ayub al-Ansari.

Muawiyah tidak lagi dapat menolak permintaan lelaki yang sudah berumur 81 tahun itu. Tambahan pula dia sangat dihormati oleh orang ramai kerana pernah menjadi sahabat Nabi. Sewaktu

Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah dahulu, di rumah Abu Ayub al-Ansari baginda tumpang bermalam. Sahabat Nabi Muhammad SAW itu juga menyertai setiap peperangan bersama-sama baginda.

Keinginan Abu Ayub al-Ansari mahu bersama-sama tentera Islam menakluk kota Konstantinopel menggembirakan orang ramai. Namun ada juga yang kurang senang hati kerana menganggap kehadirannya bakal menimbulkan banyak masalah. Tambahan pula dia sudah terlalu tua bagi berperang.

"Wahai Abu Ayub, apakah tuan tidak berasa terhina apabila Muawiyah melantik puteranya Yazid yang masih muda memimpin tentera Islam bagi menakluk kota Konstantinopel?" tanya seorang tentera semasa mereka dalam perjalanan ke medan perang.

"Saya tidak berkecil hati walau siapapun yang memimpin kerana saya keluar berjihad pada jalan Allah. Dan saya sanggup meninggalkan keluarga dan segala yang tercinta kerana mahu memburu syahid," tegas Abu Ayub al-Ansari.

"Ada yang berpendapat orang tua seperti tuan sepatutnya duduk di rumah beramal ibadat menunggu kedatangan malaikat maut," kata lelaki itu lagi.

"Saya sudah melihat banyak kematian di kalangan orang muda seperti kamu. Tetapi kamu tentu jarang melihat kematian orang tua seperti saya," balas Abu Ayub al-Ansari. Pemuda itu terdiam dan tidak berani berkata-kata lagi.

Apabila tiba di Konstantinopel, tentera Islam bergabung dengan pasukan tentera dari Mesir diketuai oleh Uqbah bin Amir dan dari Syam pula diketuai oleh Fudalah bin Ubaid. Jumlah mereka bertambah ramai hampir 200,000 orang. Timbul rasa megah di kalangan tentera Islam. Mereka berkata, "Pasukan tentera Islam yang ramai ini pasti dapat menakluk kota Konstantinopel dengan mudah."

Mendengar kata-kata itu, Abu Ayub al-Ansari berkata, "Dalam Perang Badar jumlah tentera Islam sedikit tetapi mereka berjaya mengalahkan tentera Quraisy yang ramai. Tetapi dalam Perang Hunain, jumlah tentera Islam begitu ramai tetapi mereka tidak dapat mengalahkan musuh. Kerana itu janganlah kamu berasa megah dengan jumlah yang ramai."

Kedatangan tentera Islam sampai ke pengetahuan Maharaja Konstantinopel. Baginda memerintahkan tenteranya supaya bersiap-sedia dengan segala kelengkapan senjata yang ada bagi mempertahankan kota mereka. Apabila tentera Islam tiba, mereka disambut dengan anak-anak panah dan lontaran bola-bola api menyebabkan ramai yang syahid. Mereka bagaikan kelopak bunga mekar jatuh berguguran ditiup angin. Melihat ramai tenteranya yang gugur, Yazid terpaksa menyuruh tenteranya berundur menjauhkan diri dari kota supaya tidak terkena senjata musuh itu. Apabila melihat tentera Islam berundur, tentera Rom semakin bersemangat mengalahkan lawannya. Mereka membuka pintu kota lalu keluar beramai-ramai bagi memerangi tentera Islam. Berlaku pertempuran yang sangat sengit sehingga ramai yang terbunuh daripada kedua-dua belah pihak.

Melihat keadaan itu seorang penyair bernama Abdul Aziz yang turut menyertai tentera Islam melagukan syairnya bagi menaikkan semangat kawan-kawannya,

Kehidupan ini banyak tahapnya
telah kualami berbilang masa
Antara kelembutan dan kesesatan
Ada bala tidak mampu membuat aku lara
Ada nikmat tidak membuat aku derhaka
Apapun yang terjadi
Semuanya tidak akan menyesakkan dadaku

Dan apapun yang telah menimpa
Tidak akan merampas nafasku....

Penyair yang berani itu menyerbu ke arah musuh lalu bertempur dengan hebatnya. Seorang demi seorang tentera Rom berjaya dijatuhkan dengan pedangnya. Dia bagaikan singa lapar yang berada di tengah-tengah sekumpulan lembu liar. Tanpa menghiraukan nyawanya, penyair itu terus menerkam, mengelak dan melibaskan pedangnya ke kiri dan ke kanan. Melihat keadaan itu, tentera Rom menjadi semakin berang. Mereka beramai-ramai mengepungnya bagaikan sekumpulan serigala menerkam seekor kuda. Pahlawan Islam yang gagah berani itu terus menentang tentera Rom walaupun ketika itu tubuhnya mula menjadi sasaran senjata musuh. Akhirnya dia terkulai layu bagaikan kelopak bunga yang jatuh dari tangkainya.

Melihat Abdul Aziz sudah tewas, tentera Rom menunjukkan kebencian mereka dengan membelah dan merobek-robek tubuh pahlawan islam itu sehingga mayatnya berkecai. Kemudian mereka bersorak beramai-ramai sebagai tanda kemenangan. Melihat keadaan itu, salah seorang tentera Islam mengkritiknya dengan berkata, "Jangan kamu tiru perbuatan itu kerana ia menjatuhkan diri kamu dalam kebinasaan."

Kemudian tentera itu membaca ayat al-Quran yang bermaksud, "Jangan kamu jatuhkan diri kamu dalam kebinasaan."

Mendengar ucapan itu, Abu Ayub al-Ansari menjadi marah lalu berkata, "Kami kaum Ansar lebih memahami makna ayat itu. Sesungguhnya ayat itu diturunkan kepada kami. Ketika itu kami sudah seronok tinggal bersenang-senang hingga lupa meneruskan jihad. Maka ketika itu turunlah ayat, *'Jangan kamu campakkan diri kamu dalam kebinasaan.'*

Kemudian Abu Ayub al-Ansari menyambung kata-katanya, "Kebinasaan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah menetap

lama-lama bersama keluarga dan anak-anak sehingga lupa pergi berjihad. Ayat itu juga ditujukan kepada mereka yang kaya tetapi kedekut."

Selesai berkata-kata, Abu Ayub al-Ansari mengajak tentera Islam menggempur musuh. Mereka berjuang begitu bersemangat sehingga berjaya mengkucar-kacirkan tentera Rom. Pertempuran hanya berhenti apabila hari menjelang senja. Tentera Rom masuk semula ke dalam kota Konstantinopel lalu mengunci pintunya. Tentera Islam mengambil kesempatan berehat bagi meneruskan pertempuran pada keesokan harinya.

Malam itu Abu Ayub al-Ansari jatuh sakit. Dia terbaring lesu tanpa bergerak. Hanya nafasnya sahaja yang turun naik menandakan dia masih bernyawa. Tentera Islam datang menziarahinya. Salah seorang daripada mereka berdoa, "Ya Allah, sihatkanlah dia dan sembuhkanlah penyakitnya."

Tiba-tiba Abu Ayub al-Ansari membuka matanya lalu berkata, "Sebaiknya berdoa begini, ya Allah, sekiranya ajalnya sudah dekat, ampunilah dosanya dan berilah Rahmat-Mu. Sekiranya ajalnya masih belum tiba, sihatkanlah dia dan sembuhkan segera penyakitnya dan berilah dia ganjaran pahala."

Kemudian mereka mengucapkan kata-kata yang diajar oleh sahabat Rasulullah SAW itu. Abu Ayub al-Ansari tersenyum gembira walau dalam kepayahan kerana menanggung kesakitan. Yazid bin Muawiyah turut datang melawatnya. Pemimpin tentera Islam itu amat menghormati Abu Ayub al-Ansari. Lama dia duduk di sisi pesakit itu sambil mendoakan kesihatannya. Namun keadaannya semakin teruk.

"Wahai tuan yang saya muliakan, sekiranya ada apa-apa hajat di hati tuan, sila katakan supaya saya dapat memenuhinya," kata Yazid bin Muawiyah.

"Wahai Yazid, saya ada satu permintaan," jawab Abu Ayub

al-Ansari sambil menanggung sakit sakaratul maut, "Seandainya ajal saya sampai di sini, kalian kuburkan saya di benteng kota Konstantinopel."

"Baiklah, kami lakukannya," janji Yazid bin Muawiyah.

Abu Ayub al-Ansari kelihatan tersenyum lalu berkata, "Rasulullah SAW bersabda, *"Siapa yang mati dengan tidak mensyirikkan Allah dengan apapun pasti masuk syurga."*

Kemudian dia menghembuskan nafasnya yang terakhir selepas mengucapkan kalimah syahadah. Suasana menjadi hening seketika. Tidak lama kemudian kedengaran azan menandakan masuknya waktu sembahyang Subuh. Kemudian jenazah Abu Ayub al-Ansari disembahyangkan dengan Abu Yazid sendiri menjadi imamnya.

Hari itu ketika pertempuran sedang meletus, sepasukan tentera Islam mengusung jenazah Abu Ayub al-Ansari bagi dikebumikan di tepi benteng kota Konstantinopel. Apabila melihat keadaan itu, tentera Rom menyuruh beberapa orang penduduk kampung yang tidak terlibat dengan peperangan itu pergi menyiasat.

"Kamu pergi tengok apa yang mereka tanam di tepi benteng itu kemudian laporkannya kepada aku," kata Maharaja Konstantinopel.

Orang-orang kampung yang tidak bersenjata itu pergi bertanya kepada tentera Islam yang sedang mengebumikan jenazah Abu Ayub al-Ansari.

"Apakah yang kamu tanam di tepi benteng ini? Ia sesuatu yang luar biasa kerana tidak pernah berlaku sebelum ini," tanya salah seorang daripada mereka.

"Seorang pahlawan yang amat kami hormati sudah meninggal dunia. Dia sahabat nabi kami yang paling tua dan mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan kami. Kami kebumikan jenazahnya di sini. Tetapi ingat amaran kami, sekiranya kamu

mengganggu kubur ini, loceng gereja kamu tidak berbunyi lagi di bumi ini," jawab Yazid bin Muawiyah.

Tentera Islam terus mengepung kota Konstantinopel selama berbulan-bulan. Namun belum ada tanda-tanda kota itu dapat ditawan. Akhirnya tentera Islam kehabisan bekalan makanan dan senjata. Bantuan dari Mekah yang diharapkan tidak kunjung tiba. Akhirnya Yazid bin Muawiyah menulis surat kepada Maharaja Konstantinopel,

'Kami berundur tetapi bukan bermakna kami kalah kerana kami pasti datang lagi dengan pasukan tentera yang lebih kuat. Sekali lagi kami memberi amaran. Sekiranya jenazah Abu Ayub al-Ansari diganggu, kami musnahkan kamu sehingga loceng di gereja kamu tidak berbunyi lagi.'

Pada mulanya Maharaja Konstantinopel tidak mengendahkan amaran itu. Baginda menyuruh kubur itu digali semula. Tetapi baginda terkejut apabila mendapati mayat Abu Ayub al-Ansari masih elok walaupun sudah dikuburkan berbulan-bulan. Kerana kagum, jenazah itu dikebumikan semula di dalam kawasan kota Konstantinopel. Di atas kubur itu dibina sebuah batu tanda yang besar. Di atas batu itu mereka sangkutkan empat buah kandil. Orang ramai menjadikan kubur itu tempat ziarah bagi meminta keberkatan. Setiap kali ditimpa bencana ataupun sakit mereka datang ke kubur itu memohon doa. Anehnya setiap permintaan mereka makbul. Ini menjadikan kubur Abu Ayub al-Ansari semakin popular.

Tetapi selepas berpuluh-puluh tahun berlalu, keadaan dan suasana berubah. Maharaja Rom mengeluarkan arahan melarang orang ramai mengunjungi kubur Abu Ayub al-Ansari. Akhirnya kubur itu terbiar dan dilupakan orang.

"Selepas kita berjaya menawan kota Konstantinopel, kubur sahabat Nabi Muhammad SAW itu kita cari semula," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

14



Retak Menanti Belah

"Belanjakanlah (harta bendamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan."

-Surah *al-Baqarah*: 195

"Saya mahu menyampaikan dua berita kepada tuanku. Satu berita baik dan satu berita buruk. Berita yang mana satukah perlu saya sampaikan dahulu?" tanya Panglima Ardogan sebaik sahaja menghadap Maharaja Konstantine.

"Sampaikan dahulu berita yang baik supaya aku tidak marah apabila engkau menyampaikan berita yang buruk," jawab Maharaja Konstantine.

"Ahli nujum kita pernah meramalkan selepas Sultan Murad mangkat, berlaku perebutan kuasa. Kerajaan Islam Usmaniah menjadi huru-hara dan mereka berbunuhan sesama sendiri," kata Panglima Ardogan.

"Adakah Sultan Murad sudah mangkat?" tanya Maharaja Konstantine. Baginda seolah-olah tidak sabar menunggu jawapannya.

"Itulah berita gembira yang hendak saya sampaikan. Sesungguhnya kerajaan Usmaniah baru sahaja kehilangan pemimpin yang mereka sayangi. Sultan Murad sudah mangkat," jawab Panglima Ardogan sambil tersenyum.

Betapa gembiranya Maharaja Konstantine mendengar berita itu. Baginda tertawa terbahak-bahak kerana musuh ketatnya sudah tidak ada lagi. Tetapi gelak tawanya tiba-tiba terhenti apabila teringat berita buruk yang hendak disampaikan oleh ketua panglima tenteranya itu.

"Sekarang beritahu aku berita yang kedua itu," kata Maharaja Konstantine. Mukanya serius.

"Perebutan kuasa yang kita harapkan tidak berlaku. Sultan Muhammad yang baru berusia 19 tahun mengambil alih kuasa pemerintahan tanpa bantahan sesiapa. Kerajaan Islam Usmaniah semakin kuat selepas Sultan Muhammad mengambil alih kuasa pemerintahan," beritahu Panglima Ardogan.

"Sesungguhnya itu bukan berita buruk tetapi berita yang baik," kata Maharaja Konstantine pula. Baginda kelihatan tersenyum gembira.

"Tuanku kata itu berita baik? Apa maksudnya?" tanya Panglima Ardogan. Dia tidak dapat membaca apa yang tersirat.

"Sultan Muhammad masih muda. Dia belum ada pengalaman. Tentu dia tidak mampu memerintah sebuah negara yang luas tanah jajahannya. Dengan ini kita berpeluang menjatuhkannya. Tidakkah itu sesuatu yang menggembirakan?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Tetapi tuanku, Sultan Muhammad pernah memangku tugas Sultan Murad semasa baginda pergi bercuti ke Pulau Magnesia. Kita tidak berjaya memperdayakan Sultan Muhammad yang ketika itu baru berusia 16 tahun. Adakah tuanku sudah lupa? " tanya Alexsi pula.

"Aku tidak pernah lupa kepada orang yang menjadi musuhku. Apatah lagi Sultan Muhammad yang pernah memalukan kita. Kerana itu kita mesti berusaha menjatuhkannya," kata Maharaja Konstantine. Dendam kesumatnya semakin meluap-luap.

"Benar kata tuanku. Izinkan saya mengerah bala tentera kita pergi memerangi kerajaan Usmaniah dan jatuhkan Sultan Muhammad," kata Panglima Ardogan pula.

"Kita tidak boleh bertindak terburu-buru. Buat perancangan yang teliti dan rapi supaya kita tidak kecewa lagi." Ternyata Maharaja Konstantine tidak menyetujui cadangan panglimanya.

"Baiklah tuanku," kata Panglima Ardogan.

"Saya ada satu cadangan," beritahu Alexsi yang terkenal dengan kebijaksanaannya.

"Sila nyatakan," ujar Maharaja Konstantine.

"Orang-orang Yunani yang tinggal di Orland sudah lama tidak berpuas hati dengan pemerintahan kerajaan Usmaniah. Kita hasut mereka supaya memberontak. Kemudian kita bekalkan mereka dengan senjata. Apabila berlaku huru-hara, kerajaan Usmaniah menjadi lemah. Dengan itu kita boleh menumbangkan Sultan Muhammad dengan mudah."

Ternyata Maharaja Konstantine tertarik dengan cadangan itu. Baginda mengarahkan Panglima Ardogan menjalin hubungan dengan orang-orang Yunani di Orland.

Berangkatlah ketua panglima Rom itu ke Orland menemui ketua orang-orang Yunani. Dia berusaha memujuknya.

"Khabarnya kamu tidak berpuas hati berada di bawah pemerintahan Islam. Apakah kerana kamu ditindas?" tanya Panglima Ardogan kepada Hector, ketua orang-orang Yunani.

"Mereka tidak menindas kami. Malah kami diberi kebebasan mengamalkan cara hidup kami," jawab ketua orang-orang Yunani itu.

"Sekiranya begitu, mengapa kamu masih tidak berpuas hati?" tanya Panglima Ardogan lagi.

"Kami bangsa Yunani tidak suka dijajah oleh sesiapa. Kerana itu kami tetap tidak berpuas hati selagi kami tidak memerintah sendiri," jawab Hector.

"Kami bantu kamu membebaskan diri daripada kerajaan Usmaniah," pujuk Panglima Ardogan.

"Kemudian kami berada di bawah kerajaan Byzantium?" tanya ketua orang-orang Yunani itu. "Ibarat keluar dari mulut buaya masuk ke mulut naga."

"Apakah kamu tidak suka dengan Maharaja Konstantine?"

"Baginda seorang yang zalim. Kami lebih selamat berada di bawah pemerintahan Islam."

Namun Panglima Ardogan tidak berputus asa. Dia terus berusaha memujuknya.

"Maharaja kami berlaku adil pada kamu. Baginda tidak berlaku zalim," katanya.

"Kami tidak percaya," sanggah Hector. "Sekiranya baginda boleh berlaku zalim kepada rakyat sendiri, apatah lagi kepada kami."

"Maharaja kami mahu membantu kamu membebaskan diri daripada kekuasaan kerajaan Usmaniah. Kami bekalkan kamu senjata. Kemudian kami melatih kamu berperang bagi menumbangkan kerajaan Usmaniah," kata Ardogan kepada orang-orang Yunani itu.

"Apakah semua itu diberi percuma ataupun ada balasannya?" tanya Hector pula.

"Kami hanya mahu kerajaan Islam Usmaniah ditumbangkan kerana mereka semakin kuat dan menjadi ancaman kepada kami. Selepas mereka ditumbangkan, kamu yang memerintah Turki tetapi terus bersahabat dengan Maharaja Konstantine," jawab Panglima Ardogan.

Akhirnya Hector bersetuju menerima bantuan yang ditawarkan itu.

"Kami bukan sahaja perlukan senjata dan latihan tetapi juga perlukan jumlah tentera yang ramai bagi menumbangkan kerajaan Usmaniah. Sanggupkah kamu menghantar tentera berjuang bersama-sama kami?" tanya Hector lagi.

"Kami sanggup menghantar 50,000 tentera bagi membantu kamu memerangi mereka," janji Panglima Ardogan.

"Jumlah itu tidak mencukupi. Saya perlukan 200,000 tentera," balas Hector pula.

Panglima Ardogan termenung mendengar permintaan itu. Melihat keadaan itu Hector pun bertanya, "Kamu masih ingatkah kisah Timurlime yang berjaya menumbangkan kerajaan Turki semasa pemerintahan Sultan Beyazid?"

"Apa kaitannya dengan kisah itu?" Ternyata Panglima Ardogan tidak tertarik dengan kisah itu.

"Tentera Timurlime berjaya mengalahkan tentera Beyazid kerana jumlah tentera mereka 200,000 orang. Aku juga perlukan tentera sebanyak itu bagi menumbangkan kerajaan Usmaniah," kata Hector.

"Maharaja kami cuma mampu menghantar 50,000 tentera sahaja kerana tentera kami perlu mengawal kota Konstantinopel dan menjaga perbatasan," kata Panglima Ardogan.

"Jumlah itu sekadar cukup membuat huru-hara sahaja. Tidak cukup menumbangkan mereka." Hector kecewa kerana permintaannya tidak dipenuhi.

"Kami setuju kamu membuat huru-hara sahaja supaya kerajaan Usmaniah menjadi lemah. Kemudian kami serang mereka dengan jumlah tentera yang besar," kata Panglima Ardogan pula.

"Selepas itu apa yang terjadi kepada kami orang-orang Yunani?" tanya Hector.

"Kami tidak lupakan pertolongan kamu membantu melemahkan kerajaan Usmaniah. Kamu tetap dibenarkan memerintah sendiri," jawab Panglima Ardogan.

Hector bersetuju dengan rancangan itu. Tidak lama kemudian orang-orang Yunani di Orland mendapat bekalan senjata dan latihan tentera daripada kerajaan Konstantinopel.

"Selepas kerajaan Usmaniah tumbang, apakah kita diperintah pula oleh Maharaja Konstantine?" tanya Aristol, pembantu Hector.

"Bangsa Yunani memerintah sendiri. Kita tidak tunduk kepada sesiapa," jawab Hector.

"Bagaimanakah caranya?" tanya Aristol lagi.

"Kita biarkan sahaja tentera Islam berperang dengan tentera Byzantium. Mereka yang menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu. Kedua-duanya menjadi lemah. Ketika itu kita hancurkan mereka lalu memerintah sendiri," jawab Hector sambil tersenyum. Dia yakin rancangannya berjaya.

15



Yang Zalim dan yang Adil

"Dan sesungguhnya Tuhanmu (pelindung) bagi orang-orang yang berhijrah sesudah menderita cubaan, kemudian mereka berjihad dan sabar; sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu benar-benar maha pengampun lagi maha penyayang."

-Surah *an-Nahl*: 110

Sultan Muhammad merenung ke arah Laut Marmara yang terhampar luas di hadapannya. Begitu indah dan menyejukkan mata yang memandang. Kelihatan helang terbang mengintai mangsanya. Apabila ikan-ikan muncul di permukaan laut yang berkilau-kilau terkena pancaran cahaya matahari petang, helang pun menjunam. Selepas ikan itu menggelupur di celah paruhnya, helang pun terbang sayup-sayup hilang daripada pandangan.

"Aku mesti mencontohi helang itu," bisik hati Sultan Muhammad al-Fateh.

Baginda mesti sentiasa mengintai musuhnya. Apabila mendapat kesempatan, peluang itu tidak boleh dilepaskan sehingga musuh dapat ditumpaskan. Tiba-tiba baginda teringat hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, *'Kota Konstantinopel hanya dapat ditawan oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik.'*

Kata-kata Nabi Muhammad SAW itu amat mempengaruhi dirinya. Melekat di hatinya. Siang dan malam kata-kata itu membakar semangatnya bagi menawan kota Konstantinopel. Baginda berharap dan berdoa semoga hadis Nabi Muhammad SAW itu berlaku semasa pemerintahannya.

"Assalamualaikum!"

Ucapan itu mengejutkan lamunannya. Sultan Muhammad al-Fateh menoleh ke arah suara yang mengucapkan salam. Kelihatan Khalil Pasha datang sambil tersenyum.

"Wa'alaikumussalam," jawab Sultan Muhammad. Kedua-duanya bersalaman mesra.

"Puas saya mencari, rupanya tuanku berada di sini," ujar Khalil Pasya.

"Saya senang hati melihat laut yang luas terbentang. Melihat

laut juga boleh mendapat pahala dan menenangkan fikiran," balas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Mengapa bersendirian?" tanya Khalil Pasha lagi.

"Ada kalanya kita perlu bersendirian," jawab Sultan Muhammad.

"Adakah kedatangan saya mengganggu?"

"Oh, tidak. Silakan duduk."

Khalil Pasha duduk di sebelah Sultan Muhammad lalu berkata, "Seeloknya tuanku jangan bersendirian. Saya risaukan keselamatan tuanku."

"Jangan bimbang kerana Tuhan sentiasa melindungi kita. Tidak berlaku sesuatu melainkan dengan izin Tuhan," kata Sultan Muhammad al-Fateh pula.

"Benar kata tuanku. Cuma saya bimbang kerana musuh-musuh dari kota Konstantinopel sentiasa berusaha memusnahkan kita. Terutama tuanku yang menjadi sultan. Mungkin pengintip yang dihantar oleh Maharaja Konstantine sedang memerhatikan kita."

"Terima kasih kerana mengingatkan saya," kata Sultan Muhammad al-Fateh. Kemudian katanya lagi, "Musuh kita yang berlindung di dalam kota Konstantinopel itu sememangnya memusuhi kita semenjak dahulu. Mereka memusuhi dan memerangi tentera Islam semenjak zaman Nabi Muhammad SAW. Mereka juga membantu tentera Salib menawan Jerusalem. Permusuhan mereka pada kita semakin kuat selepas Maharaja Konstantine menganut agama Kristian."

"Benar kata tuanku. Kerana itu kota Konstantinopel mesti kita takluki kerana mereka bukan sahaja mengancam keselamatan kita bahkan berusaha menghapuskan agama Islam."

"Nabi Muhammad SAW sudah berkata, kota Konstantinopel

hanya dapat ditakluki oleh pemimpin yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik. Kerana itu kita mesti menjadi pemimpin yang baik. Kita didik tentera dan rakyat menjadi baik."

"Bagaimanakah caranya, tuanku?" tanya Khalil Pasha.

"Langkah pertama perintahkan semua tentera kita meningkatkan latihan ketenteraan pada waktu siang dan membanyakkan amal ibadat pada waktu malam. Para peniaga dilarang menipu dalam perniagaan dan rakyat mesti mematuhi undang-undang Islam," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Baiklah tuanku," kata Khalil Pasya.

Kemudian perintah itu segera dijalankan. Semua tentera diwajibkan mengerjakan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam. Mereka yang sengaja meninggalkan sembahyang dihukum. Pengambilan tentera baru pula mensyaratkan hanya mereka yang kuat beragama diambil menjadi anggota tentera. Rakyat juga dididik supaya menjadi baik. Perbuatan meminum arak, berjudi ataupun melakukan perbuatan yang dilarang agama adalah dilarang keras. Dengan ini rakyat hidup aman damai.

Bagi memperkuatkan angkatan tenteranya, Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan pasukan tenteranya membina lebih banyak kapal perang. Tentera laut juga diperbesarkan demi menjaga perairan negara.

Sultan Muhammad al-Fateh juga menggalakkan kapal-kapal dagang singgah di pelabuhan Turki. Mereka tidak dikenakan cukai. Tindakan itu menarik minat kapal-kapal dagang singgah. Maharaja Konstantine marah apabila mendapat tahu kapal-kapal dagang tidak lagi berlabuh di pelabuhan Konstantinopel. Para peniaga mula resah kerana barang-barang dagangan tidak dapat dibawa masuk. Maharaja Konstantine mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyatnya. Mereka yang membantah ditangkap dan dihukum.

"Sultan Muhammad memerintah dengan adil tetapi Maharaja Konstantine zalim. Lebih baik kita berada di bawah pemerintahan Islam," kata Zindar. Dia petani di wilayah Yarmar yang terletak bersempadan dengan Turki.

"Petani di Turki hidup senang kerana hasil tanaman mereka tidak dirampas oleh pemerintah. Tetapi petani di sini ditindas. Kita dipaksa menyerahkan hasil tanaman kepada Maharaja Konstantine," sokong Izmite, jirannya.

"Bagaimana sekiranya kita berpindah ke sana? Kita boleh memulakan hidup baru di bawah pemerintahan kerajaan Usmaniah."

Akhirnya Izmite bersetuju dengan cadangan itu. Mereka membawa keluarga masing-masing berpindah ke Turki. Kedatangan mereka disambut baik. Akhirnya mereka memeluk agama Islam. Kemudian diikuti pula oleh beberapa keluarga lagi. Malah setiap hari semakin ramai yang berpindah ke Turki kerana tidak sanggup hidup di bawah pemerintahan Maharaja Konstantine.

Maharaja Konstantine begitu marah apabila mendapat tahu ramai rakyatnya berpindah ke Turki. Baginda memerintahkan tenteranya menghalang perkara itu daripada berlaku lagi. Malah mereka yang cuba melarikan diri ditangkap dan dihukum. Semakin menderitalah kehidupan mereka.

Penduduk Yarmar yang bersempadan dengan Turki tidak sanggup lagi berada di bawah pemerintahan Maharaja Konstantinopel. Mereka berbincang bagi melepaskan diri daripada kezaliman itu.

"Maharaja Konstantine memerintah kita dengan zalim. Kita terus menderita selagi baginda berkuasa," kata Gabenor Yarmar dalam perbincangan dengan anak-anak buahnya.

"Apa yang patut kita lakukan?" tanya Yazdir, pembantunya.

"Kita jatuhkan Maharaja Konstantine," jawab Gabenor Yarmar.

"Itu sesuatu yang mustahil kita dapat lakukan kerana baginda mempunyai angkatan tentera yang kuat," kata Yazdir pula.

"Kita minta bantuan daripada kerajaan Islam Usmaniah," kata Gabenor Yarmar.

Mereka bersetuju dengan cadangan itu lalu menghantar utusan menghadap Sultan Muhammad al-Fateh. Utusan itu bertolak pada waktu tengah malam supaya tidak dilihat oleh tentera Konstantinopel yang berkawal di sempadan. Esoknya utusan itu sampai di Turki lalu memohon menghadap Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku, ada utusan daripada Gabenor Yarmar," beritahu Khalil Pasya.

"Suruh mereka datang sekarang juga," kata Sultan Muhammad.

Selepas utusan itu masuk, salah seorang daripada mereka berkata, "Kami dihantar oleh Gabenor Yarmar bagi menjalinkan persahabatan dengan tuanku. Kerana itu kami datang membawa hadiah kepada tuanku."

Utusan itu menyerahkan hadiah yang mereka bawa kepada Sultan Muhammad. Tetapi baginda menolaknya dengan baik. "Simpanlah hadiah itu kerana kamu lebih memerlukannya."

"Apa maksud tuanku?" tanya utusan itu.

"Kamu petani-petani yang miskin. Tidak sepatutnya kamu bersusah payah membawakan hadiah kepada saya," jawab Sultan Muhammad.

Utusan itu senang hati mendengarnya lalu menyatakan maksud kedatangan mereka, "Kami sudah lama hidup menderita

di bawah pemerintahan Maharaja Konstantine. Kerana itu kami datang meminta bantuan daripada tuanku bagi membebaskan kami daripada kezaliman. Kami sanggup membantu tentera Islam menawan Konstantinopel."

Sultan Muhammad berasa gembira mendengarnya lalu berkata, "Sebagai umat Islam, kami bertanggungjawab menyebarkan syariat Islam di muka bumi ini. Kami mahu tegakkan keadilan serta membasmi kezaliman."

"Kami mendapat tahu tuanku memerintah dengan adil. Kerana itu kami lebih rela diperintah oleh tuanku daripada diperintah oleh Maharaja Konstantine yang zalim itu."

"Kembalilah ke negara kamu dahulu. Kami buat persiapan bagi menakluk kota Konstantinopel. Kamu boleh membantu kami apabila tiba masanya nanti."

"Baiklah tuanku. Kami juga membuat persiapan bagi membantu tentera Islam menumbangkan maharaja yang zalim itu."

Kemudian utusan itu kembali ke Yarmar.

16

Helah Sultan Muhammad

"Diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka dianiaya. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar maha berkuasa menolong mereka itu."

-Surah *al-Haj*: 39

"Tuanku, orang-orang Yunani di Orland melakukan pemberontakan. Mereka menyerang penduduk di kawasan berhampiran menyebabkan ramai terbunuh dan cedera. Orang-orang Yunani itu mendapat senjata dan latihan tentera daripada Konstantinopel." Khalil Pasya melaporkan kepada Sultan Muhammad.

Sultan Muhammad terkejut mendengar berita itu. "Mengapa mereka memberontak? Apakah selama ini kita tidak memberikan layanan yang baik kepada mereka?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kita sudah memberikan perlindungan kepada mereka. Orang-orang Yunani itu dilayan baik sama seperti rakyat yang lain. Khabarnya mereka dihasut oleh Maharaja Konstantine supaya memberontak. Ia bertujuan mahu melemahkan kita," jawab Khalil Pasya.

"Adakah ini khabar angin ataupun benar? Sekiranya terbukti benar, kita mesti bertindak segera." Sultan Muhammad inginkan kepastian.

"Memang benar, tuanku. Penduduk Izmir sendiri yang mengadu mengenai kejahatan yang dilakukan oleh orang-orang Yunani kepada mereka. Perkara ini tidak boleh dibiarkan. Kita mesti bertindak segera," kata Panglima Tharhan yang datang bersama Khalil Pasya.

"Saya mahu perkara ini disiasat dahulu kebenarannya. Sekiranya benar baru kita bertindak," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Khalil Pasya diberi tugas menyiasat perkara itu. Dia menyamar sebagai musafir lalu pergi ke Orland. Memang benar seperti yang didengarnya. Orang-orang Yunani sudah memberontak. Mereka menyerang dan membunuh penduduk Izmir. Khalil Pasya segera pulang ke Turki melaporkannya kepada Sultan Muhammad.

"Memang benar orang-orang Yunani di Orland melakukan pemberontakan. Mereka menyerang dan merampas harta penduduk di kawasan yang berhampiran. Ramai yang terbunuh dan cedera. Orang-orang Yunani itu mendapat bantuan tentera dan senjata daripada Maharaja Konstantine," kata Khalil Pasya.

"Mengapa mereka memberontak? Apakah mereka tidak berpuas hati dengan pemerintahan kita?" tanya Sultan Muhammad pula.

"Mereka dihasut oleh Maharaja Konstantinopel. Tujuannya supaya negara kita huru-hara dan rakyat berasa tidak selamat. Dengan ini mudahlah mereka hendak menjatuhkan kita," jawab Khalil Pasya.

Sultan Muhammad menyuruh Panglima Tharhan menyiapkan angkatan tentera. Kemudian beginda sendiri yang memimpin pasukan tentera itu menuju ke Orland. Sepanjang perjalanan Sultan Muhammad dan pasukan tenteranya menasihati orang ramai supaya bertenang dan bersatu padu menghadapi ancaman musuh. Ramai yang menawarkan diri menyertai tentera Turki ke Orland. Kedatangan Sultan Muhammad bersama angkatan tenteranya sampai ke pengetahuan orang-orang Yunani. Mereka segera mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara itu.

"Kita ada dua pilihan. Pertama, berperang dengan tentera Turki. Kedua, kita berundur ke Konstantinopel. Apa pilihan kamu?" tanya Hector ketua orang-orang Yunani di Orland.

"Kita belum mampu berperang dengan tentera Turki. Tambahan pula bilangan mereka lebih ramai daripada kita. Kerana itu saya cadangkan kita minta bantuan daripada Maharaja Konstantine," kata Julian, pembantu Hector.

"Kita tidak sempat lagi menunggu bantuan daripada Konstantinopel kerana tentera Turki sudah hampir sampai ke Orland. Kita cuma ada dua pilihan. Terus berada di sini bagi

menghadapi tentera Islam ataupun kita berundur," kata Hector pula.

"Sekiranya kita berundur, kita dituduh penakut. Sedangkan bangsa Yunani terkenal sebagai bangsa yang berani kerana kita keturunan pahlawan," kata Julian pula.

"Keadaan sudah berubah. Dahulu memang benar kita bangsa yang gagah. Tetapi sekarang kita tidak gagah seperti dahulu lagi. Kita berada di bawah pemerintahan Usmaniah. Kita tidak ada negara sendiri," kata Julios pula.

"Sekiranya begitu, lebih baik kita pergi ke Konstantinopel meminta bantuan daripada Maharaja Konstantine. Kita berundur bukan bererti kita penakut tetapi sebagai persiapan bagi menghadapi peperangan yang lebih besar," kata Hector.

Akhirnya mereka mencapai kata sepakat meninggalkan Orland lalu menuju ke Konstantinopel. Apabila Sultan Muhammad dan tenteranya sampai, mereka dapati puak pemberontak sudah meninggalkan Orland. Yang tinggal cuma kaum wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua sahaja.

"Mereka sengaja meninggalkan kaum yang lemah kerana yakin kita tidak membunuh mereka," kata Sultan Muhammad.

"Puak pemberontak sedang dalam perjalanan ke Konstantinopel. Tentera kita sudah bersiap-sedia mengejar mereka. Cuma menunggu perintah daripada tuanku," kata Panglima Tharhan

"Biarkan mereka pergi. Tentera kita tidak perlu mengejar mereka," jawab Sultan Muhammad.

"Bagaimana dengan isteri dan anak-anak mereka?" tanya Khalil Pasya pula.

"Jangan diganggu kerana mereka bukan musuh kita," pesan Sultan Muhammad kepada tenteranya.

Tentera Turki tidak mengapa-apakan penduduk Orland malah memberikan perlindungan. Mereka yang sakit diberi rawatan dan mereka yang lapar diberikan makanan.

Hector dan pasukan tenteranya sampai ke Konstantinopel lalu menghadap Maharaja Konstantine. Apabila mendapat tahu Sultan Muhammad bersama angkatan tenteranya berada di Orland, Maharaja Konstantine memerintahkan angkatan tenteranya bersiap-sedia bagi berperang. Kemudian mereka menuju ke Orland.

Selepas hampir seminggu berada di Orland, Sultan Muhammad al-Fateh bercadang hendak pulang semula ke Turki. Dalam perjalanan pulang mereka terserempak dengan tentera Konstantinopel. Kedua-dua pasukan sedia berperang.

"Tentera kita sudah sedia berperang dengan musuh walaupun bilangan mereka lebih ramai daripada kita," beritahu Panglima Tharhan dengan penuh bersemangat.

"Nampaknya kita berperang jauh dari kota Konstantinopel," kata Khalil Pasya pula.

"Sebelum berlaku peperangan, saya mahu berunding dengan Maharaja Konstantine. Aturkan pertemuan saya dengan dia," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Panglima Tharhan mengatur suatu pertemuan antara Sultan Muhammad al-Fateh dengan Maharaja Konstantine. Pertemuan empat mata itu berjalan dengan baik.

"Bagaimana sekiranya kita elakkan terjadinya pertempuran?" tanya Sultan Muhammad kepada Maharaja Konstantine.

"Aku dan tenteraku datang ke sini mahu berperang. Sekiranya engkau takut mati, lebih baik menyerah sahaja," tempelak Maharaja Konstantine.

"Aku dan tenteraku tidak mungkin menyerah kalah. Tambahan pula tentera bantuan dari Turki pasti tiba ke sini tidak lama lagi. Sekiranya engkau inginkan peperangan, bersedialah mati," gertak Sultan Muhammad pula.

Maharaja Konstantine mulai gusar apabila mendapat tahu tentera bantuan dari Turki bakal tiba pada bila-bila masa. Melihat keadaan itu, Sultan Muhammad terus memberi tekanan.

"Engkau dan tentera engkau berada di sini. Kini kota Konstantinopel mudah kami takluki. Ketika pertempuran berlaku, aku perintahkan sebahagian daripada tentera pergi ke Konstantinopel. Itu adalah perancangan aku sejak dari mula," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Semakin gentar Maharaja Konstantine mendengarnya. Baginda tidak menyangka anak muda itu begitu bijak mengatur strategi peperangan. Baginya kota Konstantinopel itu lebih berharga daripada segalanya.

"Baiklah, aku setuju kita berdamai tetapi dengan suatu syarat…," kata Maharaja Konstantine.

"Apa syaratnya?" tanya Sultan Muhammad.

"Engkau perlu membayar wang tebusan kepada kami," jawab Maharaja Konstantine.

"Apa perlunya kami membayar wang tebusan kepada engkau?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Bagi memujuk tentera aku. Dengan adanya wang tebusan itu tentu tentera aku tidak berasa marah dan kecewa pulang ke Konstantinopel," jawab Maharaja Konstantine.

"Bagaimana pula dengan tentera aku? Mereka juga tidak puas hati sekiranya berundur begitu sahaja seolah-olah kami takut mati."

"Begini sahajalah. Kita sama-sama beritahu tentera masing-masing bahawa kita mendapat wang tebusan bagi mengelakkan terjadinya peperangan," cadang Maharaja Konstantine.

"Baiklah. Aku setuju," balas Sultan Muhammad al-Fateh.

Akhirnya pertempuran dapat dielakkan. Kedua-dua pasukan tentera berundur dari Orland. Maharaja Konstantine pulang ke kota Konstantinopel manakala Sultan Muhammad pulang ke Turki.

17



Bukan Mungkir Janji

"Hai Nabi, berjihadlah (melawan) orang-orang kafir dan orang-orang munafik itu, dan bersikap keraslah terhadap mereka. Tempat mereka ialah neraka jahanam. Dan itulah tempat kembali yang seburuk-buruknya"

-Surah *al-Taubah*: 73

Panglima Tharhan yang berjanggut dan sentiasa memakai serban itu kelihatan gelisah apabila dihampiri oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Dia kelihatan susah hati.

"Mengapa pakcik, ada apa-apa masalah?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh yang mengajaknya berbual.

"Ada sesuatu yang mahu saya katakan tetapi kuatir sekiranya menyinggung hati tuanku," ujar panglima Tharhan.

"Katakanlah, saya tidak marah. Semasa bertugas pakcik adalah panglima perang. Tetapi apabila kita berdua, pakcik adalah saudara tua saya."

Barulah perasaan Panglima Tharhan tenang lalu dia pun berkata, "Tuanku, ada di kalangan tentera kita yang tidak bersetuju dengan tindakan tuanku yang kelihatan mengalah kepada Maharaja Konstantine. Mereka mahu kita berperang dengan tentera Rom dan tidak mahu pulang," kata Panglima Tharhan.

"Tujuan kita datang ke sini bagi mengamankan Orland daripada puak pemberontak. Sebab itu kita datang dengan jumlah tentera yang tidak ramai. Sekarang orang-orang Yunani sudah bergabung dengan tentera Rom. Jumlah mereka lebih ramai daripada kita. Sekiranya terjadi pertempuran, kita mungkin mengalami kekalahan. Tambahan pula bekalan makanan kita hampir kehabisan." Sultan Muhammad al-Fateh menerangkan dengan panjang lebar.

"Walaupun jumlah musuh lebih ramai tetapi tentera kita sanggup berperang sehingga ke titisan darah yang terakhir. Mereka sanggup syahid demi menegakkan Islam."

"Kita pasti berperang dengan tentera Rom apabila tiba masanya nanti. Tetapi bukan di Orland. Kita berperang di Konstantinopel. Matlamat kita menakluk kota itu."

Tetapi Panglima Tharhan masih belum berpuas hati. Dia bertanya lagi, "Benarkah tuanku bersetuju membayar tebusan

kepada Maharaja Konstantine supaya mereka tidak berperang dengan kita?"

Sultan Muhammad tidak menjawab soalan itu. Panglima Tharhan bertanya lagi, "Tidakkah itu memalukan? Seolah-olah kita takut berperang dengan mereka."

Dengan tenang Sultan Muhammad menjawab, "Saya lakukan itu sebagai helah menyelamatkan tentera kita. Sekiranya saya tidak setuju, pasti berlaku pertumpahan darah. Sedangkan tentera kita belum bersedia sepenuhnya."

"Tuanku silap sekiranya menganggap tentera kita tidak sanggup berperang dengan tentera Rom itu. Mereka sudah sedia berperang," Panglima Tharhan meluahkan rasa tidak puas hatinya.

"Tahukah pakcik, Maharaja Konstantine membawa 100,000 tenteranya bagi berperang dengan kita yang jumlahnya hanya 30,000 orang sahaja?"

"Dalam Perang Badar, 300 tentera Islam dapat mengalahkan 1,000 tentera Quraisy. Dalam Perang Muktah, 30,000 tentera Islam berperang dengan 250,000 tentera Rom. Tuanku sudah lupakah sejarah itu?"

"Saya tidak lupakan sejarah itu. Tetapi dalam Perang Muktah, Khalid bin Walid mengundurkan tenteranya dari medan perang lalu pulang ke Madinah. Dia buat begitu bagi menyelamatkan tenteranya."

"Maksudnya, tuanku tidak mahu tentera kita terkorban sekiranya bertempur dengan tentera Rom?"

"Belum masanya lagi. Sekiranya kita semua terbunuh, siapa yang mahu meneruskan perjuangan menawan kota Konstantinopel?"

"Walaupun bilangan tentera Rom ramai tetapi mereka tidak berani menyerang kita. Ini membuktikan mereka tahu kekuatan kita."

Sultan Muhammad tersenyum lalu berkata, "Saya membuat helah dengan mengatakan tentera bantuan dari Turki datang pada bila-bila masa. Kerana itu Maharaja Konstantine berasa gentar. Tambahan pula apabila saya katakan tentera kita pergi ke kota Konstantine apabila perang sedang berlangsung. Maharaja Konstantine lebih sayangkan kotanya daripada berperang dengan kita."

"Rakyat pasti mengatakan kita takut kepada musuh lalu lari dari medan perang. Itu adalah sesuatu yang memalukan. Kerana itu tentera kita lebih rela mati di medan perang daripada dimalukan."

"Saya hargai semangat tentera kita. Namun ini adalah keputusan saya sendiri. Tentera kita mesti menghormati keputusan sultannya."

Panglima Tharhan tidak bertanya lagi. Dia terpaksa akur dengan keputusan Sultan Muhammad al-Fateh. Semasa dalam perjalanan pulang, ada juga antara mereka yang masih tidak berpuas hati lalu mengadukan perkara itu kepada Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Sultan Muhammad masih terlalu muda. Umurnya baru 19 tahun. Kerana itu baginda belum berani terjun ke medan perang," kata salah seorang daripada mereka.

"Walaupun umurnya masih muda tetapi baginda seorang yang bijak dan matang. Kita mesti patuh dengan keputusannya." Syeikh Syamsudin al-Wali cuba membela anak muridnya.

"Benar kata Syeikh Syamsudin al-Wali. Dalam Islam kita disuruh taat kepada ketua. Apa keputusannya mesti kita patuhi walaupun bertentangan dengan fikiran kita," sokong Khalil Pasya pula. Lalu dia mengambil contoh Perjanjian Hudaibiah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Pada mulanya ramai yang tidak bersetuju dengan sikap Nabi Muhammad SAW yang seolah-olah tunduk kepada syarat perjanjian yang dikemukakan oleh kaum Quraisy.

Tetapi akhirnya ternyata perjanjian itu menguntungkan kaum Muslimin di Madinah.

"Sebelum ini sudah berlaku peperangan antara tentera kita dengan tentera Byzantine itu tetapi tidak ada yang menang dan kalah. Kerana itu Sultan Muhammad ada rancangan sendiri. Baginda membuat persiapan dahulu supaya apabila berperang kita beroleh kemenangan," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Kata-kata itu dapat menghilangkan keraguan di kalangan mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang diambil oleh Sultan Muhammad. Mereka akhirnya selamat pulang ke Turki.

Tidak lama kemudian datang utusan daripada Maharaja Konstantine menghadap Sultan Muhammad. "Kami disuruh oleh Maharaja Konstantine meminta wang tebusan seperti yang tuanku janjikan di Orland dahulu," kata utusan itu.

Dengan tegas Sultan Muhammad menolaknya sambil berkata, "Beritahu raja kamu yang kami tidak mahu membayarnya."

"Itu bermakna tuanku sudah mungkir janji," kata utusan itu pula.

"Maharaja Konstantine juga memungkiri janjinya," balas Sultan Muhammad.

"Apa janjinya?" tanya utusan itu.

"Baginda berjanji tidak membantu orang-orang Yunani lagi. Tetapi baginda memungkiri janjinya dan terus memberi senjata serta latihan kepada orang-orang Yunani supaya memberontak," jawab Sultan Muhammad.

Kemudian baginda berkata lagi, "Beritahu Maharaja Konstantine, kami tidak mahu menerima sebarang utusan daripada baginda lagi. Malah selepas ini kami tidak benarkan sesiapa sahaja

yang memusuhi kami menjejakkan kaki ke sini. Sekiranya ada juga yang berani datang, kami bunuh!"

"Baiklah tuanku. Pesanan itu kami sampaikan."

"Kamu boleh pulang ke negara kamu sekarang juga. Saya tidak mahu berunding dengan kamu lagi," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Akhirnya utusan itu pulang dengan perasaan hampa. Ramai yang memuji keputusan Sultan Muhammad yang tidak tunduk kepada Maharaja Konstantine. Masing-masing memujinya. Namun pujian itu tidak menggembirakan Sultan Muhammad kerana ada sesuatu yang sedang difikirkannya.

"Maharaja Konstantine tentu tidak berdiam diri. Mungkin mereka serang kita. Kerana itu kita mesti membuat persediaan bagi menghadapi mereka," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tentera kita sudah bersiap sedia mempertahankan tanah air kita daripada musuh. Mereka sedia berjuang sehingga ke titisan darah yang terakhir," kata Panglima Tharhan.

"Semangat sahaja tidak cukup. Kita mesti lakukan sesuatu bagi menjamin keselamatan rakyat Turki."

"Apa maksud tuanku?"

"Kita mesti fikirkan cara menghalang orang-orang Rom daripada melakukan serangan."

18



Rumeli Hisarri

Nabi Muhammad berkata, "Sesungguhnya Konstantinopel itu pasti dibuka. Sebaik-baik ketua adalah ketuanya, dan sebaik-baik tentera adalah tenteranya."

"Maharaja Konstantine tidak mungkin berdiam diri terhadap kita. Dia pasti menyerang kita pada bila-bila masa. Kerana itu kita mesti sentiasa bersiap-sedia bagi menghadapi serangan mereka," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Wajah Sultan Muhammad yang putih kemerah-merahan itu kelihatan serius. Permusuhan antara mereka sudah berakar umbi semenjak zaman Nabi Muhammad SAW. Tidak mungkin terjalin perdamaian yang abadi. Maharaja Konstantine tidak mungkin reda selagi mereka tidak tunduk di bawah pemerintahannya.

"Benar kata tuanku," kata Panglima Tharhan pula. "Tentera kita sentiasa bersiap-sedia menentang sesiapa sahaja yang berani menceroboh negara kita ini. Mereka sanggup syahid demi mempertahankan agama dan tanah air tercinta."

"Bekalkan mereka senjata yang mencukupi. Selain itu adakan latihan ketenteraan supaya kemahiran mereka sentiasa dipertingkatkan." Khalil Pasya pula menyampuk.

"Kekuatan tentera sahaja masih belum mencukupi kerana pihak musuh juga mempunyai senjata dan kemahiran berperang yang sama dengan kita." Syeikh Syamsudin al-Wali yang turut hadir dalam mesyuarat itu memberikan pendapatnya. Ulama terbilang itu sentiasa dipanggil setiap kali mereka bermesyuarat. Malah sebelum sesuatu keputusan dibuat, Sultan Muhammad al-Fateh merujuk terlebih dahulu pada guru agamanya itu.

"Betul kata tuan," kata Panglima Tharhan pula. "Tentera kita ada kelebihan yang tidak ada pada musuh iaitu lebih rela syahid daripada menyerah kalah. Itulah kelebihan kita."

"Tidak semua tentera kita sanggup mati di medan perang. Dan tidak semua tentera musuh takut mati seperti yang kita sangkakan. Kerana itu selain menanamkan semangat jihad di kalangan tentera, kita juga perlu fikirkan cara bagi menghalang musuh daripada

menyerang kita dengan mudah," kata Sultan Muhammad sambil memberi peluang kepada yang hadir memberikan pendapat masing-masing.

Begitu cara Sultan Muhammad al-Fateh mengendalikan mesyuarat. Baginda mengikut sunah Nabi Muhammad SAW. Semua yang hadir boleh bersuara. Cadangan yang baik dan dipersetujui ramai diterima.

"Lupakah kalian bagaimana Nabi Muhammad SAW bertindak apabila mendapat khabar musuh hendak menyerang Madinah?" tanya Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Baginda mengadakan mesyuarat dengan sahabat-sahabatnya. Kemudian mereka bersatu menghadapi musuh," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Kemudian katanya lagi, "Sebab itulah pada malam ini kita adakan mesyuarat. Saya mahu kalian memberikan pendapat ataupun cadangan bagaimana caranya kita menghadapi serangan tentera Rom. Walaupun saya seorang sultan dan mempunyai kuasa memberi perintah namun kerjasama daripada kalian amat diharapkan."

"Saya teringat sejarah Perang Khandaq ataupun Perang Ahzab. Ketika itu orang-orang Quraisy Mekah bersatu dengan orang-orang Yahudi dan beberapa kabilah Arab bagi menyerang Madinah. Dalam kesepakatan itu, kaum Quraisy Mekah menghantar seramai 4,000 tentera, Bani Ghatfan pula seramai 6,000 tentera dan orang-orang Yahudi daripada Bani Nadhir dan Bani Wail pula menyediakan kelengkapan senjata, kuda dan menyerahkan semua hasil tanaman kurma Khaibar yang dikutip pada tahun itu," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Kemudian katanya lagi, "Apabila mendapat berita itu, Nabi Muhammad SAW mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya. Pada mulanya baginda bercadang hendak menentang musuh di

luar kota Madinah seperti yang berlaku dalam Perang Badar dan Perang Uhud. Tetapi ada sahabat yang berpendapat lebih baik mereka bertahan dari dalam kota Madinah kerana bilangan musuh yang terlalu ramai. Lalu Salman al-Farisi mencadangkan mereka menggali parit bagi menyekat kemaraan musuh. Nabi Muhammad SAW bersetuju dengan cadangan itu."

"Kita mesti mencontohi cara Rasulullah SAW supaya mendapat kejayaan. Kerana itu saya mencadangkan supaya kita menggali parit sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam Perang Khandaq dahulu," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Maafkan saya tuanku," kata Panglima Tharhan pula. "Boleh saya memberi pandangan?"

"Silakan," balas Sultan Muhammad.

"Saya tidak bermaksud hendak membantah cadangan tuanku. Tetapi adalah terlalu sukar hendak menggali parit kerana kawasan pantai dan daratan kita dipenuhi batu-batu. Kita memerlukan masa yang lama bagi menggalinya. Mungkin memakan masa bertahun-tahun sedangkan tentera Rom pasti datang menyerang kita pada bila-bila masa."

"Benar juga kata Panglima Tharhan. Tentera kita keletihan sekiranya dipaksa menggali parit di kawasan berbatu-batu. Sekiranya musuh tiba-tiba datang menyerang, bagaimana mereka hendak menentangnya?" Khalil Pasya pula menyokong.

"Apa pendapat tuan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh kepada Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Benar juga seperti kata Panglima Tharhan dan saudaraku, Khalil Pasya. Rasulullah SAW sendiri pernah membatalkan cadangannya apabila ada cadangan yang lebih baik," jawab ulama yang terkenal itu.

"Baiklah, saya setuju cadangan menggali parit itu kita batalkan dengan syarat ada cadangan yang lebih baik," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Keadaan menjadi sepi seketika kerana semua yang hadir termenung memikirkan apakah cara yang lebih baik selain menggali parit. Suasana di dalam masjid yang tenang dan tenteram itu menambahkan lagi keheningannya.

"Bolehkah saya memberi cadangan, tuanku?" Tiba-tiba seorang tentera yang ditugaskan mengawal tempat mesyuarat itu bersuara.

"Silakan," balas Sultan Muhammad. "Mungkin Tuhan memberikan ilham melalui kamu."

"Saya cadangkan kita bina tembok bagi menghalang serangan orang-orang Rom itu," kata tentera itu sambil tersenyum.

Dia berasa bangga kerana walaupun cuma tentera biasa namun diberi peluang bersuara. Sultan Muhammad al-Fateh tidak memandang rendah kepada sesiapa sahaja. Masing-masing boleh menyuarakan pendapatnya.

"Saya setuju dengan cadangan itu kerana membina tembok lebih mudah kerjanya daripada menggali parit. Tambahan pula di kawasan itu banyak batu," sokong Panglima Tharhan.

Sultan Muhammad kelihatan berfikir sejenak. Kemudian baginda berkata, "Itu suatu cadangan yang paling baik. Bagaimana pula dengan pendapat yang lain? Ataupun ada bantahan?"

"Saya juga menyokong cadangan itu," kata Khalil Basya.

"Benar kata tuanku sebentar tadi. Tuhan memberi kita ilham melalui tentera itu," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

Selepas mendapatkan persetujuan sebulat suara daripada yang hadir, Sultan Muhammad pun berkata, "Kita mulakan pembinaan

tembok itu dengan segera. Maklumkan perkara ini kepada semua tentera dan rakyat."

Rakyat menyambut baik usaha itu. Ramai yang tampil membantu secara sukarela. Mereka bergotong-royong membinanya. Sultan Muhammad al-Fateh sendiri turun padang. Baginda menanggalkan serban dan bajunya bagi memudahkan kerja-kerja dilakukan. Melihat perlakuan itu, semua ulama dan menteri juga turut membantu. Dengan ini semakin ramai yang terlibat dengan kerja-kerja membina tembok.

"Sebelum berlakunya Perang Khandaq, Rasulullah SAW juga turut membantu kerja-kerja menggali parit. Kerana itu Sultan Muhammad mahu mencontohi Rasulullah SAW. Baginda sama-sama bekerja keras bagi membina tembok itu," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Melihat Sultan Muhammad yang sanggup bekerja keras, orang ramai semakin bersemangat melakukan kerja-kerja membina tembok itu. Masing-masing melakukannya secara sukarela tanpa ada paksaan daripada sesiapa.

"Kerja yang berat menjadi ringan apabila semua pihak bekerjasama. Berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing. Sultan Muhammad memang seorang pemimpin yang baik. Baginda sanggup bekerja bersama-sama kita," puji Basir, seorang lelaki yang paling tua di kalangan mereka.

"Walaupun baginda masih muda kerana umurnya baru 20 tahun, baginda seorang yang bijak dan matang. Kita berasa selamat berada di bawah pemerintahannya," balas Kamal pula. Kedua-duanya adalah petani dari Kampung Samarah. Mereka sanggup datang kerana mahu menyumbangkan tenaga secara sukarela.

"Sultan Muhammad seorang yang taat kepada agama. Baginda juga didampingi oleh seorang ulama yang terbilang iaitu Syeikh Syamsudin al-Wali. Kerana itu kepimpinannya mendapat petunjuk

daripada Tuhan," puji Ayyup pula. Dia seorang tukang kayu yang datang dari Anatolia.

"Wahai saudaraku sekalian, yakinlah kota Konstantinopel dapat kita tawan tidak lama lagi!" Tiba-tiba Sultan Muhammad berseru. Kata-kata itu disambut dengan laungan takbir oleh orang ramai.

"Apabila mendengar kata-kata Sultan Muhammad itu, mengingatkan saya sejarah Perang Khandaq," kata Basir sambil tersenyum menampakkan giginya yang rongak.

Kemudian dia berkata lagi, "Semasa menggali parit, mereka terjumpa sebuah batu yang besar. Apabila gagal memecahkan batu itu, mereka mengadu kepada Rasulullah SAW. Baginda berdoa lalu memukul batu itu dengan penukul besi. Pada pukulan pertama kelihatan api memercik lalu batu itu terbelah separuh. Pada pukulan kedua, kelihatan api terpercik lagi dan batu itu hancur semuanya. Kamu masih ingatkah apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW selepas itu?"

"Rasulullah SAW bersabda, pada percikan api yang pertama baginda melihat istana maharaja Rom dan pada percikan api yang kedua baginda melihat istana Maharaja Parsi. Lalu baginda berkata, Rom dan Parsi bakal dikalahkan oleh tentera Islam," jawab Kamal sambil tersenyum.

"Maafkan saya. Apa kaitannya dengan ucapan Sultan Muhammad tadi?" tanya Ayyup pula.

"Selepas para sahabat mendengar ucapan Rasulullah SAW, mereka berusaha menjadikannya suatu kenyataan. Kerajaan Parsi dapat dikalahkan semasa pemerintahan Saidina Abu Bakar. Kerajaan Rom dapat ditumbangkan semasa pemerintahan Saidina Umar," jawab Basir.

Kemudian dia berkata lagi, "Hari ini Sultan Muhammad mengatakan kota Konstantinopel dapat kita tawan tidak lama lagi.

Kerana itu kita mesti berusaha menjadikannya kenyataan dengan membantu baginda. Saya yakin apa yang diucapkannya bukan angan-angan kosong. Percayalah, Tuhan pasti membantu kita."

"Kita berjuang bersama Sultan Muhammad. Kami rela syahid demi agama yang diredai Tuhan!" teriak Ayyup dengan suara yang nyaring.

Teriakan itu disambut dengan laungan, "Allahu Akbar!" Suara mereka bergema ke angkasa. Menjadi pemangkin semangat mereka bekerja lebih keras dan bersungguh-sungguh.

Sultan Muhammad al-Fateh tersenyum. Baginda bertambah yakin hadis Nabi Muhammad SAW itu berlaku pada zamannya. Azamnya semakin kuat mahu menawan kota Konstantinopel. Tetapi tembok bagi menghalang serangan orang-orang Rom itu mesti disiapkan segera. Baginda berazam menyiapkannya dengan segera.

Selepas bekerja keras semenjak dari pagi, orang ramai mula berasa lapar dan dahaga. Melihat keadaan itu, Khalil Basya berteriak, "Wahai saudaraku sekalian, Sultan Muhammad menjemput kita menjamu selera di istana!"

Orang ramai begitu gembira mendengarnya. Mereka berhenti rehat bagi makan tengah hari kemudian berjanji meneruskan kerja-kerja itu pada sebelah petangnya.

Sampai di istana mereka dapati makanan dan minuman sudah tersedia. Mereka menikmati hidangan tersebut dengan begitu berselera.

"Saya teringat suatu mukjizat Rasulullah SAW semasa mereka menggali parit sebagai persediaan Perang Khandaq," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Kemudian dia menyambung kisahnya, "Ketika itu musim sejuk dan orang ramai berasa amat lapar dan dahaga. Nabi Muhammad

SAW sendiri mengikat batu ke perutnya bagi menahan lapar. Kerana berasa kasihan melihat Rasulullah SAW kelaparan, seorang sahabat bernama Jabir bin Abdillah pulang ke rumah lalu menyuruh isterinya memasak roti. Tetapi tepung cuma tinggal sedikit sahaja. Jabir juga menyembelih seekor anak kambing. Kerana cuma itu sahaja ternakan yang mereka miliki.

Selepas tepung dan gulai anak kambing masak, Jabir menjemput Rasulullah SAW datang ke rumahnya. "Kami ada sedikit roti dan gulai anak kambing. Sudilah datang ke rumah kami memakannya," bisik Jabir kerana khuatir didengari orang lain kerana makanan yang ada hanya sedikit sahaja.

Rasulullah pula mengajak orang ramai mengikutnya ke rumah Jabir. Ini membuatkan Jabir berasa serba salah kerana makanan cukup untuk beberapa orang sahaja. Selepas sampai di rumah Jabir, Rasulullah SAW sendiri mengambil makanan itu lalu membahagikannya kepada orang ramai. Setiap orang dapat memakannya sehingga kenyang. Itulah salah satu mukjizat Rasulullah. Makanan yang sedikit cukup dimakan oleh beribu-ribu orang."

Sultan Muhammad al-Fateh yang turut mendengar cerita itu kelihatan tersenyum lalu berkata, "Saya tidak mempunyai mukjizat seperti Nabi Muhammad SAW. Makanan yang kamu makan ini daripada duit saya sendiri. Itulah kemampuan saya."

19



Kota Konstantinopel

"Sekiranya dunia ini sebuah negara, Konstantinopel inilah yang paling layak menjadi ibu negaranya."

-Maharaja Konstantine

"Sekiranya dunia ini sebuah negara, Konstantinopel inilah yang paling layak menjadi ibu negaranya," kata Maharaja Konstantine dengan nada suara yang lantang supaya didengar oleh orang ramai yang berhimpun di kota bersejarah itu.

Kemudian Maharaja Konstantine berhenti seketika lalu mengesat peluh yang berminyak di mukanya dengan sapu tangan. Kemudian barulah baginda menyambung ucapannya, "Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, kerajaan Rom sudah berpecah kepada dua. Rom Katolik berpusat di Vatikan dan Rom Ortodoks di Byzantine. Kawasan di pinggir Selat Bosphorus ini dipilih menjadi ibu kota Byzantine kerana kedudukannya yang terletak antara benua Eropah dan Asia. Para pedagang dari Eropah dan Asia melalui kawasan ini. Sekiranya melalui jalan darat dinamakan 'laluan sutera' dan sekiranya melalui laut terletak antara Laut Tengah dan Laut Hitam. Selain menjadi tempat laluan para pedagang, kota Konstantinopel juga tempat yang paling selamat. Kedudukannya yang terletak di atas bukit sesuai dijadikan kubu-kubu pertahanan. Kerana itu musuh tidak berjaya menakluk kota Konstantinopel sejak dulu."

Orang ramai menumpukan perhatian pada ucapan Maharaja Konstantine. Tambahan pula baginda memang petah berpidato. Apabila baginda berucap, semua yang hadir memberi sepenuh tumpuan dan mendengarnya dengan penuh khusyuk. Hari itu orang ramai berkumpul di istana bagi mendengar ucapan daripada Maharaja Konstantine. Dengan penuh semangat baginda berucap sambil mengimbau kembali sejarah perjuangan nenek moyang mereka.

"Kota Konstantinopel ini dibina di atas tujuh buah bukit di tepi Selat Bosphoros. Kota ini teguh dan kuat serta mempunyai nilai sejarah dan seni yang sangat tinggi. Kerana itu nenek moyang kita berjuang bermati-matian bagi mempertahankan kota ini daripada

ditakluk oleh musuh. Sudah berkali-kali mereka cuba menakluk kota ini tetapi tidak berjaya. Bangsa Ghotik, Parsi, Perancis, Rusia, dan orang-orang Islam berkali-kali cuba menawan kota ini tetapi gagal. Sekarang sampai giliran kita mewarisi kota ajaib ini. Inilah kota syurga yang membuatkan sesiapa yang berada di dalamnya berasa selamat. Kota syuga ini adalah milik kita selama-lamanya."

Orang ramai bertepuk tangan mendengar ucapan Maharaja Konstantine. Memang itu tujuannya baginda menyuruh orang ramai berkumpul bagi mendengar ucapannya. Baginda mahu menaikkan semangat orang ramai terutama tenteranya supaya mereka berjuang mempertahankan kota itu hingga ke titisan darah yang terakhir.

Baginda tahu tentera Islam kerajaan Usmaniah yang berjiran dengannya sedang membuat persiapan bagi memerangi mereka. Sultan Muhammad yang baru mengambil alih tampuk pemerintahan daripada ayahandanya, Sultan Murad begitu bersemangat mahu menakluk kota Konstantinopel. Tambahan pula usianya masih muda dan berdarah panas. Kerana itu baginda perlu menaikkan semangat rakyat dan tenteranya supaya sanggup berperang bermati-matian bagi mempertahankan kota Konstantinopel.

Pernah juga terlintas di hatinya mahu berdamai dengan kerajaan Islam Usmaniah. Tambahan pula kedua-dua belah pihak sudah berperang beberapa kali dan setiap kali tercetusnya peperangan pasti ramai yang menjadi korban. Tetapi baginda bimbang mahu menyuarakan cadangannya itu kepada para pembesar. Baginda teringat suatu kisah yang pernah terjadi kepada Maharaja Rom yang bernama Hercules. Apabila baginda mendapat berita tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid bin Walid dalam perjalanan menuju ke Rom, baginda mengumpulkan para pembesar dan pemimpin tentera. Maharaja Hercules berucap, "Tidak lama lagi datang tentera Islam yang lebih suka mati berperang daripada

menyerah kalah. Mereka berpuasa pada siang hari dan beribadat sepanjang malam. Mereka dipimpin oleh seorang panglima yang mendapat gelaran 'pedang Allah.' Khalid al-Walid itu tidak pernah kalah dalam setiap peperangan yang disertainya. Kerana itu aku mencadangkan supaya kita berdamai sahaja dengan mereka."

Mendengar ucapan Maharaja Hercules yang hendak berdamai dengan tentera Islam, orang ramai termasuk para pembesar dan pemimpin tentera mula membantah. Mereka marah dan mahu memberontak. Tetapi Maharaja Hercules berjaya memujuk mereka dengan berkata, "Aku sengaja hendak menguji semangat kamu, adakah kamu takut hendak berperang dengan tentera Islam itu? Terbukti kamu berani dan aku berasa bangga." Mendengar kata-kata itu barulah kemarahan orang ramai menjadi reda dan mereka tidak jadi memberontak.

Maharaja Konstantine mengambil ikhtibar daripada kisah itu. Kerana itu baginda mesti berucap sebagai pemimpin yang berani. Baginda faham benar, tidak ada istilah perdamaian di kalangan tentera dan rakyat Rom pada Islam. Bagi orang-orang Rom, musuh utama mereka ialah orang-orang Islam.

"Wahai tuanku, adakah kami berkumpul pada hari ini, sekadar mendengar ucapan tuanku ataupun ada perkara penting yang hendak disampaikan kepada kami?" tanya salah seorang pembesarnya.

"Ada perkara yang paling penting hendak diberitahu," jawab Maharaja Konstantine.

"Beritahu cepat. Kami tidak sabar hendak mengetahuinya!" kata suatu suara daripada celah-celah orang ramai.

"Kerajaan Usmaniah yang berjiran dengan kita sudah membuat persiapan perang. Mereka begitu bersemangat hendak menakluk kota Konstantinopel. Adakah kita mahu biarkan begitu sahaja?"

"Kami sanggup berperang!"

"Kami sanggup mati demi kota Konstantinopel!"

Teriakan orang ramai kedengaran begitu bersemangat. Kemudian Maharaja Konstantine meneruskan ucapannya, "Orang-orang Islam sudah cuba menakluk kota Konstantinopel sejak zaman dahulu tetapi semuanya tidak berjaya. Sekarang Sultan Muhammad pula hendak mencubanya. Kita mesti bersiap-sedia mempertahankan kota kita."

"Kami bersedia mempertahankan kota Konstantinopel!" teriak orang ramai begitu bersemangat.

"Sultan Muhammad sudah membina benteng di sepanjang Selat Bosphorus. Adakah kamu tidak melihatnya?" tanya Maharaja Konstantine.

"Kami melihatnya sejak hari pertama mereka membina benteng itu," jawab Panglima Ardogan.

"Itu sesuatu yang menakutkan. Selama kerajaan Usmaniah berkuasa, tidak pernah sultannya membina benteng sebegitu rupa. Tetapi apabila Sultan Muhammad berkuasa, benteng seperti itupun didirikan. Apakah sebabnya?"

"Mereka hendak menghalang musuh daripada menyerang negara mereka. Kita juga boleh membina benteng seperti itu. Malah kita boleh membina benteng yang lebih baik daripada mereka," kata Alexsi pula.

"Sesungguhnya kamu tidak nampak apa yang aku nampak. Benteng itu amat membimbangkan hati aku," balas Maharaja Konstantine.

"Beritahu kami apa pendapat tuanku mengenai benteng itu?" tanya Panglima Ardogan pula.

"Dengan adanya benteng itu, mereka dapat menyekat setiap

kapal yang melalui Selat Bosphorus. Akibatnya nanti bukan sahaja tidak ada kapal kita yang dapat melalui selat itu malah kapal yang hendak berdagang dengan kita juga disekat dan dirampas."

Barulah mereka sedar betapa merbahayanya benteng yang didirikan oleh orang-orang Turki itu. Masing-masing mula meluahkan kebimbangannya.

"Seorang pemimpin yang bijak dapat membaca apa yang sedang dirancang oleh musuhnya. Siapakah antara kamu yang dapat membaca fikiran Sultan Muhammad?" tanya Maharaja Konstantine.

Tidak ada yang dapat menjawab soalan itu. Kemudian Maharaja Konstantine berkata, "Selesai benteng itu dibina, mereka serang kota Konstantinopel. Mereka kerah seluruh kekuatan tentera kerana yakin negara mereka selamat dengan adanya benteng itu."

Orang ramai kagum dengan kebijaksanaan maharaja mereka. Masing-masing memuji Maharaja Konstantine.

"Apa yang mesti kita lakukan, tuanku?" tanya Panglima Ardogan pula.

"Siapa antara kamu yang boleh menjawab soalan itu?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Kita bina benteng seperti yang mereka lakukan," jawab salah seorang daripada mereka.

"Kita tidak boleh mengikut rentak musuh. Maksud aku, kita tidak bina benteng seperti yang mereka lakukan," kata Maharaja Konstantine.

"Mengapa tuanku?" tanya Alexsi.

"Musuh pasti ketawakan kita kerana meniru cara mereka," jawab Maharaja Konstantine.

"Sekiranya begitu kita buat persiapan bagi menghadapi serangan

mereka," kata Panglima Ardogan pula.

"Bagi memenangi peperangan kita mesti menyerang musuh dulu sebelum mereka menyerang kita," kata Maharaja Konstantine.

"Maksud tuanku kita serang mereka yang sedang membina benteng itu?" tanya Panglima Ardogan mahukan kepastian.

"Jangan biarkan mereka bina benteng itu. Kita hantar tentera bagi memusnahkannya," jawab Maharaja Konstantine.

"Ada eloknya kita lakukan pada waktu malam supaya mereka tidak dapat melihat kita," cadang Panglima Ardogan.

Cadangan itu dipersetujui Maharaja Konstantine.

20



Sabotaj



"Dan sesungguhnya Allah memenuhi janji-Nya kepada kamu, ketika kamu membunuh mereka dengan izin-Nya sampai pada saat kamu lemah dan berselisih dalam urusan itu dan menderhakai perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepadamu apa yang kamu sukai. Antara kamu ada orang yang menghendaki dunia dan antara kamu ada yang menghendaki akhirat. Kemudian Allah memalingkan kamu daripada mereka bagi menguji kamu; dan sesungguhnya Allah memaafkan kamu. Dan Allah mempunyai kurnia (yang dilimpahkan) ke atas orang-orang yang beriman."

-Surah *Ali Imran*: 152

Malam itu hujan turun membasahi bumi. Namun 1,000 tentera Rom masih berdiri di halaman kota Konstantinopel. Mereka tidak berganjak walaupun pakaian mereka basah kuyup. Selepas hujan berhenti barulah Maharaja Konstantine keluar memberi taklimat kepada tenteranya.

"Kamu adalah tentera pilihan bagi menjalankan suatu tugas yang amat penting. Kejayaan kamu menjalankan tugas ini menyelamatkan kota Konstantinopel daripada malapetaka. Tetapi sekiranya kamu gagal, kita pasti ditimpa bencana. Berbanggalah kerana kamu adalah tentera pilihan bagi tugas yang amat penting pada malam ini," kata Maharaja Konstantine dengan nada suara yang lantang.

Seramai 1,000 tentera pilihan berdiri tegak sambil mendengar amanat maharaja mereka. Masing-masing berasa bangga kerana terpilih menjalankan tugas itu. Kemudian Maharaja Konstantine meneruskan ucapannya, "Pada malam ini kamu tidak dibekalkan dengan senjata tetapi dibekalkan dengan penukul besi dan peralatan lain kerana kamu bukan pergi berperang tetapi meruntuhkan benteng yang dibina oleh tentera Islam di seberang Selat Bosphorus. Benteng itu mesti dimusnahkan semuanya demi keselamatan kita!"

"Kami sedia menurut perintah, tuanku!" teriak tentera Rom itu serentak.

Maharaja Konstantine tersenyum bangga kerana yakin dengan kemampuan tenteranya. Mereka adalah tentera yang terlatih dan tahan lasak. Tugas meruntuhkan benteng itu pasti berjalan lancar dan menjelang pagi esok, Rumeli Hisarri tidak wujud lagi.

"Berangkatlah segera dan kami menunggu kepulangan kamu di sini pada esok hari sebelum matahari terbit!" titah Maharaja Konstantine.

Berangkatlah 1,000 tentera Rom bagi meruntuhkan benteng yang dibina oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Tugas mereka tidak menjadi masalah kerana benteng itu tidak dikawal oleh tentera Turki. Mereka terus meruntuhkannya dan sebelum terbit fajar, semua benteng itu berjaya dilenyapkan. Malah batu-batu dan kayu yang digunakan bagi membina benteng itu dibuang ke dalam Selat Bosphorus. Kemudian mereka pulang dengan penuh kemegahan kerana berjaya menjalankan tugas yang diperintahkan oleh maharaja mereka. Maharaja Konstantinopel menyambut kepulangan mereka dengan gembira.

"Beta gembira kerana kamu berjaya melenyapkan benteng yang menyakitkan hati itu dalam masa semalaman sahaja. Sultan Muhammad dan tenteranya pasti berasa marah dan kecewa," katanya.

"Bagaimana sekiranya mereka menyerang kita?" tanya Alexsi pula.

"Itulah yang sebaiknya. Tentera kita sudah bersiap-sedia menunggu kedatangan mereka. Beta lebih takut dengan benteng itu daripada berlakunya peperangan," jawab Maharaja Konstantine.

Keesokan harinya Sultan Muhammad dan orang-orangnya terkejut apabila melihat benteng yang mereka bina dimusnahkan. Mereka berasa marah dan kesal dengan kejadian itu.

"Pasti kerja ini dilakukan oleh orang-orang Rom. Kita mesti menuntut bela. Mari kita runtuhkan kota Konstantinopel!" Orang ramai meluahkan rasa marah mereka.

"Nampaknya Maharaja Konstantine sudah mengisytiharkan perang," kata Panglima Tharhan pula.

"Apa pendapat tuan?" tanya Sultan Muhammad kepada Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Maharaja Konstantine berasa gerun apabila melihat tembok

yang kita bina, sebab itu diruntuhkannya," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Ada cadangan supaya kita membalas perbuatan mereka. Apa pendapat tuan?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Saya berpendapat belum sampai masanya kita berperang dengan orang-orang Rom. Dan sekiranya kita lancarkan serangan ke atas mereka, inilah yang diingini oleh Maharaja Konstantine," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Maksud tuan, mereka sengaja meruntuhkan tembok yang kita bina dengan harapan kita marah lalu menyerang mereka?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Maharaja Rom tidak mahu benteng itu dibina sebab itu dirobohkannya. Sekiranya berlaku peperangan kita tidak dapat membina semula benteng itu. Itulah yang dimahukan oleh Maharaja Konstantine," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Pada pendapat tuan, apa yang patut kita lakukan?" tanya Khalil Basya pula.

"Kita bina semula tembok itu sehingga siap. Selepas itu baru kita buat persiapan menawan kota Konstantinopel," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

Sultan Muhammad al-Fateh bersetuju dengan cadangan gurunya lalu baginda memerintahkan pembinaan Rumeli Hisarri diteruskan sehingga siap. Rakyat memberikan kerjasama. Semakin ramai yang tampil menyumbangkan tenaga. Mereka sanggup bekerja secara sukarela.

"Kita perlu bekerja siang dan malam bagi membina benteng ini supaya dapat disiapkan segera. Tentera kita perlu mengawalnya supaya ia tidak diruntuhkan lagi oleh orang-orang Rom," titah Sultan Muhammad al-Fateh.

Orang ramai menyambut baik perintah itu. Disebabkan bilangan pekerja yang ramai, mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan. Satu kumpulan bekerja pada sebelah siang. Satu kumpulan lagi pada sebelah malam. Manakala kumpulan ketiga berehat. Mereka melakukannya secara bergilir-gilir. Dengan ini mereka tidak merasa seperti dipaksa bekerja oleh Sultan Muhammad al-Fateh.

Di kota Konstantinopel, Maharaja Konstantine sedang berbincang dengan para pembesarnya. Baginda kelihatan semakin bimbang apabila mendapat tahu kerja-kerja membina benteng itu diteruskan semula oleh Sultan Muhammad.

"Mereka membina benteng itu siang dan malam. Mungkin siap dalam masa tiga bulan." Kata-kata Alexsi itu membuatkan Maharaja Konstantine bertambah risau.

"Aku mahu engkau halang mereka dengan apa cara sekalipun supaya kerja-kerja membina benteng itu tidak diteruskan," kata Maharaja Konstantine.

"Kita hantar tentera kita sekali lagi bagi memusnahkannya," cadang Panglima Ardogan.

"Itu yang sebaiknya. Dan aku mahu tentera kita terus meruntuhkan benteng itu. Pada sebelah siang mereka membinanya dan pada sebelah malam kita runtuhkannya," kata Maharaja Konstantine sambil tertawa.

Panglima Ardogan memerintahkan 1,000 tentera memusnahkan benteng itu sekali lagi. Tetapi kedatangan mereka dapat dilihat oleh tentera Turki yang mengawal benteng itu. Mereka memasang perangkap. Sebaik sahaja tentera Rom, sampai mereka diserang hendap oleh tentera Turki. Tentera Rom yang datang hanya membawa tukul besi terpaksa menggunakannya sebagai senjata. Akibatnya ramai tentera Rom yang terbunuh dan cedera. Hampir 100 orang menyerah diri. Maharaja Konstantinopel berasa semakin bimbang apabila mendapat tahu tenteranya tidak

berjaya meruntuhkan tembok itu malah ramai yang terbunuh dan ditawan.

"Tentera Turki mengawal tembok itu siang dan malam. Tentera kita tidak dapat menghampirinya kerana pasukan pemanah tentera Turki ditempatkan di atas benteng itu." Panglima Ardogan membuat laporan.

"Elok kita terus lakukan serangan secara besar-besaran. Sekiranya berlaku peperangan, mereka tidak dapat lagi membina benteng itu," cadang Alexsi pula.

"Beta lebih suka mereka yang datang menyerang," kata Maharaja Konstantine.

"Mengapa tuanku?" tanya Alexsi.

"Sekiranya mereka yang datang menyerang, kita boleh bertahan dari dalam kota. Dan kita ada kelebihan bagi mengalahkan mereka. Tetapi sekiranya kita yang menyerang, kita belum tahu corak pertahanan mereka. Besar kemungkinan kita kalah. Kerana itu beta lebih suka mereka datang menyerang," jawab Maharaja Konstantine.

"Betul kata tuanku," sokong Alexsi.

"Apa pula cadangan tuanku? Ataupun kita biarkan sahaja mereka membina benteng itu sehingga siap?" tanya Panglima Ardogan.

"Kita juga perlu membina tembok bagi menghalang serangan orang-orang Turki," jawab Maharaja Konstantine.

"Maksud tuanku, kita bina tembok seperti mereka?" tanya Alexsi pula.

"Tembok itu mengeliling kota Konstantinopel. Beta mahu ia dibina kukuh dan tinggi. Dengan adanya tembok itu, pertahanan kita semakin kukuh dan selamat," jawab Maharaja Konstantine.

"Kerja-kerja itu tentu sukar. Kita memerlukan tenaga pekerja yang ramai," kata Panglima Ardogan.

"Kerahkan rakyat kita membinanya. Semua orang diwajibkan menyumbang tenaga."

Perintah Maharaja Konstantine itu segera dijalankan. Rakyat dipaksa membuat kerja-kerja membina tembok itu. Ramai yang tidak berpuas hati kerana dipaksa bekerja oleh maharaja mereka.

21



Terowong Rahsia

"Kerana itu hendaklah orang-orang yang menukar kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat berperang pada jalan Allah. Barangsiapa yang berperang pada jalan Allah, lalu gugur ataupun memperoleh kemenangan maka kelak akan Kami berikan kepadanya pahala yang besar."

-Surah *an-Nisak*: 74.

Benteng Rumeli Hisarri yang dibina setinggi 20 hasta, lebar sembilan hasta dan panjangnya 5,000 hasta itu berdiri megah membentengi Selat Bosphorus. Tentera Turki yang bersenjatakan panah ditempatkan di atas benteng itu bagi mengawal sekiranya ada serangan musuh. Mereka juga mengawal lalu lintas kapal-kapal yang memasuki Selat Bosphorus. Setiap kapal diperiksa dengan teliti bagi memastikan tidak ada senjata dan tentera diseludup ke kota Konstantinopel.

"Sultan Muhammad yang mengarahkan supaya benteng Rumeli Hisarri ini dibina ukurannya mengikut ukuran parit yang digali oleh Nabi Muhammad SAW semasa Perang Khandaq," kata Yazid, salah seorang tentera yang sedang berkawal di atas benteng itu.

"Benteng ini dibina di tebing Selat Bosphorus. Kerana itu kedudukannya cukup tinggi dan tidak mudah dipanjat oleh musuh yang hendak menceroboh. Kita pula sentiasa berkawal di atas benteng ini siang dan malam," kata Sulaiman Basha pula.

Mereka berdua adalah tentera daripada pasukan pemanah yang diberi tugas mengawal benteng itu. Bukan mereka berdua sahaja yang diberi tanggungjawab itu malah beratus-ratus tentera ditugaskan bergilir-gilir mengawalnya siang dan malam. Tambahan pula tentera Rom sentiasa berusaha merobohkan benteng itu. Namun setiap kali percubaan yang mereka lakukan berjaya digagalkan oleh tentera Turki. Ini menjadikan Maharaja Konstantine semakin gusar. Tambahan pula kapal-kapal dagang tidak berani lagi datang ke pelabuhan Konstantinopel. Setiap kali baginda melihat benteng Rumeli Hisarri itu, jantungnya bagaikan terbelah dua. Kerana itu baginda sentiasa berusaha merobohkan benteng itu. Namun kedudukan Sultan Muhammad pula semakin kuat. Baginda mendapat sokongan yang padu daripada pasukan tentera dan rakyatnya. Baginda mula membuat persiapan bagi menawan kota Konstantinopel.

"Sekiranya kita tidak dapat menawan kota Konstantinopel, musuh-musuh kita dan mereka yang munafik pasti mentertawakan kita lalu mengatakan kata-kata Nabi Muhammad SAW itu cuma omong-omong kosong sahaja. Kerana itu marilah kita berusaha serta berdoa semoga hadis itu berlaku pada zaman ini," kata Sultan Muhammad dengan nada suara yang penuh bersemangat.

Panglima Tharhan mengerutkan dahinya. Konsentrasinya terganggu. Ketika itu dia sedang melatih pasukan tenteranya menjalani latihan memanah. Kedatangan Sultan Muhammad al-Fateh menambahkan lagi semangatnya melatih tentera supaya mahir membidik sasaran. Dia sedar apabila bertempur dengan musuh, pasukan pemanah amat diperlukan.

"Kita perlukan senjata yang lebih kuat daripada anak panah. Senjata itu mesti dapat merobohkan tembok kota Konstantinopel." Kata-kata Sultan Muhammad itu membuatkan dahi Panglima Tharhan semakin berkerut.

"Senjata yang lebih kuat daripada panah ialah pelontar batu. Pasukan tentera kita memiliki senjata itu," kata Panglima Tharhan.

"Kita perlukan senjata yang jauh lebih hebat daripada pelontar batu. Senjata itu mestilah boleh meruntuhkan batu-batu benteng kota Konstantinopel," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Ada sejenis senjata baru yang dinamakan meriam. Senjata itu dicipta oleh seorang lelaki Yunani bernama Urban. Tetapi lelaki itu dikurung di dalam penjara oleh Maharaja Konstantine kerana enggan memberikan kerjasama," kata Panglima Tharhan.

"Kita bebaskan lelaki itu dan bawa dia ke sini," cadang Sultan Muhammad al-Fateh.

"Bagaimanakah caranya, tuanku?" tanya Panglima Tharhan pula.

"Kita gali terowong bawah tanah sehingga sampai ke tempat lelaki itu dikurung," jawab Sultan Muhammad.

"Kerja-kerja itu amat sukar dilakukan tetapi kita perlu mencubanya. Berdoalah semoga Tuhan memberikan kita ilham bagi memudahkan kerja kita."

"Bagaimana dengan tentera Rom yang dapat kita tawan?" Tiba-tiba Sultan Muhammad terfikir sesuatu.

"Mereka tidak diapa-apakan kerana mahu memberikan kerjasama kepada kita. Banyak maklumat yang disampaikan kepada kita," jawab Panglima Tharhan.

Sultan Muhammad al-Fateh menyuruh Panglima Tharhan membawa salah seorang daripada tawanan itu menghadapnya. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh bertanya adakah dia kenal seorang lelaki bernama Urban?

"Dia mahir membuat meriam tetapi tidak mahu memberi kerjasama kepada Maharaja Konstantine. Sebab itu dia dipenjarakan," jawab tawanan itu.

"Kamu tahu tempat dia dikurung?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Di dalam bilik bawah tanah. Dia dikurung di situ supaya tidak dapat melarikan diri," jawab tawanan itu.

Sultan Muhammad menyuruh lelaki itu melukis pelan lakar kota Konstantinopel dan menandakan di mana lelaki itu dikurung. Lelaki yang menjadi tawanan itu bersetuju memberikan kerjasama.

"Kita hantar orang-orang kita bagi menyiasat kedudukan kota Konstantinopel dan di mana lelaki yang mahir membuat meriam itu dikurung," kata Sultan Muhammad al-Fateh kepada Panglima Tharhan.

"Kota Konstantinopel dikawal ketat oleh tentera Rom siang dan malam. Tiada siapa yang dapat memasukinya tanpa kebenaran," kata orang Rom yang menjadi tawanan itu.

"Orang-orang kami menyamar sebagai saudagar supaya dapat memasuki kota itu," kata Panglima Tharhan pula.

Beberapa orang pengintip yang menyamar sebagai saudagar berangkat ke kota Konstantinopel dengan membawa banyak barang bagi diniagakan. Kedatangan mereka disambut baik oleh penduduk kota Konstantinopel. Tambahan pula mereka kekurangan barang-barang dagangan kerana kapal-kapal takut singgah di pelabuhan Konstantinopel.

Rombongan pedagang itu dibenarkan masuk ke kota Konstantinopel dan mereka juga diizinkan tinggal di situ beberapa hari. Pada sebelah siang mereka berniaga tetapi pada waktu malam mereka menyiasat lokasi kota itu. Mereka juga mendapat banyak maklumat mengenai kota Konstantinopel hingga mereka tahu dengan pasti di mana lelaki yang bernama Urban itu dikurung.

Selepas habis barang-barang mereka diniagakan, rombongan pedagang itu pun kembali ke Turki dengan membawa bersama maklumat yang diperlukan. Sultan Muhammad al-Fateh gembira dengan kejayaan itu.

"Kita mula menggali terowong rahsia itu. Selain kegunaannya bagi menyelamatkan Urban, terowong rahsia itu juga boleh digunakan bagi menyeludup tentera ketika kita menyerang kota Konstantinopel," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Kerja-kerja menggali terowong rahsia itu pun dijalankan. Berbulan-bulan lamanya mereka menggali terowong itu dan akhirnya sampai ke kota Konstantinopel. Bagi memastikan lelaki yang bernama Urban itu berjaya dilarikan, Sultan Muhammad menghantar lagi pengintip yang menyamar sebagai pedagang. Kali ini mereka bukan sahaja membawa banyak barang dagangan tetapi

juga senjata yang disembunyikan di dalam bungkusan barang-barang dagangan.

"Kita mendapat maklumat bahawa lelaki yang bernama Urban masih dikurung di dalam bilik itu. Dan penggalian kita sudah sampai ke bawah tanah bilik kurungannya. Tengah malam ini kita larikan lelaki itu," kata Ismit yang menjadi ketua kerja-kerja menggali terowong itu.

Pada tengah malam itu ketika semua penghuni kota Konstantinopel sedang nyenyak tidur, Ismit dan orang-orangnya berjaya membuat penggalian terakhir betul-betul menembusi bilik kurungan itu. Urban yang ketika itu masih belum tidur terdengar bunyi sesuatu dari bawah tanah tempat kurungannya. Dia sudah menjangka seseorang datang hendak mengeluarkannya dari tempat kurungan itu. Dia pura-pura tidur supaya tidak disyaki oleh pengawal yang bertugas.

Sebaik sahaja lantai tempat kurungan itu ditembusi, Urban dilarikan melalui terowong rahsia itu. Menjelang pagi esoknya, lelaki yang mahir membuat meriam itu berjaya dibawa menghadap Sultan Muhammad al-Fateh. Lelaki itu dilayan dengan baik.

"Bagaimana keadaan kamu semasa di dalam kurungan itu?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Setiap hari saya diseksa kerana enggan bekerjasama dengan mereka," jawab lelaki itu.

"Khabarnya kamu mahir membuat meriam. Sebab itu Maharaja Konstantine hendak menyuruh kamu membuat meriam bagi mereka. Tetapi mengapa kamu tidak mahu memberikan kerjasama?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Maharaja Konstantine seorang yang zalim. Tentera Rom ganas dan tidak berperikemanusiaan. Saya tidak mahu mereka menggunakan senjata itu bagi membunuh mereka yang tidak berdosa," jawab Urban berterus terang.

"Apa pula pandangan kamu pada saya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh lagi.

"Melihat wajah tuanku, saya yakin tuanku baik orangnya kerana tuanku taat kepada agama. Apatah lagi selepas melihat layanan tuanku dan tentera Islam terhadap saya. Sekarang baru saya rasa selamat." Urban menceritakan bagaimana buruknya layanan Maharaja Konstantine dan tentera Rom kepadanya.

"Saya terseksa dan menderita selama dalam tahanan Maharaja Konstantine. Tetapi hari ini saya mula menghirup udara kebebasan. Layanan tuanku amat baik dan saya rasa bukan seperti orang tawanan," katanya.

"Kamu tahu apa tujuan kami membebaskan kamu dari kurungan Maharaja Konstantine?" Sultan Muhammad al-Fateh kelihatan semakin mesra kerana lelaki yang bernama Urban itu mahu menjawab pertanyaannya.

"Sungguh saya tidak tahu tetapi saya yakin bukan dibunuh," jawab tawanan itu.

"Kamu bukan musuh kami kerana itu kamu tidak dibunuh ataupun diseksa," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Urban tersenyum. Senang hatinya mendengar kata-kata Sultan Muhammad. Benarlah seperti khabar yang didengarnya bahawa sultan itu tidak zalim.

"Terima kasih, tuanku," kata Urban.

"Sanggupkah kamu memberikan kerjasama kepada kami?" Sultan Muhammad berharap lelaki itu menjawabnya secara jujur.

"Kerjasama bagaimana yang tuanku maksudkan?" tanya Urban pula. Ternyata dia seorang yang teliti dan tidak mahu memberi jawapan secara terburu-buru.

"Kamu mahir membuat meriam dan kami memerlukan senjata itu."

"Kata-kata seperti itu pernah diucapkan oleh Maharaja Konstantine kepada saya."

"Kami sanggup mengupah kamu membuat senjata itu untuk kami."

Urban tidak terus menjawab. Dia berfikir dahulu. Kemudian barulah dia bersuara. "Adakah senjata pemusnah itu digunakan bagi memerangi tentera Rom?"

"Sekiranya saya jawab ya, adakah kamu menolaknya?"

"Sekiranya saya menolak adakah saya dipenjarakan dan diseksa seperti yang pernah dilakukan oleh Maharaja Konstantine?"

Sultan Muhammad tersenyum. Lelaki itu memang seorang yang bijak. Baginda perlu menggunakan diplomasi bagi memujuknya. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh berkata, "Agama Islam melarang kami membunuh ataupun menyeksa tawanan. Kami beri kamu dua pilihan. Memeluk Islam ataupun membayar jizyah ataupun tebusan."

"Sekiranya saya memilih membayar tebusan?"

"Kamu dibebaskan dan boleh pergi ke mana sahaja."

"Sekiranya saya memeluk Islam?"

"Kamu menjadi saudara kami. Kamu boleh terus menetap di sini sampai meninggal dunia."

"Alangkah baiknya akhlak tuanku. Dan alangkah baiknya layanan tentera tuanku kepada saya. Dengan ini saya memilih menjadi saudara kalian."

22

Meriam Urban

"Tidak patut bagi seorang nabi mempunyai tawanan sebelum dia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda duniawi sedangkan Allah menghendaki (pahala) akhirat (untukmu). Dan Allah maha perkasa lagi maha bijaksana."

-Surah *al-Anfal*: 67

"Tuanku, Urban lelaki Yunani yang mahir membuat meriam itu sudah dilarikan dari bilik kurungannya!" kata Panglima Ardogan dengan nada suara yang tersekat-sekat. Dia berasa takut kerana sudah menjangka berita yang disampaikannya itu pasti mengundang kemarahan Maharaja Konstantine.

Maharaja Konstantine yang ketika itu sedang menikmati sarapan pagi tersentak sehingga menyebabkan makanan yang ada di dalam mulutnya tersembur.

"Dia dilarikan ataupun melarikan diri?" tanya Maharaja Konstantine. Matanya buntang merenung Panglima Ardogan.

"Dia dilarikan, tuanku," jawab Panglima Ardogan. Dia semakin takut. Tubuhnya menggeletar.

"Siapa yang melarikan dia? Bagaimana dia dilarikan? Bukankah tempat kurungannya di dalam bilik bawah tanah dan dikawal?" herdik Maharaja Konstantine.

"Orang-orang Turki yang melarikannya. Mereka menggali terowong bawah tanah menembusi bilik kurungan Urban. Kehilangannya baru disedari oleh pengawal pagi ini." Jawapan itu memeranjatkan Maharaja Konstantine.

"Mustahil! Aku tidak percaya!" herdiknya lalu berdiri dan mencekak pinggang. Sarapan pagi yang terhidang di atas meja makan tidak lagi dipedulikannya. Perasaan marahnya semakin menyala-nyala.

"Memang benar, tuanku. Urban sudah dilarikan dari bilik kurungannya. Mereka menggali terowong bawah tanah sebab itu pengawal kita tidak menyedarinya."

Maharaja Konstantine masih tidak percaya dengan kata-kata Panglima Ardogan. Baginda mahu melihat sendiri terowong rahsia yang dikatakan oleh panglimanya itu.

"Kita ke sana sekarang juga!" perintah Maharaja Konstantine.

Panglima Ardogan dan beberapa orang pengawal mengiringi Maharaja Konstantine ke bilik kurungan Urban. Memang benar seperti yang dilaporkan oleh Panglima Ardogan. Ada sebuah terowong yang menembusi bilik kurungan Urban.

"Bagaimana mereka boleh menggali terowong tepat menuju ke bilik kurungan ini?" tanya Maharaja Konstantine.

"Mereka sudah lama merancang dan mereka berjaya menipu kita," jawab Panglima Ardogan.

"Aku tidak faham. Cuba kamu terangkan!"

"Tuanku masih ingat beberapa orang saudagar yang datang berniaga di kota Konstantinopel?"

"Maksud kamu, mereka yang menggali terowong ini?"

"Mereka datang bukan hendak berdagang tetapi mendapatkan maklumat mengenai kedudukan kota Konstantinopel. Sebab itu penggali terowong dapat membuat ukuran dengan tepat di mana Urban dikurung. Dan kemungkinan juga…."

"Kemungkinan apa?"

"Rahsia pertahanan kota Konstantinopel juga sudah mereka ketahui."

Maharaja Konstantine tidak dapat menahan rasa marah lalu bertempik sambil menepuk-nepuk dadanya. Kemudian baginda memerintahkan tenteranya masuk dan menyiasat terowong itu.

"Sekiranya terjumpa Urban dan orang-orang Turki di dalam terowong itu, bunuh mereka!" perintah Maharaja Konstantine segera dipatuhi. Beberapa orang tentera Rom masuk ke dalam terowong itu. Selepas lama menunggu barulah tentera itu keluar.

"Kami sudah memasuki terowong itu. Tetapi tiada siapa lagi di dalamnya. Terowong itu digali bermula dari tebing Selat

Bosphorus," kata Panglima Ardogan.

"Aku mahu terowong itu dimusnahkan!" perintah Maharaja Konstantine.

"Tuanku, ada baiknya terowong itu jangan dimusnahkan. Kita boleh buat kajian bagaimana mereka menggalinya. Maklumat itu nanti boleh kita gunakan bagi mengelakkan perkara seperti ini berulang lagi," kata Alexsi pula. Maharaja Konstantine bersetuju dengan cadangan itu.

"Ada satu perkara lagi yang merunsingkan hati aku," kata Maharaja Konstantine.

"Apakah dia tuanku? Berterus teranglah," kata Alexsi pula.

"Mereka sudah dapat melarikan Urban yang mahir membuat meriam. Aku risau sekiranya senjata itu nanti digunakan bagi menghancurkan kita," kata Maharaja Konstantine.

"Janganlah tuanku bimbang. Kita fikirkan cara bagi mengatasi perkara itu. Yakinlah bahawa setiap sesuatu itu pasti ada kelemahannya. Kita kaji kelemahan senjata pemusnah yang bernama meriam itu."

Namun Maharaja Konstantine masih tidak senang hati. Baginda memerintahkan rakyatnya membina tembok yang lebih tebal supaya tidak dapat diruntuhkan oleh meriam itu. Tidak cukup dengan itu baginda memerintahkan supaya dibina tasik di keliling kota Konstantinopel. Kemudian tasik itu dipenuhkan dengan air bagi mengelakkan orang-orang Turki menggali terowong di bawah kota itu.

Urban dan para pembantunya bertungkus-lumus menyiapkan sejenis senjata pemusnah yang dinamakan meriam besar. Selepas senjata itu berjaya dibuat, mereka melakukan ujian tembakan. Pada hari itu Sultan Muhammad al-Fateh dan para pembesarnya turut menyaksikan kehebatan senjata baru itu.

"Meriam ini sesuai bagi menembak musuh dari jarak jauh," kata Urban dengan bangga. "Ia juga sesuai bagi menembak kubu-kubu pertahanan ataupun rumah-rumah."

"Elok kita lihat dulu kemampuannya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Supaya tidak menimbulkan suasana panik di kalangan orang ramai, pengumuman dibuat selepas sembahyang Jumaat bahawa Sultan Muhammad mahu menguji senjata pemusnah yang baru dicipta dan orang ramai diminta berada di dalam rumah masing-masing. Mereka juga dilarang pergi ke Wadi Aula kerana peluru meriam itu dihalakan ke kawasan itu.

Pada petang itu selepas sembahyang Jumaat, Sultan Muhammad dan para pembesarnya berkumpul bagi menyaksikan kehebatan meriam ciptaan Urban itu. Tidak lama kemudian meriam itu ditembakkan. Bunyi dentumannya sungguh kuat dan pelurunya melayang jauh hingga hilang daripada pandangan. Sultan Muhammad menyuruh tenteranya mencari di mana peluru meriam itu mendarat. Mereka terkejut kerana peluru itu jatuh di hujung kawasan Wadi Aula. Sultan Muhammad berpuas hati dengan kemampuan meriam ciptaan Urban itu.

"Saya yakin peluru meriam ini mampu meruntuhkan kota Konstantinopel. Saya mahu meriam seperti ini dibuat lebih banyak," perintah baginda.

"Boleh kami tahu bagaimana saudara mendapat ilham bagi mencipta senjata ini?" tanya Panglima Tharhan.

"Tuhan yang memberikan ilham itu kepada saya," jawab Urban sambil tersenyum.

"Maksud saudara?" tanya Panglima Tharhan.

"Pada suatu malam saya bermimpi didatangi seorang lelaki tua sambil menunjukkan cara-cara membuat senjata itu. Lelaki dalam

mimpi saya itu berpesan supaya senjata itu cuma boleh diberikan kepada seorang raja yang baik, mempunyai tentera dan rakyat yang baik. Kerana itu saya enggan bekerjasama dengan Maharaja Konstantine kerana dia seorang raja yang zalim," jawab Urban.

"Adakah kamu yakin saya yang dimaksudkan oleh lelaki tua dalam mimpi itu?" tanya Sultan Muhammad pula.

"Saya yakin kerana…."

"Teruskan."

"Beberapa hari sebelum saya dibebaskan dari kurungan itu, lelaki tua itu datang sekali lagi dalam mimpi saya mengatakan saya pasti dibebaskan dari kurungan itu. Sebab itu saya yakin sudah bertemu dengan seorang raja yang baik yang mempunyai tentera dan rakyat yang baik."

Sultan Muhammad berasa terharu mendengar cerita lelaki yang bernama Urban itu. Baginda bertambah yakin kota Konstantinopel dapat ditawan tidak lama lagi. Rakyat Turki juga berasa gembira kerana tentera mereka sudah ada senjata pemusnah yang boleh meruntuhkan kota Konstantinopel dari jauh. Mereka yakin kota itu dapat ditawan oleh Sultan Muhammad.

Berita mengenai meriam itu sampai ke pengetahuan Maharaja Konstantine. Baginda segera memanggil para pembesar dan panglima tenteranya bagi mencari jalan menghadapi meriam ciptaan Urban.

"Kita gali lebih banyak parit dan sungai supaya senjata itu tidak dapat dibawa hampir ke kota Konstantinopel," kata Alexsi mencadangkan.

Cadangan itu diterima oleh Maharaja Konstantine. Baginda memberi arahan kepada Alexsi bagi menjalankan kerja-kerja menggali parit dan sungai di keliling kota Konstantinopel.

"Tentera Turki menyekat kapal-kapal yang memasuki Selat Bosphorus. Kita juga mesti melakukan sesuatu bagi menghalang kapal-kapal daripada memasuki Tanjung Emas," kata Panglima Ardogan pula mencadangkan.

"Bagaimana cara kita hendak menghalangnya?" tanya Maharaja Konstantine.

"Kita pasang rantai besi di pintu masuk Tanduk Emas. Sekiranya kapal musuh yang datang, kita naikkan rantai itu supaya kapal mereka tersangkut. Dengan cara itu kita dapat menghalang tentera Turki menyerang dari arah laut," jawab Panglima Ardogan.

"Bukankah rantai besi itu sudah terpasang sejak dahulu? Apakah ia sudah tidak kukuh lagi?" tanya Maharaja Konstantine.

"Turki mempunyai kapal perang yang besar. Rantai itu putus sekiranya dirempuh dengan kapal mereka. Sebab itu kita ganti dengan rantai yang lebih besar dan kukuh. Tidak cukup satu rantai, kita pasang tiga rantai," cadang Panglima Ardogan.

Maharaja Konstantine bersetuju dengan cadangan itu. Rantai yang merentangi pintu masuk Tanduk Emas akhirnya diganti dengan rantai yang lebih besar. Beratus-ratus tentera pemanah diberi tanggungjawab menjaga rantai besi raksaksa itu.

23



Tentera yang Baik

"Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajiban kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mukmin (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras seksaan-Nya."

-Surah *an-Nisak*: 84

Pulau Magnesia yang sepi dan terpencil itu tiba-tiba menjadi sibuk apabila Sultan Muhammad al-Fateh mengarahkan 250,000 tentera Turki menjalani latihan di pulau itu. Mereka adalah tentera pilihan yang terbaik daripada kalangan tentera Turki. Sultan Muhammad menetapkan syarat pemilihan hanya mereka yang taat kepada ajaran agama sahaja dipilih.

"Kita berada di pulau ini selama 40 hari. Sepanjang masa itu tentera kita mestilah dilatih bagi meningkatkan ketakwaan dan kemahiran berperang sebelum bertempur dengan tentera Rom," pesan Sultan Muhammad al-Fateh kepada ketua-ketua pasukan tenteranya.

"Tentera kita penuh bersemangat dan meraka adalah tentera Turki yang terbaik," kata Panglima Tharhan.

"Sepanjang menjalani latihan, tentera kita hendaklah menjaga akhlak dan tingkah laku. Tidak dibenarkan sesiapa pun menggganggu penduduk di pulau ini. Malah tanaman ataupun buah-buahan mereka juga jangan diambil melainkan dengan kebenaran tuannya," pesan Sultan Muhammad al-Fateh.

Pesanan itu segera disampaikan kepada semua tentera dan mereka berjanji mematuhinya. Sultan Muhammad berasa gembira kerana tenteranya menjalani latihan dengan penuh bersemangat. Apabila masuk waktu sembahyang, mereka sembahyang berjemaah. Sultan Muhammad menjadi imamnya. Syeikh Syamsudin al-Wali pula meniupkan semangat jihad ke dalam jiwa mereka melalui ceramah agama yang diberikan. Dengan ini tentera Turki menjadi kuat jasmani dan rohaninya.

"Tentera kita bagaikan singa pada siang hari dan menjadi abid pada waktu malam," puji Khalil Basya.

"Walaupun ramai yang berpuasa sunat pada siang hari tetapi mereka begitu kuat dan tangkas ketika menjalani latihan ketenteraan," kata Panglima Tharhan pula.

"Setiap malam saya meninjau ke dalam khemah dan lebih ramai yang berjaga malam daripada tidur," puji Syeikh Syamsudin al-Wali pula. Dia diberi tanggungjawab dalam pendidikan agama. Berkat ajarannya tentera Turki semakin kuat beribadat.

Pagi itu selepas menjadi imam sembahyang Subuh, Sultan Muhammad al-Fateh terbaring sahaja. Ini menimbulkan tanda tanya di kalangan tentera terutama mereka yang rapat dengan baginda.

"Mungkin sultan mahu berehat. Kerana itu jangan diganggu," kata Khalil Basya.

"Ataupun mungkin juga baginda sakit," balas Sulaiman Olgo pula.

"Sekiranya sultan sakit kita mesti carikan ubatnya. Tidak boleh dibiarkan," kata Panglima Tharhan.

"Biasanya sekiranya sultan mahu berehat ataupun sakit, baginda beritahu kita. Tetapi mengapa kali ini baginda hanya berdiam diri sahaja?" Khalil Basya meluahkan rasa hairannya.

Akhirnya mereka sepakat bertanyakan perkara itu kepada Sultan Muhammad. "Sekiranya tuanku mahu berehat kami tidak mengganggu. Tetapi sekiranya tuanku sakit kami carikan ubatnya," kata Khalil Basya.

"Terima kasih," balas Sultan Muhammad. "Saya berasa kurang sihat. Tetapi janganlah kamu risau."

"Khabarnya tuanku tidak makan sejak semalam," kata Sulaiman Olgo pula.

"Saya berasa lapar tetapi tidak berselera menjamah makanan," ujar Sultan Muhammad al-Fateh.

"Sekiranya tuanku teringin memakan sesuatu, beritahu kami supaya kami bawakannya," kata Khalil Basya pula.

"Saya begitu teringin memakan buah delima," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Mendengar keinginannya itu, masing-masing berjanji mencarikan buah delima bagi diberikan kepada Sultan Muhammad al-Fateh.

"Di hujung pulau ini ada kebun delima dan buahnya sedang masak. Kita boleh mendapatkan buahnya bagi diberikan kepada sultan," kata seorang tentera.

Panglima Tharhan segera menyuruh Sulaiman Olgo dan beberapa orang tentera pergi ke tempat itu. Apabila sampai di sana mereka begitu tertarik melihat buah-buah delima yang sedang masak di batangnya.

"Sultan Muhammad berpesan supaya kita jangan ambil buah-buahan tanpa kebenaran daripada tuannya," kata Sulaiman Olgo.

"Kami ingat pesanan itu. Kerana itu walaupun berasa lapar tetapi saya tahan keinginan mahu mengambil buah ini," kata salah seorang tentera yang mengiringi Sulaiman Olgo.

"Mari kita cari tuan punya kebun ini," kata Amir Pasya pula.

Puas mereka merayau-rayau di dalam kebun delima itu bagi mencari tuannya namun tidak bertemu.

"Sultan Muhammad sedang sakit. Baginda teringin memakan buah delima. Sekarang kita sudah berada di dalam kebun delima. Tetapi tuannya tidak ada. Tidak bolehkah kita ambil sebiji bagi diberikan kepada baginda?" tanya Amir Pasya sambil membelek-belek sebiji buah delima yang sedang masak tergantung pada tangkainya.

"Kita tidak boleh mengambil buah ini tanpa izin daripada tuannya. Sanggupkah kita memberikan buah yang haram kepada sultan?" tanya Sulaiman Olgo pula.

"Benar kata Sulaiman Olgo. Kita lebih takut kemurkaan Tuhan

daripada kemurkaan Sultan Muhammad," kata Tayyip pula.

Akhirnya mereka sepakat meninggalkan kebun delima itu tanpa mengambil sebiji pun buahnya. Tidak jauh dari kebun delima itu ada sebatang sungai yang jernih airnya. Sulaiman Olgo dan para pengiringnya berhenti rehat bagi melepaskan penat. Masing-masing meminum air sungai yang jernih itu. Tiba-tiba kelihatan sebiji buah delima terapung-apung dibawa arus sungai itu.

"Buah delima ini terjatuh ke dalam sungai lalu dihanyutkan air. Apakah kita boleh mengambilnya bagi diberikan kepada sultan?" tanya Amir Pasya lalu mengambil buah delima itu.

"Tidak boleh kerana delima itu berasal dari kebun yang kita jumpa tadi. Lebih baik buah itu dihanyutkan air kerana kita tidak berhak mengambilnya," jawab Tayyip.

Sulaiman Olgo bersetuju dengan kata-kata Tayyip itu. Amir Pasya membuang semula buah delima itu ke dalam sungai. Kemudian mereka meneruskan perjalanan pulang ke khemah.

"Mana buah delima itu? Teringin sangat saya hendak memakannya," tanya Sultan Muhammad al-Fateh sebaik sahaja melihat Sulaiman Olgo pulang.

Lalu diceritakan oleh Sulaiman Olgo yang mereka tidak dapat menemui tuan punya kebun itu. Kerana itu mereka tidak dapat membawa pulang buah delima itu.

"Maafkan kami, tuanku. Esok kami pergi sekali lagi bagi mencari tuan punya kebun delima itu," kata Sulaiman Olgo.

Sultan Muhammad tidak marah tetapi tersenyum. Ini menimbulkan kehairanan Sulaiman Olgo. "Tuanku tidak marah?" Dia bertanya.

"Saya tidak marah sebab...." Belum sempat Sultan Muhammad al-Fateh menghabiskan kata-katanya, tiba-tiba muncul seorang tua lalu mengucapkan salam.

"Sayalah tuan punya kebun delima itu," kata orang tua itu sambil memperkenalkan dirinya.

"Puas kami mencari tuan tetapi tidak bertemu. Ke mana tuan pergi?" tanya Sulaiman Olgo.

"Saya sengaja menyembunyikan diri di dalam semak yang berhampiran," jawab orang tua itu sambil tersenyum.

"Mengapa?" tanya Sulaiman Olgo lagi.

"Saya mahu menguji kamu," jawab orang tua itu tenang.

"Menguji kami? Apa maksudnya?" tanya Amir Pasya pula.

"Saya tahu kamu adalah tentera Sultan Muhammad yang dihantar bagi menakluk kota Konstantinopel. Kerana itu saya mahu menguji adakah kamu tentera yang baik. Sekiranya kamu tentera yang jahat sudah pasti kamu mengambil buah-buah delima itu tanpa kebenaran daripada tuannya. Tetapi ternyata kamu tentera yang baik."

Orang tua itu menceritakan bagaimana dia mengintip mereka semasa berada di dalam kebun delima itu. Sebiji delima pun mereka tidak ambil. Orang tua itu juga sengaja menghanyutkan sebiji buah delima ke dalam sungai ketika mereka sedang berehat. Mereka juga tidak mengambilnya.

"Tuanku mempunyai tentera yang baik. Saya yakin tuanku berjaya menakluk kota Konstantinopel," kata orang tua itu.

"Terima kasih," kata Sultan Muhammad sambil tersenyum.

"Sultan Muhammad sedang sakit. Baginda teringin memakan buah delima. Boleh kami membelinya daripada tuan?" tanya Khalil Basya pula.

Sambil tersenyum orang tua itu pun berkata, "Saya hadiahkan buah-buah delima itu kepada kamu. Pergilah ambil dan saya tidak meminta apa-apa bayaran daripada kamu."

24

Rakyat yang Baik

"Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak turut berperang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk satu darjat. Kepada mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk dengan pahala yang besar."

-Surah *an-Nisak*: 95.

Selepas tamat menjalani latihan peperangan di Pulau Magnesia, Sultan Muhammad al-Fateh memberi cuti kepada tenteranya selama tujuh hari bagi membolehkan mereka bertemu dengan keluarga masing-masing. Hassan Ulubate seorang pemuda yang masih bujang turut pulang bertemu dengan ayah, ibu dan adik-beradiknya.

"Selama di Pulau Magnesia kami bukan sahaja dilatih bagi meningkatkan ilmu peperangan tetapi juga ditanamkan semangat jihad sehingga kami sanggup mengorbankan nyawa demi mempertahankan agama, bangsa dan negara," beritahu Hassan Ulubate kepada ayah dan ibunya.

"Ayah bangga kerana anak ayah menjadi seorang tentera yang berani. Ayah merestui perjuanganmu," kata ayahnya pula.

"Ibu juga merasa bangga kerana melahirkan seorang anak yang berani dan sanggup menggadai nyawa bagi mempertahankan tanah air kita," kata ibunya pula.

"Tidak lama lagi tentera Turki menyerang kota Konstantinopel. Izinkan saya menyahut panggilan jihad itu," kata Hassan Ulubate dengan harapan ayah dan ibunya merestui pemergiannya.

"Pergilah wahai anakku," kata Yasir, ayah Hassan. "Apabila sultan memberi perintah supaya pergi berjihad hukumnya fardu ain. Sekiranya ayah masih muda, ayah juga pasti menyahut panggilan jihad itu."

"Ibu, restui pemergian saya. Sekiranya ditakdirkan saya syahid, itulah pilihan terbaik bagi anakmu ini," kata Hassan Ulubate kepada ibunya pula.

"Ibu restui pemergianmu," kata Umi Kalsum, ibu Hassan Ulubate. "Jihad adalah sebaik-baik ibadat dan manusia diangkat ke darjat yang paling tinggi dengan melaksanakannya."

Alangkah senang hati Hassan Ulubate mendengarnya.

Semangatnya semakin berkobar-kobar mahu menyertai tentera Turki menyerang kota Konstantinopel.

"Mengapa kita mesti berperang dengan tentera Rom? Tidak bolehkah diadakan perjanjian damai?" Hassan Ulubate teringat pertanyaan salah seorang sahabatnya dalam satu sesi soal jawab dengan Sultan Muhammad semasa mereka menjalani latihan di Pulau Magnesia.

"Tentera Rom memusuhi Islam semenjak zaman Nabi Muhammad SAW hingga sekarang. Sebelum ini sudah beberapa kali dibuat perjanjian perdamaian tetapi mereka yang melanggarnya. Baru-baru ini mereka menghasut rakyat kita supaya memberontak. Mereka juga cuba memusnahkan benteng yang kita bina. Dan sebelum itu mereka beberapa kali cuba mengkhianati kita. Kerana itu mereka wajib kita perangi." Jawapan yang panjang lebar daripada Sultan Muhammad itu memuaskan hati yang mendengarnya. Kerana itu dia tidak berasa ragu-ragu lagi bagi menyertai tentera Turki menawan kota Konstantinopel.

Pada masa yang sama Khalil Basya pula sedang berbincang dengan isterinya. Menurut Khalil Basya, mungkin itu pertemuan mereka yang terakhir kerana tidak lama lagi dia bakal menyertai peperangan melawan tentera Rom.

"Sekiranya ditakdirkan kakanda syahid, redalah kerana itu ketentuan Tuhan," katanya.

"Adinda relakan kakanda pergi kerana yakin Tuhan sentiasa melindungi kita," balas Aminah, isteri Khalil Basya.

Panglima Tharhan juga menyatakan hasrat di hatinya mahu pergi berjihad menentang tentera Rom serta membebaskan kota Konstantinopel.

"Pada pendapat saya, ayah sudah terlalu tua mahu pergi berjihad. Lebih baik ayah tinggal sahaja di sini," kata Asiah, puteri sulungnya.

Panglima Tharhan berasa tersinggung dengan kata-katanya anaknya itu. "Ayah ketua tentera Turki. Walaupun ayah sudah tua tetapi khidmat ayah masih diperlukan."

"Kami juga perlukan ayah. Kami tidak sanggup kehilangan ayah," kata Asiah sambil menangis.

"Ayah mahu mencontohi Abu Ayub al-Ansari. Walaupun sudah tua tetapi dia tetap menyertai peperangan bagi menawan kota Konstantinopel. Akhirnya dia syahid dan mayatnya dikebumikan di tepi benteng kota Konstantinopel. Ayah mahu mencontohi dia."

Akhirnya Asiah terpaksa merelakan pemergian ayahnya. Panglima Tharhan berasa gembira kerana keluarganya merestui pemergiannya. Dia merasakan pemergiannya kali ini ke medan perang adalah bagi kali yang terakhir. Dia yakin dia juga syahid di medan perang.

Sultan Muhammad al-Fateh pula mempunyai agendanya yang tersendiri. Baginda keluar dari istana seorang diri lalu menyamar sebagai peminta sedekah yang bisu dan pekak. Baginda menyusuri kota dan kampung bagi menyelidik keadaan rakyatnya. Apakah rakyatnya baik ataupun sebaliknya. Apakah seruannya supaya rakyat taat kepada ajaran Islam dipatuhi ataupun sebaliknya. Sebab itu baginda keluar sendirian bagi memastikannya. Apabila berasa dahaga baginda singgah di rumah seorang yang kaya lalu memberi isyarat meminta air minuman. Dengan senang hati tuan rumah itu memberinya minuman.

"Kasihan sungguh anak muda ini kerana dia pekak dan bisu. Sebab itu kita mesti membantunya," kata tuan rumah itu kepada isterinya.

"Benar kata kakanda," balas isteri orang kaya itu. "Mungkin kita boleh membantunya dengan memberi apa-apa pekerjaan yang sesuai. Dengan itu dia tidak perlu lagi menjadi peminta sedekah."

Orang kaya itu memberikan isyarat kepadanya supaya tinggal di rumah mereka dan memberi kerja yang sesuai dengan kemampuannya. Tetapi ditolak oleh Sultan Muhammad secara baik. Baginda berasa senang hati kerana orang kaya itu baik dan tidak kedekut.

Kemudian Sultan Muhammad meneruskan perjalanannya. Tidak lama baginda berjalan, baginda terlihat sebuah rumah keluarga yang miskin. Lalu Sultan Muhammad mahu menguji penghuni rumah itu. Baginda menghampiri rumah itu lalu mengetuk pintunya.

"Mengapa tidak memberi salam?" tanya tuan rumah sambil membuka pintu.

"Pemuda ini pekak dan bisu. Sebab itu dia tidak dapat memberi salam," kata isteri tuan rumah itu pula. Kedua-duanya berasa simpati.

"Mungkin dia sedang lapar dan dahaga. Wajib kita memberinya makanan dan minuman," kata lelaki tuan punya rumah itu.

"Tetapi bang," kata isteri lelaki itu sambil menggaru-garu kepalanya.

"Makanan yang ada cuma cukup untuk kita berdua sahaja. Sekiranya kita berikan kepada pemuda ini, kita terpaksa berlapar."

"Kita mesti memuliakan tetamu. Tambahan pula pemuda ini pekak dan bisu. Dia pula sedang kelaparan."

Akhirnya si isteri akur dengan kata-kata suaminya. Kedua-duanya pergi ke dapur hendak mengambil makanan dan minuman. Sultan Muhammad segera meninggalkan rumah itu. Baginda berasa terharu kerana walaupun keluarga itu miskin tetapi mereka bersikap baik dan memuliakan tetamu.

Sultan Muhammad al-Fateh meneruskan perjalanannya. Kali

ini baginda tidak menyamar seperti pengemis lagi. Baginda singgah di sebuah rumah lalu memberi salam. Salamnya dibalas lalu pintu rumah itu dibuka.

"Adakah saudara memerlukan bantuan?"tanya tuan rumah itu bersikap ramah.

"Saya mahu bertanya, di manakah masjid bagi saya tumpang bermalam?" jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Adakah saudara seorang musafir?" tanya tuan rumah itu pula.

"Benar, saya sedang bermusafir."

"Sekiranya begitu bermalam sahaja di rumah kami. Kebetulan ada sebuah bilik kosong. Makan dan minum kami sediakan."

Sultan Muhammad al-Fateh mengucapkan terima kasih lalu menyatakan persetujuannya menerima pelawaan itu. Tuan rumah itu kelihatan gembira menerima kedatangan tetamu walaupun tidak dikenalinya. Sebagai meraikan tetamunya, tuan rumah itu menyembelih seekor kambing peliharaannya. Apabila masak dia masukkan gulai kambing itu ke dalam suatu bekas lalu menyuruh anak lelakinya menghantar ke rumah jirannya. Tetapi jirannya menolak pemberian itu sambil berkata, "Kami tidak memerlukan makanan ini. Mungkin ada orang lain yang lebih memerlukannya. Cuba hantar ke rumah sebelah," katanya.

Budak lelaki itu pergi ke rumah yang kedua. Tetapi menerima jawapan yang sama, enggan menerima makanan itu sebaliknya menyuruh supaya diberikan kepada orang yang lebih memerlukannya. Akhirnya selepas berjalan ke sekeliling kampung budak lelaki itu pulang semula ke rumahnya dengan membawa kembali gulai kambing tersebut.

"Saya sudah berjalan ke seluruh kampung tetapi tidak ada yang mahu menerima pemberian ini kerana masing-masing sudah cukup makanan dan menyuruh diberikan kepada orang yang lebih

memerlukannya," kata budak itu.

"Adakah penduduk di kampung ini sudah kaya-raya semuanya sehingga tidak mahu menerima pemberian orang lain?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kami bukan orang kaya tetapi hidup sederhana sahaja. Cuma kami sudah cukup makanan di rumah masing-masing. Sebab itu apabila ada orang memberikan makanan, kami rasa tidak layak menerimanya dan lebih suka makanan itu diberikan oleh orang yang lebih memerlukannya," jawab tuan rumah itu.

"Sekiranya begitu mengapa tuan berikan gulai daging itu kepada jiran sedangkan tuan tahu di rumahnya sudah ada makanan?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Saya teringat sebuah hadis yang mengatakan apabila kamu memasak gulai mungkin jiran kamu terhidu baunya. Kerana itu berikan sedikit makanan itu kepadanya." Dia menjawab.

Sultan Muhammad tersenyum kerana penduduk kampung itu bersikap baik. Tetapi baginda masih ingin menguji tuan rumah itu.

"Bagaimana pendapat tuan mengenai Sultan Muhammad yang memerintah negeri ini?" tanya Sultan Muhammad.

"Baginda seorang yang baik. Walaupun baginda masih muda tetapi kami yakin selamat di bawah pemerintahannya."

"Adakah Sultan Muhammad itu mengambil berat hal tuan?" tanya Sultan Muhammad lagi.

"Baginda sentiasa sibuk. Kerana itu barangkali tidak sempat melawat ke perkampungan kami. Namun kami sayang kepadanya." Jawapan tuan rumah itu menggembirakan hati Sultan Muhammad. Terbukti sudah rakyatnya baik.

25



Siapa yang Lebih Cerdik

"Janganlah kamu berhati lemah dalam mengejar mereka (musuhmu). Sekiranya kamu menderita kesakitan, maka sesungguhnya mereka pun menderita kesakitan (pula), sebagaimana kamu menderitanya, sedang kamu mengharap daripada Allah apa yang tidak mereka harapkan. Dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana."

-Surah *an-Nisak*: 104.

"Wahai tuanku, Pemerintahan tuanku dari Laut Merah membawa ke Laut Tengah hingga ke Laut Hitam. Tuanku memerintah 20 buah negeri dari Turki hingga ke Afrika. Sekiranya tuanku mahu boleh sahaja kita luaskan lagi tanah jajahan tuanku hingga ke negara China," kata Panglima Tharhan.

"Saya tidak tertarik dengan cadangan itu. Cukuplah dengan pemerintahan yang sedia ada dan saya tidak bercadang hendak meluaskannya. Apa yang menjadi cita-cita saya sekarang ialah menawan kota Konstantinopel."

"Tentera kita sudah bersiap-sedia berperang dengan tentera Rom. Cuma menunggu perintah daripada tuanku sahaja," kata Panglima Tharhan pula.

"Apabila api peperangan sudah menyala, sukar kita hendak memadamkannya. Kerana itu sebelum berperang kita lakukan perancangan yang rapi," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tentera kita sudah menjalani latihan di Pulau Magnesia. Mereka begitu bersemangat mahu berperang dengan tentera Rom. Saya yakin kita pasti beroleh kemenangan," balas Panglima Tharhan pula.

"Jangan begitu yakin kelak menemui kegagalan. Bukankah percubaan menawan kota Konstantinopel sudah beberapa kali dilakukan tetapi menemui kegagalan?"

"Benar tuanku, tetapi saya percaya tuanku yang berjaya menaklukinya," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

"Mengapa tuan begitu yakin?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Firasat saya mengatakan tuanku yang berjaya menakluk kota Konstantinopel. Tuanku yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW; pemimpin yang baik, serta mempunyai tentera dan rakyat

yang baik," jawab Syeikh Syamsudin penuh yakin.

"Walaupun begitu kita tidak boleh bertindak terburu-buru. Kita mesti membuat persiapan dan perancangan yang teliti kerana tentera Rom berpengalaman dalam peperangan. Mereka juga mempunyai tentera yang terlatih dan kelengkapan senjata yang mencukupi."

"Apakah perancangan tuanku seterusnya?" tanya Khalil Pasya pula.

"Kita perlu berkawan dengan mereka yang menjadi musuh kepada musuh kita," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Maksud tuanku, Galata?" teka Panglima Tharhan.

"Walaupun kerajaan Rom berjiran dengan kerajaan Galata tetapi mereka bermusuhan sejak dahulu. Sering terjadi peperangan di antara mereka tetapi selalunya kerajaan Galata yang kalah. Apa pendapat kamu sekiranya kita menjalinkan hubungan baik dengan pemerintah Galata?"

"Kerajaan Galata lemah kerana negara mereka tanahnya tidak subur. Kerajaan lain pula takut hendak berdagang dengan Galata kerana takut ancaman Rom menyerang sesiapa yang menjalin hubungan baik dengan Galata. Kemungkinan Galata tidak mahu bersahabat dengan kita kerana takut diserang oleh tentera Rom. Sekiranya terjadi peperangan, kerajaan yang kita sokong kalah," kata Khalil pasya.

"Saya pula berpendapat sebaliknya."

"Maksud tuanku?" tanya Khalil Pasya.

"Orang yang lemah selalunya berharap dapat berkawan dengan orang yang lebih kuat. Kerajaan Galata memang lemah tetapi kerajaan Usmaniah setanding dengan kerajaan Rom. Sebab itu sekiranya kita menghulurkan tangan persahabatan nescaya ia disambut oleh Raja Galata," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Ada juga benarnya kata-kata tuanku. Tidak rugi sekiranya kita mencubanya," sokong Sulaiman Olgo.

Mereka mencapai kata sepakat mahu menjalinkan hubungan baik dengan pemerintah Galata. Bagi tujuan itu Khalil Pasya diberi tugas mengatur suatu pertemuan antara Sultan Muhammad dengan Raja Galata. Pertemuan itu berlangsung di tepi Laut Merah.

"Kerajaan Galata dengan kerajaan Usmaniah tidak pernah berperang sejak dahulu. Kerana itu alangkah baik sekiranya kita menjalinkan hubungan persahabatan," pujuk Sultan Muhammad. Baginda berharap benar tawaran itu diterima.

"Persahabatan itu pastinya merugikan kami kerana tentera Rom pasti menyerang Galata," balas Raja Galata. Baginda lebih takutkan tentera Rom yang ganas itu berbanding tentera Islam Usmaniah.

"Selepas kita mengikat perjanjian, kami membuat pengumuman bahawa kerajaan Usmaniah membantu Galata sekiranya diserang oleh tentera Rom. Apakah jaminan itu masih belum mencukupi?"

"Apakah balasannya pula? Kami tidak mahu Galata dijajah oleh kuasa luar sama ada Rom ataupun Usmaniah. Walaupun kami lemah tetapi kami masih ada maruah."

"Galata boleh terus memerintah sendiri dan kami tidak mencampuri urusan negara ini. Kami cuma ingin kita berdamai dan ada jaminan antara kita tidak berperang."

Raja Galata senang hati mendengarnya lalu baginda menyatakan persetujuannya bagi mengikat perjanjian dengan kerajaan Usmaniah. Antara syarat perjanjian itu ialah kerajaan Usmaniah tidak berperang dengan kerajaan Galata. Kedua-dua negara juga menjalin hubungan perdagangan dan ketenteraan. Sultan Muhammad al-Fateh berasa gembira kerana musuh yang dihadapinya cuma kerajaan Rom sahaja.

Maharaja Konstantine berasa marah apabila mendapat tahu Raja Galata sudah mengikat perjanjian dengan Sultan Muhammad. Baginda segera memanggil para pembesarnya bagi membincangkan perkara itu.

"Perjanjian persahabatan antara Raja Galata dengan Sultan Muhammad membahayakan keselamatan kita. Perkara ini tidak boleh dibiarkan. Kita mesti menggagalkannya," kata Maharaja Konstantine dengan perasaan yang marah.

"Saya tidak nampak di mana bahayanya perjanjian itu kepada kita. Boleh tuanku beritahu kami?" tanya Alexsi pula.

"Awak memang seorang yang kurang cerdik," tempelak Maharaja Konstantine. Kemudian katanya lagi, "Seperti yang kita sudah tahu, Sultan Muhammad sudah membuat persiapan bagi menyerang kita. Baginda kerahkan seluruh angkatan tenteranya berperang dengan kita. Ketika itu pertahanan Turki menjadi lemah kerana tenteranya sedang berperang dengan kita. Sultan Muhammad takut Raja Galata mengambil kesempatan menyerang Turki."

"Bijaknya Sultan Muhammad," puji Panglima Ardogan.

"Aku lebih bijak daripada Sultan Muhammad. Aku pasti musnahkan perjanjian itu!" tempik Maharaja Konstantine.

Kemudian baginda menghantar surat kepada Raja Galata di mana kandungannya berupa ancaman supaya perjanjian itu dibatalkan ataupun bersedia menghadapi serangan tentera Rom. Selepas membaca surat itu, Raja Galata berasa takut lalu mengadu kepada Sultan Muhammad. Baginda menunaikan janjinya dengan menghantar 10,000 tentera Turki bagi membantu Galata menghadapi serangan tentera Rom. Apabila mendapat tahu tentera Turki sudah berada di Galata, Maharaja Konstantine membatalkan rancangannya hendak menyerang Galata. Namun baginda masih

tidak berdiam diri tetapi merancang cara lain bagi membatalkan perjanjian itu.

"Kita cuba memujuk Raja Galata supaya membatalkan perjanjiannya dengan Sultan Muhammad," kata Maharaja Konstantine.

"Bagaimana cara hendak memujuknya?" tanya Alexsi pula.

"Aturkan pertemuan beta dengan Raja Galata," jawab Maharaja Konstantine.

Alexsi berusaha mengatur suatu pertemuan antara Maharaja Konstantine dengan Raja Galata di tepi Laut Merah tempat yang sama seperti pertemuan antara Raja Galata dengan Sultan Muhammad.

"Engkau sudah diperdayakan oleh Sultan Muhammad. Oleh itu batalkan sahaja perjanjian itu," pujuk Maharaja Konstantine.

"Aku tidak berasa ditipu kerana Sultan Muhammad menunaikan janjinya dengan menghantar pedagang Turki berniaga di Galata. Baginda juga menghantar tenteranya apabila ada ura-ura tentera Rom hendak menyerang Galata," jawab Raja Galata.

"Tidak lama lagi berlaku peperangan antara Turki dengan Rom. Semua tentera Turki dikerah bagi menawan kota Konstantinopel. Pada ketika itu pertahanan Turki menjadi lemah kerana tenteranya berangkat ke medan perang. Pada ketika itu engkau ada peluang melancarkan serangan ke atas Turki. Tetapi engkau tidak boleh melancarkan serangan selagi terikat dengan perjanjian itu. Sebab itu batalkan sahaja apa yang sudah engkau janjikan," pujuk Maharaja Konstantine.

"Aku tidak mahu mengkhianati Sultan Muhammad. Dan aku tidak mahu batalkan perjanjian kami," tegas Raja Galata. Baginda tahu Maharaja Konstantine seorang yang licik. Baginda tidak mahu terpedaya.

"Aku sanggup berikan engkau emas dan permata sekiranya engkau sanggup membatalkan perjanjian itu," pujuk Maharaja Konstantine.

"Aku tidak tertarik dengan tawaran itu. Kembalilah ke kota Konstantinopel kerana tentera Turki menyerang tidak lama lagi," kata Raja Galata. Maharaja Konstantine pulang dengan perasaan kecewa.

"Raja Galata menolak permintaan kita kerana baginda berasa selamat apabila mendapat perlindungan dari kerajaan Usmaniah Turki," kata Maharaja Konstantine dalam suatu mesyuarat dengan para pembesarnya.

"Sekarang kita mempunyai dua musuh iaitu Galata dan Turki. Bagaimana sekiranya kita lakukan sesuatu supaya kedua-dua negara itu bermusuhan lalu berperang?" tanya Panglima Ardogan.

"Bagaimana caranya?" tanya Maharaja Konstantine.

"Tentera kita menyamar sebagai tentera Turki lalu menyerang perkampungan Galata. Kemudian tentera kita menyamar sebagai tentera Galata lalu menyerang wilayah Turki," jawab Panglima Ardogan.

"Cara itu amat merbahaya. Sekiranya ada tentera kita yang dibunuh ataupun ditawan, rahsia kita terbongkar. Ketika itu Galata dan Turki pasti bersatu memerangi kita," kata Maharaja Konstantine.

"Sekiranya begitu kita pujuk Sultan Muhammad supaya mengadakan perjanjian damai dengan kita. Antara syarat perjanjian itu, antara kedua-dua negara tidak boleh berperang…," kata Alexsi memberi cadangan.

Tetapi cadangan itu dibantah oleh Panglima Ardogan. "Kita dituduh penakut sekiranya berdamai dengan Sultan Muhammad. Tambahan pula sejak dahulu belum pernah ada perdamaian

antara Byzantine dengan Usmaniah. Malah kita diwasiatkan oleh nenek moyang kita supaya berusaha menjatuhkan kerajaan Islam Usmaniah."

"Beta setuju dengan cadangan Alexsi," kata Maharaja Konstantine pula, "Kita pura-pura berdamai tetapi pada masa yang sama kita cari jalan bagi menghancurkan mereka."

"Pepatah Rom ada mengatakan lebih mudah membunuh musuh ketika mereka sedang lena. Sebab itu kita cuba melenakan Sultan Muhammad," kata Alexsi sambil tersenyum kerana cadangannya diterima oleh Maharaja Konstantine.

Kemudian baginda menghantar utusan kepada Sultan Muhammad. Selain menawarkan perdamaian, dikirim juga hadiah-hadiah berharga dengan harapan dapat melembutkan hati baginda. Namun sangkaannya meleset kerana Sultan Muhammad langsung tidak tertarik dengan tawaran itu.

"Pulangkan semula barang-barang ini kepada maharaja kamu. Katakan kepadanya tentera Turki pasti datang menyerang Kota Konstantinopel tidak lama lagi," kata Sultan Muhammad.

26



Munafik

Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan, "Kami sudah beriman." Dan apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka mengatakan, "Sesungguhnya kami sependirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok."

-Surah *al-Baqarah*: 14

Sepanjang malam itu Maharaja Konstantine tidak dapat melelapkan matanya. Hatinya risau dan jiwanya kacau apabila mendapat berita Sultan Muhammad sudah menyediakan beratus ribu pasukan tentera bagi menawan kota Konstantinopel. Baginda menjadi lebih runsing apabila mendapat tahu lelaki Yunani yang bernama Urban itu sudah berjaya mencipta meriam yang boleh menembak sasarannya dari jarak jauh. Senjata itu lebih digeruninya berbanding 100 kapal perang yang diberitakan turut digunakan oleh tentera Turki bagi menyerang kota Konstantinopel.

"Kakanda masih belum tidur?" tanya Magdelina, permaisuri Maharaja Konstantine, yang baru terjaga daripada tidur.

"Hatiku runsing...."

"Apa yang kakanda runsingkan? Beritahulah adinda."

"Beratus ribu tentera Turki bakal menyerang kota Konstantinopel tidak lama lagi. Mereka membawa senjata pemusnah yang dipanggil meriam. Senjata itu boleh meruntuhkan kediaman kita ini. Itu yang merunsingkan fikiran kakanda." Maharaja Konstantine meluahkan perasaannya.

"Janganlah risau kerana kakanda juga mempunyai tentera yang ramai. Mereka adalah tentera yang terlatih, tahan lasak, berani, dan berpengalaman berperang. Adinda yakin mereka dapat mempertahankan kota Konstantinopel seperti yang pernah mereka lakukan sebelum ini," pujuk Magdelina.

Namun pujukan itu tidak dapat meredakan perasaan Maharaja Konstantine. Baginda terus resah dan gelisah sampai ke pagi. Sarapan pagi yang dihidangkan juga tidak dijamahnya kerana selera makannya menjadi tumpul. Baginda segera memanggil para pembesarnya bermesyuarat bagi membincangkan perkara itu.

"Tuanku jangan bimbang kerana tentera kita sudah membina

kubu-kubu yang kukuh di sekeliling kota Konstantinopel. Mereka juga sudah menggali parit bagi menyekat perjalanan tentera Turki. Mereka pasti tidak dapat membawa meriam itu ke sini," Panglima Ardogan berusaha meyakinkan Maharaja Konstantine.

"Tentera kita juga sudah memasang rantai besi baru di pintu masuk Tanduk Emas. Kapal-kapal musuh pasti tidak dapat menyerang kita dari laut," sokong Alexsi pula.

"Tembok kota Konstantinopel dibina tiga lapis. Meriam Urban tidak dapat merobohkannya," tambah Panglima Ardogan dengan begitu yakin.

Namun semua itu masih belum dapat meyakinkan Maharaja Konstantine. "Bagi menyelamatkan kota Konstantinopel, beta sanggup berbuat apa sahaja walaupun terpaksa berlutut kepada musuh kita," katanya.

"Sanggup berlutut kepada musuh? Apa maksud tuanku?" tanya Panglima Ardogan. Dia berasa kurang senang mendengarnya. Alexsi dan pembesar yang lain juga kurang senang.

"Beta meminta bantuan dari negara-negara Eropah dan sokongan daripada pemimpin gereja-gereja Katholik," kata Maharaja Konstantine.

"Itu mustahil dapat dilakukan kerana kita dengan mereka berlainan mazhab. Pengikut mazhab Katholik tidak mungkin membantu mereka yang bermazhab Ortodokss seperti kita. Lebih baik tuanku lupakan sahaja cadangan itu," bantah Alexsi kerana dia yakin usaha itu tidak berjaya.

"Seperti yang beta katakan tadi, beta sanggup berbuat apa sahaja demi menyelamatkan kota Konstantinopel."

"Adakah tuanku bermaksud hendak memberikan mereka emas, intan, berlian, dan apa-apa sahaja barang-barang yang berharga

kepada mereka?" tanya ketua perbendaharaan yang turut hadir dalam mesyuarat itu.

"Sekiranya itu membolehkan kita mendapat bantuan dari negara-negara Eropah, kita lakukannya," jawab Maharaja Konstantine.

"Tetapi tuanku..." Julius, ketua perbendaharaan itu kelihatan berwajah muram. "Itu mustahil dapat kita lakukan kerana perbendaharaan kita hampir kosong. Kutipan cukai daripada peniaga tidak dapat dilakukan lagi kerana para peniaga mengalami kerugian kerana kapal-kapal dagang tidak singgah di pelabuhan."

"Mungkin ada cara lain." Maharaja Konstantine kelihatan sedang berfikir. Kemudian baginda berkata lagi, "Kita cuba membuat permohonan dulu. Dan kita katakan sanggup mematuhi apa sahaja syarat yang mereka berikan asalkan kita mendapat bantuan daripada mereka."

Selepas lama berbincang, akhirnya mereka bersetuju menghantar wakil ke negara-negara Eropah bagi memohon bantuan tentera dan senjata bagi menghadapi serangan tentera Turki. Tidak lama kemudian negara-negara Eropah menghantar wakil bagi menemui Maharaja Konstantine.

"Ketua negara-negara kami sudah berbincang mengenai permohonan kamu. Kami bersetuju memberikan bantuan tetapi dengan satu syarat," kata wakil dari negara-negara Eropah itu.

"Katakan apa syaratnya. Beta sanggup memenuhinya." Maharaja Konstantine seolah-olah tidak sabar hendak mengetahui syaratnya.

"Kita berasal daripada satu agama tetapi berpecah kerana berlainan fahaman. Kamu bermazhab Ortodoks sedangkan kami bermazhab Katholik. Tetapi kita boleh bersatu semula dengan satu syarat, kamu menukar mazhab kamu dan ikut mazhab kami."

Mendengar kata-kata itu, menjerit semua yang hadir kerana marah. "Kami tidak mahu menukar fahaman agama kami. Kami tetap memilih fahaman Ortodoks," tegas ketua paderi yang turut hadir dalam mesyuarat itu.

"Kami tidak mungkin menggadai agama kami bagi mendapatkan bantuan daripada kamu!" teriak Alexsi pula.

"Sekiranya begitu kami tidak mahu memberikan apa-apa bantuan kepada kamu. Kami tidak kecewa sekiranya kamu kalah dan kota Konstantinopel ini jatuh ke tangan Sultan Muhammad," kata utusan itu lalu berhajat pulang ke negaranya. Tetapi berjaya dipujuk oleh Maharaja Konstantine.

"Baiklah, beta setuju," katanya.

Sekali lagi suasana menjadi riuh-rendah. Mereka seolah-olah tidak percaya dengan apa yang diucapkan oleh maharaja mereka.

"Boleh tuanku ulangi sekali lagi jawapan tadi?" pinta wakil negara-negara Eropah itu.

"Beta setuju dengan syarat itu," kata Maharaja Konstantine.

Ketua paderi tidak dapat menahan perasaan marahnya lalu berkata, "Adakah tuanku sanggup meninggalkan mazhab Ortodoks hanya kerana mengharapkan bantuan daripada mereka?"

"Adakah tuanku tidak lagi berfikiran waras?" tanya Alexsi pula.

"Demi menyelamatkan kota Konstantinopel, saya sanggup berbuat apa sahaja," jawab Maharaja Konstantine.

"Sebelum saya pulang ke Eropah, saya mahu tuanku menghebahkan kepada rakyat bahawa tuanku bersetuju menukar mazhab Ortodoks kepada mazhab Katholik," kata utusan itu.

"Baiklah, esok saya lakukannya," janji Maharaja Konstantine.

Esoknya seperti yang dijanjikan, Maharaja Konstantine menyuruh orang ramai berhimpun di gereja Aya Sophia. Kemudian baginda berkata, "Mulai hari ini beta perintahkan supaya mazhab kita bertukar daripada mazhab Ortodoks kepada mazhab Katholik. Perintah ini berkuat kuasa serta-merta!"

Mendengar ucapan itu orang ramai seperti diserang histeria.

"Kami tidak rela menukar fahaman agama kami!"

"Biar kami mati namun menukar mazhab tidak sekali!"

"Maharaja sudah mengkhianati agama kita!"

Keadaan menjadi tidak terkawal apabila orang ramai mula merusuh. Malah ada yang mengancam hendak membunuh Maharaja Konstantine. Mujur baginda dapat diselamatkan oleh tentera. Namun rusuhan terus berlaku sebagai bantahan terhadap perintah Maharaja Konstantine hendak menukar mazhab mereka.

"Kami lebih rela kota Konstantinopel ditawan oleh mereka yang memakai serban iaitu orang Turki daripada mereka yang memakai topi besi iaitu mereka yang berfahaman Katholik!" kata Ketua Paderi Ortodoks yang menghasut orang ramai supaya terus melakukan rusuhan.

Keadaan menjadi semakin kelam-kabut apabila rusuhan merebak ke seluruh wilayah Rom. Bagi meredakan kemarahan orang ramai, terpaksalah Maharaja Konstantinopel menarik semula perintahnya.

"Kita terus dengan mazhab Ortodoks walaupun terpaksa berperang tanpa bantuan daripada sesiapa," kata Maharaja Konstantinopel.

Barulah kemarahan rakyatnya menjadi reda dan mereka kembali bersatu bagi menghadapi serangan tentera Turki.

27



Berangkat ke Medan Jihad

"Sesungguhnya Allah membeli daripada orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh ataupun terbunuh. Itu menjadi janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya selain Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar."

-Surah *al-Taubah*: 111

Rabu 4hb April 1453

Keadaan di kota Konstantinopel tegang. Tentera dilihat berkawal di merata-rata tempat. Orang ramai mula berasa cemas kerana yakin berlaku peperangan yang dahsyat tidak lama lagi. Mereka mula membuat persiapan bagi menghadapinya. Sebelum menyerang kota Konstantinopel, Sultan Muhammad al-Fateh menghantar pasukan perisik bagi menyiasat keadaan kota itu. Baginda meneliti serta mengkaji semua laporan yang disampaikan kepadanya. Kemudian baru baginda membuat rancangan.

"Tentera kita dibahagikan kepada lima pasukan dan setiap pasukan mengandungi 50,000 tentera dengan diketuai oleh seorang ketua," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Kemudian baginda melantik ketua bagi setiap pasukan itu. Panglima Tharhan memimpin tentera pasukan pertama. Panglima Khalil Pasya memimpin pasukan kedua. Panglima Sulaiman Olgo memimpin pasukan ketiga, Panglima Hamzah Pasya memimpin pasukan keempat dan Panglima Zaqhanus memimpin tentera laut.

"Panglima Zaqhanus mengetuai 80 kapal perang melalui jalan laut. Manakala empat pasukan lagi berangkat melalui jalan darat," kata Sultan Muhammad al-Fateh sambil memperlihatkan peta pelan lakar yang menunjukkan jalan-jalan yang bakal mereka lalui.

"Tentera Rom berkubu di sepanjang jalan menuju ke kota Konstantinopel. Mereka juga mengawal setiap jambatan dan sungai yang bakal kita lalui," beritahu Panglima Adam Pasya, ketua pasukan perisik yang ditugaskan membuat risikan.

"Kita tidak lalui jalan yang biasa digunakan oleh orang ramai. Tentera kita pergi ke kota Konstantinopel melalui jalan yang belum pernah dilalui oleh sesiapa," kata Sultan Muhammad al-

Fateh sambil menunjukkan jalan-jalan yang bakal mereka lalui. Kemudian katanya lagi, "Jalan-jalan ini dikenal pasti oleh tentera kita dan mereka sedang merintisnya supaya mudah dilalui. Mungkin ada yang bertanya mengapa kita memilih melalui jalan ini dan tidak jalan yang sedia ada? Jawapannya kita berperang mengikut cara Nabi Muhammad SAW. Semasa menakluk kota Mekah, baginda dan pasukan tenteranya mengikut jalan yang tidak dilalui orang ramai."

"Dengan melalui jalan-jalan ini, tentera kita mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya tidak bertembung dengan tentera Rom yang berkubu di sepanjang jalan dan kedatangan kita secara mengejut itu boleh melemahkan semangat musuh. Kita juga boleh melancarkan serangan mengejut ke kedudukan mereka," kata Panglima Tharhan pula sambil memuji strategi itu.

"Bagaimana pula dengan meriam Urban? Tidakkah sukar membawanya sekiranya melalui jalan yang belum pernah dilalui sesiapa?" tanya Panglima Sulaiman Olgo pula.

"Bagi memudahkan perjalanan, Urban mencipta tempat khas bagi meletakkan setiap satu meriam itu bagi ditarik oleh empat ekor lembu. Begitu juga dengan bekalan senjata, makanan dan air semuanya dibawa menggunakan lembu. Lembu-lembu itu juga dijadikan makanan tentera kita semasa berperang nanti," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Pasukan daripada unit kejuruteraan kita membina jambatan supaya memudahkan kita melalui sungai. Dengan ini saya yakin perjalanan kita lancar tanpa gangguan," kata Panglima Tharhan pula.

"Tuanku, boleh saya bertanya?" Panglima Sulaiman Olgo pula bersuara.

"Silakan," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tentera kita berjumlah 500,000 orang. Kita mempunyai kapal perang berjumlah 200 buah. Tetapi mengapa cuma 250,000 tentera dan 80 buah kapal perang sahaja yang dihantar ke kota Konstantinopel? Sebaiknya kita kerahkan kesemuanya."

Sultan Muhammad al-Fateh tersenyum lalu menjawab, "Tentera yang dihantar ke medan perang itu adalah tentera pilihan yang terbaik. Apabila tentera yang terbaik berperang, bantuan Tuhan datang. Manakala tentera yang tidak ke medan perang bertugas mengawal negeri. Mereka juga ditugaskan menyedia serta menghantar bekalan senjata, makanan dan air kepada rakan-rakan mereka yang sedang berperang. Kapal-kapal tentera laut pula bertanggungjawab membawa bekalan melalui jalan laut."

"Nampaknya Sultan Muhammad sudah membuat perancangan yang begitu rapi dan teliti. Saya yakin kita berjaya menakluk kota Konstantinopel dengan izin Tuhan," kata Syeikh Syamsudin al-Wali pula. Dia begitu yakin hanya Sultan Muhammad al-Fateh yang berjaya menawan kota Konstantinopel.

Selepas mereka berpuas hati dan memahami tugas masing-masing, persiapan sebelum berangkat ke medan perang dilakukan. Pada hari yang ditetapkan berangkatlah 250,000 tentera Turki dari Adrianopel menuju ke kota Konstantinopel. Mereka mengambil jalan yang belum pernah dilalui sesiapa menyebabkan pergerakan mereka tidak dapat dikesan oleh tentera Rom. Selepas mengambil masa selama dua bulan barulah mereka tiba di Konstantinopel.

Pasukan tentera yang dipimpin oleh Panglima Tharhan tiba lebih awal kerana mereka melalui kawasan tanah rata. Mereka mengambil kedudukan di sebelah timur kota Konstantinopel. Kemudian sampai pula pasukan kedua yang dipimpin oleh Khalil Pasya diikuti pasukan ketiga yang dipimpin oleh Sulaiman Olgo. Cuma pasukan keempat yang dipimpin oleh Hamzah Pasya yang paling lambat tiba kerana mereka terpaksa melalui jalan yang berbukit-bukit.

Pada hari Khamis 6hb April 1453, keempat-empat pasukan tentera tiba di kota Konstantinopel. Kecuali tentera yang melalui jalan laut kerana kapal mereka tidak dapat memasuki Tanduk Emas kerana disekat oleh rantai besi raksaksa. Tetapi tentera Turki tidak terus melakukan serangan. Sultan Muhammad al-Fateh menyuruh mereka bermalam dan berehat.

Pada keesokan harinya iaitu pada hari Jumaat bertarikh 7 hari bulan April 1453, selepas sembahyang Subuh tentera Turki berzikir beramai-ramai hingga suara mereka bergema sampai ke kota Konstantinopel. Ketika itu barulah tentera Rom menyedari kedatangan mereka. Maharaja Konstantine dan tenteranya terkejut dan terpinga-pinga apabila mendengar suara tentera Turki sedang berzikir dan bertakbir.

"Bagaimana mereka boleh sampai tanpa diketahui tentera kita yang berkubu di sepanjang jalan ke kota Konstantinopel?" tanya Maharaja Konstantine kepada Panglima Ardogan.

"Saya juga tidak tahu tuanku. Tentera kita sedang menjalankan siasatan. Nanti kita pasti mengetahuinya," jawab Panglima Ardogan.

"Mungkin mereka datang melalui terowong bawah tanah seperti yang pernah mereka lakukan bagi melarikan Urban." Alexsi cuba membuat andaian.

"Mustahil kerana jumlah mereka beratus ribu orang. Mereka juga membawa meriam dan peralatan senjata yang lain. Semua itu mustahil boleh dibawa melalui terowong bawah tanah," sangkal Panglima Ardogan.

"Baiklah, sebagai ketua panglima tentera Rom, apa perancangan kamu sekarang?" tanya Maharaja Konstantine kepada Panglima Ardogan.

"Saya sudah menyiapkan pasukan tentera bagi melakukan

serangan hendap ke atas mereka. Cuma menunggu perintah daripada tuanku." Jawapan itu memuaskan hati Maharaja Konstantine.

"Apa pendapat kamu? Apakah patut kita yang serang mereka dahulu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Pada pendapat saya, lebih baik jangan lakukan serangan dahulu. Mungkin mereka datang bukan hendak berperang tetapi menjalinkan persahabatan," kata Alexsi pula.

"Mengapa kamu berpendapat begitu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Sekiranya mereka hendak berperang, mengapa mereka tidak menyerang kita? Bukankah mereka datang tanpa disedari tentera kita? Sepatutnya mereka sudah melakukan serangan mengejut ke atas kita. Tetapi mereka tidak melakukannya. Sebaliknya bersembahyang dan berzikir supaya suara mereka kedengaran oleh kita," jawab Alexsi.

"Saya harap pendapat kamu itu betul. Namun kita mesti berwaspada dan bersiap-sedia," kata Maharaja Konstantine.

"Saya berpendapat kita patut lakukan serangan hendap sebelum mereka menyerang kita." Panglima Ardogan masih mahu menunjukkan keberaniannya.

Maharaja Konstantine termenung seketika sebelum memberikan kata putus. Kemudian baginda berkata, "Lebih baik kita tangguhkan dahulu. Mana tahu sekiranya benar seperti kata Alexsi mereka datang bukan hendak berperang tetapi menjalinkan persahabatan."

"Apabila tentera musuh datang dalam jumlah yang ramai, lengkap pula dengan senjata, apakah itu tanda mereka mahu berdamai?" sanggah Panglima Ardogan.

"Kita tunggu dan lihat dahulu. Sekiranya boleh dielakkan peperangan, itu lebih baik kerana kita belum mendapat bantuan dari negara-negara Eropah. Tetapi sekiranya pintu perdamaian tertutup, kita berperang bermati-matian."

"Tuanku, saya berpendapat lebih baik kita berperang kerana kita mempunyai beberapa kelebihan bagi memenangi peperangan ini. Saya yakin tentera Turki dengan mudah dapat kita kalahkan." Panglima Ardogan kelihatan begitu bersemangat hendak berperang.

"Apa kelebihan kita? Boleh beritahu beta?" tanya Maharaja Konstantine.

"Tuanku sudah lupa barangkali," jawab Panglima Ardogan sambil tersenyum. "Beribu-ribu tentera kita berada di dalam kubu di sepanjang jalan menuju ke kota Konstantinopel. Mereka juga mengawal jalan, jambatan dan sungai. Mereka tidak bertembung dengan musuh kerana tentera Turki mengambil jalan lain menuju ke sini."

"Benar kata Panglima Ardogan." Alexsi pula menyokong. "Tentera Turki sedang menumpukan perhatian kepada kota Konstantinopel. Mereka tidak sedar ada beribu-ribu tentera kita di belakang mereka."

Tiba-tiba Maharaja Konstantinopel tertawa. Gembira benar hatinya mendengar kata-kata Panglima Ardogan dan Alexsi. "Beta setuju kita tidak berunding dengan tentera Turki. Kita berperang dengan mereka," katanya.

"Ketika berlakunya pertempuran nanti tentera Turki pasti terperanjat dan lari lintang-pukang apabila melihat tentera kita menyerang mereka dari belakang," kata Alexsi pula.

Pada masa yang sama Sultan Muhammad al-Fateh juga sedang berbincang dengan para pembantu dan ketua-ketua tenteranya.

"Sepatutnya kita sudah melepaskan tembakan meriam bagi meruntuhkan kota Konstantinopel. Saya tidak sabar hendak melihat kemusnahannya," kata Urban yang turut sama dalam perbincangan itu.

"Kita berperang mengikut cara Nabi Muhammad SAW berperang. Kita datang ke sini melalui jalan yang belum pernah dilalui manusia juga mengikut sunah baginda. Kita bermalam dan mempamerkan kekuatan kepada musuh sebelum melancarkan serangan juga mengikut cara baginda," kata Sultan Muhammad. Barulah Urban faham.

"Tuanku," kata Panglima Tharhan pula. "Menurut laporan tentera peninjau, terdapat beribu-ribu tentera Rom masih berkawal di sepanjang jalan, jambatan dan sungai menuju ke kota Konstantinopel. Mereka masih belum menyedari kedatangan kita."

"Beri mereka tawaran sama ada menyerah diri ataupun diperangi. Sekiranya mereka menyerah diri, beri layanan baik dan jangan diapa-apakan," pesan Sultan Muhammad al-Fateh.

28



Antara Dua Pilihan

"Inilah dua golongan (golongan mukmin dan golongan kafir) yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai Tuhan mereka. Maka orang kafir akan dibuatkan untuk mereka pakaian-pakaian daripada api neraka. Disiramkan air yang sedang mendidih ke atas kepala mereka."

-Surah *al-Haj*: 19.

"Sekiranya kota Konstantinopel jatuh ke tangan orang-orang Islam, seluruh dunia Kristian meratapi kekalahan kita. Keagungan yang kita bina selama ini tinggal kenangan sahaja," kata Maharaja Konstantine dengan nada yang tinggi akibat rasa marahnya yang memuncak.

"Itu tidak mungkin terjadi, tuanku," teriak Panglima Ardogan pula. "Tentera kita sanggup berjuang bagi mempertahankan kota ini sehingga ke titisan darah yang terakhir."

"Itu benar, tuanku." Alexsi pula menyokong. "Ini bukan pertama kali tentera Islam cuba menawan kota Konstantinopel. Sekiranya nenek moyang kita dahulu berjaya mempertahankannya, mengapa kita tidak?"

"Tentera kita berjaya mencipta pelbagai senjata yang ampuh bagi mengalahkan musuh. Dari atas benteng kota Konstantinopel, tentera kita menghujani musuh dengan anak-anak panah berapi. Sekiranya itu tidak berjaya menyekat kemaraan mereka, pasukan tentera elit kita melemparkan bola-bola api ke atas musuh. Sekiranya itu juga tidak berjaya, tentera kita mencurahkan timah cair ke arah mereka." Panglima Ardogan begitu yakin dengan kemampuan tentera Rom.

"Bagaimana pula dengan meriam Urban kepunyaan mereka? Khabarnya senjata pemusnah itu boleh menembak sasarannya dari jarak jauh." Maharaja Konstantine menyuarakan rasa bimbangnya.

"Tuanku jangan bimbang kerana komando elit kita menyusup ke dalam barisan musuh bagi memusnahkan meriam itu. Pada masa yang sama tentera berkuda keluar bagi menyerang mereka." Akhirnya Panglima Ardogan berjaya meyakinkan Maharaja Konstantine.

Tiba-tiba seorang tentera masuk ke dewan mesyuarat lalu

membisikkan sesuatu ke telinga Maharaja Paleologus. Wajah baginda tiba-tiba nampak berseri lalu berkata dengan nada yang lantang, "Sebentar tadi suatu berita yang paling menggembirakan disampaikan kepada beta iaitu bantuan daripada Kardinal Isidor, Raja Orkan dan Glovanni dari Genoa sedang dalam perjalanan ke kota Konstantinopel. Mereka bergabung dengan tentera kita yang berada di luar bagi melakukan serangan dari belakang tentera Islam!"

Semua yang hadir di dalam dewan itu bertepuk tangan dan bersorak kegembiraan. Maharaja Konstantine segera menangguhkan mesyuarat bagi meraikan kegembiraan itu. Mereka menjamu selera, minum arak dan menari seolah-olah kemenangan sudah berada dalam tangan mereka.

Tiba-tiba majlis yang meriah itu terganggu dengan kedatangan utusan daripada Sultan Muhammad al-Fateh. Mereka membawa sepucuk surat lalu diserahkan kepada Maharaja Konstantine. Dengan tangan yang terketar-ketar kerana marah baginda membaca surat itu.

'Dengan nama Tuhan yang amat pemurah lagi penyayang. Surat ini ditulis sendiri oleh Sultan Muhammad, pewaris takhta kerajaan Usmaniah Turki.

Wahai Maharaja Konstantine, engkau diberi dua pilihan; memeluk Islam ataupun menyerahkan kunci kota Konstantinopel. Sekiranya engkau memilih tawaran pertama, engkau selamat dan terus berkuasa di kota Konstantinopel. Tetapi sekiranya engkau enggan, serahkan kekuasaan kepada kami dan engkau juga selamat. Tetapi sekiranya engkau menolak, engkau bakal berdepan dengan tentera Islam yang datang demi kemenangan ataupun syahid....

Sekiranya engkau menyerah, aku bersumpah tenteraku tidak lakukan kezaliman terhadap diri dan harta engkau. Sesiapa yang mahu terus menetap di sini, keselamatan mereka dijaga tetapi

sesiapa yang hendak keluar dari sini keluarlah dengan aman tanpa gangguan.'

Maharaja Konstantine tidak dapat menahan kemarahannya. Surat itu dikoyak-koyak lalu ditaburkannya di atas kepala utusan Sultan Muhammad al-Fateh. "Beritahu Sultan Muhammad, aku memilih berperang. Sekiranya dia tidak dibunuh ataupun ditawan, dia pasti pulang ke Turki dengan penuh kehinaan!" katanya.

Kemudian utusan itu dihalau keluar dari kota Konstantinopel. Selepas perkara itu disampaikan kepada Sultan Muhammad al-Fateh, baginda mengadakan mesyuarat dengan para pembantunya.

"Maharaja Konstantine memilih berperang dengan kita. Pagi esok kita mulakan serangan. Kita mulakan dengan tembakan meriam bagi meruntuhkan tembok yang mengelilingi kota Konstantinopel," kata Sultan Muhammad al-Fateh. Kemudian katanya lagi, "Selepas tembakan meriam, kita berharap mereka menyerah kalah supaya tidak banyak nyawa yang terkorban. Tetapi sekiranya mereka terus menentang tentera, kita serbu. Mereka sudah menyediakan tangga kayu dan tali bagi memanjat tembok kota Konstantinopel."

Mereka terus berbincang mengenai serangan yang bakal dilakukan pada keesokan harinya. Pada malam itu Sultan Muhammad al-Fateh dan tenteranya mengambil kesempatan berehat serta melepaskan penat. Namun kawalan keselamatan tidak dilupakan.

Pada malam itu juga dari pintu gerbang kota Konstantinopel, keluarlah 100 orang komando tentera Romawi bagi menjalankan suatu tugas khas iaitu memusnahkan meriam Urban tentera Usmaniah Turki. Mereka memakai topi dan baju besi tetapi cuma dibekalkan senjata panah dan pedang sahaja. Ini bagi memudahkan mereka bergerak pantas di kawasan musuh. Selain itu mereka juga dibekalkan sejenis cecair bagi dituangkan ke lubang meriam itu.

Apabila cecair itu dimasukkan, meriam itu rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

Mereka bergerak pantas tetapi dalam keadaan senyap supaya tidak dapat disedari tentera Turki. Bintang-bintang di langit seakan-akan lari di atas pokok semasa tentera Rom itu berjalan pantas menuju ke khemah-khemah tentera Turki. Kemudian mereka berpecah bagi memudahkan mereka mencari meriam Urban itu. Tetapi mereka berasa kagum kerana setiap khemah yang mereka lewati kedengaran suara tentera Turki sedang berzikir, membaca al-Quran dan sembahyang sunat. Mereka berasa tidak selamat apabila berada di kawasan tentera Islam kerana mereka berjaga sepanjang malam. Namun pencarian tetap diteruskan juga kerana perintah Maharaja Konstantine mesti dilaksanakan. Tiba-tiba mereka terkejut apabila disergah oleh tentera Turki.

"Assalamualaikum!" Tidak ada jawapan daripada tentera Rom.

"Allahu akbar!" Tentera Rom terus berdiam diri.

Tahulah tentera Turki yang sedang berkawal, bahawa yang datang itu adalah musuh dan bukan kawan kerana salam yang diberi tidak dijawab. Ucapan takbir juga tidak disahut. Mereka membunyikan isyarat menandakan musuh datang. Semua tentera Turki mencapai senjata lalu keluar dari khemah masing-masing. Berlaku pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Ramai juga yang cedera dan terbunuh. Menjelang pagi semua tentera Rom yang masih hidup berjaya ditawan. Mereka yang terbunuh berjumlah 30 orang manakala yang menjadi tawanan seramai 70 orang. Mereka dihadapkan kepada Sultan Muhammad al-Fateh. Selepas dilakukan soal-siasat, mereka mengaku diperintahkan oleh Maharaja Konstantine bagi memusnahkan meriam ciptaan Urban.

"Usaha kami gagal kerana tentera tuanku berjaga sepanjang malam," kata Urnus, salah seorang tawanan.

"Kami cuma menjalankan tugas. Tolonglah bebaskan kami," rayu seorang lagi tawanan.

"Apakah kamu fikir kami begitu bodoh mahu membebaskan musuh yang cuba memusnahkan senjata ampuh kami?" tanya Panglima Tharhan yang turut berada di situ.

Para tawanan itu tidak menjawab. Masing-masing menundukkan kepala. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh berkata, "Kami beri kamu dua pilihan. Pertama mengaku tidak ada Tuhan yang disembah selain Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Kedua, kamu bayar jizyah ataupun tebus diri."

"Sekiranya kami memilih yang pertama, apakah yang terjadi kepada kami?" tanya Urnus.

"Kamu adalah saudara seagama dengan kami. Kamu bebas pergi ke mana sahaja. Sekiranya kamu memilih yang kedua, kamu tetap dibebaskan," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Semua tebusan memilih membayar tebus diri sebanyak 10 dinar seorang seperti yang ditawarkan oleh Sultan Muhammad al-Fateh.

"Jumlah itu terlalu sedikit. Sepatutnya mereka perlu membayar 1,000 dinar. Sekiranya tidak mampu membayarnya, kita bunuh mereka," kata Urban yang masih menyimpan rasa dendam terhadap tentera Rom yang pernah menyeksanya semasa dalam tawanan.

"Saya mencontohi apa yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW terhadap para tawanan. Saya tidak berasa rugi mengikutnya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku, bagaimana sekiranya ada antara kami yang tidak mampu membayar tebus diri?" tanya Urnus.

"Kamu boleh membayarnya dengan mengajar tentera kami apa-apa sahaja ilmu yang kamu tahu. Contohnya, kalau ada antara

kamu yang mempunyai kemahiran ilmu menulis dan membaca, ajarkan tentera kami ilmu itu," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku seorang raja yang baik. Berbeza dengan maharaja kami. Tentera tuanku juga melayan kami dengan baik. Berbeza dengan layanan kami terhadap tawanan. Dengan ini saya mahu menukar semula pilihan saya. Saya mahu memeluk agama Islam dan mahu terus bersama tuanku," kata Urnus.

Akhirnya kesemua tawanan itu mengikut seperti pilihan Urnus. Sultan Muhammad al-Fateh dan tenteranya mengucapkan syukur kepada Tuhan.

29



Serangan Demi Serangan

"Diizinkan perang bagi orang-orang yang diperangi kerana sesungguhnya mereka dianiaya dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka (mencapai kemenangan) iaitu mereka yang keluar dari negeri mereka tanpa hak kecuali mereka berkata Tuhan kami hanyalah Allah."

-Surah *al-Haj*: 39-40.

Pagi itu cuaca cerah. Matahari yang baru muncul di ufuk timur memancarkan sinarnya dengan terang. Tiba-tiba suasana pagi yang damai itu menjadi gegak-gempita apabila meriam Urban melepaskan tembakan ke arah tembok bahagian depan kota Konstantinopel. Penduduk kota itu berasa takut apabila mendengar bunyi letupan meriam Urban. Mereka menjadi lebih takut apabila melihat peluru meriam itu berjaya merosakkan tembok batu bahagian depan kota.

"Tuanku! Senjata tentera Turki amat dahsyat. Meriam Urban dapat meruntuhkan tembok batu kota kita. Selepas tembok batu itu runtuh, peluru meriam itu pasti membunuh kita," kata Remon, wakil rakyat kota Konstantinopel yang menghadap Maharaja Konstantine.

"Engkau jangan bimbang kerana aku sudah menghantar pasukan komando menyusup masuk ke barisan tentera Turki bagi memusnahkan meriam mereka. Tidak lama lagi bunyi meriam itu tidak kedengaran lagi," kata Maharaja Konstantine sambil berusaha menenangkan perasaan Remon.

"Bagaimana sekiranya usaha itu tidak berjaya?" tanya Remon lagi. "Orang ramai sudah panik dan mereka kehilangan semangat mahu berperang."

"Aku tidak menyuruh engkau berperang. Biar tentera aku sahaja yang menentang tentera Turki itu. Engkau hendaklah yakin dengan kemampuan tentera kita."

"Maafkan saya kerana saya cuma menyampaikan suara rakyat kepada tuanku. Rakyat berada dalam ketakutan. Kerana itu mereka menyuruh saya mengadu kepada tuanku."

"Suruh orang ramai berada di dalam kubu-kubu perlindungan yang sudah disediakan. Mereka hendaklah bertenang dan yakin tentera kita boleh melindungi mereka."

Remon kembali menemui orang ramai lalu memujuk mereka supaya bertenang dan hendaklah sentiasa berada di dalam kubu-kubu perlindungan.

"Tentera kita mampu mempertahankan kota Konstantinopel," kata Remon yang berusaha menenangkan penduduk kota itu.

Maharaja Konstantine pula memanggil para pembantu dan panglima tenteranya bagi membincangkan situasi itu. "Dalam keadaan sekarang tentera kita cuma mampu bertahan sahaja kerana kita tidak punya meriam bagi membalas serangan mereka," kata Panglima Ardogan.

"Bagaimana dengan pasukan komando kita yang ditugaskan menyusup masuk ke dalam barisan musuh bagi memusnahkan meriam itu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Mereka sepatutnya pulang sebelum matahari terbit. Apabila mereka tidak kembali, maknanya mereka gagal menjalankan tugas itu," jawab Panglima Ardogan sambil melahirkan rasa kesalnya.

"Mereka tentera yang terbaik. Bagaimana boleh gagal?" Maharaja Konstantine tidak dapat menerimanya.

"Meriam Urban adalah senjata kebanggaan tentera Turki. Mereka pasti mengawalnya dengan rapi. Sebab itu tidak mustahil tentera kita gagal memusnahkannya. Tetapi tuanku jangan bimbang kerana…."

"Kerana apa?" Maharaja Konstantine meninggikan suaranya.

"Meriam Urban itu senjata baru. Mereka belum mahir menggunakannya kerana itu banyak yang tidak mengenai sasaran. Apabila peluru meriam itu habis, sudah pasti senjata itu tidak berguna lagi."

Jawapan itu melegakan sedikit perasaan Maharaja Konstantine. Namun baginda masih belum berasa selamat. "Persoalannya sekarang, bilakah meriam itu kehabisan peluru? Mungkinkah

selepas kota Konstantinopel ini musnah? Ketika itu apa faedahnya lagi?"

"Saya ada cadangan bagi mengatasi perkara ini." Alexsi yang sejak dari tadi hanya mendengar perbincangan itu mula menyampuk.

"Katakanlah," ujar Maharaja Konstantine.

"Kita mempunyai ramai pekerja yang mahir membuat binaan. Kita juga mempunyai peralatan dan bahan-bahan bagi membina bangunan. Kerana itu perkara ini boleh kita selesaikan. Hari esok masih menjanjikan harapan," kata Alexsi seperti berteka-teki pula.

"Apa kaitannya dengan meriam Urban?" tanya Panglima Ardogan.

"Pada waktu siang kita biarkan mereka menembak tembok kota Konstantinopel. Pada sebelah malamnya, kita baiki semula bahagian yang rosak itu. Esoknya mereka pasti membedil lagi. Dan kita baikinya semula. Akhirnya nanti peluru meriam mereka kehabisan dan ketika itu mereka patah semangat bagi meneruskan peperangan." Jawapan itu menggembirakan hati semua yang hadir.

"Engkau memang bijak Alexsi. Memang layak menjadi perdana menteri," kata Maharaja Konstantine.

Pada masa yang sama Sultan Muhammad al-Fateh juga sedang berbincang dengan para pembantu dan panglima tenteranya.

"Peluru meriam Urban berjaya merosakkan tembok kota Konstantinopel. Pasukan meriam kita terus melepaskan tembakan sehingga benteng itu runtuh bagi membolehkan tentera kita memasukinya," kata Panglima Tharhan. Dia berharap tentera Rom menyerah kalah lalu keluar dari kota Konstantinopel sambil mengangkat tangan.

Namun itu masih belum terjadi. Walaupun sudah beratus-ratus

peluru meriam mengenai sasarannya, masih belum ada tanda-tanda tentera Rom mahu menyerah kalah. Mereka terus bertahan dari dalam kota. Tiba-tiba Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan supaya tembakan meriam dihentikan.

"Mengapa tembakan meriam dihentikan?" tanya Khalil Pasya seolah-olah tidak setuju dengan arahan itu.

"Kita sudah berjaya menakutkan musuh. Kita beri peluang kepada mereka menyerah diri sebelum ramai yang terbunuh," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Mereka tidak mungkin menyerah, sebaliknya menanti kita menyerang," kata Panglima Tharhan.

"Sekiranya begitu elok tuanku perintahkan tentera kita menyerbu kota Konstantinopel. Inilah saat paling baik bagi tentera kita memasukinya." Sulaiman Olgo mencadangkan.

"Tunggu dulu." Ternyata Sultan Muhammad al-Fateh tidak setuju dengan cadangan itu. "Tembakan meriam yang kita lepaskan tadi mungkin menyebabkan ada yang terbunuh dan cedera. Kita beri peluang kepada mereka mengebumikan mangsa yang terkorban dan merawat mereka yang cedera. Kita juga beri peluang kepada mereka menyerah."

"Mereka tidak mungkin menyerah kerana kedudukan mereka masih selamat." Urnus pula menyampuk. Dia menawarkan diri bergabung dengan tentera Turki. Kata Urnus lagi, "Kota Konstantinopel dilindungi oleh tiga lapisan tembok yang tinggi dan tebal. Meriam Urban baru merosakkan tembok lapisan yang pertama. Sebab itu Maharaja Konstantine berasa mereka masih selamat. Mereka tidak mungkin menyerah."

"Esok kita musnahkan pula tembok lapisan kedua. Kemudian baru kita perintahkan tentera kita menyerbu kota Konstantinopel," kata Panglima Tharhan.

"Meriam Urban masih mampu meneruskan tembakan selama beberapa hari lagi kerana pelurunya masih banyak," kata Urban pula.

Tetapi Maharaja Konstantine pula berpendapat sebaliknya. Baginda menyangka tentera Turki sudah kehabisan peluru kerana itu mereka tidak lagi melepaskan tembakan meriam.

Sultan Muhammad al-Fateh mengutuskan surat yang kedua kepada Maharaja Konstantine. Kandungan surat itu menyuruh mereka menyerah diri secara aman supaya tidak berlaku pertumpahan darah.

'Sekiranya engkau enggan menyerah kalah, kami hancurkan engkau dengan peluru meriam kami,' ugut Sultan Muhammad al-Fateh dalam suratnya.

Maharaja Konstantine membalas surat itu dengan mengatakan mereka tidak mungkin menyerah kalah. *'Kami sanggup mati demi mempertahankan kota suci kami,'* kata Maharaja Konstantine dalam surat balasannya.

Kemudian baginda menyuruh Panglima Ardogan bersiap bagi menghadapi serangan tentera Turki.

"Tentera berkuda kita bersiap-sedia menyerang musuh. Cuma menunggu perintah tuanku!" kata Panglima Ardogan seolah-olah tidak sabar hendak melihat pasukan tentera Rom bertempur dengan tentera Usmaniah Turki.

"Kita jangan mulakan serangan tetapi kita tunggu mereka serang kita dahulu," kata Maharaja Konstantine.

"Mengapa, tuanku?" tanya Panglima Ardogan.

"Pertahanan kita masih kukuh. Biar mereka menyerang dahulu supaya tentera kita dapat membunuh ramai musuh. Apabila kehilangan ramai tentera, Sultan Muhammad pasti pulang ke negaranya," jawab Maharaja Konstantine dengan penuh yakin.

"Kami sedia menunggu perintah tuanku," kata Panglima Ardogan.

"Tentera pemanah hendaklah berada di kedudukan masing-masing kerana musuh pasti menyerang pada bila-bila masa. Pastikan setiap seorang tentera dapat membunuh 10 tentera Turki," pesan Maharaja Konstantine pula.

Perintah itu segera disampaikan. Tentera Rom bersiap-sedia menghadapi serangan musuh. Namun tidak ada serangan yang dilakukan oleh tentera Turki. Tembakan meriam juga tidak lagi dilepaskan. Suasana menjadi sepi. Tidak ada pergerakan tentera daripada kedua-dua belah pihak. Keadaan itu berlarutan hingga ke senja. Malam itu Maharaja Konstantine memerintahkan tenteranya membaiki semula tembok yang rosak akibat bedilan meriam Urban. Mereka bekerja keras sepanjang malam sampai ke pagi. Esoknya tentera Turki berasa hairan kerana tembok hadapan kota Konstantinopel kelihatan seperti sediakala.

"Sia-sia sahaja sekiranya kita lepaskan tembakan meriam kerana mereka membaiki semula tembok yang rosak itu," kata Panglima Tharhan.

"Meriam Urban berjaya menakutkan mereka. Sebab itu serangan perlu dilakukan dengan lebih hebat lagi," kata Sultan Muhammad al-Fateh pula.

Kemudian baginda memerintahkan pasukan meriam melakukan serangan yang lebih hebat. Kali ini semakin banyak tembok yang berjaya diruntuhkan oleh meriam Urban. Menjelang petang barulah tembakan dihentikan. Suasana kembali sepi. Tentera Rom masih menunggu serangan daripada tentera Turki.

"Kita tidak boleh lagi berdiam diri, tuanku. Serangan meriam itu perlu dihentikan," kata Panglima Ardogan.

"Apa perancangan kamu?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Kita keluarkan pasukan berkuda bagi memusnahkan meriam-meriam itu. Saya yakin pasukan tentera berkuda mampu melakukannya," jawab Panglima Ardogan.

Maharaja Konstantine bersetuju dengan cadangan itu. Baginda menyusun pasukan tentera berkuda bagi melakukan serangan balas. "Tugas kamu memusnahkan meriam Urban. Selesaikan tugas kamu sebelum senja," pesan Panglima Ardogan kepada pasukan tentera berkudanya.

Pada masa yang sama di dalam khemah Sultan Muhammad al-Fateh sedang berbincang dengan Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Tuan mempunyai ilmu firasat yang tinggi. Apakah yang bakal berlaku selepas ini?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Hanya Tuhan sahaja yang tahu," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Maksud saya apakah tentera Rom menyerah kalah ataupun peperangan ini berterusan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh lagi.

"Mereka tidak mahu menyerah kalah. Tambahan pula sebelum ini mereka berjaya mempertahankan Konstantinopel. Mereka mahu mengulangi kejayaan itu," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Kita tidak mungkin berundur selagi Konstantinopel belum dapat ditawan," tegas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Menurut firasat saya, tentera Rom pasti menyerang kita tidak lama lagi. Sebab itu kita perlu bersiap-sedia," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Benarlah seperti apa yang dikatakan oleh ulama terbilang itu. Tiba-tiba pintu depan tembok kota Konstantinopel terbuka. Pasukan tentera berkuda Rom berduyun-duyun keluar lalu menyerbu ke arah tentera Turki. Pasukan pemanah yang berada

di barisan hadapan bersiap-sedia menghadapi serangan musuh itu. Apabila Panglima Tharhan memberi isyarat, beribu-ribu anak panah dilepaskan ke arah tentera berkuda Rom. Walaupun ramai yang tersungkur dari kuda akibat terkena anak panah namun yang masih selamat terus menyerbu. Serangan itu disambut oleh tentera berjalan kaki Turki. Akhirnya berlaku pertempuran yang hebat antara kedua-dua belah pihak. Ramai tentera yang gugur dan cedera daripada kedua-dua belah pihak. Mana yang masih hidup terus bertempur bermati-matian.

Maharaja Konstantine melihat pertempuran itu dari atas tembok kota Konstantinopel. Apabila melihat ramai tenteranya yang terbunuh maka baginda memerintahkan tenteranya masuk semula ke dalam kota. Tentera Turki cuba mengejarnya tetapi menjadi sasaran anak-anak panah tentera Rom yang berkubu di atas tembok itu.

30

Pertempuran di Laut Marmara

"Orang-orang yang beriman berperang pada jalan Allah, dan orang-orang yang kafir berperang pada jalan melampau, sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."

-Surah *an-Nisak*: 76.

Laut Marmara yang menganjur ke Selat Bosphorus dan Tanduk Emas itu tidak asing bagi Panglima Zaqhanus. Sebagai ketua angkatan tentera laut Bani Usmaniah, dia sudah biasa meredah lautan yang bergelora itu. Kali ini dia berada di situ sekali lagi bagi menyekat kapal-kapal musuh. Mengikut perancangan awalnya, 80 buah kapal perang itu sepatutnya menuju ke kota Konstantinopel melalui Tanduk Emas. Tetapi semasa dalam pelayaran dia mendapat laporan daripada sebuah kapal dagang Arab bahawa 100 buah kapal perang dari Genoa yang sarat dengan tentera dan senjata sedang dalam pelayaran bagi membantu tentera Rom di kota Konstantinopel. Perkara itu tidak boleh dibiarkan dan kapal-kapal itu mesti disekat. Sekiranya kapal-kapal itu berjaya memasuki Tanduk Emas, ia boleh menggagalkan usaha Sultan Muhammad al-Fateh menawan kota itu. Sebab itu dia mengambil keputusan menghalang kapal-kapal tersebut. Panglima Zaqhanus dapat membayangkan suatu pertempuran yang sengit berlaku di Laut Marmara.

"Sudah sehari suntuk kita menunggu namun kapal-kapal musuh masih belum muncul. Mungkinkah itu laporan palsu?" tanya Amir Pasya, pembantu Panglima Zaqhanus.

"Saya kenal pegadang Arab yang memberi maklumat itu. Mustahil dia menipu kita. Tambahan pula dia seagama dengan kita dan menyokong perjuangan kita menawan kota Konstantinopel," jawab Panglima Zaqhanus.

"Dalam peperangan macam-macam perkara boleh berlaku. Kadang kala kawan boleh menjadi lawan. Perkara itu pernah berlaku suatu ketika dulu."

Apabila melihat Panglima Zahanus termenung, Panglima Amir Pasya berkata lagi, "Adakah tuan masih ingat sejarah Sultan Murad ketika hendak menawan kota Konstantinopel?"

"Teruskan ceritamu, wahai sahabatku…," jawab Panglima Zaqhanus.

"Kisah ini berlaku semasa Sultan Murad dan pasukan tenteranya hampir berjaya menawan kota Konstantinopel. Tiba-tiba tersebar khabar angin yang sengaja dicipta oleh musuh dengan mengatakan 100 buah kapal perang dari negara-negara Eropah yang penuh dengan tentera dan senjata sedang dalam pelayaran menuju ke kota Konstantinopel. Pada mulanya Sultan Murad tidak percaya dengan berita itu. Tetapi para pembantunya termasuk ketua panglima tenteranya berbeza pendapat. Mereka mula berasa takut lalu mencadangkan sebahagian daripada tentera dihantar ke Tanduk Emas bagi menyerang kapal-kapal itu. Disebabkan kuatnya desakan daripada para pembantunya, Sultan Murad memerintahkan separuh daripada tenteranya pergi ke Tanduk Emas. Kesannya, kekuatan tentera Turki yang mengepung kota Konstantinopel berkurangan. Kesempatan itu digunakan dengan sebaiknya oleh tentera Rom. Akhirnya tentera Turki terpaksa pulang penuh kehampaan. Mereka gagal menawan kota Konstantinopel kerana percaya dengan khabar angin. Sebab itu saya bimbang perkara seperti itu berulang lagi."

Lama juga Panglima Zaqhanus termenung. Kemudian dia berkata, "Ada di kalangan kita yang berasa kurang yakin kota Konstantinopel dapat ditawan kerana tentera Turki dipimpin oleh seorang sultan yang terlalu muda. Sedangkan sebelum ini Sultan Harun al-Rasyid, Sultan Beyazid dan Sultan Murad yang terkenal pun tidak dapat menawannya."

"Memang benar kata tuan. Saya sendiri pernah mendengar perbualan di kalangan tentera kita yang mengatakan Sultan Muhammad terlalu muda bagi memikul tugas yang berat ini. Tambahan pula baginda baru sahaja memegang tampuk pemerintahan. Mereka berpendapat sepatutnya Sultan Muhammad menunggu

beberapa tahun lagi baru menyerang kota Konstantinopel," kata Panglima Amir Pasya.

"Tetapi saya berpendapat sebaliknya...," kata Panglima Zaqhanus pula.

"Apa pendapat tuan?" Panglima Amir Pasya ingin menyelami hati ketuanya.

"Walaupun Sultan Muhammad masih terlalu muda tetapi baginda seorang yang bijak, berpandangan jauh dan paling penting sifat takwanya melebihi kita."

"Benar kata tuan. Sultan Muhammad itu memang seorang yang bijak kerana sejak kecil baginda dididik dengan pelbagai ilmu. Ayahandanya melantik berpuluh-puluh orang guru bagi mengajarnya ilmu agama dan ilmu peperangan. Baginda juga boleh bertutur dengan fasih dalam enam bahasa. Baginda juga seorang yang taat kepada ajaran agama kerana sentiasa didampingi oleh Syeikh Syamsudin al-Wali."

"Sultan Muhammad melantik saya memimpin angkatan tentera laut ini. Baginda berpesan kepada saya supaya memohon petunjuk daripada Tuhan apabila menghadapi sesuatu perkara. Sebab itu apabila mendapat berita itu saya mengerjakan sembahyang sunat hajat dan sunat istikharah bagi memohon petunjuk. Selepas itu hati saya yakin berita itu benar. Saya berserah kepada Tuhan yang maha mengetahui."

Kini giliran Panglima Amir Pasya pula termenung memikirkan kata-kata Panglima Zaqhanus. Kemudian dia berkata, "Saya mahu terus berjuang bersama-sama tuan. Walau apa pun terjadi saya tetap berada di samping tuan. Semoga Tuhan merestui perjuangan kita."

Panglima Zaqhanus senang hati mendengar pengakuan Panglima Amir Pasya. Dia sedar sekiranya berlaku perbezaan

pendapat boleh membawa kepada perpecahan. Apabila berlaku perpecahan, perjuangan mereka pasti menemui kegagalan.

"Tuan, lihat di sana, kapal-kapal musuh sudah sampai!" teriak seorang tentera.

Panglima Zaqhanus dan Panglima Amir Pasya segera melihat ke arah yang ditunjukkan oleh tenteranya itu. Memang benar di kejauhan kelihatan kapal-kapal musuh sedang belayar menuju ke arah mereka. Kapal-kapal itu meniupkan trompet sebagai isyarat peperangan. Tentera Turki membalasnya dengan laungan takbir.

"Allahu Akbar!"

"Allahu Akbar!"

"Allahu Akbar!"

Kemudian Panglima Zaqhanus memerintahkan kapal-kapal yang dilengkapi dengan meriam Urban supaya berada di hadapan. Mereka sudah bersedia melepaskan tembakan.

"Tunggu arahan saya, baru lepaskan tembakan!" teriak Panglima Zaqhanus.

Kapal-kapal perang dari Genoa itu cuba melepasi kepungan tentera Turki. Mereka yakin boleh melakukannya kerana bilangan kapal mereka lebih banyak. Setiap kapal itu pula dipenuhi dengan tentera dan peralatan senjata. Apabila jarak mereka sudah dekat, Panglima Zaqhanus memberikan arahan kepada tenteranya memulakan serangan. Tembakan meriam Urban dilepaskan dan tepat mengenai sasaran. Beberapa buah kapal musuh kelihatan patah tiang layar dan terbakar. Ramai yang tercampak ke dalam laut akibat peluru meriam Urban itu.

Angkatan tentera laut dari Genoa itu ramai yang terdiri daripada pelaut-pelaut yang mahir dengan ilmu pelayaran. Mereka diketuai oleh seorang lelaki gagah bernama Giustiniani. Dia sangat

memusuhi Islam. Sebab itu apabila mendapat tahu tentera Usmaniah sedang berusaha menakluk kota Konstantinopel, dia menawarkan diri memberi bantuan. Giustiniani berjaya mendapatkan bantuan kapal-kapal perang dan peralatan senjata daripada raja-raja Eropah lalu belayar ke kota Konstantinopel. Tetapi dia berasa amat terkejut apabila kapal-kapal perangnya terkena tembakan daripada senjata yang belum pernah dilihatnya. Namun dia tidak mudah menyerah kalah. Giustiniani memerintahkan tenteranya terus menyerang kapal-kapal perang Turki. Dia bersama-sama 40 buah kapal perang berjaya melepasi kepungan kapal-kapal Turki lalu menuju ke Tanduk Emas.

Panglima Zaqhanus tidak membiarkan musuhnya pergi begitu sahaja. Seboleh-bolehnya dia tidak mahu sebuah kapal musuh pun sampai ke pelabuhan Konstantinopel. Dia berpesan kepada Panglima Amir Pasya supaya terus berperang menentang angkatan tentera laut Genoa. Kemudian dia memimpin 40 buah kapal perang mengejar musuh yang sedang menuju ke Tanduk Emas.

Pada masa yang sama, pertempuran berterusan di Laut Marmara. Kapal-kapal perang Turki yang dilengkapi dengan meriam Urban terus melepaskan tembakan lalu berjaya menenggelamkan beberapa buah kapal musuh. Beberapa buah kapal dari Genoa yang terselamat berjaya merapati kapal tentera laut Turki lalu terjadi pertempuran satu lawan satu dan korban berjatuhan daripada kedua-dua belah pihak. Dalam suasana yang gawat itu, Panglima Amir Pasya memimpin tentera daripada pasukan pemanah melakukan serangan balas. Ramai tentera musuh terkena anak-anak panah yang dilepaskan oleh tentera Turki. Pertempuran terus berlaku sampai ke senja. Apabila hari malam, barulah pertempuran berhenti.

31



Tanduk Emas

"Janganlah kamu berdebat bagi membela orang-orang yang mengkhianati dirinya. Allah tidak menyuakai orang-orang yang selalu berkhianat dan bergelumang dosa."

-Surah *an-Nisak*: 107

Malam itu cuaca gelap pekat. Di langit sebutir bintang pun tidak kelihatan kerana diliputi awan mendung. Tiba-tiba hujan turun dengan lebat disertai ribut kencang. Panglima Amir Pasya cuba bertenang namun hatinya tetap resah. Kedudukan kapal sukar hendak dipastikan kerana tiada bintang di langit bagi dijadikan panduan. Namun dia yakin kapal-kapal yang terselamat dalam pertempuran pada siang tadi masih berada di sekitarnya. Sekiranya siang tadi nyawa mereka diancam oleh pelaut-pelaut dari Genoa, kini mereka terpaksa bertarung dengan hujan ribut. Mereka berusaha dan berharap supaya kapal mereka tidak karam. Menjelang tengah malam barulah hujan ribut berhenti. Langit kelihatan cerah dan bintang-bintang bergemerlapan. Panglima Amir Pasya mengarahkan kapal-kapal yang terselamat menuju ke Tanduk Emas. Esoknya sebelum matahari terbit barulah mereka sampai ke tempat yang dituju.

Panglima Zaqhanus mengumpulkan semua kapal perang Turki di pelabuhan Bayskatasy yang terletak berhampiran pintu masuk Tanduk Emas. Mereka berpengkalan di situ kerana dihalang oleh rantai besi yang dipasang oleh tentera Rom.

"Kita kehilangan tiga buah kapal dan 60 orang tentera semasa pertempuran di Laut Marmara. Di pihak musuh pula 10 buah kapal berjaya ditenggelamkan. Tetapi tidak pasti berapa jumlah mereka yang terkorban." Panglima Amir Pasya melaporkan kepada Panglima Zaqhanus.

Menurut Panglima Zaqhanus pula, 40 buah kapal perang dari Genoa itu berjaya memasuki Tanjung Emas. Tetapi kapal-kapal perang Turki tidak dapat memasukinya kerana dihalang dengan rantai besi raksaksa. Rantai itu dikendalikan oleh tentera Rom yang berkubu di tebing Golden Horn ataupun Tanduk Emas. Apabila kapal musuh yang datang, rantai itu pun dipasang supaya kapal-kapal tersebut tidak dapat memasukinya.

"Daripada 100 buah kapal perang dari Genoa itu cuma 40 buah

sahaja yang berjaya sampai ke pelabuhan Konstantinopel. Yang lain dipercayai tenggelam dan pulang semula ke negara mereka," kata Panglima Zaqhanus sambil memuji keberanian dan ketangkasan anak-anak buahnya semasa mereka bertempur di Laut Marmara.

"Kita terus berkawal di sini bagi menghalang bantuan dari luar sampai ke kota Konstantinopel," kata Panglima Amir pula.

"Kita mesti memasuki Tanjung Emas bagi membantu Sultan Muhammad menawan kota Konstantinopel. Tetapi kapal-kapal kita dihalang oleh rantai besi itu. Mari kita sama-sama fikirkan bagaimanakah caranya hendak memutuskan rantai itu," kata Panglima Zaqhanus.

"Bagaimana sekiranya kita tembak dengan meriam?" cadang Panglima Amir Pasya.

"Itu suatu cadangan yang baik. Mari kita lakukannya," balas Panglima Zaqhanus.

Kemudian dia memerintahkan pasukan meriam melepaskan tembakan ke arah penjaga rantai besi itu. Tetapi tidak berjaya kerana mereka bersembunyi di dalam kubu yang dibuat di celah-celah batu di tebing Selat Tanduk Emas. Kemudian mereka cuba melepaskan tembakan ke arah rantai besi itu namun tidak berjaya juga kerana rantai besi raksaksa itu berada kira-kira tiga kaki di dalam air.

"Kita tidak boleh lagi membazirkan peluru meriam. Mari kita fikirkan pula cara lain," kata Panglima Zaqhanus.

"Bagaimana sekiranya kapal-kapal kita merempuh rantai besi itu secara serentak? Mungkin cara itu dapat memutuskannya." Panglima Amir Pasya mencadangkan.

"Kami sudah cuba melakukan cara itu tetapi tidak berjaya," kata Panglima Zaqhanus. Kemudian katanya lagi, "Pada rantai itu ada besi-besi tajam. Apabila dirempuh, kapal bocor dan tenggelam."

"Kita mesti menawan kubu-kubu di tebing selat itu. Apabila dapat ditawan barulah rantai itu dapat dimusnahkan," kata Panglima Amir Pasya.

"Benar kata saudara. Malam ini kita cuba," kata Panglima Zaqhanus.

Malam itu Panglima Amir Pasya mengetuai pasukan tentera laut Turki melakukan serangan ke atas kubu-kubu tentera Rom yang terdapat di tebing selat itu. Namun usaha itu tidak berjaya kerana beribu-ribu tentera Rom yang bersenjatakan panah mengawalnya. Apabila ramai yang terkorban, Panglima Amir Pasya terpaksa mengundurkan tenteranya.

"Kita hubungi Sultan Muhammad minta buah fikirannya bagi melepasi Tanduk Emas ini," kata Panglima Zaqhanus.

Pada masa yang sama, Giustiniani sedang bergembira kerana berjaya membawa 40 buah kapal perang memasuki Tanduk Emas. Dia menjadi lebih gembira apabila orang-orangnya dapat membantu tentera yang berkubu di tebing selat daripada ditawan oleh tentera Turki.

"Kita dapat menguasai lembah di sebelah barat kota Konstantinopel. Dari sini kita boleh menyalurkan bantuan ke kota Konstantinopel. Kita juga dapat membantu tentera Rom menghalang musuh memasuki Tanduk Emas," kata Giustiniani.

Sultan Muhammad al-Fateh pula sedang menyusun barisan tenteranya bagi melakukan serangan ke atas kota Konstantinopel. Baginda membahagikan tenteranya kepada empat pasukan. Pasukan pertama terdiri daripada pasukan meriam Urban. Kedua pasukan pemanah, ketiga pasukan tentera berjalan kaki dan keempat pasukan berkuda. Mengikut perancangannya, pasukan tentera meriam memulakan tembakan bagi meruntuhkan tembok yang mengelilingi kota Konstantinopel. Kemudian diikuti oleh serbuan tentera pemanah bagi menumpaskan tentera Rom yang

berada di atas tembok. Selepas itu tentera berjalan kaki pula merempuh masuk ke dalam kota. Tentera berkuda pula berkawal di keliling kota bagi memastikan tidak ada bantuan dari luar yang dibawa masuk.

Selepas persiapan dibuat, serangan pun dilancarkan. Mula-mula meriam Urban memuntahkan pelurunya ke arah tembok lapisan pertama yang mengeliling kota Konstantinopel. Tembok itu kelihatan robek dan jatuh berkeping-keping setiap kali terkena peluru meriam. Tetapi dengan beraninya dan tanpa menghiraukan keselamatan diri, tentera Rom menampal semula bahagian tembok yang terkena tembakan itu dari dalam. Semakin banyak tembakan meriam dilepaskan, semakin gigih pula tentera Rom membaiki tembok yang terkena tembakan. Akhirnya tembakan meriam Urban dihentikan.

"Sia-sia sahaja kita menembaknya kerana tentera Rom lebih sayangkan kota Konstantinopel daripada nyawa mereka sendiri," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Bagaimana sekiranya kita terus melepaskan tembakan sehingga kesemua tentera Rom itu mati ataupun menyerah?" tanya Panglima Tharhan seolah-olah tidak setuju tembakan meriam dihentikan.

"Kita perlu menjimatkan peluru meriam kerana kita tidak tahu berapa lama lagi peperangan ini berlangsung. Sekiranya peluru sudah habis, tidak ada gunanya lagi senjata ampuh kita itu," jawab Sultan Muhammad.

Kemudian baginda memerintahkan tentera yang bersenjatakan panah melakukan serangan. Mereka berusaha mendekati tembok kota Konstantinopel lalu melepaskan anak-anak panah ke arah tentera Rom yang mengawalnya. Tentera Rom juga membalas serangan itu. Mereka juga melepaskan anak-anak panah ke arah tentera Turki yang cuba menghampiri tembok itu.

Kemudian tentera Turki berjalan kaki yang bersenjatakan

pedang dan tombak menyerbu lalu cuba memanjat tembok tersebut mengunakan tangga kayu dan tali. Tetapi tentera Rom memberikan tentangan yang hebat. Mereka melepaskan anak-anak panah dan melemparnya dengan ketulan-ketulan batu ke arah tentera Turki yang sedang memanjat tembok tersebut. Ada pula yang mencurahkan minyak panas. Akibatnya ramai yang syahid. Melihat keadaan itu Sultan Muhammad al-Fateh terpaksa memerintahkan tenteranya berundur dan kembali ke kedudukan mereka. Kedengaran tentera Rom bersorak riang kerana berjaya mematahkan serangan tentera Turki.

Namun kegembiraan itu tidak lama kerana tentera Turki melancarkan serangan pusingan kedua. Kali ini mereka menyerang dari empat penjuru iaitu bahagian utara, selatan, timur, dan barat. Pasukan tentera yang menyerbu dari arah hadapan berjaya mendekati pintu tembok namun tidak dapat membukanya. Mereka cuba memecahkan pintu itu menggunakan kayu-kayu balak yang diayun beramai-ramai. Namun usaha itu berjaya digagalkan apabila tentera Rom menghujani mereka dengan anak-anak panah dari atas tembok.

Pasukan tentera yang menyerang dari arah utara dan selatan pula terpaksa menyeberangi tasik yang sengaja dibina bagi menghalang serangan. Apabila tentera Turki cuba berenang melepasi tasik itu, mereka dihujani dengan anak-anak panah dan tombak. Serangan itu juga tidak berjaya.

Bahagian barat ataupun belakang kota itu tidak dikawal ketat kerana tentera Rom lebih memberi tumpuan di bahagian hadapan. Pasukan tentera yang dipimpin oleh Khalil Pasya cuba memasuki kota Konstantinopel dari arah itu. Tetapi mereka diserang oleh pelaut-pelaut dari Genoa yang diketuai oleh Giustiniani. Pertempuran berterusan hingga ke senja. Apabila malam melabuhkan tirainya, barulah pertempuran berhenti.

32

Pantai Semenanjung Fera

"Dan bersedialah menghadapi mereka dengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak dianiaya (dirugikan)."

-Surah *al-Anfal*: 60

Malam itu Panglima Zaqhanus resah gelisah sehingga matanya tidak mahu terlena. Sebentar tadi dia mengerjakan sembahyang sunat, membaca al-Quran dan berzikir namun hatinya masih tidak tenang selagi kapal-kapal perangnya tidak dapat memasuki Tanduk Emas. Mereka tidak dapat memasukinya kerana terhalang oleh rantai besi yang dipasang oleh tentera Rom. Tentera darat Turki pula masih belum berjaya menawan kota Konstantinopel. Serangan demi serangan yang dilancarkan masih gagal menembusi pertahanan lawan. Tembakan meriam Urban masih belum dapat menundukkan tentera Rom. Mereka begitu bersemangat mempertahankan kota Konstantinopel.

Pagi itu selepas sembahyang Subuh, Panglima Zaqhanus bermesyuarat dengan pembantunya. "Rakan-rakan kita sedang bertempur dengan tentera Rom. Sedangkan kita masih berada di atas kapal. Mereka memerlukan bantuan kita tetapi kapal-kapal kita masih tidak dapat memasuki Tanduk Emas," katanya sambil melahirkan rasa kesal.

"Selagi rantai besi raksasa yang merentangi Tanduk Emas itu tidak dapat diputuskan, selagi itulah kapal-kapal kita terkandas di sini. Setiap hari kita diserang oleh kapal-kapal yang datang dari Eropah," kata Panglima Amir Pasya pula. Dia juga berwajah muram.

"Selain berdoa kita juga mesti berusaha mengatasi perkara ini. Kita tidak boleh berputus asa," kata Panglima Zaqhanus.

"Apa rancangan saudara?" tanya Panglima Amir Pasya.

"Kita terputus hubungan dengan Sultan Muhammad. Kerana itu kita mesti menghantar tentera bagi menghubunginya," jawab Panglima Zaqhanus.

"Maksud saudara kita gunakan jalan darat?" Panglima Amir Pasya cuba meneka apa yang sedang dirancang oleh ketuanya.

"Saya pimpin 100 orang tentera mendarat di pantai kemudian berjalan kaki meredah hutan belantara menuju ke kota Konstantinopel. Apa pendapat saudara?"

"Rancangan itu sangat bahaya kerana musuh sentiasa memerhatikan gerak-geri kita. Kami tidak mahu kehilangan saudara," kata Panglima Palta Oglu.

"Kita mendarat pada waktu malam supaya tidak dilihat oleh musuh. Itu sahaja cara yang kita ada." Panglima Zaqhanus terus mempertahankan cadangannya.

"Air laut sentiasa bergelora. Sekiranya kita menggunakan perahu sudah tentu kita karam. Kapal kita tidak dapat merapati pantai kerana banyak batu karang. Bagaimana saudara hendak mendaratkan tentera kita?"

Panglima Zaqhanus termenung mendengar kata-kata Panglima Amir itu. Hatinya bertambah risau. Pada masa yang sama, di kota Konstantinopel Maharaja Konstantine sedang bermesyuarat dengan para pembantu dan panglima-panglima tenteranya.

"Sebanyak 70 buah kapal perang Usmaniah masih tidak dapat memasuki Tanduk Emas. Mereka tidak dapat memasukinya selagi rantai besi raksasa itu tidak putus. Rantai itu tidak putus selagi ada bulan dan matahari," kata Panglima Ardogan dengan begitu yakin. Kemudian katanya lagi, "Kita tidak perlu risau kerana dalam beberapa hari lagi, 100 buah kapal perang dari Eropah tiba bagi membantu kita mempertahankan kota Konstantinopel. Selepas mereka menghapuskan kapal-kapal Turki yang tersadai di pintu masuk Tanjung Emas itu, pahlawan-pahlawan salib dari Eropah itu datang ke sini membantu kita mengalahkan Sultan Muhammad dan tenteranya."

Namun Maharaja Konstantine masih belum berasa senang hati. Entah mengapa baginda sentiasa berada dalam kebimbangan semenjak hari pertama tentera Turki menyerang.

"Bagaimana sekiranya tentera Turki dapat mengalahkan kita sebelum bantuan itu tiba?"

"Tuanku jangan bimbang kerana tentera kita masih mampu berperang selama bertahun-tahun. Mereka begitu bersemangat tinggi demi mempertahankan kota ini."

"Bagaimana dengan bantuan dari Genoa? Di mana Giustiani dan pasukan tenteranya?"

"Mereka berada di Lembah Lycos bagi mempertahankan benteng kota di sebelah barat. Tuanku jangan bimbang kerana mereka terdiri daripada pelaut yang gagah berani. Tentera Turki tidak dapat masuk dari sana selagi Giustiani dan pasukan tenteranya masih hidup."

"Ternyata meriam Urban yang selama ini menghantui fikiran kita tidaklah sehebat mana. Sultan Muhammad dan tenteranya mula berputus asa apabila serangan mereka berjaya kita patahkan," kata Alexsi pula sambil memuji kegagahan dan keberanian tentera Romawi.

Barulah Maharaja Konstantine rasa senang hati lalu berkata, "Sekiranya begitu keadaannya, pertahanan kita masih kuat tetapi keadaan tentera Turki semakin lemah. Perintahkan tentera kita melancarkan serangan besar-besaran terhadap mereka."

Mereka mengatur persiapan bagi menjalankan perintah itu. Sultan Muhammad al-Fateh seperti sudah menjangka serangan besar-besaran dilakukan oleh tentera Rom. Sebab itu baginda memerintahkan tenteranya bersedia menghadapinya. Mereka menggali lubang dan parit bagi dijadikan kubu pertahanan. Pasukan meriam Urban pula bersedia melepaskan tembakan apabila diperintahkan.

Tiba-tiba semua pintu tembok terbuka. Kemudian kelihatan tentera berkuda Rom keluar dari pelbagai arah lalu melakukan

serangan besar-besaran ke atas tentera Turki. Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan pasukan meriam melepaskan tembakan kemudian diikuti oleh pasukan pemanah. Begitu hebat tentera Rom menyerang, begitu hebat pula tentera Turki mempertahankan diri mereka. Maharaja Konstantine yang melihat pertempuran itu dari sebuah menara di atas tembok kota Konstantinopel mula gusar apabila melihat semakin ramai tenteranya terkorban. Namun baginda terus berusaha menaikkan semangat tenteranya.

"Yakinlah, kota Konstantinopel tidak dapat ditawan oleh musuh selagi ada matahari dan bulan!" teriak Maharaja Konstantine.

Selama pertempuran sedang berlangsung, baginda menyuruh paderi-paderi yang berada di dalam gereja mendoakan kemenangan tentera Rom. Sebelum tentera terjun ke medan perang, paderi-paderi itu menaikkan semangat tentera Rom dengan mengatakan perjuangan mereka mempertahankan kota Konstantinopel adalah jihad. Mereka yang terbunuh dimasukkan ke syurga. Sebab itu tentera Romawi bersemangat tinggi ketika menentang tentera Turki. Di kalangan tentera Turki juga tidak kurang hebatnya. Mereka lebih rela syahid daripada mengalami kekalahan. Pertempuran berterusan hingga ke senja namun masih belum ada tanda-tanda pasukan mana yang bakal mencapai kemenangan. Kedua-dua pasukan tentera sama-sama bersemangat mahu menumpaskan lawan masing-masing.

Apabila hari malam barulah pertempuran berhenti. Tentera Rom masuk semula ke dalam kota sambil membawa rakan-rakan mereka yang terbunuh dan cedera. Tentera Turki juga menguruskan rakan-rakan mereka yang syahid dan cedera.

Pada malam itu Sultan Muhammad al-Fateh dan pasukan tenteranya tidak tidur kerana sibuk merawat tentera yang cedera. Ada pula yang mengebumikan mereka yang syahid. Sementara yang lain terus membina kubu-kubu perlindungan bagi menghadapi

serangan tentera Rom pada keesokan harinya. Sultan Muhammad al-Fateh berbincang dengan para pembantunya bagi mengatur strategi menentang tentera Rom.

"Kita perlukan bantuan dari tentera laut. Tetapi kapal-kapal perang kita tidak dapat memasuki Tanduk Emas kerana dihalang oleh rantai besi raksasa," kata Panglima Tharhan.

"Kita terputus hubungan dengan tentera laut. Perkara ini tidak boleh dibiarkan. Kita mesti lakukan sesuatu supaya kita dapat berhubung dengan mereka," kata Sultan Muhammad al-Fateh pula.

Panglima Tharhan menunjukkan pelan lakaran Tanduk Emas dan kawasan sekitarnya. Kemudian dia berkata, "Satu-satunya cara kita mahu berhubung dengan kapal-kapal perang kita adalah melalui kawasan pantai Semenanjung Fera. Tetapi bagi sampai ke pantai itu kita terpaksa melalui kawasan berbukit yang dipenuhi hutan tebal sejauh kira-kira tiga batu."

"Adakah kawasan ini dikawal oleh tentera Rom?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Mereka tidak mengawalnya kerana yakin kawasan itu selamat kerana berbukit dan hutan tebal. Tidak ada seorang pun tentera Rom yang berada di situ," jawab Panglima Tharhan.

"Pagi esok selepas sembahyang Subuh, kerahkan tentera kita menguasai tempat ini," perintah Sultan Muhammad al-Fateh.

"Apabila tentera kita dihantar ke sana bermakna kepungan pada kota Konstantinopel menjadi longgar. Bagaimana sekiranya tentera Rom melakukan sekali lagi serangan secara besar-besaran?" tanya Khalil Pasya pula.

"Pasukan tentera berkuda sahaja yang dikerah ke pantai Semenanjung Fera. Pasukan lain terus mengepung kota Konstantinopel," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Esoknya seperti yang dirancang, selepas sembahyang Subuh pasukan tentera berkuda yang diketuai oleh Sultan Muhammad al-Fateh sendiri berangkat ke pantai Semenanjung Fera. Sebelum sampai ke tempat itu, mereka terpaksa mendaki kawasan bukit yang dipenuhi hutan tebal sejauh kira-kira tiga batu. Kawasan itu tidak dijaga oleh tentera Rom kerana menyangka kawasan itu tidak perlu dipertahankan. Dengan mudah pasukan berkuda Turki sampai di pantai Semenanjung Fera. Dari situ Sultan Muhammad al-Fateh dapat berhubung dengan tentera lautnya.

"Kami mendapat laporan daripada pedagang Arab bahawa raja-raja Eropah sudah menghantar 100 buah kapal perang bagi membantu Maharaja Konstantine. Sekiranya semua kapal itu berjaya memasuki Tanduk Emas, musnahlah harapan kita mahu menawan kota Konstantinopel," kata Panglima Zaqhanus.

"Pastikan kapal-kapal itu tidak dapat memberi bantuan kepada tentera Rom. Perintahkan kapal-kapal perang kita memusnahkan kapal-kapal itu," perintah Sultan Muhammad al-Fateh.

Esoknya seperti yang dijangka, kapal-kapal perang dari negara-negara Eropah tiba bagi memberi bantuan kepada Maharaja Konstantine. Tetapi kapal-kapal itu disekat oleh kapal-kapal tentera Turki. Akibatnya, berlaku pertempuran hebat antara kedua-dua pasukan.

"Tuanku, kapal-kapal perang dari Eropah itu juga dilengkapi dengan meriam. Tentera kita tidak mampu menentang mereka," kata Panglima Zaqhanus. Dia seperti berputus asa.

"Walau apapun yang terjadi, kita mesti menyekat kapal-kapal musuh itu daripada memasuki Tanduk Emas. Disebabkan saudara kelihatan sudah patah semangat mahu berperang, tempat saudara digantikan oleh panglima Palta Oglu," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Panglima Palta Oglu menerima tugas itu dan berjanji menentang

kapal-kapal musuh bermati-matian. Dua hari selepas itu berlaku sekali lagi pertempuran di laut antara kapal-kapal perang dari Eropah dengan kapal-kapal perang Turki. Sultan Muhammad al-Fateh menyaksikan pertempuran itu dari tepi pantai Semenanjung Fera. Baginda ketika itu menunggang kuda dan sentiasa berlegar di sepanjang pantai bagi memberi semangat kepada pasukan tentera lautnya.

Apabila melihat tentera laut Turki diasak oleh kapal-kapal perang Eropah baginda mengirim surat kepada Panglima Palta Oglu yang berbunyi,

'Saya perintahkan saudara tawan ataupun tenggelamkan semua kapal-kapal musuh. Sekiranya saudara gagal, saya lebih suka saudara berkubur di lautan.'

Panglima Palta Oglu memerintahkan tenteranya berperang bermati-matian. Namun kekuatan kapal-kapal musuh sukar ditewaskan. Akhirnya Panglima Oglu terpaksa mengundurkan kapalnya ke kedudukan asal.

Sultan Muhammad al-Fateh marah dengan tindakan Panglima Oglu yang dianggap pengecut itu. Baginda memecat Panglima Palta Oglu lalu digantikan dengan Panglima Hamzah Pasha. Namun semakin banyak kapal-kapal perang dari Eropah yang tiba. Ini menjadikan kapal-kapal perang Turki berada dalam kedudukan yang bahaya.

"Tuanku, tentera kita masih lagi gagal menawan kota Konstantinopel. Kapal-kapal perang kita pula tidak dapat memasuki Tanduk Emas kerana dihalang oleh rantai besi. Pada masa yang sama mereka berhadapan dengan kapal-kapal perang yang baru datang dari Eropah. Sebab itu saya cadangkan kita adakan perjanjian damai dengan Maharaja Konstantine," kata Khalil Pasha. Dia berusaha memujuk Sultan Muhammad al-Fateh supaya menerima cadangannya itu.

Tetapi dengan tegas Sultan Muhammad al-Fateh menolak cadangan itu lalu berkata, "Tuhan memilih kita bagi menakluk kota Konstantinopel. Tetapi pada masa yang sama Tuhan tidak memberikan kita kejayaan dengan mudah. Kita terpaksa berusaha bermati-matian dahulu bagi mendapatnya," tegas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya setuju dengan kata-kata tuanku. Tetapi bagaimana hendak membawa kapal-kapal itu ke Tanjung Emas?" tanya Sulaiman Oglo.

"Marilah kita berdoa dan berusaha supaya rantai besi itu putus dan tentera laut kita boleh masuk ke Tanduk Emas dengan mudah," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

33

Pertemuan Sulit

"Antara Ahli Kitab ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepadamu; dan antara mereka ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepadamu, kecuali jika kamu selalu menagihnya. Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan; "Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang umi. Mereka berkata dusta terhadap Allah, padahal mereka mengetahui."

-Surah *Ali Imran*: 75

"Tuanku, bantuan dari negara-negara Eropah sudah tiba tetapi kapal-kapal perang mereka tidak dapat memasuki Tanduk Emas kerana dihalang oleh kapal-kapal perang Turki. Pertempuran masih berlaku dan kita mesti lakukan sesuatu," kata Panglima Ardogan.

"Kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana tentera kita terkepung. Sekiranya kita menghantar tentera ke Tanduk Emas, pertahanan kita menjadi lemah dan ini memudahkan tentera Turki menceroboh masuk ke Konstantinopel," kata Maharaja Konstantine.

"Kita perlu lakukan sesuatu supaya tentera Turki segera berundur dari sini," kata Alexsi pula.

"Sekiranya kamu ada cadangan yang baik sila kemukakan," kata Maharaja Konstantine.

"Tuanku masih ingatkah peperangan yang berlaku antara Tentera Rom dengan tentera Turki yang dipimpin oleh Sultan Murad kira-kira 20 tahun lalu?" tanya Alexsi.

"Apa kaitannya peperangan itu dengan kita sekarang ini?" tanya Maharaja Konstantine pula.

"Tuanku sudah lupakah bagaimana Maharaja Konstantine III berjaya mengalahkan tentera Turki?"

"Menurut buku catatan sejarah tentera Rom, mereka berjaya memecahbelahkan tentera Turki dengan memujuk pemimpin tentera mereka dengan emas dan intan. Kita perlu meniru cara itu," jawab Panglima Ardogan.

"Maksud kamu kita beri mereka emas dan intan supaya mereka menyebelahi kita?" tanya Maharaja Konsantine.

"Itulah cara yang pernah dilakukan oleh Maharaja Konstantine III dahulu. Mereka berjaya memecahbelahkan tentera Turki menyebabkan mereka kalah lalu pulang ke negara mereka dengan penuh kehinaan. Kita perlu meniru cara mereka," jawab Alexsi.

"Baiklah beta setuju dengan cadangan itu. Tetapi bagaimanakah caranya?" tanya Maharaja Konstantine.

"Laporan perisikan tentera kita mengatakan Sultan Muhammad sudah memecat Zaqhanus sebagai ketua tentera laut. Tempatnya digantikan oleh Palta Oglu. Tetapi kemudiannya Palta Oglu juga dipecat dan digantikan oleh Hamzah Pasya," kata Panglima Ardogan.

"Itu suatu berita yang baik. Kita pujuk Zaqhanus dan Palta Oglu dengan emas dan intan supaya mereka menyebelahi kita." Alexsi mencadangkan.

Maharaja Konstantine bersetuju dengan cadangan itu. Mereka mengutus Julian bagi memujuk Zaqhanus dan Palta Oglu. Dengan bantuan beberapa orang tentera Turki, dia berjaya menemui kedua-duanya.

"Maharaja Konstantine masih sayangkan tuan. Marilah kembali ke pangkuan kami. Tuan dilantik menjadi pembesar dan diberikan hadiah berupa emas dan intan," pujuk Julian.

Dengan tegas Zaqhanus menjawab, "Aku sedikit pun tidak tertarik dengan pujukan itu. Aku berperang kerana Tuhan, bukan kerana pangkat dan harta."

"Sultan Muhammad tidak memerlukan tuan lagi. Sedangkan Maharaja Konstantine amat memerlukan tuan. Tuan terimalah tawaran ini," pujuk Julian lagi.

Namun Zaqhanus tetap tidak berganjak daripada keputusannya menolak tawaran Maharaja Konstantine. Kemudian Julian menemui Palta Oglu pula. Dia cuba memujuknya namun tidak berjaya. Akhirnya Julian pulang dengan perasaan yang kecewa.

"Kedua-duanya adalah pahlawan Islam sejati. Mereka tidak dapat dipujuk dengan pangkat dan harta," kata Julian kepada Maharaja Konstantine.

"Saya cadangkan supaya kita memujuk Khalil Pasya," kata Alexsi pula.

"Bukankah dia perdana menteri Sultan Muhammad?" tanya Maharaja Konstantine.

"Memang benar," jawab Alexsi. "Kerana itu kita cuba memujuknya. Sekiranya rancangan ini berjaya, pasti berlaku perpecahan di kalangan tentera Turki."

"Saya setuju dan orang yang paling layak memujuk Khalil Pasya ialah kamu sendiri," kata Maharaja Konstantine.

"Saya sokong," kata Panglima Ardogan. "Saya aturkan pertemuan antara Perdana Menteri Byzantium dengan Perdana Menteri Usmaniah."

Kebetulan hari itu Khalil Pasya kembali semula ke markas tentera Turki manakala Sultan Muhammad al-Fateh masih berada di Semenanjung Fera. Tanpa pengetahuan Sultan Muhammad al-Fateh, berlangsung pertemuan antara Alexsi dengan Khalil Pasya.

"Apakah yang kita dapat daripada peperangan ini selain kematian dan kemusnahan?" tanya Alexsi. Kemudian dia berkata lagi, "Sebab itu kita mesti berusaha menghentikan peperangan ini. Saya pujuk Maharaja Konstantine dan saudara pujuk Sultan Muhammad supaya berdamai."

"Tidak semudah itu kerana Sultan Muhammad seorang yang tidak mudah dipujuk. Baginda tidak mungkin berundur selagi cita-citanya menakluk Konstantinopel belum tercapai," kata Khalil Pasya.

"Maharaja Konstantine juga seorang yang keras hati. Baginda sanggup mengorbankan semua tentera Rom demi mempertahankan Konstantinopel," kata Alexsi pula.

"Kedua-duanya memang keras hati dan degil. Apa yang patut kita lakukan?" tanya Khalil Pasya pula.

"Saudara tidak ada cita-cita mahu menjadi Sultan Usmaniah?" tanya Alexsi pula.

"Apa maksud saudara?" tanya Khalil Pasya.

"Saya ada menyimpan cita-cita mahu menggantikan Maharaja Konstantine. Saya yakin saudara juga mempunyai cita-cita mahu menggantikan Sultan Muhammad. Tetapi cita-cita kita tidak mungkin berjaya sekiranya mereka masih hidup," jawab Alexsi.

Apabila melihat Khalil Pasya termenung memikirkan kata-kata itu Alexsi berkata lagi, "Sekiranya saya memerintah Konstantinopel dan saudara memerintah Turki, tentu tidak berlaku peperangan lagi. Rakyat antara kedua-dua negara ini boleh hidup aman."

"Apa rancangan saudara?" tanya Khalil Pasya.

"Bagaimana sekiranya kita bunuh kedua-duanya? Saya bunuh Maharaja Konstantine dan saudara bunuh Sultan Muhammad," jawab Alexsi.

"Itu rancangan yang gila. Saya tidak sanggup melakukannya."

"Kita suruh orang lain melakukannya. Kemudian kita beritahu orang ramai kedua-duanya terbunuh dalam pertempuran."

Sekali lagi Khalil Pasya termenung. Kemudian Alexsi berkata, "Saya ada membawa hadiah kepada saudara. Harap saudara sudi menerimanya."

Kemudian Alexsi memberikan emas dan intan yang dibawanya kepada Khalil Pasya. "Sekiranya peperangan ini dapat dihentikan lebih banyak hadiah diberikan kepada saudara."

34



Petunjuk

"Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang menyerangmu, maka janganlah kamu membelakangi mereka (mundur)."

-Surah *al-Anfal*: 15

Dalam kegelapan malam itu, 100 orang tentera Turki mendayung beberapa buah perahu menuju ke pintu masuk Tanduk Emas. Mereka mendapat perintah daripada Sultan Muhammad al-Fateh supaya memutuskan rantai besi yang menjadi penghalang kapal-kapal perang Turki daripada memasuki kawasan itu. Mereka bergerak dengan berhati-hati supaya tidak disedari musuh.

"Rantai besi itu besarnya sepemeluk. Kita cuba memutuskannya menggunakan alat yang dibekalkan oleh sultan ini," kata Panglima Amir Pasya yang mengetuai operasi itu.

Alat yang dimaksudkan oleh Panglima Amir Pasya ialah gergaji besi yang dicipta oleh Urban. Mereka yakin usaha itu pasti berjaya. Tambahan pula gergaji itu boleh memutuskan besi dan mereka sudah mencubanya. Mengikut perancangan, Urban dengan beberapa orang pembantunya ditugaskan memotong rantai itu manakala tentera yang lain bertugas mengawal sekiranya diserang oleh tentera Rom.

Sebaik sahaja sampai, Urban dan pembantunya terus berusaha memotong rantai besi itu. Manakala pasukan tentera yang mengiringinya bersiap-sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Rantai besi ini berada di bawah air. Bagaimana kita hendak memotongnya?" tanya Tayip Oglo, pembantu Urban. Masing-masing kebingungan kerana rantai itu tidak dapat dipotong kerana terendam di dalam air.

"Kita perlu menarik rantai itu naik ke permukaan air baru boleh dipotong," jawab Urban sambil menyuruh pembantunya menyelam bagi menaikkan rantai itu ke permukaan.

Tetapi sebaik sahaja rantai itu dinaikkan, kedengaran bunyi loceng kecemasan yang dipasang oleh tentera Rom yang menjaga rantai itu. Mereka terjaga dari tidur lalu segera bertindak melepaskan

anak-anak panah ke arah tentera Turki. Berlaku pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Tetapi kerana ramainya tentera Rom yang datang menyerang menyebabkan tentera Turki terpaksa berundur lalu pulang ke kapal mereka.

"Usaha kita tidak berjaya. Seramai 30 orang tentera kita syahid lalu berkubur di dalam lautan. Kami terpaksa berundur," kata Panglima Amir Pasya yang mengetuai gerakan itu.

"Pada waktu malam rantai itu dimasukkan ke dalam air supaya tidak dapat dipotong. Kemudian rantai itu diikat dengan loceng. Apabila rantai itu diangkat ataupun ditarik, loceng itu pun berbunyi," kata Urban pula.

Sultan Muhammad al-Fateh berasa susah hati kerana tenteranya gagal memotong rantai itu. Baginda segera mengadakan mesyuarat dengan beberapa orang pembantunya bagi mencari kaedah baru.

"Rantai itu sebesar satu pemeluk. Disalut dengan tembaga supaya tidak berkarat ataupun reput walau direndam di dalam air laut. Saya yakin bukan satu rantai tetapi ada tiga rantai yang sama besarnya," kata Urban yang turut hadir dalam mesyuarat itu.

"Bagaimana sekiranya kita rempuh rantai-rantai itu dengan kapal? Bukan dengan sebuah kapal tetapi tiga buah kapal. Apa pendapat kamu?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Rantai itu diikat dengan ranjau-ranjau besi. Apabila kapal melanggarnya, ranjau besi itu membocorkan kapal kita. Sebab itu kita perlu fikirkan bagaimana cara mengatasinya," kata Panglima Amir Pasya.

"Bagaimana sekiranya kita ubah suai bahagian depan kapal-kapal yang digunakan bagi merempuh rantai besi itu? Mungkin tukang kayu boleh menampal kayu tebal ataupun besi pada haluan kapal supaya tidak ditembusi ranjau-ranjau besi itu," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Cadangan itu dipersetujui dengan sebulat suara. Tentera Turki yang mahir bertukang sibuk mengubah suai kapal-kapal perang yang bakal digunakan bagi merempuh rantai besi itu. Selepas segala persiapan dibuat, tiga buah kapal itu pun membongkar sauh lalu belayar dengan laju menuju ke pintu masuk Tanduk Emas. Tiga buah kapal itu belayar dalam satu barisan supaya dapat merempuh rantai itu serentak. Sebaik sahaja tiba, kapal-kapal itu pun merempuh rantai besi itu. Namun masih tidak putus. Pada masa yang sama, berpuluh-puluh buah kapal perang tentera Rom muncul dari pelabuhan Tanduk Emas lalu menyerang kapal-kapal tentera Turki. Berlaku pertempuran hebat di pintu masuk Tanduk Emas. Tetapi kerana hebatnya serangan daripada tentera Rom menyebabkan kapal-kapal Turki terpaksa berundur.

Sultan Muhammad al-Fateh semakin berdukacita kerana usaha memutuskan rantai besi itu masih tidak berjaya. Baginda kembali semula kepada pasukan tenteranya yang sedang mengepung kota Konstantinopel.

"Kita tidak boleh mengharapkan bantuan daripada tentera laut kerana mereka tidak dapat memasuki Tanduk Emas," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Apakah tindakan kita?" tanya Panglima Tharhan pula.

"Kita teruskan serangan bagi memasuki kota Konstantinopel," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku, saya cadangkan kita cuba serang dari Lembah Lycos yang terletak di sebelah barat. Sekiranya lembah itu dapat kita kuasai, dengan mudah kita dapat memasuki kota Konstantinopel," kata Panglima Sulaiman Oglo mencadangkan.

Selepas mengkaji cadangan itu daripada pelbagai sudut, akhirnya Sultan Muhammad al-Fateh bersetuju. "Saya sendiri mengetuai serangan dari sebelah barat. Panglima Tharhan melakukan

serangan dari sebelah timur," kata Sultan Muhammad al-Fateh lalu menyusun pasukan tenteranya.

Pada keesokan harinya, serangan dilancarkan dari arah timur dan barat. Sultan Muhammad al-Fateh dan pasukan tenteranya ditentang sengit oleh tentera Rom dari Genoa di bawah pimpinan Giustiniani. Semenjak berada di Lembah Lycos, Giustiniani mengarahkan tenteranya membuat persiapan bagi menghadapi serangan tentera Turki. Mereka membina kubu-kubu serta menggali parit. Apabila tentera Turki datang, mereka diserang hendap oleh tentera musuh.

Giustiniani memerintahkan pasukan tentera pemanahnya melakukan serangan menyebabkan ramai tentera Turki yang syahid. Disebabkan hebatnya serangan daripada pasukan tentera Rom di lembah Lycos menyebabkan Sultan Muhammad terpaksa mengundurkan tenteranya.

"Mengapa tuanku perintahkan kami berundur? Bukankah sebelum serangan tadi tuanku berpesan supaya jangan berundur?" tanya Panglima Hasan Ulubate yang kelihatan begitu bersemangat mahu meneruskan pertempuran.

"Tuan guru Syeikh Syamsudin al-Wali menasihatkan kita berundur bagi menyelamatkan tentera kita," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kami rela mati syahid!" kata Panglima Hasan Ulubate pula.

"Peperangan ini belum berakhir. Kita perlu berundur bagi menyusun semula barisan kemudian kita lancarkan serangan sekali lagi." Akhirnya Panglima Hasan Ulubate akur juga dengan arahan Sultan Muhammad al-Fateh.

Sultan Muhammad al-Fateh bertambah dukacita apabila pasukan tentera yang menyerang dari arah Timur juga mengalami kegagalan bagi memasuki kota Konstantinopel. "Kami terpaksa

berundur apabila diserang dengan hebat oleh tentera Rom. Mereka menggunakan panah dan bola-bola api yang menyebabkan ramai tentera kita menemui syahid," kata Panglima Tharhan melaporkan.

Malam itu Sultan Muhammad al-Fateh merintih hiba mengenangkan semua usaha menawan kota Konstantinopel masih belum menampakkan hasilnya. Baginda berdoa, merintih dan merayu kepada Tuhan, "Wahai Tuhan, kami tidak mampu mengalahkan musuh tanpa bantuan-Mu. Kami hampir putus asa kerana tidak berjaya menawan kota Konstantinopel walau pelbagai usaha sudah kami lakukan. Sebab itu aku memohon kepadamu Tuhan, bantulah kami. Berilah petunjuk kepada kami bagi mengalahkan musuh."

Selesai berdoa Sultan Muhammad al-Fateh berasa mengantuk lalu terlena. Dalam tidurnya baginda bermimpi melihat kapal-kapal perangnya belayar di Semenanjung Fera lalu berlabuh di Tanduk Emas. Kemudian baginda terjaga daripada tidurnya. Kerana menyangka mimpi itu cuma mainan tidur, baginda menyambung semula tidurnya. Tetapi mimpi yang sama berulang lagi. Selepas tiga kali berturut-turut mimpi yang sama dialaminya, Sultan Muhammad al-Fateh yakin itu adalah petunjuk daripada Tuhan. Baginda bersyukur tetapi masih memikirkan makna mimpinya itu.

Keesokan paginya selepas sembahyang Subuh, Sultan Muhammad al-Fateh menemui gurunya Syeikh Syamsudin al-Wali lalu menceritakan mimpinya. Sambil tersenyum ulama terbilang itu berkata, "Selepas kita berusaha dan selepas kita hampir kehabisan ikhtiar, Tuhan pun memberikan pertolongan-Nya."

"Maksud tuan, mimpi itu petunjuk daripada Tuhan?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Bersyukurlah kerana Tuhan sudah menunjukkan caranya bagi

mengalahkan tentera Rom," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Saya melihat kapal-kapal perang kita belayar di atas daratan melintasi Semenanjung Fera lalu berlabuh di depan kota Konstantinopel. Apakah makna mimpi itu?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku usahakan supaya mimpi itu menjadi kenyataan. Maksud saya, tuanku berusahalah memindahkan kapal-kapal perang kita ke Tanduk Emas melalui jalan darat."

"Bukankah itu sesuatu yang mustahil dilakukan?"

"Tidak ada yang mustahil sekiranya dengan izin Allah."

Sultan Muhammad al-Fateh segera bermesyuarat dengan pembantu-pembantunya.

"Pelbagai usaha sudah kita lakukan bagi memutuskan rantai besi di pintu masuk Tanduk Emas, tapi semuanya gagal. Namun kita jangan putus asa. Dengan izin Tuhan saya mendapat suatu idea bagi memindahkan kapal-kapal perang kita ke Pelabuhan Tanduk Emas," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Katakan bagaimana caranya?" tanya Panglima Hamzah Pasya yang turut hadir dalam mesyuarat itu.

"Kita pindahkan semua kapal kita ke pelabuhan Tanduk Emas. Itu sahaja caranya," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Itu mustahil dilakukan kerana di pintu masuk Tanduk Emas direntang dengan rantai besi raksasa. Kapal perang kita tidak dapat memutuskan rantai itu walaupun sudah dirempuh beberapa kali," kata Panglima Hamzah Pasya.

"Kita pindahkan kapal-kapal itu melalui jalan darat."

Hamzah Pasya tertawa mendengar jawapan itu kerana menyangka ia suatu gurauan. 'Mustahil kapal boleh belayar di atas daratan,' fikirnya.

"Tidak ada perkara yang mustahil sekiranya diizinkan Tuhan. Kita berusaha memindahkan kapal-kapal perang kita melalui jalan darat," tegas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Pada pendapat saya lebih sukar kita memindahkan kapal-kapal perang kita melalui jalan darat berbanding jalan laut. Sekiranya Tuhan izinkan kita melalui jalan darat mengapa tidak diusahakan supaya Tuhan izinkan kita melalui jalan laut? Kita berdoa supaya rantai raksasa itu berjaya diputuskan. Saya rasa doa bagi memutuskan rantai raksaksa itu lebih mudah berbanding doa memindahkan kapal-kapal perang melalui jalan darat," kata Panglima Hamzah Pasya.

"Sekiranya rantai raksasa itu putus, kapal-kapal perang dari Eropah itu juga dapat memasukinya. Sebab itu lebih baik rantai itu jangan diputuskan supaya kapal-kapal musuh juga tidak dapat memasukinya. Apa yang penting kita pindahkan kapal-kapal perang kita ke Tanduk Emas kemudian kita kuasai kubu yang mengawal rantai raksasa itu."

"Maafkan saya tuanku." Panglima Amir Pasya pula menyampuk. "Adakah rancangan memindahkan kapal perang kita melalui jalan darat ini datangnya daripada fikiran tuanku sendiri ataupun petunjuk daripada Tuhan?"

"Petunjuk daripada Tuhan," jawab Sultan Muhammad al-Fateh. "Saya mendapat petunjuk itu melalui mimpi."

Menurut Sultan Muhammad al-Fateh, selepas semua usaha yang mereka lakukan menemui kegagalan dan selepas mereka hampir berputus asa, Tuhan berikan petunjuk kepada mereka.

"Dengan izin Tuhan, kita pindahkan kapal-kapal perang kita ke Tanduk Emas melalui jalan darat," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

35

Kapal Belayar di Daratan

"Tidaklah kami pernah melihat ataupun mendengar hal ajaib seperti ini. Muhammad al-Fateh menukar darat menjadi lautan, melayarkan kapalnya di puncak gunung dan bukannya di ombak lautan. Sesungguhnya Muhammad al-Fateh dengan usahanya ini mengatasi Alexander The Great!."

-Pakar Sejarah Byzantine.

"Tuanku, bergembiralah dengan berita yang hendak saya sampaikan ini," kata Panglima Ardogan. Wajahnya kelihatan berseri-seri.

"Cepat beritahu apa beritanya?" Maharaja Konstantine seolah-olah tidak sabar hendak mengetahuinya.

"Benar kata tuanku selagi ada bulan dan matahari, kota Konstantinopel tidak mungkin dapat ditawan oleh musuh."

"Adakah tentera Turki sudah dapat dikalahkan?"

"Mereka pasti kita kalahkan tidak lama lagi."

"Beta tidak gembira mendengarnya."

"Tuanku belum mendengar lagi berita gembira yang mahu saya sampaikan."

"Beritahu cepat!" Maharaja Konstantine meninggikan suaranya kerana merasakan seolah-olah dipersendakan oleh panglima Ardogan.

"Raja-raja Eropah sudah menghantar 200,000 tentera bagi membantu kita berperang dengan tentera Turki. Mereka sedang dalam perjalanan," beritahu Panglima Ardogan.

"Benarkah berita itu? Ataupun cuma sekadar khabar angin?" Baginda seolah-olah tidak mempercayainya.

"Giustiniani yang menyampaikan berita itu kepada saya. Yakinlah tuanku, berita itu benar."

Betapa gembiranya hati Maharaja Konstantine mendengarnya. Apabila mereka dibantu oleh 200,000 tentera dari Eropah tentu kota Konstantinopel tidak jatuh ke tangan tentera Turki.

"Bila mereka tiba di sini?" Maharaja Konstantine seolah-olah tidak sabar menunggunya. Sekiranya boleh pada hari itu juga bantuan itu perlu tiba ke kota Konstantinopel.

"Tujuh hari lagi," jawab Panglima Ardogan dengan begitu yakin.

"Dalam peperangan, tujuh hari itu terlalu lama. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Alangkah baik sekiranya mereka tiba esok," kata Maharaja Konstanine sambil menggaru-garu kepalanya yang botak.

"Sementara menunggu kedatangan tentera bantuan dari Eropah itu, ada baiknya kita lakukan sesuatu supaya keadaan menjadi lebih selamat." Alexsi pula bersuara.

"Keadaan selamat? Apa maksudnya?" tanya Maharaja Konstantine.

"Seperti yang tuanku katakan tadi, dalam masa seminggu pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Antaranya tentera Turki boleh mengumpulkan kekuatan lalu menyerang secara besar-besaran dan…."

"Engkau diam!" Maharaja Konstantine segera memotong cakap Alexsi. "Kata-katamu boleh melemahkan semangat tentera kita!"

Kemudian Maharaja Konstantine berkata lagi, "Dalam keadaan sekarang, apa yang kita perlukan ialah kata-kata semangat. Bukan kata-kata orang yang pengecut. Beta mahu kamu berikan cadangan yang baik."

"Saya cadangkan supaya diadakan gencatan senjata dengan tentera Turki," kata Panglima Ardogan.

"Gencatan senjata? Oh, tidak. Kita terus berperang dengan tentera Turki sehingga mereka pergi dari sini," kata Maharaja Konstantine.

"Begini tuanku," kata Panglima Ardogan sambil berharap maharaja itu mendengar terlebih dahulu apa yang hendak dikatakannya.

"Bantuan dari Eropah itu tiba dalam masa seminggu lagi. Sekiranya peperangan terus berlaku, dalam masa seminggu pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Sekiranya kita kalah, sia-sia sahaja bantuan dari Eropah itu. Sebab itu kita adakan gencatan senjata selama satu minggu. Dalam masa itu tentera kita boleh mengumpulkan kekuatan dan membina semula kubu-kubu kita. Selepas satu minggu nanti, apabila tentera bantuan tiba kita perangi tentera Turki habis-habisan sehingga mereka hancur lebur."

Maharaja Konstantine termenung memikirkan kata-kata panglimanya itu. Ada juga kebenarannya. Gencatan senjata itu cuma suatu muslihat bagi mengalahkan musuh.

"Baiklah, aku setuju dengan cadangan itu. Hantar utusan bagi menemui Sulan Muhammad." Akhirnya Maharaja Konstantine bersetuju.

Perintah itu segera dilaksanakan. Mereka melantik Alexsi, seorang yang petah berkata-kata sebagai utusan bagi merundingkan gencatan senjata. Kedatangannya disambut dengan baik oleh tentera Turki lalu dibawa menghadap Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya mahu bertemu Sultan Muhammad," kata Alexsi. Dia tidak tahu di hadapannya itu ialah Sultan Muhammad al-Fateh.

"Sayalah orangnya…," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Janganlah bergurau dengan saya," kata Alexsi. Dia masih tidak percaya kerana anak muda di hadapannya masih terlalu muda.

"Memang benar, bagindalah raja kami yang bernama Sultan Muhammad," kata Panglima Tharhan.

Barulah Alexsi percaya. Dia berasa kagum lalu berkata, "Raja saudara berbeza sungguh dengan raja kami."

"Apa bezanya?" tanya Syeikh Syamsudin al-Wali pula.

"Maharaja Konstantine memakai mahkota yang bertatahkan intan berlian. Baginda memakai pakaian yang mahal dan duduk di atas singgahsana yang indah. Tetapi raja saudara memakai serban sama seperti kamu. Baginda juga berpakaian yang sama seperti kamu. Bahkan baginda turut duduk di tempat yang sama dengan kamu. Baginda tidak ada bezanya dengan kamu," jawab Alexsi sambil meluahkan rasa kagumnya.

"Harta, pangkat dan darjat keturunan tidak boleh dimegahkan kerana apabila meninggal dunia semua itu tidak berguna lagi. Islam mengajar kami bahawa semua manusia sama di sisi Allah kecuali mereka yang lebih bertakwa," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Tiba-tiba Alexsi teringatkan sesuatu. Kemudian dia berkata, "Sebelum datang ke sini, saya berjumpa dengan seorang paderi yang paling tua di kalangan semua paderi. Tujuan saya berjumpa dengannya adalah supaya dia mendoakan keselamatan saya. Paderi tua itu ada membisikkan sesuatu yang paling menakutkan saya."

"Apa katanya?" tanya Panglima Tharhan.

Alexsi kelihatan sebak. Dia menangis. Selepas agak reda perasaannya, Alexsi pun berkata, "Paderi itu berkata, kota Konstantinopel bakal ditawan oleh seorang raja yang baik. Raja itu mempunyai tentera yang baik. Saya bimbang sekiranya orang yang dimaksudkan itu adalah raja kamu yang ada di hadapan saya ini," jawab Alexsi.

"Sekiranya begitu lebih baik beritahu maharaja kamu supaya menyerahkan kota Konstantinopel kepada raja kami," kata Panglima Tharhan.

"Maharaja Konstantinopel menghantar saya ke mari bagi merundingkan suatu gencatan senjata antara tentera Turki dengan tentera Rom. Sepanjang gencatan senjata ini, mana-mana pihak tidak boleh melakukan serangan." Alexsi menyatakan maksud kedatangannya.

Sultan Muhammad al-Fateh tidak terus menerima ataupun menolak tawaran itu. Baginda mengadakan mesyuarat dengan para pembantunya sebelum membuat keputusan.

"Saya berpendapat elok kita terima cadangan itu," kata Syeikh Syamsudin al-Wali. Kemudian dia menambah lagi, "Selama satu minggu kita boleh membuat persiapan bagi memindahkan kapal-kapal kita masuk ke Tanduk Emas. Kita boleh kerahkan semua tentera kita bagi tujuan itu."

"Saya yakin ini rahmat Tuhan yang memberi peluang kita memindahkan kapal-kapal itu. Sebab itu saya juga menyokong kita terima tawaran gencatan senjata itu," sokong Panglima Tharhan.

Mereka sebulat suara menerima tawaran gencatan senjata oleh Maharaja Konstantine. Peluang itu digunakan sepenuhnya oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda mengerahkan tenteranya membina jalan dari kawasan pantai melalui kawasan berbukit Tanjung Fera hingga ke Tanduk Emas. Mereka bekerja siang dan malam. Semua tentera terlibat dalam kerja-kerja itu. Selepas jalan itu siap, Sultan Muhammad al-Fateh menyuruh tenteranya menebang pokok-pokok kayu yang besar, kemudian kayu itu dipotong lalu dijadikan landasan bagi dilalui oleh kapal-kapal perang mereka. Kayu-kayu itu dilumur dengan lemak dan darah haiwan supaya menjadi licin.

"Menurut firasat saya, pada malam Jumaat ini berlaku tiupan angin kencang dari laut menuju ke daratan. Pada masa itulah kita gerakkan kapal-kapal itu ke daratan. Kita tarik kapal-kapal itu dengan tali. Dengan bantuan angin yang bertiup kencang, saya yakin usaha kita memindahkan kapal ke pelabuhan Tanduk Emas berjaya," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Sebelum menjelangnya malam Jumaat yang dinantikan itu, tentera Turki asyik beramal ibadat memohon bantuan daripada Tuhan supaya usaha memindahkan kapal-kapal perang itu

berjaya dilakukan. Benar seperti apa yang difirasatkan oleh Syeikh Syamsudin al-Wali. Pada malam itu selesai sahaja sembahyang Isyak, berlaku ribut kencang disertai hujan lebat.

Tentera laut Turki membongkar sauh serta memasang kain layar lalu meluncurlah kapal-kapal perang mereka ke atas daratan Semenanjung Fera. Kemudian kapal-kapal itu ditarik sejauh tiga batu hingga berlabuh di Tanduk Emas. Sebuah demi sebuah kapal berjaya dipindahkan. Menjelang pagi kesemua 70 buah kapal berjaya dipindahkan ke Tanduk Emas. Tentera Turki meraikan kejayaan yang luar biasa itu dengan bertakbir.

Maharaja Konstantine terjaga daripada tidur apabila mendengar suara takbir. Baginda membuka tingkap bilik tidurnya bagi memastikan dari arah manakah datangnya suara takbir yang menegakkan bulu romanya itu. Alangkah terkejutnya Maharaja Konstantine apabila melihat 70 buah kapal perang tentera Turki berlabuh di Tanduk Emas. Kedudukan kapal-kapal itu betul-betul di hadapan kota Konstantinopel.

Penduduk kota Konstantinopel juga terkejut apabila melihat tentera Turki sudah menguasai Pelabuhan Tanduk Emas. Mereka lebih terkejut apabila melihat berpuluh-puluh buah kapal perang Turki sudah berada di perairan mereka.

"Bagaimana kapal-kapal Turki itu boleh masuk ke Tanduk Emas? Mustahil rantai raksasa itu dapat diputuskan," Maharaja Konstantine bersuara tinggi. Baginda seolah-olah hilang kewarasan kerana terlalu terkejut.

"Rantai ajaib itu masih belum putus, tuanku," kata Panglima Ardogan.

"Bagaimana mereka melepasinya? Bagaimana kapal-kapal mereka boleh masuk ke Tanduk Emas?" tanya Maharaja Konstantine.

"Mereka memindahkan kapal-kapal itu melalui jalan darat. Sesuatu yang mustahil boleh berlaku tetapi sudah berlaku di depan mata kita," jawab Panglima Ardogan.

Terlopong mulut Maharaja Konstantine mendengarnya. Seumur hidupnya belum pernah berlaku kapal belayar di atas daratan. Tetapi Sultan Muhammad al-Fateh berjaya melakukannya. Bukan sebuah kapal tetapi 70 buah kapal berjaya diluncurkan melalui Semenanjung Fera sejauh tiga batu sebelum sampai ke Pelabuhan Tanduk Emas.

"Ini bukan kerja manusia. Tentera Turki dibantu oleh jin dan syaitan!" kata Alexsi.

"Sekiranya benar mereka dibantu oleh jin dan syaitan, kita berada dalam kesusahan," kata ketua paderi pula.

"Lebih baik kita menyerah kalah sahaja, tuanku," kata Alexsi pula.

"Tidak!" tempik Maharaja Konstantine. "Kita tidak mungkin menyerah kalah. Perintahkan semua tentera dan penduduk kota Konstantinopel mempertahankan kota ini hingga ke titisan darah yang terakhir."

Perintah itu segera disampaikan. Semua pintu Kota Konstantinopel ditutup rapat. Mereka berjaga siang dan malam bagi memastikan tidak ada seorang pun tentera Turki yang dapat memasukinya. Namun tentera Turki tetap berusaha memasukinya. Mereka menggali terowong bagi menembusinya hingga ke dalam kota Konstantinopel. Penduduk kota itu semakin panik apabila mendapat tahu tentera Turki sedang menggali terowong dan mereka pasti muncul pada bila-bila masa. Orang ramai tidak berani keluar rumah malah apabila berjalan, mereka seolah-olah terdengar bunyi seseorang mengorek lubang di bawah tanah.

Maharaja Konstantine mengarahkan tenteranya memasang

perangkap. Mereka juga menggali terowong bawah tanah. Apabila terowong yang digali oleh tentera Turki bertemu dengan lorong yang digali oleh tentera Rom, mereka diserang dengan api menyebabkan ramai yang syahid. Akhirnya Sultan Muhammad al-Fateh menghentikan kerja-kerja menggali terowong itu.

36



Di Ambang Kekalahan

"Hai orang-orang yang beriman, bersiap siagalah kamu, dan majulah (ke medan pertempuran) berkelompok-kelompok, ataupun majulah bersama-sama!"

-Surah *an-Nisak*: 71.

Selepas 44 hari kota Konstantinopel dikepung dari segenap penjuru dan selepas berpuluh-puluh kali serangan dilancarkan namun tentera Turki masih belum dapat menembusi benteng pertahanan tentera Rom. Mereka berjuang mempertahankan kota itu dengan penuh bersemangat. Tambahan pula Maharaja Konstantine berulangkali mengatakan selagi ada bulan dan matahari, kota Konstantinopel tidak mungkin dapat ditawan oleh musuh. Paderi-paderi mereka pula menyeru supaya terus berjihad bagi mempertahankan kota suci mereka. Sesiapa yang mati dalam perjuangan itu pasti dimasukkan ke dalam syurga. Sebab itu mereka berjuang bermati-matian.

Di pihak tentera Turki juga tidak kurang hebatnya. Mereka datang dengan tekad mendapat kemenangan ataupun syahid. Sebab itu apabila berlaku pertempuran, kedua-dua pasukan berjuang bermati-matian. Namun belum ada tanda-tanda pasukan mana yang menang kerana sama-sama gagah.

"Kota Konstantinopel hanya berjaya ditawan oleh pemimpin yang baik dengan tenteranya yang baik." Sultan Muhammad teringat maksud hadis Nabi Muhammad SAW. Lalu baginda merenung keadaan dirinya.

Baginda berusaha menjadi pemimpin yang baik. Mungkinkah masih ada di kalangan tenteranya yang masih tidak baik? Tiba-tiba Sultan Muhammad al-Fateh teringat kepada Urban. Lelaki itu baru sahaja memeluk agama Islam. Dia dipilih kerana menjadi ketua unit meriam Urban. Di manakah lelaki itu sekarang? Sultan Muhammad al-Fateh mencarinya. Baginda memasuki khemah yang didiami Urban. Tiba-tiba baginda ternampak Urban yang sedang meminum arak.

"Celaka engkau Urban!" teriak Sultan Muhammad al-Fateh.

Urban terkejut lalu mencampakkan botol arak itu ke tanah. Dia ketakutan apabila melihat muka Sultan Muhammad al-Fateh

bagaikan udang dibakar kerana marah yang amat sangat.

"Di mana kamu dapat minuman yang memabukkan ini?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Daripada mayat tentera Rom…," jawab Urban dengan nada suara yang terketar-ketar.

"Kamu sudah memeluk agama Islam kerana itu kamu dilarang meminumnya," marah Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya tahu, tuanku. Tetapi hati saya tersangat risau sebab itu saya meminumnya."

"Apa yang merunsingkan fikiran kamu?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh lagi.

"Saya mempunyai anak-anak dan isteri. Sejak kita tiba di sini, saya asyik teringatkan mereka. Sebab itu hati saya runsing kerana terlalu rindukan mereka," jawab Urban berterus terang.

Mendengar jawapan lelaki itu, kemarahan Sultan Muhammad al-Fateh reda. Barulah baginda sedar lelaki itu baru sahaja memeluk agama Islam. Imannya masih belum kuat tambahan pula dia sedang merindui keluarganya.

"Berapa jauh kampung kamu dari sini?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Setengah hari perjalanan berkuda, tuanku," jawab Urban. Dia mula mengorak senyuman.

"Adakah tuanku membenarkan saya menemui keluarga?" tanya Urban sambil berharap Sultan Muhammad al-Fateh memahami perasaanya kerana sudah terlalu lama berpisah dengan keluarga.

"Kamu boleh bercuti selama beberapa hari bagi menemui keluarga. Kamu diiringi beberapa orang tentera sehingga sampai ke rumah."

Jawapan itu menggembirakan hati Urban. Dia yakin semasa ketiadaannya, pasukan meriam Turki masih boleh melakukan serangan kerana mereka dilatih sehingga mahir menggunakan senjata ciptaannya itu. Selepas mengemaskan barang-barang keperluan, Urban berangkat pulang ke kampung halamannya diiringi beberapa orang tentera Turki. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh menemui gurunya, Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Tuan guru pernah berkata kota Konstantinopel pasti jatuh ke tangan saya. Tetapi hingga sekarang masih belum ada tanda-tandanya kota itu dapat kita tawan. Apakah sebabnya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kita berusaha merebut kota itu daripada tentera Rom. Pada masa yang sama tentera Rom pula bersungguh-sungguh mempertahankannya. Tentulah tidak adil sekiranya dengan mudah kita berjaya mengalahkan mereka," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Maknanya kita mesti pertingkatkan lagi serangan ke atas mereka?"

"Kita mesti berusaha mengalahkan mereka melebihi usaha mereka mengalahkan kita. Baru Tuhan memberikan kemenangan kepada kita."

"Baiklah, saya pasti lipatgandakan usaha bagi mengalahkan tentera Romawi. Tetapi saya mahukan kepastian, bilakah kota Konstantinopel jatuh ke tangan kita?"

Syeikh Syamsudin al-Wali tidak segera menjawab. Dia bertafakur seketika. Kemudian dia menadah tangan lalu memohon doa dan petunjuk. Selepas itu baru dia berkata, "Dengan izin Tuhan, Kota Konstantinopel pasti jatuh ke tangan tentera Islam pada hari yang ke-53, bersamaan hari Selasa, jam 11 pagi."

Jawapan itu menggembirakan hati Sultan Muhammad al-Fateh.

Namun baginda sedar Tuhan tidak memberikan kejayaan itu dengan mudah tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Sementara menunggu masa yang dijanjikan itu, baginda memperhebatkan serangan ke atas tentera Rom. Pada waktu siang mereka melancarkan serangan yang begitu hebat. Pada malam hari tentera Islam mempertingkatkan amal ibadat.

"Tuanku, tentera kita tidak berjaya memanjat tembok kota Konstantinopel kerana licin dan tinggi. Tambahan pula di atas tembok itu tentera Rom berkubu. Setiap kali tentera kita cuba memanjatnya, dengan mudah dijatuhkan oleh pihak lawan," beritahu Panglima Tharhan. Dia tidak mahu kehilangan lebih ramai tenteranya.

"Kita perlu mencipta senjata baru yang boleh digunakan oleh tentera kita bagi melepasi tembok itu," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Mereka mencari jalan bagi mencipta senjata itu. Akhirnya mereka mendapat idea membina sebuah menara yang tinggi melebihi ketinggian tembok kota Konstantinopel. Menara yang diperbuat daripada kayu itu dipasang roda bagi membolehkannya digerakkan ke mana sahaja. Setiap satu menara boleh dinaiki oleh 100 orang tentera. Apabila menara itu digerakkan ke arah kota Konstantinopel, tentera Rom terkejut melihatnya sehingga ada yang lari kerana menyangka yang datang itu adalah hantu ataupun syaitan. Akhirnya menara-menara tersebut dapat menghampiri benteng kota Konstantinopel lalu tentera Turki yang berada di menara itu melompat ke dalam kota. Namun menara itu ada juga kelemahannya kerana apabila sudah mendaratkan 100 orang tentera, ia terpaksa digerakkan semula ke pangkalan tentera Turki bagi mengambil tentera yang baru. Ini menyebabkan tentera yang sudah berada di dalam tembok kota Konstantinopel berjaya dikalahkan oleh tentera Rom. Serangan pada hari pertama menggunakan menara bergerak itu gagal.

Pada malam itu Maharaja Konstantine berbincang dengan para pegawainya bagi mencari jalan mengatasi menara bergerak itu. Akhirnya mereka mendapat suatu idea iaitu mencurahkan timah cair yang dimasak ke atas menara bergerak itu. Esoknya sebaik sahaja menara bergerak itu menghampiri tembok, tentera Rom mencurahkan timah cair yang sedang menggelegak itu menyebabkan menara bergerak itu musnah. Malah tentera yang berada di menara itu juga turut terbunuh. Sultan Muhammad al-Fateh terpaksa menghentikan serangan kerana tidak mahu kehilangan lebih ramai tenteranya.

Keesokan harinya Sultan Muhammad al-Fateh berucap kepada pasukan tenteranya, "Yakinlah bahawa kota Konstantinopel pasti jatuh ke tangan kita tidak lama lagi. Kita lancarkan serangan secara besar-besaran bermula pada pagi Isnin. Sementara menunggu tarikh dan saat itu, kamu dibenarkan bercuti."

Tentera Turki menghabiskan hari-hari bercuti itu dengan membanyakkan amal ibadat. Mereka berzikir, sembahyang sunat dan membaca al-Quran. Dengan ini rohani dan jasmani mereka bertambah kuat. Pada masa yang sama, tentera Rom juga berada di dalam gereja-gereja mereka berdoa supaya diberikan kemenangan bagi mengalahkan tentera Islam.

37



Api Perang Terus Dinyalakan

"Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi daripada tiap-tiap golongan antara mereka beberapa orang bagi memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama dan bagi memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya."

-Surah *al-Taubah*: 122

Hari itu penduduk Konstantinopel berkumpul di dalam gereja memohon doa supaya mereka dapat mengalahkan tentera Turki. Masing-masing meratap hiba sambil berdoa dengan penuh khusyuk. Selesai berdoa mereka berkumpul bagi memulakan suatu perarakan secara besar-besaran bertujuan menaikkan semangat masing-masing. Mereka bertekad berjuang bermati-matian mempertahankan Konstantinopel.

Tidak lama kemudian perarakan dimulakan. Paderi-paderi berjalan di barisan hadapan sambil mengusung patung Maryam. Orang ramai berjalan di belakang mereka sambil membaca doa dan menyanyikan lagu ketuhanan. Suara mereka kedengaran hingga sampai kepada tentera Turki yang sedang mengepung kota itu.

"Mereka sedang melakukan upacara keagamaan. Inilah masa yang paling baik kita lancarkan serangan!" Panglima Zaqhanus memberikan cadangan.

Tetapi Sultan Muhammad al-Fateh menolak cadangan itu. "Islam melarang kita mengganggu orang yang sedang beribadat," katanya.

"Dalam peperangan apa sahaja boleh dilakukan bagi mengalahkan musuh," kata Panglima Zaqhanus.

"Kita berperang mengikut sunah Nabi Muhammad SAW. Baginda melarang kita membunuh kanak-kanak, orang tua dan mereka yang sedang beribadat."

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh mengajak semua tenteranya berzikir, bertakbir dan bertahmid. Ternyata suara tentera Turki dapat menenggelamkan suara dari dalam kota Konstantinopel. Malah ramai yang berasa gementar apabila mendengar laungan 'Allahu Akbar' yang diucapkan secara beramai-ramai oleh tentera Turki.

Maharaja Konstantine turut menyertai orang ramai dalam

perarakan itu. Baginda menyuruh orang ramai mengeraskan suara bagi melawan laungan takbir musuh mereka di luar kota. Tiba-tiba berlaku sesuatu yang tidak diduga malah memeranjatkan mereka. Patung Maryam yang sedang mereka usung itu tiba-tiba terjatuh lalu pecah berderai. Melihat keadaan itu semua paderi menangis.

"Mengapa kamu menangis?" tanya Maharaja Konstantine. "Berhenti menangis dan teruskan perarakan!"

Namun semua paderi enggan meneruskan perarakan. "Terjatuhnya patung Maryam itu adalah petanda buruk kepada kita. Suatu malapetaka yang dahsyat bakal menimpa kita tidak lama lagi," kata ketua paderi.

"Beta tidak percaya. Semua itu karut!" herdik Maharaja Konstantine.

"Kita terus berjuang mempertahankan Konstantinopel sehingga ke nafas yang terakhir!" teriak Panglima Ardogan. Teriakan itu disambut oleh tentera Rom.

"Hidup maharaja!"

"Hidup Konstantinopel!"

Mereka berteriak beramai-ramai. Tiba-tiba cuaca yang panas terik menjadi redup. Awan mendung berarak di langit dan ada tanda-tanda hujan lebat mahu turun. Melihat keadaan itu Maharaja Konstantine berkata, "Tuhan menurunkan rahmat kepada kita. Sebentar lagi hujan lebat mahu turun. Kemudian berlaku banjir besar. Musuh-musuh kita di luar sana pasti dihanyutkan banjir dan mereka semua berkubur di Tanduk Emas."

Orang ramai percaya dengan kata-kata maharaja mereka. Masing-masing berdoa semoga apa yang diucapkan oleh Maharaja Konstantine itu menjadi kenyataan. Tidak lama kemudian hujan lebat turun. Orang ramai berkumpul di dalam gereja. Maharaja Konstantine bersama para paderi berkumpul di dalam Gereja Aya

Sophia. Mereka bersembahyang dan berdoa. Tiba-tiba berlaku sekali lagi perkara yang tidak mereka duga. Kilat memancar lalu menyambar Gereja Aya Sophia diikuti ledakan petir yang sangat kuat. Orang ramai ketakutan sehingga ada yang pengsan.

"Tuanku, di dalam kitab lama kita ada mengatakan apabila terjadi tiga perkara itu petanda malapetaka bakal menimpa," kata ketua paderi dengan suara yang terketar-ketar. Mukanya kelihatan pucat lesi kerana takut yang amat sangat.

"Apakah tiga petanda itu?" tanya Maharaja Konstantine.

"Kapal belayar di atas daratan, patung Maryam pecah berderai dan gereja Aya Sophia disambar petir. Tiga petanda buruk itu sudah pun berlaku di depan mata kita," jawab ketua paderi.

Namun Maharaja Konstantine tidak mempercayainya. "Semua itu karut! Jangan kamu percaya. Mari kita berjuang bagi mempertahankan agama dan tanah air kita. Tuhan bersama-sama kita," katanya sambil berusaha menaikkan semangat orang ramai.

"Mari kita berjuang bagi mempertahankan diri kita, keluarga, agama dan Konstantinopel yang kita cintai!" teriak Maharaja Konstantine dengan penuh semangat.

"Tuanku, ada baiknya kita mencari jalan damai bagi mengelakkan lebih banyak darah yang tumpah dan lebih banyak nyawa terkorban," kata Alexsi pula. Ternyata dia tidak sependapat dengan Maharaja Konstantine.

"Apa maksud engkau?" tanya Maharaja Konstantine sambil merenung tajam ke arah Alexsi.

"Sekiranya peperangan ini berterusan sudah tentu semakin ramai yang terkorban. Lebih baik kita tamatkan peperangan ini dengan perjanjian damai," jawab Alexsi.

"Kita tidak mahu berdamai dengan mereka. Pertempuran ini

berterusan sehingga semua tentera Turki mati ataupun pulang ke negara mereka." Ternyata Maharaja Konstantine mempunyai hati yang amat keras. Baginda tidak mahu bersikap lembut dengan mereka yang cuba menawan Konstantinopel.

"Ini bukan kali pertama Konstantinopel cuba ditawan oleh musuh-musuh kita. Setiap kali percubaan dilakukan, tentera kita yang gagah perkasa dapat mempertahankannya. Sekarang kita diuji sekali lagi. Kita tidak ada pilihan selain terus mempertahankan kota suci ini sehingga ke titisan darah yang terakhir!"

"Keadaan sekarang berbeza dengan yang lalu. Musuh yang datang terlalu ramai dilengkapi pula dengan meriam. Ramai tentera kita terkorban. Semangat mereka semakin luntur." Alexsi juga tidak mahu mengalah.

"Hanya orang penakut sahaja yang menuturkan kata-kata seperti itu. Pahlawan yang berani tidak takut mati di medan perang!" tempelak Maharaja Konstantinopel. 'Alexsi tidak layak menjadi perdana menteri. Selepas perang itu tamat, dia mesti digantikan dengan orang lain,' bisik hati Maharaja Konstantinopel.

"Saya setuju peperangan ini diteruskan demi mempertahankan Konstantinopel. Tetapi saya ada satu cadangan," kata Panglima Ardogan pula.

"Apa cadangan kamu? Sila kemukakan...," ujar Maharaja Konstantine.

"Tidak lama lagi bakal berlaku pertempuran yang paling dahsyat antara tentera kita dengan tentera Turki. Ada baiknya tuanku keluar dari Konstantinopel bagi mencari tempat perlindungan yang selamat. Biar kami yang terus menentang tentera Turki. Sekiranya kami terbunuh, tuanku masih boleh meneruskan perjuangan."

Maharaja Konstantine menolak cadangan itu dengan berkata, "Sekiranya aku berundur, rakyat menuduh aku penakut. Mereka

juga kehilangan semangat mahu berjuang. Sebab itu biarlah aku terus berada di sini bersama-sama kalian. Sekiranya ditakdirkan mati, biarlah kita mati bersama."

Kemudian Maharaja Konstantine menyuruh orang ramai pulang ke rumah masing-masing.

"Esok adalah hari penentuan. Beta mahu kamu bersiap-sedia bagi menghadapi pertempuran yang paling hebat. Yakinlah selagi ada bulan dan matahari Konstantinopel tidak mungkin jatuh ke tangan musuh!" kata Maharaja Konstantine.

Orang ramai bersurai lalu pulang ke rumah masing-masing. Tetapi tentera Rom terus berada di kedudukan masing-masing dan bersiap-sedia menghadapi serangan tentera Turki.

Sultan Muhammad al-Fateh juga sedang bermesyuarat dengan orang-orangnya. Khalil Pasya berkata, "Kita sudah banyak kehilangan tentera akibat peperangan yang tidak berkesudahan ini. Saya cadangkan kita berundur sahaja. Tambahan pula tentera kita sudah kepenatan."

"Sekiranya kita berundur, ia memalukan kita. Sedangkan kita sudah lama membuat persiapan bagi peperangan ini. Tambahan pula umat Islam di seluruh dunia mengharapkan kejayaan kita," kata Panglima Hassan Ulubate.

"Kita tidak mungkin malu kerana sebelum kita ramai yang sudah mengambil jalan yang sama. Saidina Ali pernah berundur apabila tenteranya tidak berjaya. Muawiyah, Khalifah Harun al-Rasyid, Sultan Beyazid malah Sultan Murad sendiri berundur apabila tidak berjaya menawan Konstantinopel. Mengapa kita perlu malu?" Khalil Pasya mempertahankan cadangannya.

Panglima Zaqhanus berdiri apabila mendengar kata-kata itu lalu berkata dengan suara yang lantang, "Saya tidak setuju dengan kata-kata Khalil Pasya itu. Kita datang ke sini bagi memburu

syahid ataupun mendapat kemenangan! Kita tidak pulang dengan membawa kekalahan yang memalukan!"

Semua yang hadir terpegun mendengar kata-kata Panglima Zaqhanus. Semangat jihadnya begitu kuat walaupun baru memeluk agama Islam. Sebab itu ucapannya dapat membakar semangat semua yang mendengarnya. Suasana sunyi seketika. Masing-masing menumpukan perhatian kepada Panglima Zaqhanus.

"Khalil Pasya adalah perdana menteri Sultan Muhammad al-Fateh. Tidak selayaknya dia menuturkan kata-kata itu kerana ia boleh memadamkan semangat jihad dalam dada kita. Kata-katanya hanya membunuh keberanian dan semangat kalian. Kita tidak mendapat faedah apa-apa daripada kata-katanya itu selain kekecewaan, putus asa dan kerugian."

Khalil Pasya bangun lalu cuba membela dirinya tetapi Panglima Zaqahanus tidak memberikan laluan. "Saya belum habis bercakap. Saya tidak mahu sesiapa pun memotong cakap saya," katanya.

"Beri peluang Panglima Zaqhanus bercakap dahulu," kata Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda mula berasa kagum mendengarnya.

"Tentera Monggol berjaya menawan kota Baghdad. Mereka juga berjaya menjatuhkan kerajaan Usmaniah semasa diperintah oleh Sultan Beyazid. Tentera Iskandar Zulkarnain berjaya menakluk separuh dunia. Berapakah jumlah tentera mereka? Sama dengan kita iaitu 250,000 orang. Sekiranya mereka boleh berjaya dengan kekuatan tentera seramai itu, mengapa kita tidak?"

"Apabila kita berjaya menawan Konstantinopel, raja-raja Eropah tidak mungkin berdiam diri. Mereka pasti terus memerangi kita. Keamanan tidak pasti dapat diwujudkan," sempat juga Khalil Pasya mencelah walaupun dilarang.

"Khalil Pasya takut kita diserang oleh raja-raja Eropah. Apakah

selepas kita berundur nanti mereka berdiam diri dan tidak menyerang kita? Pendapat itu ternyata silap kerana mereka sudah berdendam dan memusuhi kita semenjak dahulu lagi. Sekiranya benar mereka datang menyerang kita, apakah kalian mahu berdiam diri?"

Sultan Muhammad al-Fateh tersenyum mendengar ucapan yang penuh bersemangat itu. Kemudian baginda menoleh ke arah Panglima Tharhan lalu bertanya, "Apa pula pendapat panglima? Berterus teranglah supaya kami semua mendengarnya."

"Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Panglima Zaqhanus. Kita mesti terus melancarkan serangan yang lebih hebat sehingga beroleh kemenangan," jawab Panglima Tharhan.


Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh meminta pendapat Syeikh Syamsudin al-Wali. Ternyata ulama terbilang itu turut menyokong kata-kata Panglima Zaqhanus.

"Tuanku yang saya kasihi," kata Syeikh al-Kurani pula. "Tuanku sudah lupakah sebab kegagalan ayahanda tuanku Sultan Murad menakluk Konstantinopel?"

Sebelum sempat dijawab, Syeikh al-Kurani berkata lagi, "Pada ketika itu berlaku perpecahan akibat perbezaan pendapat di kalangan mereka. Separuh daripada mereka mahu meneruskan peperangan dan separuh lagi mahu pulang. Maharaja Konstantine berjaya merasuah pemimpin tentera Turki supaya jangan memerangi mereka. Saya bimbang perkara yang sama berlaku lagi."

Khalil Pasya kelihatan bimbang apabila mendengar kata-kata Syeikh al-Kurani. Mukanya pucat. Dia kemudiannya berkata, "Saya memohon maaf. Saya menarik balik cadangan saya tadi."

38



Menang ataupun Syahid

"Sekiranya kamu menemui mereka dalam peperangan, maka cerai-beraikanlah orang-orang yang di belakang mereka dengan (menumpas) mereka, supaya mereka mengambil pelajaran."

-Surah *al-Anfal*: 57

Isnin 28 Mei 1453

Khalil Pasya dan beberapa orang pengiringnya datang tergesa-gesa menemui Sultan Muhammad al-Fateh. "Kami mendapat laporan seramai 200,000 tentera bantuan dari Eropah bakal tiba bagi membantu tentera Rom," kata Khalil Pasya.

"Benarkah berita itu ataupun sekadar khabar angin?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Benar tuanku dan kita dalam bahaya. Lebih baik kita berundur sahaja," jawab Khalil Pasya.

"Syeikh Syamsudin al-Wali mengatakan kota Konstantinopel dapat kita tawan tidak lama lagi. Bersabarlah dan teruskan perjuangan." Sultan Muhammad al-Fateh berusaha meyakinkan mereka.

"Mengapa tuanku begitu mempercayai? Kerana tuanku percaya dengan kata-katanya, tuanku sanggup membawa 250,000 tentera ke sini. Kerana tuanku percaya dengan kata-katanya, sudah beribu-ribu tentera kita terbunuh. Sekarang tentera bantuan dari Eropah sudah tiba bagi membantu tentera Rom. Adakah tuanku masih mempercayainya?" tanya salah seorang pengiring Khalil Pasya.

Sultan Muhammad al-Fateh mula terpengaruh dengan kata-kata itu. Baginda menyuruh Syeikh Ahmad Pasya menemui Syeikh Syamsudin al-Wali bagi meminta pandangannya mengenai perkara itu. Tidak berapa lama kemudian, Syeikh Ahmad Pasya datang semula sambil berkata, "Kata Syeikh Syamsudin al-Wali, pasti Allah memberikan kemenangan."

"Bilakah kemenangan itu tiba? Sedangkan kita bakal menentang 200,000 tentera Salib dari Eropah," tempelak Khalil Pasya.

Sultan Muhammad al-Fateh berasa tidak sedap hati mendengar kata-kata perdana menterinya itu. Baginda menyuruh Syeikh

Ahmad Pasya pergi sekali lagi menemui ulama terbilang itu. Kemudian Syeikh Syamsudin al-Wali menulis sepucuk surat kepada Sultan Muhammad al Fateh,

'Yakinlah sesungguhnya Allah yang memberi kemuliaan dan kemenangan. Sesungguhnya khabar angin itu menimbulkan rasa ngeri dan ketakutan dalam hati tuanku dan menimbulkan rasa gembira di hati musuh tuanku. Kita hanya merancang tetapi Allah yang menentukan. Sesungguhnya pasti muncul khabar gembira dengan kemenangan yang tidak pernah terjadi sebelumnya.'

Selepas membaca surat itu barulah lega perasaan Sultan Muhammad al-Fateh. Kemudian baginda mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua panglima tenteranya dan mereka mengambil keputusan meneruskan rancangan menyerang Konstantinopel berhabis-habisan seperti yang dirancang.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh membahagikan tenteranya kepada tiga pasukan. Pertama dipimpin oleh Panglima Tharhan. Kedua dipimpin oleh Hamzah Pasha dan ketiga dipimpin oleh Zaqhanus.

"Pagi ini kita tawan Lembah Lycos yang terletak di sebelah barat kota Konstantinopel. Kita mesti menguasai lembah itu walau dengan apa cara sekali pun," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Boleh kami tahu mengapa tuanku memilih lembah itu?" tanya Hamzah Pasya.

"Tentera yang datang dari Genoa berada di lembah itu. Mereka dipimpin oleh Giustiniani. Dari lembah itulah bantuan disalurkan ke dalam kota Konstantinopel. Apabila kita dapat menawan Lembah Lycos serta mengusir tentera Genoa dari kawasan itu, ia melemahkan pertahanan tentera Rom terutama di bahagian sebelah barat. Di situ juga ada sebuah pintu yang dinamakan Edirne. Kita masuk ke kota Konstantinopel melalui pintu itu," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Tetapi sebelum pasukan tenteranya digerakkan, Sultan Muhammad al-Fateh mahu menemui gurunya bagi memohon doa kejayaan. Baginda mengutuskan Amir Pasya memanggil Syeikh Syamsudin al-Wali supaya datang menemuinya. Tetapi baginda dimaklumkan ulama itu tidak mahu keluar dari khemahnya. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh pergi ke khemah Syeikh Syamsudin al-Wali bagi menemui gurunya. Tetapi ketika hendak memasuki khemah itu, baginda ditahan oleh pengawal khemah.

"Syeikh Syamsudin al-Wali berpesan tiada siapa boleh memasuki khemah ini," beritahu penjaga khemah itu.

Sultan Muhammad al-Fateh tidak berpuas hati. Baginda tetap juga masuk. Dilihatnya Syeikh Syamsudin al-Wali sedang melakukan sujud yang panjang. Kerana lamanya dia sujud menyebabkan serbannya tertanggal dari kepalanya lalu menampakkan rambutnya yang memutih menyentuh bumi. Janggutnya yang putih bersih pula seperti mengeluarkan cahaya. Rupanya ulama terbilang itu sedang bermunajat kepada Tuhan memohon supaya diberikan kemenangan kepada tentera Islam. Melihat keadaan itu, Sultan Muhammad al-Fateh segera keluar dari khemah lalu memerintahkan tenteranya memulakan serangan.

Mula-mula pasukan meriam melepaskan tembakan ke arah Lembah Lycos bagi memusnahkan kubu-kubu tentera Genoa. Tindakan itu berjaya membuat Giustiniani dan pasukan tenteranya berada dalam keadaan kelam-kabut. Kemudian diserbu oleh pasukan tentera Turki yang pertama dipimpin oleh Panglima Tharhan. Mereka adalah tentera yang mahir memanah. Kemudian diikuti oleh pasukan tentera kedua dan ketiga. Berlaku pertempuran yang hebat antara tentera Turki dengan tentera yang datang dari Genoa itu. Tentera Rom tidak berani keluar dan mereka menyaksikan pertempuran itu dari atas tembok kota Konstantinopel. Kerana kuatnya asakan dan serangan daripada tentera Turki menyebabkan pertahanan tentera Genoa itu semakin lemah. Giustiniani berasa

cemas apabila melihat tenteranya mengalami kekalahan. Dia segera masuk ke kota Konstantinopel lalu menemui Maharaja Konstantinopel.

"Tentera Turki sudah menguasai Lembah Lycos. Saya cadangkan kita buat tawaran perdamaian dengan mereka," kata Giustiniani.

"Beta tidak setuju!" tempik Maharaja Konstantinopel. "Kita teruskan perjuangan hingga ke hembusan nafas yang terakhir."

"Kapal-kapal dari Eropah tidak dapat memasuki Tanduk Emas kerana rantai besi raksasa itu sudah dikawal oleh tentera Turki. Bantuan dari luar juga tidak dapat dibawa masuk kerana Lembah Lycos sudah ditawan oleh musuh. Kita mengalami kemusnahan sekiranya terus berperang," pujuk Giustiniani. Namun Maharaja Konstantine tetap dengan keputusannya tidak mahu berdamai apatah lagi menyerah kalah.

Selepas berjaya menawan Lembah Lycos Sultan Muhammad al-Fateh memindahkan meriam-meriam Urban ke lembah itu. Kemudian pasukan meriam Urban melepaskan tembakan bagi merobohkan tembok sebelah barat. Disebabkan banyaknya tembakan dilepaskan menyebabkan meriam Urban itu panas dan salah satu daripadanya meletup menyebabkan Urban terbunuh.

"Dia syahid selepas dapat bertemu dengan keluarganya. Semoga Tuhan memberi keampunan kepadanya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Kemudian baginda memerintahkan pasukan meriam supaya terus melepaskan tembakan. Bagi mengelakkan meriam itu terlalu panas, minyak zaitun disapukan setiap kali selepas melepaskan tembakan. Akibat tembakan yang bertali arus itu menyebabkan tembok di sebelah barat kota Konstantinopel roboh. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan tenteranya supaya menyerbu.

"Siapa yang mahu bertemu dengan Abu Ayub al-Ansari dan mereka yang syahid, mari berjuang bersama-sama saya!" Tiba-tiba Hassan Ulubate berteriak dengan suara yang nyaring.

Mendengar teriakan itu tampil berpuluh-puluh tentera Turki yang sanggup bersama-sama Panglima Hassan Ulubate. Kemudian mereka menyerbu masuk melalui pintu Edirne. Kedatangan mereka dihalang oleh beribu-ribu tentera Rom. Namun Hassan Ulubate berjaya juga meloloskan diri lalu berdiri di atas menara kota Konstantinopel lalu memacakkan bendera Turki di situ sambil berteriak, "Saya berjaya menjejakkan kaki ke kota Konstantinopel. Selepas ini giliran kamu pula!"

Melihat keadaan itu tentera Rom melepaskan anak-anak panah ke arah Hassan Ulubate. Berpuluh-puluh anak panah menembusi badan pemuda itu.

"Konstantinopel pasti berjaya kita tawan pada hari ini!" teriak Hassan Ulubate sebelum meninggal dunia.

"Hassan Ulubate berjaya merebut bintang syahid. Sekiranya bukan kerana saya yang ditakdirkan menawan Konstantinopel, saya yang sepatutnya berada di tempat Hassan Ulubate," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Keberanian Hassan Ulubate itu berjaya menaikkan semangat tentera Turki. Mereka menyerbu masuk melalui pintu Edirne dan berlaku pertempuran yang dahsyat. Pasukan pertama yang menyerbu berjaya diundurkan oleh tentera Rom. Kemudian datang pula pasukan kedua. Apabila pasukan kedua berundur, Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan pasukan ketiga pula membuat serbuan. Serbuan demi serbuan terus dilakukan secara bergilir-gilir oleh ketiga-tiga pasukan tentera. Pertempuran terus berlangsung sehingga ke malam.

Malam itu Maharaja Konstantine menyuruh semua penghuni istana berkumpul di dalam dewan. Kemudian baginda berkata,

"Malam ini adalah malam penentuan sama ada kita hidup ataupun mati. Sekiranya Konstantinopel dapat ditawan oleh tentera Turki, kita mati. Tetapi sekiranya Konstantinopel dapat dipertahankan kita bertemu semula. Sesungguhnya mati kerana berjuang itu lebih baik daripada mati sebagai tawanan."

Semua penghuni istana kelihatan menundukkan kepala. Masing-masing terharu mendengar ucapan Maharaja Konstantine. Kemudian baginda menyambung ucapannya, "Sebentar lagi beta mahu pergi berperang. Mungkin ini kali terakhir kamu melihat beta. Kerana itu beta dengan rendah hati memohon ampun dan maaf. Kamu adalah orang yang paling hampir dengan kehidupan beta. Kamu yang lebih tahu keburukan dan kebaikan beta berbanding mereka yang berada di luar sana. Kerana itu sekali lagi beta dengan rendah hati memohon ampun dan maaf di atas segala kekasaran yang pernah beta lakukan pada kamu."

Semua penghuni istana sebak mendengar ucapan Maharaja Konstantine. Masing-masing menitiskan air mata. Lebih mengharukan apabila Maharaja Konstantine sanggup mendakap seorang demi seorang penghuni istana seolah-olah baginda tahu itulah pertemuan mereka yang terakhir.

Kemudian Maharaja Konstantine menangggalkan pakaian diraja lalu memakai pakaian perang. Mahkota di kepalanya ditanggalkan lalu diganti dengan topi besi tentera Rom. Baginda juga memakai baju besi dan menyisipkan dua bilah pedang pada pinggangnya. Kemudian baginda menuju ke arah gambar yang dianggapnya sebagai Isa al-Masih. Baginda merenung gambar itu agak lama sambil mulutnya berkumat-kamit membaca doa. Kemudian baginda sujud di bawah gambar itu sambil menangis. Melihat perlakuan Maharaja Konstantine semakin ramai yang tidak dapat menahan perasaan lalu turut menangis.

"Marilah kita tinggalkan istana ini," pujuk permaisurinya.

"Tidak," balas Maharaja Konstantine. "Walau apapun yang terjadi jangan pergi ke mana-mana dan terus tinggal di sini. Jagalah anak-anak kita dan didiklah mereka."

Kemudian Maharaja Konstantine mendapatkan isteri dan tiga orang anaknya. "Selamat tinggal, semuanya. Berdoalah semoga Tuhan menemukan kita semula," katanya.

Dengan diiringi beberapa orang pengawal, Maharaja Konstantine keluar dari istana menuju ke medan perang. Ketika itu bulan purnama sedang mengambang. Baginda dapat melihat tentera Turki bagaikan banjir memasuki kota Konstantinopel dari pelbagai arah. Mereka digempur oleh tentera elit Rom.

Ketika itu Sultan Muhammad al-Fateh masih berada di luar kota Konstantinopel. Baginda menunggang seekor kuda putih sambil berteriak memberi semangat kepada tenteranya supaya terus menyerbu ke dalam kota Konstantinopel. Maharaja Konstantine dapat mengecam Sultan Muhammad al-Fateh lalu bercadang hendak membunuhnya.

"Wahai anak muda! Turun dari kuda itu, mari kita bertarung satu lawan satu!" teriak Maharaja Konstantine.

Sultan Muhammad al-Fateh segera turun dari kuda yang ditunggangnya bagi menyahut cabaran itu.

"Siapa engkau wahai orang tua?" teriak Sultan Muhammad al-Fateh.

"Akulah Maharaja Konstantine. Lebih baik perintahkan tentera engkau supaya menyerah ataupun aku bunuh engkau!" teriak Maharaja Konstantine pula.

"Benarkah engkau ini Maharaja Konstantine? Di mana mahkota kebesaran yang engkau bangga-banggakan? Mengapa engkau memakai pakaian tentera?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda hampir tidak mengenali Maharaja Konstantine.

"Hari ini aku bukan lagi seorang maharaja. Tetapi tentera biasa. Tindakan aku ini bagi menaikkan semangat tentera Rom. Mereka terus berperang sehingga mencapai kemenangan," jawab Maharaja Konstantine.

"Hari ini engkau mati sebagai tentera biasa bukan sebagai maharaja!" balas Sultan Muhammad al-Fateh.

Berlaku pertarungan antara mereka. Ternyata Maharaja Konstantine bukan lawan anak muda yang penuh bertenaga dan bersemangat waja itu. Sultan Muhammad al-Fateh yang mahir menggunakan pedang terus melakukan serangan sehingga menyebabkan Maharaja Konstantine tercungap-cungap kepenatan.

"Lebih baik engkau menyerah dan serahkan Konstantinopel kepada kami," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tidak!" teriak Maharaja Konstantine.

Baginda mengumpul segenap kekuatan lalu menyerang Sultan Muhammad al-Fateh dengan pedangnya. Tetapi serangan itu berjaya ditangkis oleh lawannya. Kemudian giliran Sultan Muhammad al-Fateh pula menyerang sehingga pedang di tangan Maharaja Konstantine terlucut dari tangannya. Pada ketika itu Sultan Muhammad al-Fateh mahu menamatkan riwayat hidup Maharaja Konstantine.

Maharaja Konstantine sedar baginda tidak dapat mengalahkan lawannya. Pedang di tangannya pula sudah terlucut dari pegangannya. Dan baginda tidak sempat menggunakan pedang kedua yang masih tersisip pada pinggangnya. Cuma ada satu sahaja senjata yang dia masih ada. Tiba-tiba Maharaja Konstantine meludah muka Sultan Muhammad al-Fateh. Dengan tiba-tiba Sultan Muhammad al-Fateh tidak jadi membunuh Maharaja Konstantine.

"Mengapa engkau tidak bunuh aku?" tanya Maharaja Konstantine.

"Tadi aku hendak membunuh engkau kerana Allah, tetapi selepas engkau meludah mukaku, aku menjadi marah. Aku tidak mahu membunuh engkau kerana marah," jawab Sultan Muhammad al-Fateh lalu berpaling hendak berlalu dari situ.

Sebaik sahaja Sultan Muhammad al-Fateh membelakanginya, Maharaja Konstantine menghunuskan pedang kedua yang tersisip pada pinggangnya. Baginda cuba menikam lawannya dari belakang. Panglima Amir Pasya yang berada di situ segera bertindak pantas. Dia mengayun pedangnya lalu berjaya memutuskan tangan kanan Maharaja Konstantine. Kemudian Sulaiman Oglo pula menyerang dan berjaya menjatuhkan Maharaja Konstantine. Topi besi yang dipakainya tertanggal. Panglima Amir Pasya dengan pantas memenggal leher Maharaja Konstantine.

"Maharaja Konstantine sudah mati. Ini kepalanya!" teriak Sulaiman Oglo sambil menjulang kepala maharaja itu yang sudah bercerai dari tubuhnya.

Apabila melihat Maharaja Konstantine sudah mati, Panglima Ardogan cuba menaikkan semangat pasukan tenteranya. "Kita berperang bukan kerana Maharaja Konstantine tetapi kerana mempertahankan kota Konstantinopel. Inilah kota suci kita! Mari kita terus berjuang mempertahankannya!"

Kata-kata Panglima Ardogan itu berjaya menaikkan semula semangat tentera Rom bagi meneruskan perjuangan. Pertempuran terus berlaku hingga ke tengah malam.

39



Kota Konstantinopel Berjaya Ditawan

"Sesungguhnya Kami memberikan kepadamu kemenangan yang nyata, supaya Allah memberi ampunan kepadamu terhadap dosamu yang lalu dan yang akan datang serta menyempurnakan nikmat-Nya atasmu dan memimpin kamu kepada jalan yang lurus, dan supaya Allah menolongmu dengan pertolongan yang kuat (banyak)."

-Surah *al-Fath*: 1-3

Selasa 29 Mei 1453

Tengah malam itu Panglima Ardogan menyeru semua penduduk Konstantinopel supaya bangun mengangkat senjata bagi mempertahankan kota mereka. Paderi-paderi pula berjalan dari rumah ke rumah menyeru penduduk kota itu keluar berjihad menentang tentera Islam. Seruan itu disambut oleh penduduk kota Konstantinopel. Mereka keluar dari rumah masing-masing dengan membawa senjata bagi membantu tentera Romawi yang sedang digempur oleh tentera Turki. Kehadiran penduduk kota itu menaikkan semangat tentera Rom. Mereka berjaya mengasak tentera Islam sehingga ramai yang gugur syahid. Ada pula yang keluar dari kota Konstantinopel. Melihat keadaan itu Sultan Muhammad al-Fateh berseru, "Kita datang ke mari demi syahid ataupun mencapai kemenangan. Marilah mati di jalan Allah. Saya berseru kepada kamu supaya jangan lari dari medan perang. Sesiapa yang mahu syahid marilah bersama-sama saya!"

Mendengar seruan itu tentera yang tadinya mahu melarikan diri mendapat semangat baru. Mereka berpatah semula lalu menyerbu masuk ke kota Konstantinopel. Mereka bagaikan banjir yang merobohkan semua yang menghalangnya.

"Saya mahu syahid seperti pahlawan-pahlawan Badar!" teriak Panglima Tharhan pula.

Dia menyerbu ke arah tentera Rom lalu melibaskan pedangnya ke kiri dan ke kanan sehingga beberapa orang musuh berjaya ditumpaskannya. Panglima Ardogan tidak membiarkan begitu sahaja. Dia menerpa lalu berdepan dengan Panglima Tharhan.

"Benarkah engkau ketua Panglima Turki?" tanya Panglima Ardogan sambil menghunus senjatanya.

"Dan engkau ketua panglima Rom?" tanya Panglima Tharhan pula.

"Aku bukan lagi ketua panglima tetapi maharaja kerana Maharaja Konstantine sudah mati dan akulah penggantinya!" jawab Ardogan dengan bongkak. Kemudian katanya lagi, "Engkau bukan tandingan aku kerana engkau sudah tua. Tunjukkan aku di mana Sultan Muhammad al-Fateh. Aku mahu bunuh dia dengan pedangku ini!"

"Engkau perlu tewaskan aku dahulu sebelum berdepan dengan Sultan Muhammad," balas Panglima Tharhan lalu menyerang Ardogan.

Berlaku pertarungan satu lawan satu antara Panglima Tharhan dengan Ardogan. Ternyata Panglima Tharhan semakin lama semakin kehilangan tenaga kerana dia sudah tua. Tambahan pula sepanjang malam itu dia tidak tidur kerana memimpin tenteranya menentang tentera Rom. Apabila melihat Panglima Tharhan semakin keletihan, Ardogan semakin bersemangat melakukan serangan. Satu tetakan pedang Ardogan mengenai tubuh Panglima Tharhan. Dia kelihatan terhuyung-hayang sambil bertakbir. Ardogan tidak memberi peluang. Dia terus melepaskan tetakan demi tetakan dan akhirnya Panglima Tharhan syahid.

"Aku berjaya membunuh ketua panglima engkau. Lebih baik menyerah kalah!" teriak Ardogan dengan megah.

Sultan Muhammad al-Fateh yang berada tidak jauh dari situ terus menerpa lalu menyerang Ardogan. Tetapi serangan itu berjaya ditangkis oleh lawannya.

"Akulah Ardogan pengganti Maharaja Konstantine. Tidak ada siapa yang boleh membunuh aku selagi ada bulan dan matahari!" kata Ardogan dengan angkuh.

"Akulah Sultan Muhammad. Engkau mati juga dengan izin Tuhan!" balas Sultan Muhammad al-Fateh.

"Mari kita berlawan di luar supaya dapat disaksikan oleh tentera

dan penduduk kota Konstantinopel. Aku mahu mereka melihat aku memenggal lehermu!" kata Ardogan.

Sultan Muhammad al-Fateh bersetuju menyahut cabaran itu. Kedua-duanya bertarung di luar kota Konstantinopel dengan disaksikan oleh orang ramai termasuk tentera Turki. Kedua-duanya bertarung bermati-matian bagi membuktikan kehebatan masing-masing. Sultan Muhammad al-Fateh sedar baginda mesti memenangi pertarungan itu bagi menaikkan semangat pasukan tenteranya. Sekiranya baginda tewas, ia boleh melemahkan semangat pasukan tenteranya. Begitu juga dengan Ardogan. Dia perlu memenangi pertarungan itu demi mempertahankan kota Konstantinopel. Dia menyerang Sultan Muhammad al-Fateh dengan pedangnya. Namun serangannya berjaya ditangkis oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Kemudian giliran Sultan Muhammad al-Fateh pula menyerang tetapi berjaya ditangkis oleh Ardogan. Akhirnya kedua-duanya keletihan.

"Mahukah engkau menerima tawaran aku?" Tiba-tiba Ardogan bersuara.

"Tawaran apa?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kita berdamai," jawab Ardogan.

"Aku setuju tetapi dengan satu syarat," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Apa syaratnya?" tanya Ardogan.

"Serahkan kota Konstantinopel kepada aku!" jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Aku bersetuju tetapi hanya beberapa hari sahaja. Selepas itu engkau mesti meninggalkan negara kami."

"Aku dilahirkan bagi merebut kota Konstantinopel daripada engkau. Aku mahu berada di sini selama-lamanya."

Ardogan naik berang mendengar kata-kata Sultan Muhammad al-Fateh. Dia melakukan serangan bertubi-tubi namun berjaya ditangkis oleh lawannya. Ternyata Sultan Muhammad al-Fateh bukan mudah ditewaskan. Baginda gagah dan mahir menggunakan senjata.

"Mahukah engkau menerima tawaranku?" Giliran Sultan Muhammad al-Fateh pula bertanya.

"Apa tawarannya?" tanya Ardogan pula.

"Peluk Islam dan engkau selamat di dunia dan di akhirat," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Aku tetap dengan agama aku dan engkau tetap dengan agamamu. Sekiranya aku mati biarlah aku mati dalam agamaku!" kata Ardogan.

Sultan Muhammad al-Fateh sedar Ardogan tidak dapat dipujuk lagi. Baginda mesti menewaskan lawannya dengan segera. Tiba-tiba Sultan Muhammad al-Fateh berteriak,

"Allahu Akbar!"

"Allahu Akbar!"

"Allahu Akbar!"

Laungan takbir itu disambut oleh semua tentera Turki sehingga menggetarkan perasaan tentera Rom. Serentak dengan itu pertempuran meletus semula. Kali ini lebih dahsyat kerana tentera Turki mendapat semangat baru.

Sultan Muhammad al-Fateh melakukan serangan bertubi-tubi ke arah Ardogan. Salah satu tetakan pedangnya mengenai leher lawannya. Ardogan mengerang kesakitan sambil memegang lehernya. Amir Pasya yang berada di situ tidak melepaskan peluang lalu menetak leher Ardogan sehingga terputus.

"Ardogan sudah mati!" teriak Amir Pasha sambil menjulang

kepala Ardogan. Melihat ketua mereka sudah mati, tentera Rom patah semangat mahu meneruskan peperangan dan akhirnya mereka menyerah kalah.

Tentera Turki menyambut kemenangan itu dengan laungan takbir sehingga suara mereka bergema ke angkasa. Apabila mendapati tentera Rom menyerah kalah dan tentera Turki berjaya menawan kota Konstantinopel, Giustiniani mengajak saki-baki tenteranya meninggalkan tempat itu. Tetapi berjaya disekat oleh pasukan tentera Turki yang dipimpin oleh Zaqhanus. Berlaku pertempuran antara mereka. Tetapi akhirnya tentera dari Genoa itu dapat dikalahkan dan Giustiniani ditawan.

"Engkau diberi pilihan sama ada memeluk agama Islam, membayar jizyah ataupun tebusan," kata Panglima Zaqhanus.

"Kami memilih membayar tebusan," kata Giustiniani lalu membayarnya.

Kemudian Giustiniani dan tenteranya dibebaskan selepas mereka berjanji tidak menyerang tentera Turki lagi.

40

Masjid Aya Sophia

"Akan Kami masukkan ke dalam hati orang-orang kafir rasa takut, disebabkan mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah sendiri tidak menurunkan keterangan tentang itu. Tempat kembali mereka ialah neraka; dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal orang-orang yang zalim."

-Surah *Ali Imran*: 151.

30hb Mei 1453

Suasana pagi itu sungguh syahdu. Tentera Islam melaungkan takbir dan tahmid sebagai tanda syukur dan gembira kerana berjaya menawan kota Konstantinopel. Selepas berlaku pertempuran selama 53 hari dan selepas ramai yang syahid, akhirnya hadis Nabi Muhammad SAW itu menjadi kenyataan.

"Pada hari ini, pemimpin yang baik dengan dibantu tentera yang terbaik berjaya menawan kota Konstantinopel," kata Syeikh Syamsudin al-Wali. Dia kelihatan gembira serta bersyukur dengan kejayaan itu.

"Saidina Ali pernah cuba menawannya tetapi tidak berjaya. Muawiyah juga pernah mencuba namun gagal. Khalifah Harun al-Rashid yang terkenal itu juga gagal menawan kota Konstantinopel. Allah SWT memilih Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda pemimpin yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW," katanya lagi.

Namun Sultan Muhammad al-Fateh tidak sombong dengan puji-pujian itu. Baginda masih dengan sikap tawaduk serta merendah diri. Baginya orang yang paling mulia ialah yang paling bertakwa kepada Tuhannya. Mereka yang sombong dan takbur tidak mendapat rahmat daripada Allah. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh melangkah masuk ke dalam kota Konstantinopel melalui pintu Edirne. Baginda memilih pintu itu kerana di situlah pintu yang mula-mula berjaya dibuka oleh tentera Islam. Melalui pintu Edirne itu, tentera Islam berjaya menawan kota Konstantinopel. Sebaik sahaja menjejakkan kaki ke dalam kota itu, baginda terus bersujud syukur. Kemudian baginda menadah tangan lalu berdoa, "Kami bersyukur kepadamu Tuhan. Jadikanlah kota ini kota Islam keseluruhannya. Ramai syuhada yang terkorban bagi merebut kota ini. Tempatkanlah mereka di syurga dan ampunkanlah dosa-dosa kami yang masih hidup." Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh menyapu debu-debu tanah yang melekat pada mukanya.

"Tuanku, semua tawanan perang dan penduduk kota Konstantinopel sudah berkumpul di kawasan lapang. Kami menunggu hukuman daripada tuanku," kata Panglima Sulaiman Oglo.

"Saya bertemu mereka sebentar lagi," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Baginda teringat kisah penaklukan kota Mekah pada zaman Rasulullah SAW. Orang-orang Quraisy yang sekian lama memusuhi serta memerangi baginda dikumpulkan di depan Kaabah. Mereka menunggu hukuman yang bakal dijatuhkan oleh Rasulullah SAW sambil menangis. Kini perkara yang sama berlaku di kota Konstantinopel. Tentera Rom dan mereka yang selama ini memusuhinya dikumpulkan. Mereka juga sedang menunggu hukuman yang bakal dijatuhkan.

"Ya Allah, berilah aku petunjuk. Apakah hukuman yang paling baik aku jatuhkan ke atas mereka." bisik hatinya.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh melangkahkan kakinya ke kawasan lapang di mana para tawanan perang dikumpulkan. Melihat kedatangan baginda, para tawanan itu menangis kerana menyangka hukuman mati bakal dijatuhkan ke atas mereka.

"Maharaja Konstantine mengatakan kota Konstantinopel tidak mungkin jatuh ke tangan musuh selagi ada matahari dan bulan. Tetapi hari ini tenyata kata-kata itu dusta belaka. Kota Konstantinopel yang menjadi kebanggaan kita jatuh ketika matahari sedang terbit," ratap salah seorang daripada mereka.

"Pada hari ini kita bakal dijatuhkan hukuman mati. Darah kita disimbah ke bumi. Kemudian mayat-mayat kita dibiarkan supaya dimakan oleh anjing dan burung. Alangkah malangnya nasib kita," balas yang lain pula.

Namun Sultan Muhammad al-Fateh bukanlah seorang pemimpin yang kejam ataupun tidak bertimbang rasa. Walaupun

baginda tahu tentera Rom banyak menyebabkan kematian terhadap tentera Islam dan penduduk kota itu pula memberi bantuan namun baginda mahu mencontohi apa yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW ketika menakluk kota Mekah. Sultan Muhammad al-Fateh berdiri di depan para tawanan lalu berkata, "Hari ini adalah hari kemenangan kepada kami, umat Nabi Muhammad SAW. Kamu sudah menjadi hina dengan kekalahan ini. Sesungguhnya apabila datang yang hak, lenyaplah yang batil. Apabila datang kebenaran, lenyaplah kemungkaran. Apabila datang keadilan, lenyaplah kezaliman. Sesungguhnya kami datang kepada kamu membawa yang hak. Kami membawa cahaya kebenaran dan kami menegakkan keadilan. Percayalah tidak ada sesiapa yang dianiaya pada hari yang mulia ini."

Salah seorang tawanan bangun lalu berkata, "Tuanku seorang yang baik dan berhati mulia. Semoga pada hari ini kami mendapat manfaat daripada kebaikan tuanku. Maafkanlah kesalahan kami kerana kami rakyat biasa yang terpaksa mengikut arahan maharaja."

Sambil tersenyum Sultan Muhammad al-Fateh pun bertanya, "Tahukah kamu apa hukuman yang bakal dijatuhkan ke atas kamu?"

"Tuanku seorang pemimpin yang baik. Pasti tuanku memaafkan kami," jawab mereka.

"Sekiranya kami bukan umat Nabi Muhammad SAW nescaya pada hari ini kepala kamu bercerai dari badan. Kalaulah kami bukan umat Islam nescaya pada hari ini darah kamu mengalir bagaikan sungai. Anak-anak gadis kamu diperkosa dan anak-anak kamu dibakar hidup-hidup. Tetapi agama Islam melarang kami berlaku zalim. Kami disuruh mencontohi pemimpin kami yang mulia, Nabi Muhammad SAW kerana baginda sebaik-baik pemimpin yang mesti kami contohi," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Kami memohon supaya dimaafkan. Kasihanilah kami," ratap mereka beramai-ramai.

"Dengan nama Tuhan yang maha pengasih dan penyayang, saya maafkan kamu. Pada hari ini tidak ada yang dizalimi. Selepas ini kamu boleh pulang ke rumah masing-masing bagi memulakan hidup baru."

Mendengar kata-kata Sultan Muhammad al-Fateh itu, para tawanan menangis kegembiraan. Mereka merasakan seperti mati hidup semula.

"Memang benar tuanku pemimpin yang baik. Tentera tuanku tentera yang baik. Kami berjanji menjadi rakyat yang baik," kata mereka.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh menyuruh mereka memilih seorang ketua yang boleh menjaga kebajikan mereka. Orang ramai memilih seorang lelaki bernama Patrick.

"Di kalangan kami dia adalah lelaki yang terbaik. Sewajarnya dia menjadi ketua kami," kata salah seorang daripada mereka.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh memanggil lelaki itu supaya berdiri di depannya. Selepas lelaki itu datang, Sultan Muhammad al-Fateh pun berkata, "Semoga Tuhan memberi kebaikan kepadamu. Kamu adalah ketua penduduk Kristian. Kedudukan kamu sama seperti menteri saya. Kamu anggaplah saya sebagai sahabatmu." Patrick kelihatan gembira mendengar kata-kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh membuat pengumuman. "Mulai hari ini kota Konstantinopel bertukar nama kepada Istanbul ataupun Islam seluruhnya."

"Apakah kami dipaksa meninggalkan agama dan menganut agama Islam?" tanya Patrick.

"Tidak ada sesiapa yang dipaksa menganut agama Islam kerana

tidak ada paksaan dalam Islam," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

"Adakah kami bebas mengamalkan ajaran agama kami?" tanya Patrick lagi.

"Kamu bebas mengamalkan agama masing-masing. Kamu juga boleh beramal ibadat di dalam gereja kamu pada bila-bila masa kecuali satu…." Jawapan itu menimbulkan tanda tanya.

"Apakah yang satu itu tuanku?" tanya Patrick seolah-olah tidak sabar hendak mengetahuinya.

"Gereja Aya Sophia. Kami mahu menjadikannya sebagai masjid," jawab Sultan Muhammad al-Fateh sambil memandang ke arah orang ramai bagi melihat apakah reaksi mereka.

Seperti yang dijangka, para tawanan itu seperti diserang histeria apabila mendengar Aya Sophia mahu dijadikan masjid. Masing-masing melahirkan kemarahan mereka. Tentera Turki berjaya mengawal keadaan. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh berkata lagi, "Semasa Maharaja Konstantine berkuasa ke atas kamu, baginda bebas melakukan apa sahaja terhadap kamu. Kamu tidak menentangnya. Tetapi sekarang kami orang Islam yang berkuasa di sini. Kamu adalah tawanan kami. Mengikut undang-undang peperangan yang diamalkan sekarang, mereka yang menjadi tawanan perang boleh dihukum bunuh ataupun dipenjarakan. Tetapi kami sudah memaafkan kamu. Kami bebaskan kamu pulang ke rumah masing-masing dengan selamat. Kami juga tidak memaksa kamu menganut agama kami. Malah kamu dibenarkan beribadat di dalam gereja-gereja kamu. Apakah balasan kamu pada kebaikan kami?"

"Tuanku, saya cadangkan kita bunuh semua tawanan dan kita bakar semua tempat ibadat mereka kerana itu undang-undang peperangan yang diamalkan sekarang," kata Zaqhanus yang masih berdendam dengan tentera Rom.

Mendengar kata-kata itu barulah mereka berasa takut. Malah ramai yang menangis memohon supaya mereka dimaafkan. Patrick berbincang dengan kawan-kawannya dan akhirnya menemui Sultan Muhammad al-Fateh lalu berkata, "Kami bersetuju Aya Sophia dijadikan tempat ibadat orang Islam. Kami tidak membantah lagi."

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh membebaskan semua tawanan. Mereka pulang ke rumah masing-masing dengan gembira. Baginda juga berpesan kepada tenteranya supaya berkelakuan baik dan jangan menganiaya penduduk Istanbul.

"Mari kita bersihkan gereja Aya Sophia kerana ia bakal dijadikan masjid," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Mereka bergotong-royong membersihkan gereja Aya Sophia. Semua patung dan lambang salib yang ada di dalamnya diturunkan. Menjelang tengah hari, Aya Sophia bertukar wajah dari sebuah gereja kepada sebuah masjid. Ramai yang memuji tindakan Sultan Muhammad al-Fateh menjadikan Aya Sophia sebagai sebuah masjid.

"Tuanku, ramai yang hendak bersembahyang sunat di masjid ini tetapi kami tidak tahu arah kiblatnya," kata Khalil Basya.

Sultan Muhammad al-Fateh sendiri sejak dari tadi masih tercari-cari di manakah arah kiblatnya. Dia menemui Syeikh Syamsudin al-Wali lalu bertanya bagaimanakah caranya hendak menentukan arah kiblat Masjid Aya Sophia.

"Mohonlah petunjuk daripada Tuhan," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

Sultan Muhammad al-Fateh mengambil wuduk lalu berdiri di tengah masjid Aya Sophia itu. Kemudian baginda bertakbir. Pada takbir pertama baginda ternampak arah kiblat melalui mata hatinya. Tetapi masih kurang jelas. Kemudian baginda bertakbir sekali lagi. Arah kiblat itu semakin jelas pada penglihatan hatinya.

Baginda bertakbir buat kali yang ketiga dan arah kiblat itu benar-benar diperlihatkan kepadanya. Lalu Sultan Muhammad al-Fateh bersembahyang menghadap ke arah kiblat yang sebenar. Maka orang ramai pun bersembahyang mengikut arah kiblat yang sama.

Apabila tiba hari Jumaat, mereka bersedia hendak mengerjakan sembahyang Jumaat. Timbul pertanyaan siapakah yang layak menjadi imam. Sultan Muhammad al-Fateh mencadangkan gurunya Syeikh Syamsudin al-Wali tetapi dia menolak secara baik dengan alasan dia sudah tua.

"Carilah orang yang lebih bertakwa antara kamu bagi dijadikan imam," kata Syeikh Syamsudin al-Wali mencadangkan.

Sultan Muhammad al-Fateh keluar ke kawasan lapang di depan masjid itu. Kemudian baginda menyuruh semua tenteranya berdiri lalu berkata, "Siapakah antara kalian yang pernah meninggalkan sembahyang fardu lima waktu, sila duduk!"

Tidak ada seorang pun yang duduk menandakan kesemua tentera Sultan Muhammad al-Fateh tidak pernah meninggalkan sembahyang fardu lima waktu.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh berseru lagi, "Siapakah antara kalian yang pernah meninggalkan sembahyang sunat rawatib, sila duduk."

Separuh antara tenteranya duduk. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh bertanya lagi, "Siapakah antara kalian yang pernah meninggalkan sembahyang sunat tahajud, sila duduk!"

Semua yang berdiri, duduk kecuali seorang. Dia adalah Sultan Muhammad al-Fateh sendiri. Semenjak dari akil baligh baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu, sembahyang sunat rawatib dan sembahyang sunat tahajud.

"Tuanku yang paling layak menjadi imam," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

41

Mencari Makam Syuhada

"Dalam salah satu kempen semasa zaman kerajaan Umaiyah, seorang sahabat besar Nabi Muhammad iaitu Abu Ayub al-Ansari syahid dan dimakamkan di bawah dinding kubu kota Konstantinopel di atas wasiatnya sendiri. Apabila ditanya mengapa beliau ingin dimakamkan di situ, beliau menjawab, "Kerana aku ingin mendengar derapan tapak kaki kuda sebaik-baik raja yang mengetuai sebaik-baik tentera semasa mereka membebaskan Konstantinopel."

"Abu Ayub al-Ansari adalah sahabat Nabi Muhammad SAW daripada kaum Ansar. Sewaktu Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah dahulu, baginda menumpang di rumah Abu Ayub al-Ansari," kata Syeikh Syamsudin al-Wali memulakan ceritanya.

Menurutnya lagi, Abu Ayub al-Ansari dikurniakan umur yang panjang. Dia hidup pada zaman Nabi Muhammad SAW. Semasa Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Usman, dan Saidina Ali menjadi khalifah, Abu Ayub al-Ansari antara sahabat nabi yang dimuliakan oleh khalifah ar-Rasyidin itu. Pada zaman pemerintahan Muawiyah, Abu Ayub al-Ansari sudah berumur 81 tahun. Walaupun usianya sudah lanjut namun dia tetap menyertai jihad bagi menawan kota Konstantinopel. Dalam pertempuran dengan tentera Rom, Abu Ayub al-Ansari begitu bersemangat mahu berjuang menentang musuhnya. Dia juga berusaha menaikkan semangat jihad di kalangan tentera Islam. Dia jatuh sakit lalu meninggal dunia ketika peperangan sedang meletus. Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, dia sempat berwasiat supaya mayatnya disemadikan berhampiran dengan benteng Konstantinopel.

"Suatu ketika dahulu makam Abu Ayub al-Ansari dimuliakan oleh orang-orang Rom. Mereka percaya makam itu keramat sehingga ramai yang bernazar apabila jatuh sakit ataupun ada sesuatu hajat, mereka menziarahi makam itu sambil berdoa. Tetapi selepas Maharaja Rom menganut agama Kristian, baginda melarang rakyatnya memuja makam itu. Sejak itu makam Abu Ayub al-Ansari tidak dipedulikan. Sudah beratus-ratus tahun lamanya kubur sahabat nabi itu hilang," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

Sultan Muhammad al-Fateh begitu tertarik dengan kisah sahabat Nabi Muhammad SAW yang bernama Abu Ayub al-Ansari itu. Malah sebelum berjaya menakluk kota Konstantinopel, Sultan

Muhammad al-Fateh pernah bertekad mencari di mana letaknya makam syuhada itu. Sebab itu selepas berjaya menakluk kota Konstantinopel, kerinduannya kepada sahabat nabi itu semakin mendalam.

"Wahai Patrick, bolehkah temukan saya dengan orang yang paling tua di kalangan kamu?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh kepada pemimpin orang-orang Kristian itu.

Patrick termenung sejenak sambil berfikir serta mengingati orang yang dimaksudkan oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Kemudian dia berkata, "Ada seorang paderi tua di gereja Anatolia. Saya rasa dia orang yang paling tua di kalangan kami."

Sultan Muhammad al-Fateh mengajak Patrick menemui orang tua itu. Selepas bertemu dengannya, Sultan Muhammad al-Fateh menyatakan hajatnya.

"Pernahkan tuan mendengar nama Abu Ayub al-Ansari?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya pernah mendengar nama itu daripada nenek saya," jawab paderi tua itu.

"Boleh ceritakan mengenainya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh lagi.

"Baiklah," jawab paderi itu.

Menurut neneknya, semasa neneknya masih kecil dia pernah jatuh sakit. Selepas puas berubat namun masih juga tidak sembuh. Akhirnya nenek kepada neneknya membawanya ke makam Abu Ayub al-Ansari lalu berdoa meminta supaya disembuhkan daripada penyakit itu.

"Dengan izin Tuhan, sakit nenek saya sembuh. Kerana itu nenek selalu menyebut nama Abu Ayub al-Ansari. Dan saya masih mengingatinya sampai sekarang," kata paderi itu.

Wajah Sultan Muhammad al-Fateh kelihatan berseri-seri kerana gembira mendengar cerita daripada paderi tua itu. "Tahukah tuan di mana letaknya makam Abu Ayub al-Ansari itu?" Baginda bertanya.

"Nenek tidak pernah tunjukkan kepada saya di mana letaknya makam Abu Ayub al-Ansari. Tambahan pula maharaja kami sudah meratakan makam itu supaya orang ramai tidak memujanya lagi. Makam itu hilang sehingga tidak ada sesiapa lagi yang tahu di mana letaknya," jawab paderi itu.

Namun Sultan Muhammad al-Fateh terus juga berusaha mencari di mana letaknya makam syuhada itu. Selepas pelbagai usaha dilakukannya tidak berjaya, akhirnya Sultan Muhammad al-Fateh mengadu kepada gurunya, Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Wahai tuan guru, saya teringin sekali hendak mencari di mana letaknya makam syuhada, Abu Ayub al-Ansari. Saya mahu memuliakan sahabat nabi itu. Tetapi selepas puas berusaha mencarinya, saya masih tidak menemuinya. Bolehkah tuan tunjukkan bagaimanakah caranya supaya saya dapat mencarinya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

Syeikh Syamsudin al-Wali yang sememangnya mempunyai ilmu firasat yang tinggi itu menjawab, "Tengah malam ini tuanku sembahyang sunat hajat dua rakaat kemudian berdoalah dengan penuh khusyuk dan tawaduk. Insya-Allah, Tuhan berikan petunjuk kepada tuanku."

Pada tengah malam itu Sultan Muhammad al-Fateh bangun daripada tidur lalu mengerjakan sembahyang sunat tahajud. Memang setiap malam baginda bangun bersembahyang tahajud. Tetapi pada malam itu ditambah lagi dengan sembahyang sunat hajat seperti yang disuruh oleh gurunya. Kemudian baginda berdoa semoga ditunjukkan di mana letaknya makam syuhada itu. Tiba-tiba Sultan Muhammad al-Fateh berasa mengantuk lalu

tertidur dan bermimpi. Dalam mimpinya itu baginda ditunjukkan di mana letaknya makam syuhada Abu Ayub al-Ansari.

Keesokan harinya, selesai menunaikan sembahyang Subuh di Masjid Aya Sophia, Sultan Muhammad al-Fateh mengajak beberapa orang pembantunya mencari makam Abu Ayub al-Ansari.

"Apakah tuanku yakin mimpi itu benar dan boleh dipercayai?" tanya Patrick yang sememangnya tidak percayakan mimpi. Dia berpendapat mimpi itu cuma sekadar mainan tidur sahaja.

"Saya percaya itu petunjuk daripada Tuhan," jawab Sultan Muhammad al-Fateh dengan begitu yakin.

"Sekiranya benar kata tuanku, saya pasti memeluk Islam," kata Patrick.

"Boleh tunjukkan saya suatu kawasan hutan yang dipenuhi pokok yang berusia beratus-ratus tahun?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Mungkin yang tuanku maksudkan adalah suatu tempat yang kami namakan hutan larangan," jawab Patrick.

"Mengapa ia dinamakan hutan larangan?" tanya Panglima Sulaiman Oglo pula.

"Saya pun tidak tahu," jawab Patrick sambil tersenyum. "Tetapi sejak dahulu kami dilarang masuk ke kawasan hutan itu. Sesiapa yang ingkar dihukum."

"Maharaja Konstantine sudah tidak ada lagi. Larangan itu sudah terbatal. Tunjukkan kami di mana hutan larangan itu," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Akhirnya mereka tiba di kawasan hutan larangan itu. Hutan itu kelihatan terbiar kerana tidak ada siapa yang berani memasukinya. Kawasan itu dipenuhi pokok-pokok kayu yang berusia beratus-ratus tahun.

"Inilah hutan seperti yang ditunjukkan dalam mimpi saya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Hutan ini luas. Bagaimana kita hendak mencari kuburnya?" tanya Patrick lagi.

"Dalam mimpi itu saya lihat ada sebatang sungai yang di kiri kanan tebingnya ada pohon palma yang besar. Di situlah letaknya kubur itu," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Mereka berusaha mencari sungai yang dimaksudkan. Akhirnya mereka menemuinya. Kemudian mereka menyusuri tebing sungai itu bagi mencari kawasan yang ditumbuhi pohon palma. Dengan takdir Tuhan akhirnya mereka menemuinya.

"Memang inilah tempat yang ditunjukkan dalam mimpi saya," kata Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda kelihatan amat gembira.

"Di manakah kubur Abu Ayub al-Ansari?" tanya Patrick. Dia seolah-olah tidak sabar lagi hendak melihatnya.

Sultan Muhammad al-Fateh termenung sejenak bagi mengingati semula mimpinya. Kemudian baginda berjalan beberapa langkah sebelum berhenti di suatu tempat yang terdapat sebiji batu besar.

"Di sinilah makam syuhada itu. Kita mesti gali tempat ini," kata Sultan Muhammad al-Fateh dengan yakin.

"Maafkan saya tuanku," kata Amir Pasya yang turut berada di situ.

"Mengikut ceritanya, Abu Ayub al-Ansari dikebumikan di tepi benteng Konstantinopel. Sedangkan tempat ini terletak jauh."

"Memang benar pada mulanya jenazah Abu Ayub al-Ansari dikebumikan di tepi benteng kota Konstantinopel. Semasa tentera Islam sedang mengebumikan mayat itu, mereka didatangi beberapa orang penduduk kampung yang mahu mengetahui apa

yang sedang dilakukan oleh tentera Islam itu. Lalu mereka berkata, inilah makam salah seorang sahabat nabi yang paling dihormati. Sekiranya makam itu diganggu, loceng di gereja tidak berbunyi lagi selepas ini."

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh berkata lagi, "Selepas peperangan tamat di mana tentera Islam gagal menawan kota Konstantinopel, perkara itu dilaporkan kepada Maharaja Rom. Baginda murka lalu memerintahkan supaya kubur itu digali. Tetapi mereka hairan kerana walaupun mayat itu sudah lama ditanam tetapi masih utuh seperti orang hidup. Maharaja Rom berasa takut lalu memerintahkan supaya mayat itu dikebumikan semula di dalam kota Konstantinopel. Sejak itu makam syuhada itu dipuja orang ramai."

"Bagaimana pula ia boleh berpindah ke sini?" tanya Amir Pasha lagi.

"Apabila Maharaja Konstantine memerintah, baginda melarang rakyatnya memuja makam syuhada itu. Malah baginda memerintahkan kubur itu digali lalu dipindahkan ke tempat lain," jawap Sultan Muhammad al-Fateh.

Kerja-kerja menggali pun dijalankan. Ketika kerja-kerja itu dilakukan, tiba-tiba terjulur sebelah kaki pada tempat yang digali. Apa yang ajaibnya, kaki itu masih elok dan tidak reput walaupun sudah ditanam beratus-ratus tahun.

"Itulah kaki Abu Ayub al-Ansari," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Orang ramai bergilir-gilir mencium kaki itu bagi mendapatkan keberkatannya. Kemudian tiba pula giliran Sultan Muhammad al-Fateh menciumnya. Tetapi sebelum sempat dicium, kaki itu mengelak seolah-olah tidak mengizinkan Sultan Muhammad al-Fateh menciumnya. Baginda mencubanya lagi. Tetapi setiap kali baginda hendak menciumnya setiap kali itu pula kaki itu

mengelak. Sultan Muhammad al-Fateh berasa hairan dan sedih apabila baginda tidak diizinkan menciumnya.

Berita penemuan makam syuhada itu disampaikan kepada Syeikh Syamsudin al-Wali. Dia datang ke tempat itu bagi menyaksikannya. Kemudian dia mengucapkan rasa syukur dengan penemuan itu.

"Kita kebumikan semula jenazah syuhada ini ke tempat asalnya kerana itu yang diwasiatkan oleh Abu Ayub al-Ansari," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Mengapa saya tidak diizinkan mencium kakinya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh kepada gurunya.

"Abu Ayub al-Ansari berasa malu sekiranya kakinya dicium oleh seorang pemimpin yang baik seperti tuanku. Dia berharap benar bahawa dialah orang yang disebut oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya. Tetapi pilihan Allah jatuh kepada tuanku. Sebab itu dia berasa malu kepada tuanku," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

42



Disambut dengan Gembira

"Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."

-Surah *Ali Imran*: 200

Kota Istanbul berada dalam keadaan aman dan makmur selepas berada di bawah pemerintahan Sultan Muhammad al-Fateh. Baginda menerapkan ajaran Islam dalam pemerintahannya. Rakyat berasa selamat.

"Sultan Muhammad al-Fateh lebih baik berbanding Maharaja Konstantine Paleologus. Baginda memerintah dengan adil. Kami tidak ditindas dan keselamatan kami terjamin," kata Patrick sambil memuji kebaikan Sultan Muhammad al-Fateh.

"Dia adalah pemimpin yang terbaik. Mempunyai tentera yang baik dan rakyat yang baik," kata Khalil Pasya pula. Dia berasa bangga kerana pemimpin orang-orang Kristian itu memuji Sultan Muhammad al-Fateh.

"Benar kata saudara. Tentera Islam tidak seperti tentera Rom yang selalu mabuk dan suka mengganggu anak gadis ataupun isteri orang. Kami berasa selamat kerana mereka menjaga keselamatan kami." Patrick terus memuji kebaikan tentera Islam.

Perbualan mereka terhenti apabila melihat Sultan Muhammad al-Fateh bersama beberapa orang pengiringnya melalui tempat itu. Patrick dan Khalil Pasya segera mendapatkan mereka lalu bertanya ke manakah haluannya?

"Mahukah kamu mengikut kami?" tanya Panglima Sulaiman Oglo yang mengiringi Sultan Muhammad al-Fateh.

"Hendak ke mana?" tanya Khalil Basya.

"Mengiringi sultan melawat kawasan kediaman rakyat," jawab Panglima Sulaiman Oglo. Dengan senang hati Patrick dan Khalil Pasya menyertai mereka.

Mula-mula Sultan Muhammad al-Fateh dan rombongannya melawat kawasan bandar. Kemudian baginda melawat kawasan perkampungan. Baginda berasa sedih apabila melihat banyak bangunan dan rumah kediaman yang musnah akibat pertempuran

antara tentera Rom dengan tentera Islam. Kemusnahan dan kematian memang tidak dapat dielakkan apabila terjadi peperangan. Namun apabila peperangan berakhir, rakyat berhak menikmati kehidupan yang sempurna.

"Agihkan makanan kepada mereka yang kelaparan. Beri rawatan kepada mereka yang sakit. Semua rakyat mesti mendapat layanan yang baik tanpa mengira bangsa dan agama mereka," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Terima kasih, tuanku. Rakyat pasti berasa gembira kerana tuanku bersikap adil," kata Patrick sambil memuji Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya cuma menjalankan amanah. Puji-pujian itu hanya bagi Tuhan sahaja," kata Sultan Muhammad al-Fateh yang sememangnya tidak suka dipuji-puji. Baginya puji-pujian itu boleh membuat seseorang berasa megah, riak dan takbur. Itu yang mahu dielakkannya.

"Tuanku, rakyat mengadu kediaman mereka musnah akibat peperangan. Ramai di kalangan mereka yang kehilangan tempat tinggal," kata Sulaiman Oglo pula.

"Perintahkan tentera kita membina rumah-rumah baru. Bangunan dan kediaman yang rosak hendaklah diperbaiki segera," perintah Sultan Muhammad al-Fateh.

"Rakyat tentu tidak mampu membayarnya," kata Patrick. Dia tahu rakyat Istanbul berada dalam kemiskinan sejak di bawah pemerintahan Maharaja Konstantine. Apabila berlaku peperangan, rakyat semakin menderita.

"Mereka tidak perlu membayar apa-apa kerana tanggungjawab pemerintah membaiki kehidupan rakyat." Jawapan itu menggembirakan hati Patrick.

Dia segera menghebahkan perkara itu kepada orang ramai.

Mereka berasa amat gembira dan menyatakan kesediaan membantu pasukan tentera membaiki rumah kediaman mereka. Bermula dari hari itu orang ramai bersama anggota tentera Turki bergoyong-royong membaiki serta membina rumah kediaman. Semakin erat hubungan antara tentera dengan rakyat.

Penduduk Istanbul semakin hari semakin bertambah kerana ramai orang luar yang datang bernaung di bawah pemerintahan Sultan Muhammad al-Fateh. Pelabuhan Istanbul pula semakin menjadi tumpuan kapal-kapal dagang dari Arab, China dan India. Mereka tertarik mahu berdagang di situ kerana tidak dikenakan cukai yang tinggi.

Pada suatu hari Sultan Muhammad al-Fateh melihat sekumpulan kanak-kanak sedang bermain-main di tepi jalan. Mereka nampak terbiar dan merayau-rayau tidak tentu haluan.

"Kanak-kanak adalah penyambung warisan. Masa depan negara bergantung pada mereka. Sebab itu kita mesti memberi mereka pendidikan," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Apakah rancangan tuanku?" tanya Patrick pula.

"Kita bina sekolah dan universiti. Kanak-kanak diberikan pendidikan secara percuma," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Patrick bersetuju dengan cadangan itu. Tidak lama kemudian mereka mendirikan sekolah-sekolah dan universiti. Sultan Muhammad melantik guru-guru yang terlatih bagi mengajar pelajar di sekolah dan di universiti. Ekoran daripada itu ramai anak-anak muda yang datang ke Istanbul bagi menuntut ilmu. Selain membina sekolah dan universiti, Sultan Muhammad juga tidak lupa membina masjid dan tempat-tempat ibadat.

Sultan Muhammad al-Fateh juga turut memperkuatkan angkatan tenteranya bagi mempertahankan Istanbul daripada ancaman musuh. Tambahan pula pemerintah Genoa dan Venesia

sentiasa berusaha menjatuhkan pemerintahan Islam di Istanbul.

Orang yang paling berdukacita dengan kejatuhan Konstantinopel di tangan Sultan Muhammad al-Fateh ialah Paus Nicholas V. Dia pengsan sebaik sahaja mendengar perkhabaran itu. Kemudian dia berusaha memujuk raja-raja Eropah supaya bersatu bagi merebut semula Konstantinopel. Dia berjaya mengadakan suatu persidangan di Rom yang dihadiri oleh raja-raja Eropah. Kemudian Paus Nicholas memujuk mereka melupakan perselisihan demi bersatu bagi memerangi tentera Turki di Konstantinopel. Dia hampir berjaya mencapai cita-cita membentuk tentera bagi dihantar ke Konstantinopel. Tetapi tiba-tiba dia meninggal dunia secara mengejut menyebabkan rancangan menghantar tentera itu terpaksa dibatalkan.

Namun Raja Hungary yang berjaya dipengaruhi oleh Paus Nicholas V meneruskan niatnya menakluk Konstantinopel walaupun secara sendirian. Paus Pius II menyokong cadangan itu malah menyeru raja-raja Eropah yang lain memberikan bantuan kepada Raja Hungary. Kemudian Paus Pius mengirim surat kepada Sultan Muhammad al-Fateh,

'Wahai Sultan Muhammad, penakluk Konstantinopel yang begitu menyakitkan hati kami. Ketahuilah, kami tidak berdiam diri. Sekiranya engkau menukar agama engkau dan memeluk agama Kristian, kami maafkan kesalahan itu. Tetapi sekiranya engkau enggan, terimalah balasannya.'

Sultan Muhammad al-Fateh segera bertindak dengan menghantar tentera bagi menghadapi tentera Hungary. Berlaku pertempuran hebat antara tentera Turki dengan tentera Hungary di mana ia berakhir dengan kemenangan bagi pihak tentera Turki. Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh menawan Serbia, Yunani, Valachi, dan Krym.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh mengutus surat kepada

pemerintah Mesir bagi memaklumkan kejayaannya itu. Raja Mesir berasa gembira lalu menghebahkan berita itu kepada rakyatnya. Penduduk Mesir berarak tanda gembira. Mereka mengibarkan bendera di rumah masing-masing sebagai menyambut berita gembira itu.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh menghantar surat kepada pemerintah kota Mekah. Baginda juga menyambut berita itu dengan gembira malah surat itu dibacakan di hadapan pintu Kaabah.

43

Tanduk Emas Istana Topkapi

"Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang menciptakan kamu daripada diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah membiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (menggunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu."

-Surah *an-Nisak*: 1.

Selesai sembahyang Zuhur, Sultan Muhammad al-Fateh keluar dari Masjid Aya Sophia lalu berdiri memandang ke arah Tanduk Emas. Ketika itu matahari masih tegak di atas kepala. Cahayanya memancar ke permukaan laut memantulkan sinar berkilau-kilauan seperti emas. Tanduk Emas mendapat namanya kerana bentuknya yang memanjang, tirus dan bengkok seperti tanduk. Airnya memancar sinar keemasan apabila dipanah cahaya matahari. "Betapa indahnya alam ini," bisik hati Sultan Muhammad al-Fateh.

Tanduk Emas itu laluan penting ke Istanbul. Setiap kapal mesti melaluinya. Pada pintu masuk Tanduk Emas terdapat rantai besi bagi menghalang kapal musuh melaluinya. Sebab itu Istanbul tidak dapat diserang melalui laut. Sultan Muhammad al-Fateh tidak mahu memusnahkan rantai itu dan ia masih berfungsi mengawal lalu lintas

Kemudian pandangannya beralih ke Istana Konstantinopel yang pernah didiami oleh Maharaja Konstantine. Baginda berasa kurang senang tinggal di istana itu. Walaupun cantik namun tidak berkenan di hatinya. Baginda mahu membina istananya sendiri.

Tiba-tiba Patrick muncul lalu Sultan Muhammad al-Fateh menyatakan keinginannya mahu membina sebuah istana tempat kediamannya. Patrick menyokong cadangan itu lalu berkata, "Di kalangan penduduk Istanbul ramai tukang yang mahir membuat binaan. Mereka boleh membina istana tuanku lebih cantik dari Masjid Aya Sophia." Patrick juga mengatakan dia sanggup menyuruh tukang-tukang yang mahir membinanya.

"Saya tidak bercadang membina istana lebih cantik dari Masjid Aya Sopia. Cuma yang saya impikan sebuah kediaman yang boleh membuatkan saya berasa tenang dan sering mengingati Tuhan," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Menurutnya lagi, baginda bercadang menjemput tukang yang

mahir dari kota Baghdad bagi membina Istananya. "Di dalam istana itu nanti diukir dengan ayat-ayat al Quran," katanya.

Patrick bersetuju dengan cadangan itu. Dia diberi tanggungjawab membina istana itu sesuai dengan kehendak Sultan Muhammad al-Fateh. Beberapa bulan kemudian siaplah sebuah istana yang diberi nama Topkapi. Pada pintu gerbang istana itu terpampang ayat-ayat al-Quran. Pada dindingnya juga dihiasi ukiran ayat-ayat al-Quran.

"Saya berasa selesa tinggal di dalam Istana Topkapi ini. Perhiasan dan ukirannya mengingatkan saya kepada Tuhan," katanya sambil mengucapkan rasa syukur.

"Tuanku masih ada satu kekurangan lagi," kata Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Apakah itu, tuan guru?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Tuanku belum beristeri. Oleh itu carilah seorang isteri yang solehah bagi menyambung zuriat tuanku," jawab Syeikh Syamsudin al-Wali.

"Insya-Allah, apabila bertemu jodoh nanti, saya pasti berkahwin," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Pada suatu malam Sultan Muhammad al-Fateh berjalan seorang diri bagi mengetahui keadaan rakyat. Baginda sering keluar malam bagi mencontohi Saidina Umar menyelidik kehidupan rakyatnya. Sultan Muhammad al-Fateh menyusuri sebuah kawasan perumahan tidak jauh dari Pelabuhan Tanduk Emas. Tiba-tiba baginda terdengar suara seorang gadis sedang membaca al-Quran. Baginda tertarik dengan suaranya yang sungguh merdu. Dengan perlahan-lahan Sultan Muhammad al-Fateh menghampiri rumah itu. Baginda terus mendengar gadis itu membaca al-Quran sehingga selesai.

Tidak lama kemudian kedengaran suara ibu si gadis yang

berada di dapur memanggilnya. Tahulah Sultan Muhammad al-Fateh, gadis itu tinggal bersama ibunya.

"Tolong tuangkan susu kambing itu ke dalam bekas bagi dijual ke pasar pagi esok," kata ibu gadis itu.

"Baiklah ibu." Kedengaran suara gadis itu mematuhi suruhan ibunya.

Ketika dia menuangkan susu itu ke dalam bekas, tiba-tiba susu itu tertumpah. Si Gadis mengadu kepada ibunya dengan mengatakan susu kambing mereka tinggal sedikit sahaja kerana tertumpah.

"Campurkan dengan air supaya susu itu banyak semula," pesan ibunya.

"Tidak boleh, ibu," bantah gadis itu. "Sultan Muhammad al-Fateh berpesan supaya jangan menipu dalam perniagaan."

"Benar katamu anakku," ujar ibunya.

Sultan Muhammad al-Fateh segera kembali ke istana. Pada keesokan paginya baginda menyuruh Umar bin Tharhan pergi ke rumah wanita itu. Kebetulan wanita itu dengan anak gadisnya bersiap hendak pergi ke pasar bagi menjual susu kambing mereka.

"Sultan Muhammad al-Fateh menjemput puan dan anak gadis puan datang ke istana sekarang juga," kata Umar bin Tharhan.

"Mengapa sultan menjemput kami ke istana? Adakah kami sudah melakukan kesalahan?" tanya ibu gadis itu. Dia ketakutan.

"Jangan bimbang kerana Sultan Muhammad al-Fateh seorang ketua yang baik. Baginda tidak pernah menzalimi sesiapa," pujuk Umar bin Thahan.

"Kami perlu menjual susu kambing ke pasar dulu kerana itulah punca rezeki kami," kata wanita itu sambil mengatakan suaminya sudah meninggal dunia.

"Hari ini puan tidak perlu menjual susu kambing ke pasar kerana Sultan Muhammad al-Fateh mahu membelinya," ujar Umar pula.

Wanita itu sungguh gembira apabila mendapat tahu sultan yang mereka sayangi mahu membeli susu kambing mereka. Apabila sampai di istana mereka terus dibawa menghadap Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya mahu membeli susu kambing, puan. Berapakah harganya?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

Wanita itu nampak seperti serba-salah hendak menjawabnya. Lalu dia berbisik kepada anak gadisnya, "Berapakah harga yang patut kita minta?"

"Kita sedekahkan sahaja kepada sultan. Itu yang lebih baik," jawab anak gadis itu. Ibunya setuju.

Sultan Muhammad al-Fateh yang mendengar perbualan itu tersenyum gembira lalu berkata, "Saya menjemput puan datang ke istana bukan sekadar hendak membeli susu kambing kepunyaan puan. Tetapi ada hajat yang lebih besar daripada itu," katanya.

"Apakah hajat tuanku?" tanya si ibu.

"Sekiranya anak gadis puan ini belum berpunya, saya mahu melamarnya bagi dijadikan isteri. Adakah puan setuju?" jawab Sultan Muhammad al-Fateh berterus terang.

Ibu gadis itu tidak percaya dan menganggap itu cuma gurauan sahaja. Tetapi selepas mendapati Sultan Muhammad al-Fateh bersungguh-sungguh, dia pun mengucapkan kesyukuran.

"Anak gadis saya ini masih belum bersuami. Saya selalu mendoakan dia mendapat suami yang soleh," kata ibu si gadis itu.

Tidak lama kemudian Sultan Muhammad al-Fateh dikahwinkan dengan gadis itu dan mereka hidup bahagia.

44



Pulau Khabus

"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, niscaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu."

-Surah *Muhammad*: 7.

Pagi itu ketua-ketua suku kaum dan penguasa di tanah jajahan datang menghadap Sultan Muhammad al-Fateh.

"Semenjak tuanku memerintah Istanbul, kami hidup aman dan bahagia. Kami tidak merasa ditindas. Tentera tuanku menjaga keselamatan kami dengan baik," kata Patrick, ketua orang-orang Kristian di Istanbul.

"Saya yang mewakili para pedagang juga mengucapkan terima kasih kerana kami dapat berniaga dengan aman. Tuanku juga tidak mengenakan cukai yang tinggi," kata Olgo Pasya yang mewakili para pedagang Istanbul.

"Kami para petani juga dapat bekerja di ladang kami dengan selesa kerana tidak diganggu. Tanaman kami juga tidak dirampas," kata Tayyip Pasya yang mewakili golongan petani.

Masing-masing memuji Sultan Muhammad al-Fateh kerana memerintah dengan adil. Rakyat hidup aman dan bahagia.

Selesai perjumpaan dengan ketua-ketua suku kaum dan penguasa tanah jajahan, Sultan Muhammad al-Fateh bermesyuarat dengan menteri-menterinya pula.

"Semenjak Panglima Tharhan syahid, saya yang mengambil alih tugas sebagai ketua panglima tentera. Tetapi pada hari ini saya mahu melantik orang lain bagi memegang jawatan yang penting ini. Saya harap kamu bersetuju dengan pelantikan ini," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Sultan berkuasa melantik ketua panglima tentera. Kami sokong siapa sahaja yang tuanku fikirkan layak memegang jawatan itu," kata Khalil Pasya pula.

"Saya sudah menimbangkan beberapa nama yang layak. Akhirnya saya membuat keputusan melantik Umar bin Tharhan bagi memegang jawatan ketua panglima tentera. Ada sesiapa yang tidak bersetuju?" tanya Sultan Muhammad al-Fateh.

"Saya setuju dengan pelantikan itu. Tambahan pula Umar anak kepada Panglima Tharhan yang banyak berjasa dan syahid semasa menakluk Konstantinopel," kata Hamzah Pasya.

Sultan Muhammad al-Fateh berasa senang hati kerana semua bersetuju dengan pelantikan itu dan tidak ada yang menentang. Umar bin Tharhan pula menerima pelantikan itu dengan ikhlas dan tidak merasa megah dengan jawatan yang disandangnya.

"Tugas pertama saudara selepas dilantik menjadi ketua panglima tentera ialah menawan negeri Athena. Bawa 50,000 tentera dan berangkatlah dengan segera," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Menurut Sultan Muhammad al-Fateh, negeri Athena perlu ditakluki kerana menjadi tempat latihan untuk tentera salib sebelum melancarkan serangan kepada negara-negara Islam.

"Sebarkan syariat Islam di negara itu," pesan Sultan Muhammad al-Fateh.

Baiklah tuanku," kata Umar bin Tharhan. Kemudian dia memimpin seramai 50,000 tentera menuju ke Athena.

Beberapa hari kemudian Sultan Muhammad al-Fateh didatangi seorang saudagar dari Galata bernama Fransisco De Rapeyur. Menurut saudagar itu, dia sudah mengadu masalah itu kepada Raja Galata tetapi Raja Galata tidak mampu menyelesaikannya lalu disuruhnya mengadu kepada Sultan Muhammad al-Fateh.

"Sila beritahu apa masalah saudara? Saya berjanji menyelesaikannya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

"Ada sebuah tempat bernama Pulau Khabus. Dahulu pulau itu kosong tidak berpenghuni. Saya sudah membawa beberapa pekerja bagi memajukan pulau itu. Tidak lama kemudian penduduknya bertambah ramai. Mereka berhutang kepada saya bagi mendapatkan modal demi menjayakan tanah di pulau itu. Tetapi selepas tanah-tanah mereka mengeluarkan hasil, saya datang menagih hutang

daripada mereka. Tetapi mereka enggan membayarnya malah mengancam membunuh saya sekiranya datang ke pulau itu," kata Fransisco De Rapeyur.

Selepas mendengar aduan saudagar itu, Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan Panglima Hamzah Pasya membawa dua buah kapal ke Pulau Khabus bagi mengutip hutang bagi pihak Fransisco De Rapeyur. Tetapi kedatangan Hamzah Pasya dan pasukan tenteranya diserang oleh penduduk pulau itu sehingga ramai yang terbunuh dan cedera. Sebuah kapal perang juga berjaya ditenggelamkan oleh penduduk Pulau Khabus. Mujur Hamzah Pasya selamat dan berjaya pulang ke Istanbul.

"Penduduk Pulau Khabus mendapat bantuan dari Pulau Imbarus dan Pulau Samutras. Selain itu para pelaut dari Genoa memberi mereka senjata bagi menentang kita," kata Panglima Hamzah Pasya.

Sultan Muhammad al-Fateh segera membuat persiapan bagi menyerang Pulau Khabus dan dua buah pulau yang berhampiran dengannya. Beberapa hari kemudian, 10 buah kapal perang berangkat menuju ke Pulau Khabus. Sebaik sahaja tiba, Sultan Muhammad al-Fateh terus melancarkan serangan bagi membalas perbuatan mereka menyerang tentera Islam di bawah pimpinan Hamzah Pasya. Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan tenteranya melepaskan tembakan meriam kepada kubu-kubu yang ada di Pulau Khabus. Kemudian tentera pimpinan Sultan Muhammad al-Fateh mendarat lalu melancarkan serangan. Akhirnya penduduk Pulau Khabus menyerah kalah.

Sultan Muhammad al-Fateh menyuruh mereka membayar hutang kepada Fransisco De Rapeyur. Selain itu mereka juga diminta membayar ufti setiap tahun sebanyak 6,000 Duqa kepada kerajaan Usmaniyah. Mereka juga mesti membayar ganti rugi pada sebuah kapal yang mereka tenggelamkan. Semua syarat itu

dipersetujui oleh penduduk Pulau Khabus.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh hendak menyerang dua buah pulau yang berhampiran dengan Pulau Khabus. Apabila penduduk Pulau Imbarus dan Pulau Samutras mendapat tahu, mereka terus menghantar utusan meminta perdamaian. Sultan Muhammad al-Fateh bersetuju memaafkan mereka.

Panglima Umar bin Tharhan yang ditugaskan memimpin 50,000 tentera ke Athena berjaya menjalankan tugas mereka dengan cemerlang. Selepas berlaku pertempuran selama 10 hari, kerajaan Athena terpaksa menyerah kalah. Sultan Muhammad al-Fateh berasa amat gembira apabila menerima berita itu.

"Saya mesti melawat Athena bagi mengucapkan tahniah kepada tentera kita yang sudah berjaya menakluknya," kata Sultan Muhammad al-Fateh.

Tidak lama kemudian baginda tiba di Athena lalu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pasukan tenteranya yang sudah berjuang dengan cemerlang.

Kepada Umar bin Tharhan, baginda memujinya sambil berkata, "Islam sudah tersebar ke Athena. Betapa besarnya jasa anak Tharhan kepada Islam di kepulauan ini," katanya.

Kemudian Sultan Muhammad al-Fateh memerintahkan Panglima Umar bin Tharhan membawa tentera Islam ke negara Balkan hingga ke Itali. Sultan Muhammad al-Fateh kembali ke Istanbul.

45

Wasiat Seorang Penakluk

"Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur pada jalan Allah, (bahawa mereka itu) mati; bahkan (sebenarnya) mereka itu hidup, tetapi kamu tidak menyedarinya."

-Surah *al-Baqarah*: 154

Sultan Muhammad al-Fateh berada di puncak kegemilangannya. Selepas berjaya menakluk Konstantinopel, baginda meluaskan pemerintahan kerajaan Usmaniyah hingga meliputi 40 buah negara termasuk negara-negara Eropah Timur (Balkan) Bulgaria, Yugoslavia, Czecholoslovakia, Poland, dan negara-negara Arab termasuk Mesir, Hijaz, Yaman, Iraq, Palestin, Tunisia, Maghribi, Algeria, dan Libya. Walaupun baginda mendapat gelaran al-Fateh ataupun Sang Penakluk namun baginda tidak lupa diri ataupun lalai dengan kemewahan hidup. Sultan Muhammad al-Fateh seorang yang tawaduk dan zuhud seperti yang digambarkan oleh hadis Rasulullah SAW, ketua yang baik serta mempunyai tentera yang baik dan rakyat yang baik.

Pada suatu hari Sultan Muhammad al-Fateh mengadakan mesyuarat dengan menteri-menterinya. Dalam mesyuarat itu baginda menyatakan hasratnya mahu memimpin pasukan tentera yang besar bagi menjayakan misinya.

"Tuanku seorang penakluk yang hebat. Boleh kami tahu negara manakah yang tuanku mahu takluk selepas ini?" tanya Muhammad Pasya yang menggantikan Khalil Pasya sebagai perdana menteri.

"Tidak ada sesiapa yang boleh mengetahuinya selain Tuhan. Andai kata sehelai rambut yang ada di kepala saya ini tahu ke mana saya mahu melakukan serangan, saya lempar ia ke dalam api," jawab Sultan Muhammad al-Fateh.

Berita mengenai rancangan Sultan Muhammad al-Fateh hendak memimpin sebuah angkatan tentera yang besar itu tersebar ke mana-mana. Masing-masing membuat andaian.

"Mungkin Sultan Muhammad al-Fateh hendak menakluk Rhodesia dan kepulauan di sekitarnya. Bukankah sebelum ini baginda pernah menghantar Panglima Masih Pasya bagi tujuan itu tetapi gagal. Sebab itu baginda sendiri hendak menakluknya," kata Amir Pasya.

"Mungkin juga baginda mahu bergabung dengan tentera yang sedang menakluk Itali kemudian mereka takluk Perancis, Sepanyol dan Portugal," kata Khalid Oglo pula.

"Apabila Sultan Muhammad al-Fateh memimpin angkatan tentera, baginda memang merahsiakan ke mana tujuannya. Itu adalah salah satu cara baginda membuat kejutan ke atas musuh-musuhnya," kata Muhammad Pasya pula.

Pada hari yang ditetapkan Sultan Muhammad al-Fateh bersiap bagi meninggalkan Istanbul bersama-sama 250,000 tenteranya.

"Tuanku mahu pergi jauh. Minumlah ubat ini bagi memberi tenaga dan kesihatan kepada tuanku," kata Yakop Pasya, salah seorang doktor peribadinya.

Dia asalnya seorang Yahudi bernama Maesto Jakopa. Kemudian memeluk Islam lalu menukar namanya kepada Yakop Pasya. Kemudian dia memohon menjadi doktor peribadi Sultan Muhammad al-Fateh. Sejak itu hubungannya menjadi semakin rapat.

Sultan Muhammad al-Fateh dan pasukan tenteranya berangkat menuju ke Asia Kecil. Kemudian mereka singgah di Askadar kerana Sultan Muhammad al-Fateh tiba-tiba diserang demam panas. Pada mulanya baginda tidak menghiraukan sakitnya kerana biasanya apabila berada di medan perang, baginda dapat melupakan segala kesakitannya. Namun penyakitnya bertambah teruk. Muhammad Pasya segera mendapatkan doktor bagi merawat Sultan Muhammad al-Fateh.

"Baginda termakan racun. Bisa racun itu meresap ke saluran darahnya. Baginda sudah tidak ada harapan lagi," beritahu doktor yang memeriksanya.

Turut bersama mengiringi Sultan Muhammad al-Fateh ialah puteranya, Beyazid 11. Apabila mendapat tahu ayahandanya

diracun Beyazid bertanya kepadanya, siapa yang meracunnya. Sultan Muhammad al-Fateh berkata, "Walaupun ayahanda tahu siapa yang meracun, namun ayahanda tidak boleh beritahu kamu siapa orangnya. Anggaplah semua ini takdir Ilahi."

Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, Sultan Muhammad al-Fateh sempat berwasiat kepada anaknya. Demikian wasiatnya, *'Ayahanda bakal menghadap Allah SWT. Sedikit pun ayahanda tidak menyesal dengan apa yang berlaku kerana semua ini sudah ditakdirkan. Tambahan pula sekiranya ayahanda pergi sudah ada penggantinya. Ayahanda berwasiat kepada kamu, jadilah pemerintah yang adil. Berilah perlindungan dan keadilan kepada rakyatmu tanpa pilih kasih. Kamu hendaklah menyebarkan agama Islam sebab itu adalah kewajipan raja-raja Islam. Utamakan kepentingan agama melebihi kepentingan lain. Janganlah kamu lengah dan lemah dalam usaha menegakkan agama. Jangan kamu lantik mereka yang tidak beragama menjadi pembantumu. Jangan kamu lantik mereka yang sering melakukan dosa-dosa besar dalam jawatan penting. Hindari bidaah dan khurafat dan jauhi mereka yang menyuruhmu melakukan perbuatan seperti itu. Terus berjihad bagi membela agama dan meluaskan pemerintahanmu. Jagalah harta baitulmal dan jangan bazirkannya. Jangan kamu ambil harta rakyat kecuali sesuai dengan peraturan Islam.*

Ayahanda berwasiat kepadamu anakandaku, hormatilah ulama. Jangan sekali-kali mengusir mereka dari pintu istanamu. Jangan sekali-kali kamu lakukan perkara yang bertentangan dengan hukum Islam. Agama itu tujuan kita, dan kita menang juga kerana agama.

Kamu ambil pengajaran daripada perjalanan hidupku. Ayahanda dilahirkan ke dunia ini seperti semut kecil. Kemudian Tuhan kurniakan kepada ayahanda nikmat-Nya yang begitu besar. Bekerjalah kamu bagi meninggikan agama Allah. Jangan kamu boros membelanjakan harta negara dengan berfoya-foya ataupun bersenang-lenang ataupun kamu gunakan lebih daripada yang sepatutnya sebab

itu membawa kepada kehancuran kerajaanmu.'

Selesai berwasiat Sultan Muhammad al-Fateh mengucap kalimah syahadah lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Berita itu tersebar dengan cepat. Tentera Usmaniyah yang sedang menakluk Itali berasa dukacita dengan berita itu. Panglima Umar bin Tharhan bercadang membawa pulang tenteranya ke Istanbul. Dia mengadakan perjanjian damai dengan Raja Napoli supaya tidak menghalang mereka dalam perjalanan pulang. Walaupun sudah dibuat perjanjian namun Raja Napoli tetap melanggarnya dengan mengambil kesempatan menawan tentera Islam yang berada di barisan belakang.

Sultan Muhammad al-Fateh pergi ketika sedang berada di puncak kegemilangan. Pemergiannya diratapi umat Islam seluruh dunia. Tetapi berita itu sangat menggembirakan penganut Kristian. Apabila berita itu sampai ke Rom, Paus amat gembira lalu memerintahkan gereja-gereja dibuka bagi orang ramai berkumpul dan berpesta. Mereka berarak di jalan-jalan raya sambil menyanyikan lagu kemenangan dan ketuhanan. Mereka berpesta selama tiga hari tiga malam. Pope Besar pula mengarahkan semua gereja membunyikan loceng selama tiga hari tiga malam sebagai tanda kegembiraan.

Sultan Muhammad al-Fateh dilahirkan pada 29 Mac 1432 dan mangkat pada 3 Mei 1481 ketika berusia 49 tahun. Semoga Allah memberi keampunan, keredaan serta melimpahkan rahmat-Nya kepada Sultan Muhammad al-Fateh. *Al-Fatihah.*

Glosari

Ad-Din
Agama.

Afalnya
Kelakuan atau sifatnya.

Amir
Ketua.

Arca
Patung yang menyerupai sesuatu.

Azali
Sejak dahulu, sejak permulaan zaman.

Bercura
Mengeluarkan kata-kata keji.

Berladung
Melimpah.

Bertalun
Bergema.

Bilal
Orang yang melaungkan azan di masjid.

Buana
Alam atau dunia ini.

Buritan
Ekor kapal atau perahu.

Busar panah
Anak panah.

Dakyahnya
Hasutannya.

Dirafakkan
Dipersembahkan.

Fauna
Seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa.

Flora
Seluruh tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada suatu masa.

Ghanimah
Harta rampasan perang.

Giring
Menghalau.

Hamba sahaya
Orang suruhan yang tidak bergaji.

Haul
Genap satu tahun.

Hijab
Tabir penutup.

Infentri
Tentera peninjau.

Jihad
Berjuang membela agama Islam.

Kalimah syahadah
Lafaz yang dituturkan oleh manusia untuk mengakui kewujudan Allah SWT.

Kelemayar
Jalur-jalur cahaya petang (matahari).

Khalifah
Pemimpin yang dilantik setelah nabi wafat.

Kiblat
Arah tempat orang Islam sembahyang.

Kondisi
Sesuatu yang perlu dimiliki.

Layah
Terbang rendah.

Marhaen
Rakyat jelata.

Mashaf
Naskhah al quran tulisan tangan.

Mastrik
Daerah sebelah timur.

Maulana
Gelaran untuk ulama besar.

Mazhab
Cabang ajaran Islam.

Melayah
Terbang naik.

Munafik
Orang yang amalan dan hatinya bertentangan dengan apa yang diperkatakannya.

Murtad
Mereka yang kembali ke agama asal setelah menganut Islam.

Nisab
Jumlah harta yang dikenakan zakat.

Qiyamullail

Bangun tengah malam untuk beribadat.

Renta

Sangat tua.

Saqifah

Tempat perkumpulan.

Semilir

Angin yang lemah lembut.

Sepuh

Disadur, diperelokkan, diperindahkan.

Syafaat

Pertolongan yang dikurniakan Allah kepada Nabi Muhammad SAW.

Syahid

Mereka yang terbunuh dalam membela agama.

Syuhada

Saksi tentang kebenaran Islam. (Mereka yang syahid.)

Tajwid

Ilmu yang berkaitan dengan lafaz atau sebutan yang betul dan tepat dalam bacaan al-Quran.

Takarir

Catatan di tepi halaman kitab.

Takrir

Penguatan sesuatu kebenaran dengan alasan-alasan.

Ufti

Harta yang wajib dibayar kepada raja atau negera yang berkuasa.

Usuludin

Ilmu yang membicarakan akidah umat Islam.

Uzlah

Pengasingan diri daripada orang ramai.

Wahyu

Firman Allah yang dibacakan kepada nabi dan rasulnya melalui malaikat.

Zabaniah

Malaikat menjaga neraka.

Zabarjad

Batu berhablur yang dipakai sebagai permata.

Zahid

Orang alim yang tidak mementingkan hal dunia.

Zihar

Ucapan suami yang menyerupakan isterinya dengan ibunya sehingga haram dia menyetubuhinya dan suami wajib membayar kafarah.

Zindik

Orang yang imannya terpesong.

Bibliografi

Dr. Ali Muhamad as Shalabi. *Khalifah Usmaniyah*. Pustaka Al Kautsar: Jakarta, 2004.

Sivachandralingam Sundara Raja. *Sejarah Eropah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.

Mehmet, Ozay. *Islamic Identity and Development: Studies of the Islamic Periphery*. New York, Routledge, 1990.

Jejak Rasul 10: Edirne Bandar Penting Pentadbiran Empayar Uthmaniah, Terbitan TV3, 2003.

Dr. Yusuf al-Qardhawi. *Petanda-petanda Kemenangan Islam (Terjemahan)*. Maktabah al Qardhawi: Selangor, 1999.

Haji Mohd Said Abdul Hadi, *28 Tokoh Islam yang Terkemuka*. Jabatan Agama Johor, 1977.

Pahrol Mohamad Juoi. *Istanbul Iktibar Sebuah Empayar*. Penerbit Hikmah, 1993.

Abu Laila & Muhamad Tohir. *Fiqhus Sirah* (alih bahasa). Klang Book Centre, 1997.

Bosnia Sambut 600 Tahun Kedatangan Islam. Rencana Berita Minggu, 29 Julai 2007.



"Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu kemenangan yang nyata."
- Surah al-Fath:1

"Konstantinopel akan jatuh ke tangan seorang ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik."
- Nabi Muhammad SAW

"...kalaulah dunia ini sebuah negara, maka Konstantinopel inilah yang paling layak menjadi ibu negaranya!"
- Napoleon Bonapart

"Tidaklah kami pernah melihat ataupun mendengar hal ajaib seperti ini. Muhammad al-Fateh sudah menukar darat menjadi lautan, melayarkan kapalnya di puncak gunung dan bukannya di ombak lautan. Sesungguhnya Muhammad al-Fateh dengan usahanya ini telah mengatasi Alexander The Great!" - *Ahli Sejarah Byzantine*

"Dalam salah satu kempen semasa zaman kerajaan Umayyah, seorang sahabat besar Nabi Muhammad SAW iaitu Abu Ayyub al-Ansari syahid dan dimakamkan di bawah dinding kubu kota Konstantinopel atas wasiatnya sendiri. Apabila ditanya mengapa beliau ingin dimakamkan di situ, beliau menjawab, "Kerana aku ingin mendengar derapan tapak kaki kuda sebaik-baik raja yang mengetuai sebaik-baik tentera semasa mereka membebaskan Konstantinopel."

ISBN 978-967-5136-11-5
9 789675 136115
Sem. Malaysia RM 24.00
Sabah/Sarawak RM 27.00

PTS
Fortuna